

PEMBANGUNAN MODEL PROFESIONALISME GURU PENDIDIKAN ISLAM BERASASKAN
'RIADHAH RUHIYYAH'

HABIBAH @ ARTINI BINTI RAMLIE

TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH
DOKTOR FALSAFAH

FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2017

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama : HABIBAH @ ARTINI BINTI RAMLIE (No. K/P / Pasport : [REDACTED])

No. Pendaftaran / Matrik : PHA 100030

Nama Ijazah : DOKTOR FALSAFAH

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (" Hasil Kerja Ini") :

PENBANGUNAN MODEL PROFESIONALISME GURU
PENDIDIKAN ISLAM BERASASKAN 'MADHAH RUHIYYAH'

Bidang Penyelidikan : PERKEMBANGAN IKURIKULUM

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa :

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana Hasil Kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ni melanggar suatu hak cipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran betulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

[REDACTED]
Tandatangan Calon

Tarikh
23 MAC 2017

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan.

[REDACTED]
Tandatangan Saksi

Tarikh 23/3/2017

Nama :

Jawatan : **PROF. MADYA DR. ZAHARAH HUSSIN**
Timbalan Dekan (Ijazah Tinggi)
Fakulti Pendidikan
Universiti Malaya

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk membangunkan Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam berasaskan '*Riadhah Ruhhiyyah*'. Penyelidikan ini menggunakan kaedah Kajian Rekabentuk dan Pembangunan (*Design and Development Research Approach - DDR*) yang diperkenalkan oleh Richey dan Klein (2007). Objektif kajian adalah untuk meninjau keperluan profesionalisme guru Pendidikan Islam, mengenalpasti ciri-ciri guru Pendidikan Islam profesional, membangunkan Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan '*Riadhah Ruhhiyyah*' serta menilai kebolehgunaan model yang dibangunkan. Proses pembinaan model tersebut berasaskan Teori Guru Profesional menurut Imam Al-Ghazali yang digabungkan dengan Model Perubahan Guru oleh Guskey (2002).

Kajian ini dijalankan dalam tiga fasa. Fasa I kajian melibatkan fasa analisis keperluan yang dijalankan dengan mengedarkan soal selidik kepada seramai 270 orang responden untuk melihat keperluan profesionalisme GPI. Data yang diperolehi dianalisis melalui analisis deskriptif dengan menggunakan perisian *IBM SPSS Statistics 20*. Setelah dapatan diperolehi, pengkaji melaksanakan Fasa II kajian. Fasa II adalah fasa rekabentuk dan pembangunan model. Ia melibatkan dua subfasa iaitu Fasa II (A) dan Fasa II (B). Fasa II (A) adalah fasa analisis kandungan terhadap kitab yang membincangkan tentang ciri-ciri guru profesional iaitu kitab '*Ihya'Ulum al-Din*' karangan Imam Al-Ghazali (t.t). Dokumen Standard Guru Malaysia serta standard profesionalisme perguruan beberapa negara lain turut dikaji. Fasa II (B) adalah fasa pembangunan model menggunakan kaedah Fuzzy Delphi atau *Fuzzy Delphi Method (FDM)*. Teknik FDM digunakan untuk mengesahkan kandungan model oleh seramai 15 orang panel pakar dengan menggunakan borang soal selidik. Fasa III kajian merupakan fasa penilaian model. Ia melibatkan seramai 21 orang GPI berpengalaman yang dijalankan dengan menggunakan teknik Teknik Kumpulan Nominal yang diubahsuai

(*Modified Nominal Group Technoque*). Penilaian tersebut adalah berdasarkan kepada respon GPI terhadap soal selidik.

Dapatan keseluruhan dari Fasa I menunjukkan bahawa keperluan GPI terhadap aspek profesionalisme berasaskan '*Riadhah Ruhiyyah*' adalah tinggi dengan nilai min keseluruhan dapatan sebanyak 4.492. Dapatan Fasa II (A) kajian telah mengenalpasti ciri-ciri utama guru professional dan aspek-aspek '*Riadhah Ruhiyyah*' sementara Fasa II (B) kajian menghasilkan pembangunan model dari konsensus pakar yang mengandungi 3 komponen utama dengan 11 elemen dan 129 sub elemen. Fasa III kajian seterusnya menunjukkan penerimaan yang tinggi di kalangan para GPI terhadap kebolehgunaan model tersebut.

Kajian ini akhirnya mengusulkan satu Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan '*Riadhah Ruhiyyah*' untuk memenuhi keperluan dan standard sebagai seorang GPI. Sebagai kesimpulannya, maka pengkaji mencadangkan agar Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam berasaskan '*Riadhah Ruhiyyah*' ini diperkenalkan dalam kurikulum latihan bakal guru samada di Institusi Pendidikan Guru (IPG) mahupun universiti awam (UA) manakala untuk guru-guru novis ataupun guru-guru berpengalaman, model ini boleh diperkenalkan dalam kursus Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) yang dianjurkan sepanjang tempoh perkhidmatan.

**DEVELOPMENT OF AN ISLAMIC EDUCATION TEACHERS'
PROFESSIONALISM MODEL BASED ON 'RIADHAH RUHIYYAH'**

ABSTRACT

This study is aimed to develop an Islamic Education Teachers' Professionalism Model based on '*Riadhah Ruhiyyah*'. The study adopted the Design and Development Research Approach - DDR) which was introduced by Richey and Klein (2007). Four main objectives of this research were identified; review the needs of Islamic Education teachers (GPI) professionalism, identify the characteristics of Islamic Education professional teacher, developing Islamic Education teachers' Professionalism Model based on '*Riadhah Ruhiyyah*' and assess the usability of developed model. The development of the Islamic Education Teachers' Professionalism Model is based on the Theory Of Professional Teacher according to Imam Al-Ghazali combined with the Model of Teacher Changes by Guskey (2002).

The study was conducted in three phases. Phase I involved needs analysis phase using survey questionnaire that was conducted among 270 respondents to investigate the requirements of GPI professionalism. Data for this phase was analyzed using descriptive analysis via *IBM SPSS Statistics 20* software. After obtained findings, the researcher conducted Phase II of this study. Phase II is a model design and development phase. This phase involves two sub phases : Phase II (A) and Phase II (B). Phase II (A) is a content analysis phase towards a book with title '*Thya' Ulum al-Din*' written by Imam Al-Ghazali (t.t) that discusses the characteristics of professional teacher. Standard Guru Malaysia and professional standards of teaching some other countries documents also analysed. Phase II (B) of this study is the phase of model development using Fuzzy Delphi Method (FDM). FDM techniques adopted for the purpose of verifying the content of developed model by panel of experts of 15 members using questionnaires.

Phase III of this study is a phase of the model assessment. This phase involved 21 experienced GPI to evaluate the model using Modified Nominal Group Technique. The evaluation was based on their responses to a questionnaire.

The overall findings for Phase I indicated that GPI expressed high requirements for the professionalism aspects based on '*Riadhah Ruhiyyah*' with a mean value of the overall findings was 4.492. The results of Phase II (A) identified the main characteristics of professional teacher and the aspects of '*Riadhah Ruhiyyah*' meanwhile findings from Phase II (B) resulted in the development of the model from consensual agreement among the experts that consisted of three main components with 11 elements and 129 sub elements. Findings from Phase III resulted the usability of the model among GPI with high acceptance.

This study finally proposes an Islamic Education Teachers' Professionalism Model based on '*Riadhah Ruhiyyah*' to fulfill the needs and standards as a GPI. In conclusion, the researcher proposed a suggestion that the Model of Islamic Education Teachers' Professionalism based on '*Riadhah Ruhiyyah*' introduced in the curriculum of training future teachers either at the institute or university while for novices or experienced teachers, this model can be introduced in the course of in-service training organized during their service.

PENGHARGAAN

Segala puji-pujian bagi Allah s.w.t, Tuhan yang mencipta sekalian alam dengan segala sifat kesempurnaan yang ada padaNya. Selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w, kaum keluarga, para sahabat, pengikut baginda serta barisan syuhada' pejuang kebenaran. Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan rahmatNya, saya mampu menyiapkan amanah ini dengan sempurna dan jayanya.

Rasa penghargaan tidak terhingga dititipkan khas buat Prof Madya Dr. Zaharah Hussin selaku penyelia yang tidak pernah jemu membimbing dan menyokong saya sepanjang tempoh pengajian. Tanpa tunjuk ajar beliau, penulisan ini pastinya tidak akan dapat saya hasilkan dengan sempurna. Sekalung penghargaan turut ditujukan buat Prof Dr. Saedah Siraj, Dr. Mohammed Sani Ibrahim, Dr. Ghazali Darussalam, Dr. Ahmad Arifin Sapar, Prof. Dato' Dr Ab. Halim Tamuri, Prof Dr. H. Tobroni, Dr. Umi Kalsum Mohd. Salleh, Prof Madya Dr. Mariani Mohd. Nor dan Prof. Dr. Esther Sarojini Daniel atas segala saranan dan buah fikiran untuk memantapkan lagi penulisan saya. Saya juga berterima kasih kepada sahabat seperjuangan, Dr. Mohd. Ridhuan Mohd. Jamil dan isteri, Pn. Nurul Rabihah Mat Noh serta Dr. Norhannan Ramli atas segala bantuan dalam membantu saya menyiapkan tesis ini. Sesungguhnya segala budi baik kalian semua hanya Allah s.w.t sahaja yang mampu membalasnya.

Saya turut merakamkan rasa penghargaan kepada semua pensyarah Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, panel-panel pakar dari serata universiti awam dan IPG yang dijemput, kakitangan Pusat Sumber Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, kakitangan Perpustakaan Akademi Islam Universiti Malaya Nilam Puri, Kota Bharu, Kelantan, kakitangan Pusat Sumber Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Bahagian Pendidikan Islam (BPI), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Kelantan, Pejabat-

pejabat Pendidikan Daerah di negeri Kelantan, pengetua-pengetua sekolah, guru-guru yang sudi menjadi reponden kajian serta semua pihak yang terlibat baik secara langsung mahupun tidak langsung dalam kajian ini.

Teristimewa buat ayahanda Ramlie Mohd. Jaakob dan bonda Husnah Amsarah Hj. Aliakbar di Kudat, Sabah yang telah bersusah payah membesarkan dan tidak pernah putus-putus mendoakan kejayaan saya, terima kasih atas segalanya. Semoga mama dan bapa sentiasa dilimpahi rahmat berkekalan dari Allah s.w.t di dunia dan di akhirat. Rahmat Allah s.w.t juga didoakan buat ibu bapa mertua, ayahanda Mohd. Nor Hamat serta bonda Nafisah Che Harun di Rawang, Selangor. Terima kasih atas segala sokongan moral abah dan ma dalam usaha murni meneruskan perjuangan ini.

Khas buat insan wasilah ke syurga, suami tercinta Norshahrul Marzuki Mohd. Nor ; sesungguhnya segala doa restu, kasih sayang, pengorbanan serta penat lelahmu hanya Allah s.w.t jua yang mampu membalasnya. Istimewa buat anak-anak tersayang ; Mawaddah, Humairah, Farhanah, Mu'az Rushdi dan Fu'ad Zikri, kejayaan ini adalah untuk kalian. Umi panjatkan doa berpanjangan agar kalian sentiasa menjadi insan soleh dan solehah yang kelak menjadi kebanggaan ummah di dunia dan di akhirat..

Terima kasih juga buat adik-beradik saya, En. Habibuddin Ramlie, Pn. Shafiah Ramlie, En. Mohd. Zainol Abidin Ramlie, Cik Norhidayah Ramlie dan En. Azamuddin Ramlie kerana sentiasa memberi dorongan untuk saya terus mara ke hadapan. Seterusnya buat adik-adik ipar, Pn. Jaireh Hajat, En. Mohd. Rashid Afendi dan Pn. Yuhana Yakinol serta anak-anak saudara dan kaum keluarga yang lain, terima kasih atas segala sokongan kalian. Akhir sekali, buat teman-teman seperjuangan di Universiti Malaya serta semua guru yang pernah mendidik saya sejak dari awal persekolahan hingga ke menara gading, terima kasih atas segala-galanya. Semoga segala usaha murni kita dalam menuntut dan menyampaikan ilmu di dunia ini menjadi saham akhirat kita dan dirahmati oleh Allah sw.t. Insha Allah.. Amin.. Sekian, Wassalam.

KANDUNGAN

Borang Perakuan Keaslian Penulisan.....	ii
Abstrak.....	iii
Abstract.....	v
Penghargaan.....	vii
Senarai Kandungan.....	ix
Senarai Rajah.....	xv
Senarai Jadual.....	xvii
Senarai Singkatan.....	xxv
Senarai Lampiran.....	xxvi

Bab 1 Pengenalan

Pendahuluan.....	1
Pernyataan Masalah.....	5
Tujuan Kajian.....	10
Rasional Kajian.....	10
Objektif Kajian.....	11
Persoalan Kajian.....	12
Kerangka Teori.....	12
Kerangka Konseptual Kajian.....	14
Batasan Kajian.....	16
Signifikan Kajian.....	17
Definisi Istilah.....	18
Rumusan.....	19

Bab 2 Tinjauan Literatur

Pendahuluan.....	21
Pembangunan Profesionalisme dalam Perkhidmatan Keguruan.....	21
Profesionalisme Keguruan dalam Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran serta Aspek-aspek Profesionalisme.....	29
Standard Guru Profesional.....	41
Standard Guru Profesional dalam Model Standard Guru Malaysia.....	41
Standard Guru Profesional dalam Standard Profesionalisme Perguruan di Kanada.....	48
Standard Guru Profesional dalam Standard Profesionalisme Perguruan di Amerika Syarikat.....	49

Standard Guru Profesional dalam Standard Profesionalisme Perguruan di Scotland.....	50
Kerangka Teori Kajian Profesionalisme Guru Pendidikan Islam berasaskan ‘ <i>Riadhah Ruhiyyah</i> ’	55
Model Perubahan Guru.....	65
Kajian-kajian Lepas.....	68
Rumusan.....	73

Bab 3 Metodologi Kajian

Pendahuluan.....	75
Metodologi kajian.....	75
Kaedah Kajian Rekabentuk dan Pembangunan (<i>Design and Development Research Approach - DDR</i>).....	77
Fasa I Fasa Analisis Keperluan.....	78
Tujuan.....	78
Sampel Kajian.....	78
Instrumen Kajian.....	78
Prosedur Kajian.....	84
Analisis Data.....	90
Fasa II (A) Fasa Analisis Kandungan.....	92
Tujuan.....	92
Sampel Kajian.....	92
Prosedur Kajian.....	93
Analisis Data.....	95
Fasa II (B) : Fasa Pembangunan Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan ‘ <i>Riadhah Ruhiyyah</i> ’	97
Tujuan.....	97
Sampel Kajian.....	97
Instrumen Kajian.....	103
Prosedur Kajian.....	104
Analisis Data.....	109
Fasa III : Fasa Kebolegunaan Model.....	115
Tujuan.....	115
Sampel Kajian.....	116
Instrumen Kajian.....	116
Prosedur Kajian.....	117

Analisis Data.....	122
Rumusan.....	123

Bab 4 Dapatan Kajian

Pendahuluan.....	124
Dapatan Fasa Analisis Keperluan.....	124
Profil Reponden.....	124
Keperluan Profesionalisme Berasaskan ' <i>Riadhah Ruhiyyah</i> '	126
Hubungan dengan Allah s.w.t.....	126
Hubungan dengan diri sendiri.....	127
Hubungan dengan rakan sejawat.....	129
Hubungan dengan pelajar.....	131
Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran.....	133
Perancangan pengajaran.....	134
Pengetahuan isi kandungan pengajaran.....	135
Penyampaian pengajaran.....	137
Penilaian pengajaran.....	141
Aspek-aspek Profesionalisme.....	144
Pengetahuan profesionalisme.....	145
Usaha-usaha meningkatkan profesionalisme.....	149
Ganjaran bukan kewangan.....	152
Rumusan Keseluruhan Dapatan Fasa Analisis Keperluan.....	154
Dapatan Fasa Analisis Kandungan.....	155
Teori Guru Profesional.....	155
Rumusan Keseluruhan Dapatan Fasa Analisis Kandungan.....	161
Dapatan Fasa Pembangunan Model.....	162
Aspek-Aspek ' <i>Riadhah Ruhiyyah</i> '	163
Hubungan Dengan Allah S.W.T.....	163
Hubungan Dengan Diri Sendiri.....	165
Hubungan Dengan Rakan Sejawat.....	167
Hubungan Dengan Pelajar.....	169
Aspek-Aspek Pengajaran Dan Pembelajaran.....	171
Perancangan Pengajaran.....	172
Pengetahuan Isi Kandungan Pengajaran.....	173
Penyampaian Pengajaran.....	175

Penilaian Pengajaran.....	179
Aspek-Aspek Profesionalisme.....	182
Pengetahuan Profesionalisme.....	182
Usaha-Usaha Meningkatkan Profesionalisme.....	186
Ganjaran Bukan Kewangan.....	188
Rumusan Konsensus Pakar.....	190
Aspek-aspek ' <i>Riadhah Ruhiyyah</i> '.....	191
Aspek-aspek Pengajaran dan Pembelajaran.....	192
Aspek-aspek Profesionalisme.....	194
Rumusan Keseluruhan Dapatan Fasa Pembangunan Model.....	201
Dapatan Fasa Kebolegunaan Model.....	207
Profil Reponden.....	207
Kesesuaian komponen utama Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan ' <i>Riadhah Ruhiyyah</i> '.....	209
Komponen ' <i>Riadhah Ruhiyyah</i> '.....	209
Komponen Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran.....	210
Komponen Aspek-aspek Profesionalisme.....	211
Kesesuaian elemen dalam komponen utama Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan ' <i>Riadhah Ruhiyyah</i> '.....	211
Elemen dalam komponen ' <i>Riadhah Ruhiyyah</i> '.....	212
Elemen Hubungan dengan Allah s.w.t.....	212
Elemen Hubungan Dengan Diri Sendiri.....	213
Elemen Hubungan Dengan Rakan Sejawat.....	214
Elemen Hubungan Dengan Pelajar.....	215
Elemen dalam komponen Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran...216	
Elemen Perancangan Pengajaran.....	216
Elemen Pengetahuan Isi Kandungan Pengajaran.....	217
Elemen Penyampaian Pengajaran.....	218
Elemen Penilaian Pengajaran.....	220
Elemen dalam komponen Aspek-aspek Profesionalisme.....	222
Elemen Pengetahuan Profesionalisme.....	222
Elemen Usaha-Usaha Meningkatkan Profesionalisme.....	224
Elemen Ganjaran Bukan Kewangan.....	225
Rumusan Keseluruhan Dapatan Fasa Kebolegunaan Model	226

Bab 5 Perbincangan Dapatan Kajian

Pendahuluan.....	228
Ringkasan Kajian.....	228
Perbincangan Dapatan Kajian.....	229
Dapatan Fasa I : Fasa Analisis Keperluan (Keperluan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam).....	229
Aspek ' <i>Riadhah Ruhiyyah</i> '	229
Aspek Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran.....	231
Aspek-aspek Profesionalisme.....	233
Perbincangan Dapatan Fasa II (A) : Fasa Analisis Kandungan (Ciri-ciri Guru Pendidikan Islam Profesional menurut Imam al-Ghazali).....	235
Perbincangan Dapatan Fasa II (B) : Fasa Pembangunan Model (Konsensus Pakar Dalam Pembangunan Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan ' <i>Riadhah Ruhiyyah</i> ').....	237
Aspek ' <i>Riadhah Ruhiyyah</i> '	237
Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran.....	240
Aspek-aspek Profesionalisme.....	242
Perbincangan Dapatan Fasa III : Fasa Kebolehgunaan Model (Kebolehgunaan Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan ' <i>Riadhah Ruhiyyah</i> ').....	244
Rumusan Kajian.....	244
Keperluan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam.....	244
Ciri-ciri Guru Pendidikan Islam Profesional.....	246
Pembangunan Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan ' <i>Riadhah Ruhiyyah</i> '	246
Kebolehgunaan Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan ' <i>Riadhah Ruhiyyah</i> '	247
Implikasi Kajian.....	248
Implikasi Kajian Terhadap Aspek Teori.....	248
Implikasi Terhadap Keperluan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam.....	249
Implikasi Terhadap Standard Perguruan Pendidikan Islam.....	250
Implikasi Kajian Terhadap Aspek Praktikal.....	252
Cadangan Kajian.....	253
Cadangan Kajian Lanjutan.....	254
Penutup.....	256

BIBLIOGRAFI	258
LAMPIRAN	274

University of Malaya

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1	Teori guru profesional yang disesuaikan menurut pandangan Imam al-Ghazali (t.t)	13
Rajah 1.2	Model Perubahan Guru menurut Guskey (2002)	13
Rajah 1.3	Kerangka konseptual kajian berpandukan Teori Guru Profesional menurut al-Ghazali (t.t) dan Model Perubahan Guru oleh Guskey (2002)	15
Rajah 2.1	Model Standard Guru Malaysia	42
Rajah 2.2	Standard Guru Profesional yang dihasratkan dalam Model Standard Guru Malaysia	43
Rajah 2.3	Prinsip dan Domain Standard Amalan Nilai Profesionalisme dalam Model Standard Guru Malaysia	43
Rajah 2.4	Aspek Standard Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran dalam Model Standard Guru Malaysia	45
Rajah 2.5	Keperluan yang diperlukan untuk mencapai Standard Guru yang dihasratkan dalam Model Standard Guru Malaysia	47
Rajah 2.6	Asas penentuan Standard dan Keperluan dalam Model Standard Guru Malaysia	47
Rajah 2.7	Lima teras utama standard guru yang dibangunkan oleh NBPTS	50
Rajah 2.8	Komponen <i>Standard for Chartered Teacher</i> (SCT) iaitu Standard Guru-guru Bertauliah di Scotland	51
Rajah 2.9	Model Perubahan Guru menurut Clarke dan Hollingsworth (2002)	67
Rajah 3.1	Aras persetujuan skala <i>fuzzy</i>	110
Rajah 3.2	Formula penentuan jarak di antara dua nombor <i>fuzzy</i>	112
Rajah 4.1	Peranan dan Ciri-Ciri Seorang Guru Menurut Terma Al-Ghazali	158

Rajah 4.2	Teori Guru Pendidikan Islam Profesional Berasaskan <i>'Riadhah Ruhhiyyah'</i>	162
Rajah 4.3	Model Pembangunan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan <i>'Riadhah Ruhhiyyah'</i> .	203
Rajah 4.4	Model Pembangunan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam dalam aspek <i>'Riadhah Ruhhiyyah'</i>	204
Rajah 4.5	Model Pembangunan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam dalam aspek Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran	205
Rajah 4.6	Model Pembangunan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam dalam aspek-aspek Profesionalisme	206

SENARAI JADUAL

Jadual 2.1	Standard Pengetahuan dan Kefahaman yang perlu dimiliki guru dalam Model Standard Guru Malaysia	45
Jadual 2.2	Perincian Komponen <i>Standard for Chartered Teacher</i> (SCT)	52
Jadual 2.3	Matriks Kandungan Standard Perguruan	54
Jadual 3.1	Pakar Penilai Kesesuaian Item Soal Selidik	83
Jadual 3.2	Item Soal Selidik Kajian Rintis yang diubahsuai	85
Jadual 3.3	Item Soal Selidik Kajian Rintis yang dikekalkan	86
Jadual 3.4	Item Soal Selidik Kajian Rintis yang digugurkan	87
Jadual 3.5	Item Soal Selidik yang ditambah untuk Kajian Sebenar	88
Jadual 3.6	Skor Min Aras Keperluan	91
Jadual 3.7	Nilai <i>Cronbach Alpha</i> Kajian Sebenar	92
Jadual 3.8	Pengekod Analisis Kandungan	97
Jadual 3.9	<i>Pakar Fuzzy Delphi</i>	98
Jadual 3.10	Perbezaan Skala Likert Dan Skala <i>Fuzzy</i> bagi Lima Poin	110
Jadual 3.11	Contoh Perbezaan Pentafsiran Skala Likert Dan Skala <i>Fuzzy</i>	111
Jadual 3.12	Skala <i>Fuzzy</i> Lima Poin	112
Jadual 3.13	Skala <i>Fuzzy</i> Tujuh Poin	112
Jadual 3.14	Interpretasi Nilai <i>Threshold (d)</i>	113
Jadual 3.15	Skala <i>Fuzzy</i> Kajian	115
Jadual 4.1	Profil Responden	125
Jadual 4.2	Min Keperluan Profesionalisme GPI Berasaskan ' <i>Riadhah Ruhiyyah</i> ' dari Aspek Hubungan dengan Allah s.w.t.	126
Jadual 4.3	Nilai Min Keseluruhan dan Sisihan Piawai Keperluan Profesionalisme GPI Berasaskan ' <i>Riadhah Ruhiyyah</i> ' dari Aspek Hubungan Dengan Allah s.w.t.	127

Jadual 4.4	Min Keperluan Profesionalisme GPI Berasaskan ' <i>Riadhah Ruhiyyah</i> ' dari Aspek Hubungan dengan Diri Sendiri	128
Jadual 4.5	Nilai Min Keseluruhan dan Sisihan Piawai Keperluan Profesionalisme GPI Berasaskan ' <i>Riadhah Ruhiyyah</i> ' dari Aspek Hubungan dengan Diri Sendiri	129
Jadual 4.6	Min Keperluan Profesionalisme GPI Berasaskan ' <i>Riadhah Ruhiyyah</i> ' dari Aspek Hubungan dengan Rakan Sejawat	130
Jadual 4.7	Nilai Min Keseluruhan Dan Sisihan Piawai Keperluan Profesionalisme GPI Berasaskan ' <i>Riadhah Ruhiyyah</i> ' dari Aspek Hubungan dengan Rakan Sejawat	131
Jadual 4.8	Min Keperluan Profesionalisme GPI Berasaskan ' <i>Riadhah Ruhiyyah</i> ' Dari Aspek Hubungan Dengan Pelajar	131
Jadual 4.9	Nilai Min Keseluruhan Dan Sisihan Piawai Keperluan Profesionalisme GPI Berasaskan ' <i>Riadhah Ruhiyyah</i> ' dari Aspek Hubungan dengan Pelajar	133
Jadual 4.10	Nilai Min Keseluruhan Keperluan Profesionalisme GPI dalam Aspek ' <i>Riadhah Ruhiyyah</i> '	133
Jadual 4.11	Min Keperluan Profesionalisme GPI dalam Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran dari Aspek Perancangan Pengajaran	134
Jadual 4.12	Nilai Min Keseluruhan dan Sisihan Piawai Keperluan Profesionalisme GPI dalam Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran dari Aspek Perancangan Pengajaran	135
Jadual 4.13	Min Keperluan Profesionalisme GPI dalam Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran dari Aspek Pengetahuan Isi Kandungan Pengajaran	136

Jadual 4.14	Nilai Min Keseluruhan dan Sisihan Piawai Keperluan Profesionalisme GPI dalam Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran dari Aspek Pengetahuan Isi Kandungan Pengajaran	137
Jadual 4.15	Min Keperluan Profesionalisme GPI dalam Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran dari Aspek Penyampaian Pengajaran	138
Jadual 4.16	Nilai Min Keseluruhan dan Sisihan Piawai Keperluan Profesionalisme GPI dalam Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran dari Aspek Penyampaian Pengajaran	141
Jadual 4.17	Min Keperluan Profesionalisme GPI dalam Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran dari Aspek Penilaian Pengajaran	141
Jadual 4.18	Nilai Min Keseluruhan dan Sisihan Piawai Keperluan Profesionalisme GPI dalam Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran dari Aspek Penilaian Pengajaran	144
Jadual 4.19	Nilai Min Keseluruhan Keperluan Profesionalisme GPI dalam Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran	144
Jadual 4.20	Min Keperluan Profesionalisme GPI dalam Aspek-Aspek Profesionalisme dari Aspek Pengetahuan Profesionalisme	145
Jadual 4.21	Keperluan Profesionalisme GPI dalam Aspek-Aspek Profesionalisme dari Aspek Pengetahuan Profesionalisme Mengikut Keutamaan	148
Jadual 4.22	Nilai Min Keseluruhan dan Sisihan Piawai Keperluan Profesionalisme GPI dalam Aspek-Aspek Profesionalisme dari Aspek Pengetahuan Profesionalisme	149
Jadual 4.23	Min Keperluan Profesionalisme GPI dalam Aspek-Aspek Profesionalisme dari Aspek Usaha-Usaha Meningkatkan Profesionalisme	149

Jadual 4.24	Nilai Min Keseluruhan dan Sisihan Piawai Keperluan Profesionalisme GPI dalam Aspek-Aspek Profesionalisme dari Aspek Usaha-Usaha Meningkatkan Profesionalisme	151
Jadual 4.25	Min Keperluan Profesionalisme GPI dalam Aspek-Aspek Profesionalisme dari Aspek Ganjaran Bukan Kewangan	152
Jadual 4.26	Nilai Min Keseluruhan dan Sisihan Piawai Keperluan Profesionalisme GPI dalam Aspek-Aspek Profesionalisme dari Aspek Ganjaran Bukan Kewangan	153
Jadual 4.27	Nilai Min Keseluruhan Keperluan Profesionalisme GPI dalam Aspek-Aspek Profesionalisme	154
Jadual 4.28	Nilai Min Keseluruhan Keperluan Profesionalisme GPI	154
Jadual 4.29	Dua Kategori Utama selapas ' <i>axial coding I</i> '	159
Jadual 4.30	Sub Kategori dalam Kategori 'Ciri-ciri Guru Profesional' dan Kategori ' <i>Riadhah Ruhiyah</i> '	161
Jadual 4.31	Item-item untuk Aspek 'Hubungan dengan Allah s.w.t'	163
Jadual 4.32	Nilai <i>Threshold</i> (d), Peratusan Konsensus Pakar, <i>Defuzzification</i> dan <i>Ranking</i> Item untuk aspek 'Hubungan dengan Allah s.w.t'	164
Jadual 4.33	Susunan Item untuk Aspek 'Hubungan dengan Allah S.W.T' Mengikut Keutamaan	165
Jadual 4.34	Item-item untuk Aspek 'Hubungan dengan Diri Sendiri'	166
Jadual 4.35	Nilai <i>Threshold</i> (D), Peratusan Konsensus Pakar, <i>Defuzzification</i> dan <i>Ranking</i> Item untuk aspek 'Hubungan dengan Diri Sendiri'	166
Jadual 4.36	Susunan Item Mengikut Keutamaan untuk Aspek 'Hubungan dengan Diri Sendiri'	167
Jadual 4.37	Item-item untuk Aspek 'Hubungan dengan Rakan Sejawat'	168

Jadual 4.38	Nilai <i>Threshold</i> (D), Peratusan Konsensus Pakar, <i>Defuzzification</i> dan <i>Ranking</i> Item untuk Aspek ‘Hubungan dengan Rakan Sejawat’	168
Jadual 4.39	Susunan Item Mengikut Keutamaan untuk aspek ‘Hubungan dengan Rakan Sejawat’	169
Jadual 4.40	Item-item untuk Aspek ‘Hubungan dengan Pelajar’	170
Jadual 4.41	Nilai <i>Threshold</i> (D), Peratusan Konsensus Pakar, <i>Defuzzification</i> dan <i>Ranking</i> Item untuk Aspek ‘Hubungan dengan Pelajar’	170
Jadual 4.42	Susunan Item Mengikut Keutamaan untuk Aspek ‘Hubungan dengan Pelajar’	171
Jadual 4.43	Item-item untuk Aspek ‘Perancangan Pengajaran’	172
Jadual 4.44	Nilai <i>Threshold</i> (D), Peratusan Konsensus Pakar, <i>Defuzzification</i> dan <i>Ranking</i> Item untuk Aspek ‘Perancangan Pengajaran’	172
Jadual 4.45	Susunan Item Mengikut Keutamaan untuk Aspek ‘Perancangan Pengajaran’	173
Jadual 4.46	Item-item untuk Aspek ‘Pengetahuan Isi Kandungan Pengajaran’	174
Jadual 4.47	Nilai <i>Threshold</i> (D), Peratusan Konsensus Pakar, <i>Defuzzification</i> dan <i>Ranking</i> Item untuk Aspek ‘Pengetahuan Isi Kandungan Pengajaran’	174
Jadual 4.48	Susunan Item Mengikut Keutamaan untuk Aspek ‘Pengetahuan Isi Kandungan Pengajaran’	175
Jadual 4.49	Item-item untuk Aspek ‘Penyampaian Pengajaran’	176
Jadual 4.50	Nilai <i>Threshold</i> (D), Peratusan Konsensus Pakar, <i>Defuzzification</i> dan <i>Ranking</i> Item untuk Aspek ‘Penyampaian Pengajaran’	177
Jadual 4.51	Susunan Item Mengikut Keutamaan untuk Aspek ‘Penyampaian Pengajaran’	178

Jadual 4.52	Item-item untuk Aspek ‘Penilaian Pengajaran’	179
Jadual 4.53	Nilai <i>Threshold</i> (D), Peratusan Konsensus Pakar, <i>Defuzzification</i> dan <i>Ranking</i> Item untuk Aspek ‘Penilaian Pengajaran’	180
Jadual 4.54	Susunan Item Mengikut Keutamaan untuk Aspek ‘Penilaian Pengajaran’	181
Jadual 4.55	Item-item untuk Aspek ‘Penyampaian Pengajaran’	182
Jadual 4.56	Nilai <i>Threshold</i> (D), Peratusan Konsensus Pakar, <i>Defuzzification</i> dan <i>Ranking</i> Item untuk Aspek ‘Penyampaian Pengajaran’	183
Jadual 4.57	Susunan Item Mengikut Keutamaan untuk Aspek ‘Penyampaian Pengajaran’	185
Jadual 4.58	Item-item untuk aspek ‘Usaha-usaha Untuk Meningkatkan Profesionalisme’	186
Jadual 4.59	Nilai <i>Threshold</i> (D), Peratusan Konsensus Pakar, <i>Defuzzification</i> dan <i>Ranking</i> Item untuk Aspek ‘Usaha-usaha Untuk Meningkatkan Profesionalisme’	187
Jadual 4.60	Susunan Item Mengikut Keutamaan untuk Aspek ‘Usaha-usaha Untuk Meningkatkan Profesionalisme’	188
Jadual 4.61	Item-item untuk Aspek ‘Ganjaran Bukan Kewangan’	189
Jadual 4.62	Nilai <i>Threshold</i> (D), Peratusan Konsensus Pakar, <i>Defuzzification</i> dan <i>Ranking</i> Item untuk Aspek ‘Ganjaran Bukan Kewangan’	189
Jadual 4.63	Susunan Item Mengikut Keutamaan untuk Aspek ‘Ganjaran Bukan Kewangan’	190
Jadual 4.64	Keperluan GPI terhadap Aspek ‘ <i>Riadhah Ruhhiyyah</i> ’	191
Jadual 4.65	Keperluan GPI terhadap Aspek ‘Pengajaran dan Pembelajaran’	193
Jadual 4.66	Keperluan GPI terhadap ‘Aspek-aspek Profesionalisme’	194
Jadual 4.67	Konsensus Pakar Delphi dalam Aspek ‘ <i>Riadhah Ruhhiyyah</i> ’	196

Jadual 4.68	Konsensus Pakar Delphi dalam Aspek Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran	198
Jadual 4.69	Konsensus pakar Delphi dalam Aspek-aspek Profesionalisme	199
Jadual 4.70	Profil Responden	207
Jadual 4.71	Dapatan Data Penilaian Kebolegunaan Komponen Utama dalam Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan ' <i>Riadhah Ruhhiyyah</i> '	209
Jadual 4.72	Dapatan Data Bagi Penilaian Kebolegunaan Komponen ' <i>Riadhah Ruhhiyyah</i> '	210
Jadual 4.73	Dapatan Data bagi Penilaian Kebolegunaan Komponen Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran	210
Jadual 4.74	Dapatan Data bagi Penilaian Kebolegunaan Komponen Aspek-aspek Profesionalisme	211
Jadual 4.75	Dapatan Data bagi Penilaian Kebolegunaan Elemen Hubungan dengan Allah s.w.t dalam Komponen ' <i>Riadhah Ruhhiyyah</i> '	213
Jadual 4.76	Dapatan Data bagi Penilaian Kebolegunaan Elemen Hubungan dengan Diri Sendiri dalam Komponen ' <i>Riadhah Ruhhiyyah</i> '	214
Jadual 4.77	Dapatan Data bagi Penilaian Kebolegunaan Elemen Hubungan dengan Rakan Sejawat dalam Komponen ' <i>Riadhah Ruhhiyyah</i> '	215
Jadual 4.78	Dapatan Data bagi Penilaian Kebolegunaan Elemen Hubungan dengan Pelajar dalam Komponen ' <i>Riadhah Ruhhiyyah</i> '	216
Jadual 4.79	Dapatan Data bagi Penilaian Kebolegunaan Elemen Perancangan Pengajaran dalam Komponen Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran	217

Jadual 4.80	Dapatan Data bagi Penilaian Kebolehgunaan Elemen Pengetahuan Pengajaran dalam Komponen Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran	218
Jadual 4.81	Dapatan Data bagi Penilaian Kebolehgunaan Elemen Penyampaian Pengajaran dalam Komponen Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran	219
Jadual 4.82	Dapatan Data bagi Penilaian Kebolehgunaan Elemen Penilaian Pengajaran dalam Komponen Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran	221
Jadual 4.83	Dapatan Data bagi Penilaian Kebolehgunaan Elemen Pengetahuan Profesionalisme dalam Komponen Aspek-aspek Profesionalisme	222
Jadual 4.84	Dapatan Data bagi Penilaian Kebolehgunaan Elemen Usaha-Usaha Meningkatkan Profesionalisme dalam Komponen Aspek-aspek Profesionalisme	224
Jadual 4.85	Dapatan Data bagi Penilaian Kebolehgunaan Elemen Ganjaran Bukan Kewangan dalam Komponen Aspek-aspek Profesionalisme	225
Jadual 4.86	Dapatan Data bagi Penilaian Kebolehgunaan Keseluruhan Kebolehgunaan Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan ' <i>Riadhah Ruhiyyah</i> '	227

SENARAI SINGKATAN

BPG	Bahagian Pendidikan Guru
CPD	<i>Continous Professional Development</i> - Pembangunan Profesionalisme Berterusan
DDR	<i>Design and Development Research Approach</i> - Kaedah Kajian Rekabentuk dan Pembangunan
FDM	<i>Fuzzy Delphi Method</i> - Kaedah Fuzzy Delphi
FPG	Falsafah Pendidikan Guru
FPI	Falsafah Pendidikan Islam
GPI	Guru Pendidikan Islam
IPG	Institusi Pendidikan Guru
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
IPTS	Institut Pengajian Tinggi Swasta
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
LDP	Latihan Dalam Perkhidmatan
NGT	<i>Nominal Group Technique</i> - Teknik Kumpulan Nominal
PPD	Pejabat Pendidik Daerah
SEM	<i>Structural Equation Modelling</i>
SGM	Standard Guru Malaysia
SPI	Sektor Pendidikan Islam
TMK	Teknologi Maklumat dan Komunikasi

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A	Kaji selidik berhubung pembangunan Model Profesionalisme Perguruan Pendidikan Islam Berasaskan ‘ <i>Riadhah Ruhhiyyah</i> ’ (Latihan Kerohanian)	274
LAMPIRAN B	Kandungan teks kitab <i>Ihya’ ‘Ulum al-Din</i> mengenai Adab Guru	282
LAMPIRAN C	Instrumen kesesuaian item untuk panel pakar <i>Fuzzy Delphi</i>	285
LAMPIRAN D	Kaji selidik fasa kebolegunaan Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan ‘ <i>Riadhah Ruhhiyyah</i> ’	293
LAMPIRAN E	Surat kelulusan khas untuk menjalankan kajian di sekolah, institut perguruan, jabatan pelajaran negeri dan bahagian-bahagian di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia	304
LAMPIRAN F	Surat kebenaran menjalankan kajian / penyelidikan di sekolah kerajaan/bantuan kerajaan di negeri Kelantan	305
LAMPIRAN G	Surat kebenaran menjalankan kajian / penyelidikan di sekolah-sekolah dalam daerah Kota Bharu	306
LAMPIRAN H	Surat kebenaran menjalankan kajian / penyelidikan di sekolah kerajaan/bantuan kerajaan di negeri Kelantan dalam daerah Pasir Mas	307
LAMPIRAN I	Surat akuan pelajar	308

BAB 1

Pengenalan

Pendahuluan

Pembangunan profesionalisme perguruan adalah suatu usaha bagi memartabatkan kerjaya perguruan. Dalam memenuhi keperluan dunia pendidikan pada abad ke-21 yang berhadapan dengan pelbagai perubahan dan cabaran, profesionalisme perguruan sering dikaitkan dengan kualiti pendidikan yang dicerminkan melalui pencapaian pelajar. Darling-Hammond (1999) dalam perkara ini mengesahkan wujudnya hubungan yang ketara dan signifikan di antara kualiti guru dengan peningkatan akademik pelajar. Menurut beliau, prestasi pelajar amat bergantung pada kompetensi guru seperti kebolehan lisan, kebolehan menggunakan pelbagai strategi pengajaran dan interaksi, kebolehan menggunakan soalan aras tinggi serta kebolehan menggunakan idea-idea murid dan sebagainya. Pandangan ini menyokong pendapat Abdul Raof Dalip (1993) yang menyatakan prestasi pelajar boleh diperbaiki dengan adanya guru yang baik dari segi kualiti dan pendekatan pengajaran. Kajian oleh Koellner dan Jacobs (2015), Yoon, Duncan, Lee, Scarloss dan Shapley (2007), Wilson, Floden dan Ferrini-Mundy (2001) serta Susilawati Husin (2008) turut membuktikan prestasi pelajar mempunyai hubungan dengan profesionalisme guru kerana apabila guru tidak menjalankan tugas dan fungsinya, pelajar tidak akan dapat belajar dengan baik dan mencapai kejayaan sebagaimana yang diharapkan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa profesionalisme guru merupakan syarat kejayaan proses pengajaran dan pembelajaran yang amat penting untuk dititikberatkan.

Sehubungan itu, pembangunan sistem pendidikan mengikut konteks Malaysia yang bertaraf dunia kini menjadi fokus utama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kerana sistem pendidikan yang berdaya maju adalah amat mustahak dalam memperkukuh daya saing negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011). KPM

juga sentiasa memantapkan usaha untuk menaikkan martabat profesion keguruan demi memastikan kerjaya perguruan sentiasa dipandang tinggi dan dihormati. Hal ini bersesuaian dengan amanah dan tugas yang dipertanggungjawabkan kepada para pendidik dalam usaha melahirkan insan pelajar yang cemerlang samada dalam bidang akademik mahupun dari aspek peribadi dan amalan nilai-nilai murni. Ia bertujuan untuk menghasilkan guru berkualiti demi memastikan guru terus mengekalkan kualiti mereka sepanjang tempoh perkhidmatan.

Pelbagai strategi telah dicadangkan untuk meningkatkan kualiti guru ke arah memartabatkan profesion keguruan seperti melakukan penambahbaikan dalam mekanisme pemilihan bakal guru, memantapkan aspek latihan dalam bidang perguruan itu sendiri, meningkatkan kecemerlangan institusi yang mengendalikan latihan perguruan serta menambah baik aspek kebajikan serta laluan kerjaya guru. Semuanya dilaksanakan selaras dengan matlamat dan hasrat KPM untuk menjadikan profesion bidang perguruan terus dihormati selari dengan tanggungjawab yang dipikul oleh para guru dalam usaha membina generasi masa hadapan yang merupakan tonggak negara. Falsafah Pendidikan Guru (FPG) yang digubal oleh Bahagian Pendidikan Guru (BPG) juga telah menentukan haluan matlamat serta aspirasi pendidikan guru iaitu guru berperibadi dan berpekerti mulia, menjamin perkembangan individu, mempunyai pandangan yang progresif, membina dan saintifik, bersedia menggalas wawasan negara, menjunjung tinggi warisan kebudayaan negara dan memelihara masyarakat demikratik dan bersatu padu, berdisiplin serta progresif (Bahagian Pendidikan Guru, 2012a)

Menghayati falsafah murni ini, jelas dinyatakan bahawa matlamat pendidikan guru adalah untuk melahirkan guru berkualiti tinggi dari aspek sahsiah, bidang profesional, kemahiran sosial dan pengamalan tingkahlaku serta berupaya mencapai kecemerlangan pendidikan dengan menguasai ilmu, kemahiran serta amalan nilai

keguruan bagi tujuan memenuhi pengisian wawasan pendidikan negara pada alaf ke-21.

Apabila bercakap mengenai pendidik berkualiti, kita tidak dapat lari dari membincangkan mengenai aspek pembangunan profesional yang menjadi tonggak kepada penghasilan guru berkualiti yang diharapkan. Pembangunan profesional dalam bidang perguruan sama seperti bidang lain yang memerlukan seseorang itu bukan sahaja sentiasa berusaha ke arah yang lebih baik, malah turut memberikan sumbangan yang terbaik kepada pihak-pihak lain. Pada masa yang sama, para guru itu sendiri memainkan peranan utama dalam menegakkan status dan imej mereka sebagai golongan profesional (Robiah Sidin, 2002). Justeru untuk menjadi seorang guru profesional, tiga aspek penting perlu ditekankan dalam diri seorang guru merangkumi aspek pengetahuan, pembentukan sahsiah serta kepakaran (Al-Ghazali, t.t; Robiah Sidin, 1998). Seorang guru perlu mempunyai kemahiran dalam mengajar dan mengembangkan ilmu serta membentuk amalan, sikap dan disiplin diri ke arah bersifat profesional.

Robiah Sidin (2002) turut menghuraikan dengan atribut mengenai apa yang dimaksudkan dengan guru profesional. Konsep guru yang profesional menurut beliau merupakan pernyataan mengenai apa yang perlu ada pada seorang guru serta ciri terbaik yang diinginkan oleh para guru. Guru profesional dirujuk kepada guru yang mempamerkan atribut atau ciri-ciri tertentu seperti mempunyai pengetahuan serta mahir, menyelia syarat serta standard dan piawai kemasukan dan pengiktirafan yang diperolehi, mempunyai kemampuan untuk membuat keputusan serta memiliki prestij dan status ekonomi yang baik.

Untuk membolehkan seseorang guru mampu membentuk atribut yang dinyatakan, guru itu sendiri seharusnya membentuk keinginan menjadi seorang profesional. Antaranya seperti tidak perlu seliaan secara rapi kerana boleh berdikari

semasa menjalankan tugas, sanggup bekerjasama dan tidak bekerja berseorangan, bertanggungjawab atas setiap tindakan, sentiasa memperbaharui kemahiran dan pengetahuan, mematuhi tatasusila dan mengamalkan etika yang ditetapkan, beroperasi secara rasional, objektif dan tidak bersifat emosional, naik pangkat berdasarkan merit, berasa bangga dengan kerjaya serta dorongan dan matlamat utama untuk bekerja adalah menabur khidmat kepada masyarakat (Robiah Sidin, 2002).

Ringkasnya, Al-Ghazali (t.t), Robiah Sidin (2002) dan Mohammed Sani Ibrahim et. al (2006) merumuskan guru profesional sebagai guru yang berilmu, berkemahiran, berketerampilan dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta mempunyai peribadi yang boleh dijadikan contoh dan teladan serta ikutan kepada golongan pelajar yang dipimpin. Ab. Halim Tamuri (2011) menambah dalam tulisannya mengenai ciri-ciri guru profesional dengan mengutarakan guru profesional perlu mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam sesuatu bidang di samping cekap dan pakar dalam bidang pendidikan.

Dalam hal ini, peri pentingnya para guru menguasai segala aspek yang bersangkutan dengan kemahiran mengajar dan pengetahuan adalah supaya para guru dapat mengaplikasikan setiap perubahan kurikulum yang berlaku dengan sempurna. Seseorang guru itu tidak akan mampu melaksanakan peranannya dengan efektif melainkan apabila ia berkemahiran tinggi dan mempunyai pengalaman luas dalam bidang pengajaran dan pelajaran yang hendak disampaikan (Ishak Mohd. Rejab, 1993). Para juga guru perlu menguasai pengetahuan berkaitan kemahiran yang diajar dalam bilik darjah serta memiliki pengetahuan yang mantap mengenai kandungan subjek yang diajar (Habib Mat Som, 2008) untuk mengelakkan suasana pembelajaran yang hambar yang boleh mencetuskan kebosanan pelajar dan mempengaruhi pencapaian mereka.

Pernyataan Masalah

Memartabatkan profesion perguruan adalah usaha untuk menyemarakkan kembali kerjaya perguruan yang dianggap semakin hilang kewibawaannya. Mesejnya cukup ringkas tetapi tidak mudah untuk dilaksanakan kerana ia menuntut keprihatinan dan tanggungjawab semua pihak. Dalam konteks Pendidikan Islam, profesionalisme guru lebih dititikberatkan kerana ia berkait rapat dengan peranan guru Pendidikan Islam (GPI) sebagai *mursyid, murabbi, mu'addib, mu'allim dan mudarris* (Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri & Mohd. Izham Hamzah, 2009). Kualiti para GPI seharusnya disandarkan kepada ajaran Islam yang terkandung dalam al-Quran dan hadis. Oleh itu, standard GPI yang mempunyai kualiti tinggi adalah dirujuk kepada sifat '*Rabbani*' yang ada pada diri guru tersebut yang berpegang sepenuhnya kepada aspek ketaatan kepada Allah s.w.t dengan menurut syariatNya (Nahlāwiy, 'Abd al-Rahmān, 1996).

Kepentingan GPI untuk memiliki standard yang unggul bertepatan dengan ciri seorang Mukmin yang baik adalah disebabkan GPI memikul tanggungjawab yang berat ketika menyampaikan pendidikan Islam terhadap pelajar dan masyarakat. Di bahu GPI tergalas bukan setakat amanah untuk mendidik pelajar malah peranan GPI juga adalah menyemai iman serta memupuk sahsiah dan akhlak pelajar. Ia bermula dengan penekanan kepada aspek '*Riadhah Ruhiyyah*' meliputi hubungan dengan Allah, hubungan dengan diri GPI itu sendiri, hubungan sesama rakan sekerja serta hubungan dengan anak didik, diikuti dengan kemahiran pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi kemahiran dalam merancang pengajaran, pengetahuan isi kandungan pengajaran, penyampaian pengajaran dan penilaian pengajaran serta penekanan kepada aspek-aspek profesionalisme sebagai seorang guru khususnya dalam bidang pengetahuan profesionalisme serta usaha-usaha meningkatkan profesionalisme.

Hal ini bertepatan dengan hasrat Falsafah Pendidikan Islam atau FPI yang menekankan langkah konsisten dan tidak pernah berhenti pada diri GPI dalam usaha menyampaikan pengetahuan, menghayati ajaran Ilahi serta aspek kemahiran yang disandarkan kepada al-Quran dan al-hadis untuk membentuk peribadi mulia, sikap, kemahiran serta persepsi hidup sebagai *khalifatullah* yang bertanggungjawab membantu diri sendiri, masyarakat sekeliling, alam sekitar serta tanahair demi mencapai kebaikan di dunia mahupun akhirat (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012).

Empat prinsip utama menjadi tunjang kepada FPI adalah rukun iman, nilai-nilai akhlak yang terpuji, ilmu pengetahuan serta amalan yang baik (Ari Kurniawan, Muhamad Faisal Ashaari & Asisi Umar, 2013). Selari dengan hal ini, Ab. Halim Tamuri (2011) menerusi kajian yang dilakukan oleh beliau pada tahun 2000 di negeri Selangor dan Negeri Sembilan mendapati majoriti pelajar seramai 90% menyatakan para GPI telah membantu meningkatkan kefahaman pelajar tentang aspek akhlak bercirikan Islam. Ini menunjukkan sebilangan besar GPI telah berjaya menjalankan fungsi mereka sebagai seorang guru dengan berkesan. Namun pada masa yang sama, didapati GPI ada kalanya membelakangkan aspek profesionalisme sama ada dalam amalan nilai, pengetahuan serta kemahiran pengajaran dan pembelajaran. Ini kerana walaupun keperluan untuk menjadi GPI profesional begitu dituntut dalam Islam serta kalangan masyarakat, namun kajian-kajian lepas dari tahun 1997 hingga 2015 menunjukkan tahap profesionalisme GPI masih kurang memberangsangkan (Aminah Idris, 1997; Hatifah Yussof, 2000; Azizan Muhammad, 2001; Rohaya Hassan, 2003; Aiiiri Abu Bakar, 2003; Rosmaria Mohd. Sahat, 2003; Che Noraini Hashim, 2005; Azhar Yusuf, 2006; Kamarul Azmi Jasmi, 2010; Adanan Haji Basar, 2011; Mustapha Kamal Ahmad Kassim, 2015). Ab. Halim Tamuri dalam kajian berkaitan dengan pengajaran akhlak mendapati ada GPI yang terlalu garang semasa pengajaran, guru

yang memarahi pelajar tanpa sebab, guru yang suka mengutuk atau menghina pelajar, tidak memberikan jawapan bila pelajar mengemukakan soalan dan guru yang bersikap ego dengan diri sendiri. Terdapat juga guru yang mempamerkan teladan yang negatif semasa pengajaran dijalankan. Walaupun situasi ini hanya berlaku dalam segelintir GPI, namun hal ini perlu diberi perhatian serius yang lantaran ia akan memberi kesan sampingan yang negatif kepada perkembangan akhlak dan sahsiah pelajar (Ab. Halim Tamuri & Nik. Mohd. Rahimi Nik Yusoff, 2011). Sikap guru yang terlalu garang juga telah dikenal pasti sebagai antara faktor yang menyebabkan berlakunya salah laku murid (Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff, 2002).

Dalam aspek pembelajaran dan pengajaran, GPI juga dilihat lebih memfokuskan usaha menghabiskan sukatan pelajaran sebagai matlamat yang lebih besar (Che Noraini Hashim, 2005) di samping menyampaikan pengajaran dengan hanya menitikberatkan hala tuju dan berorientasikan peperiksaan semata-mata tanpa menekankan nilai etika dan akhlak (Khadijah Abdul Razak & Zaib Ngah, 2002). Sedangkan pada hakikatnya, GPI bukan hanya perlu jelas mengenai objektif pengajaran tetapi juga perlu memahami tujuan syarak dalam konteks yang lebih luas (Shahrin Awaludin, Aini Hassan & Hassan Basri Mat Dahan, 2006). Hal tersebut kerana para GPI bertanggungjawab mendidik rohani, akhlak dan akidah selain dari mendidik jasmani dan akal (Abdul Raof Dalip, 1993). Ini bertepatan dengan kajian Azhar Haji Ahmad dan Ab. Halim Tamuri (2011) yang menegaskan bahawa guru-guru dikenal pasti mempengaruhi aspek perkembangan akhlak pelajar.

Selain dari berperanan sebagai pendidik, GPI juga merupakan pendakwah yang perlu mempamerkan contoh teladan yang baik kepada anak didiknya. Che Noraini Hashim (2005) mengutarakan sebahagian para GPI tidak memainkan peranan sebagai seorang pendidik dalam maksud yang sebenarnya kerana masih ramai GPI yang tidak berupaya untuk dijadikan '*qudwah hasanah*' oleh anak didiknya. Menurut Asmawati

Suhid (2006), para GPI adalah contoh teladan utama yang perlu sentiasa menunjukkan nilai akhlak mulia kepada para pelajar. Meskipun kajian oleh Zaharah Hussin (2008) mendapati bahawa antara faktor yang mengekang GPI untuk menampilkan diri sebagai *qudwah hasanah* atau *role model* adalah disebabkan kurangnya keyakinan diri ketika berhadapan dengan masyarakat dan pelajar, hal ini tidak wajar dijadikan alasan. Hal ini kerana para GPI yang menjadi responden kajian tersebut menyedari bahawa sebagai GPI, adalah mustahak bagi mereka untuk sentiasa menampilkan akhlak *mahmudah* dalam segenap aspek terutamanya apabila berada di sekolah ketika berhadapan dengan pelajar kerana setiap apa yang dilakukan akan diperhatikan.

Dari sudut pandangan pelajar pula, kajian oleh Aiiri Abu Bakar (2003) menunjukkan pelajar mempunyai sikap yang tidak memberangsangkan dan kurang positif terhadap GPI dan subjek Pendidikan Islam. Ini kerana mereka tidak menyukai GPI dan sekali gus menyebabkan mereka tidak berminat dengan subjek Pendidikan Islam. Kajian Azhar Yusuf (2006) juga menunjukkan hasilan sama kerana terdapat pelajar yang tidak berminat dengan mata pelajaran Pendidikan Islam. Kajian oleh Azhar Muhammad dan Nor Syakirah Samsuni (2010) pula mendapati walaupun para GPI sentiasa memberi komitmen terhadap profesion dan rakan sejawat, GPI masih kurang menunjukkan sikap kemesraan terhadap ibu bapa dalam menyatakan cara untuk mempertingkatkan prestasi pelajar.

Sementara itu, kajian Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail (2002) turut menunjukkan pelajar tidak menitikberatkan pengamalan nilai-nilai mulia serta penghayatannya dalam kehidupan harian mereka. Pelajar juga tidak dapat mengaitkan aspek keimanan kepada Allah s.w.t serta ilmu agama yang ada pada mereka dengan kepentingan untuk melaksanakan nilai-nilai mulia dalam kehidupan mereka. Ini menjadikan khalayak ramai tidak lagi menaruh kepercayaan dan keyakinan kepada kredibiliti serta kewibawaan guru kerana kemenjadian pelajar tidak seperti yang

diharapkan oleh negara dan masyarakat (Rahaila Omar, 2011). Kajian Adanan Haji Basar (2011) kemudian mengupas sejauh mana tahap kualiti GPI dalam mengimplementasikan matlamat Pendidikan Islam dalam pembentukan sahsiah mereka sama ada semasa bersendirian, semasa bertugas di sekolah dan mengajar anak murid atau semasa berada dalam lingkungan sosial kemasyarakatan mereka. Hal ini kerana kajian oleh Azma Mahmood (2006) yang mencerakinkan penghayatan Pendidikan Islam di kalangan pelajar mendapati berlakunya ketidakseimbangan dalam aspek akhlak, ibadah dan penghayatan aqidah pada peringkat jantina, aliran dan jenis sekolah. Justeru hal ini memerlukan perhatian pihak yang berkaitan di sekolah khususnya para GPI agar memberi lebih tumpuan kepada aspek aqidah, ibadah serta akhlak.

Persoalan yang timbul di sini adalah apakah sebenarnya keperluan profesionalisme perguruan GPI dalam usaha untuk mengatasi permasalahan ini ? Apakah pula elemen-elemen yang perlu ada dalam pembangunan profesionalisme perguruan Pendidikan Islam bagi memenuhi keperluan tersebut ? Perlu ditekankan bahawa matlamat pendidikan menurut Islam adalah penghayatan insan untuk melaksanakan tugas sebagai khalifah *al-khaliq* di samping melahirkan insan yang baik (Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1980). Oleh kerana objektif utama pendidikan adalah untuk membentuk rohani dan akhlak, maka adalah satu kemestian untuk seseorang guru memiliki personaliti serta sahsiah yang cemerlang untuk membolehkannya mendidik pelajar menuju jalan kesempurnaan serta menjadi pemimpin dan pembimbing yang disegani oleh anak didik khasnya dan masyarakat amnya (Ab. Halim Tamuri et al., 2012) dengan berpaksikan keimanan kepada Allah s.w.t (al-Ghazali, t.t).

Namun begitu, kod etika keguruan di Malaysia dalam Tatasusila Profesion Keguruan Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2006) hanya menggariskan

ikrar dan tanggungjawab guru terhadap lima aspek utama iaitu anak didik pelajar, golongan ibu bapa, rakan sekerja, masyarakat sekeliling dan negara serta kerjaya perguruan tanpa adanya ketetapan khusus untuk menyuburkan aspek *taqarrub* kepada Allah s.w.t di kalangan para guru.

Keperluan juga dilihat mendesak kerana beberapa standard dan model perguruan yang diilhamkan di Barat yang diketengahkan dalam literatur kajian ini jelas tidak menyentuh langsung mengenai hubungan antara seorang guru dengan Tuhan. Apa yang ditekankan adalah hubungan dengan pelajar semata-mata sedangkan bagi GPI, aspek hubungan dengan pencipta paling agung yakni Allah s.w.t adalah merupakan paksi utama ke arah menggapai keredhaanNya serta matlamat sebenar kehidupan (al-Ghazali, t.t). Justeru cadangan Model Pembangunan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan '*Riadhah Ruhiyyah*' sebagaimana yang digambarkan dalam Rajah 4.3 diharap akan dapat mengatasi kelompangan sedia ada dalam aspek ini.

Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk meninjau keperluan profesionalisme GPI serta membangunkan satu model pembangunan profesionalisme berasaskan '*Riadhah Ruhiyyah*' khusus untuk para GPI.

Rasional Kajian

Bahagian Pendidikan Guru (BPG), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan model Standard Guru Malaysia (SGM) dengan tujuan memberi panduan kepada guru untuk menilai aspek profesionalisme sedia ada agar selari dengan hasrat KPM. Namun pengkaji berpendapat satu model yang lebih khusus dan spesifik mengikut pengkhususan guru adalah amat mustahak untuk dibangunkan kerana keperluan profesionalisme setiap guru bagi pengkhususan yang berlainan

adalah berbeza. Justeru rasional penyelidikan ini dijalankan adalah bagi meninjau aspek keperluan profesionalisme para GPI berasaskan '*Riadhah Ruhiyyah*' dan membangunkan satu model khusus mengenainya.

'*Riadhah Ruhiyyah*' menjadi fokus utama kerana ia meliputi aspek *habl min Allah* iaitu hubungan dengan Allah s.w.t, *habl min al-nafs* iaitu hubungan dengan diri sendiri serta *habl min al-nas* iaitu hubungan antara manusia yang merangkumi hubungan sesama rakan sekerja serta hubungan dengan anak didik di sekolah. Aspek '*Riadhah Ruhiyyah*' ini diperkukuhkan dengan kemahiran pengajaran dan pembelajaran dari aspek perancangan pengajaran, pengetahuan isi kandungan pengajaran, penyampaian pengajaran dan penilaian pengajaran selain dari aspek-aspek profesionalisme lain merangkumi aspek pengetahuan profesionalisme, usaha-usaha meningkatkan profesionalisme serta ganjaran bukan kewangan. Standard-standard profesionalisme yang dibangunkan di Barat ternyata tidak dapat memenuhi keperluan profesionalisme GPI kerana walaupun aspek *habl min al-nafs* (hubungan dengan diri sendiri) dan *habl min al-nas* (hubungan sesama manusia) ada dinyatakan, ia langsung tidak menyentuh mengenai aspek *habl min Allah* iaitu hubungan dengan Allah s.w.t.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah :

1. Meninjau keperluan profesionalisme guru Pendidikan Islam (GPI).
2. Mengenalpasti ciri-ciri guru Pendidikan Islam (GPI) profesional.
3. Membangunkan Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan '*Riadhah Ruhiyyah*'.
4. Menilai kebolegunaan Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan '*Riadhah Ruhiyyah*' yang dibangunkan.

Persoalan Kajian

Berpandukan pernyataan masalah yang diutarakan serta objektif kajian yang ditetapkan, persoalan kajian diformulasikan seperti berikut :

Fasa I : Tinjauan keperluan profesionalisme guru Pendidikan Islam (GPI)

1. Apakah keperluan profesionalisme guru Pendidikan Islam (GPI) ?

Fasa II (A) : Penerokaan ciri-ciri guru Pendidikan Islam (GPI) profesional

2. Apakah ciri-ciri guru Pendidikan Islam (GPI) profesional ?

Fasa II (B): Pembangunan Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam (GPI)

Berasaskan '*Riadhah Ruhhiyyah*'

3. Apakah konsensus pakar terhadap pembangunan Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan '*Riadhah Ruhhiyyah*'?

Fasa III : Kebolegunaan Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam (GPI)

Berasaskan '*Riadhah Ruhhiyyah*'


4. Sejauhmanakah kebolegunaan Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan '*Riadhah Ruhhiyyah*' untuk guru Pendidikan Islam (GPI)?

Kerangka Teori


Sesebuah penyelidikan yang dijalankan perlu berlandaskan kepada sesebuah teori yang akan mendasari kerangka konseptual kajian. Menurut Mohd. Majid Konting (2000), dengan adanya pemahaman teori, penyelidik boleh membuat suatu penilaian yang objektif ke atas penyelidikannya. Penyelidik juga boleh menggunakan teori tersebut sebagai bimbingan dalam menghasilkan penilaian yang lebih teratur dan bermakna bersesuaian dengan bidang pengetahuan. Teori juga tidak bersifat statik kerana teori-teori lama boleh diubahsuai untuk membangunkan teori-teori yang baru (Neuman, 2011).

Asas teori yang digunapakai dalam kajian ini adalah Teori Guru Profesional oleh Imam al-Ghazali (t.t) yang secara umumnya digambarkan dalam Rajah 1.1 serta

Model Perubahan Guru yang diperkenalkan oleh Guskey (2002) seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.2.



Rajah 1.1 Teori Guru Profesional yang disesuaikan menurut pandangan Imam Al-Ghazali (t.t)



Rajah 1.2 Model Perubahan Guru menurut Guskey (2002)

Pengkaji mengutarakan Teori Guru Profesional dengan matlamat untuk meninjau keperluan profesionalisme GPI. Ia meliputi aspek *habl min Allah* iaitu hubungan dengan Allah s.w.t, *habl min al-nafs* iaitu hubungan dengan diri sendiri serta *habl min al-nas* iaitu hubungan antara manusia yang merangkumi hubungan sesama rakan sekerja serta hubungan dengan anak didik di sekolah.

Ia disokong dengan pandangan Guskey (2002) yang menyatakan bahawa pembangunan profesional guru adalah melibatkan perubahan amalan guru di dalam kelas, perubahan dalam hasil pembelajaran pelajar serta perubahan dalam sikap guru. Model Perubahan Guru yang diutarakan oleh beliau berkait rapat dengan teori pengkaji berhubung ciri-ciri guru profesional kerana setiap perubahan pastinya melibatkan inisiatif sendiri serta hubungan dengan pihak-pihak lain dalam usaha untuk menjadi


seorang guru yang cemerlang. Perkara ini seterusnya diperkukuhkan lagi dengan kemahiran pengajaran dan pembelajaran dari aspek perancangan pengajaran, pengetahuan isi kandungan pengajaran, penyampaian pengajaran dan penilaian pengajaran selain dari aspek-aspek profesionalisme lain merangkumi aspek pengetahuan profesionalisme, usaha-usaha meningkatkan profesionalisme serta ganjaran bukan kewangan.

Pengkaji seterusnya meninjau ciri-ciri guru profesional dalam Model Standard Guru Malaysia (SGM) yang dibangunkan oleh pihak Bahagian Pendidikan Guru (BPG) serta beberapa standard profesional negara-negara Barat. Apa yang pasti adalah standard-standard perguruan yang diilhamkan di Barat jelas tidak menyentuh langsung mengenai hubungan antara seorang guru dengan Tuhan. Aspek yang ditekankan hanyalah hubungan dengan pelajar semata-mata sedangkan bagi GPI, hubungan dengan Allah s.w.t tidak seharusnya dikesampingkan kerana ia adalah paksi yang paling utama untuk mendapat keredaan Allah s.w.t.

Sehubungan itu, dalam kajian ini, Teori Guru Profesional yang diubahsuai dari pandangan al-Ghazali (t.t) dan Model Perubahan Guru oleh Guskey (2002) akan menjadi kerangka kajian pengkaji untuk membangunkan Model Pembangunan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan '*Riadhah Ruhhiyyah*'.

Kerangka Konseptual Kajian

Berbandukan kepada kerangka teori kajian yang telah dibincangkan, ia diekstrak dan dikategorikan semula untuk menghasilkan satu kerangka konseptual kajian seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 1.3.



Rajah 1.3 Kerangka Konseptual Kajian berpandukan Teori Guru Profesional menurut Imam al-Ghazali (t.t) dan Model Perubahan Guru oleh Guskey (2002)

Batasan Kajian

Tidak dinafikan wujud ruang yang besar dalam mengkaji aspek profesionalisme GPI. Justeru bagi memfokuskan kajian ini, beberapa batasan telah dibentuk.

Kajian ini hanya menumpukan perbincangan kepada keperluan profesionalisme GPI dalam aspek '*Riadhah Ruhiyyah*', kemahiran pengajaran dan pembelajaran serta aspek-aspek profesionalisme berpandukan kajian-kajian lepas. Justeru Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan '*Riadhah Ruhiyyah*' yang dibangunkan dalam kajian ini merujuk kepada aspek '*Riadhah Ruhiyyah*' itu sendiri yang meliputi profesionalisme GPI bertunjangan *habl min Allah* (hubungan dengan Allah s.w.t), *habl min nafs* (hubungan dengan diri sendiri) dan *habl min al-nas* (hubungan sesama manusia merangkumi rakan sejawat dan pelajar), aspek kemahiran pengajaran dan pembelajaran serta aspek-aspek profesionalisme sebagai seorang guru. Perbincangan tentang aspek profesionalisme lain seperti pengurusan, kepimpinan dan sebagainya tidak akan disentuh.

Kajian ini juga memfokuskan analisis pemikiran al-Ghazali berhubung aspek '*Riadhah Ruhiyyah*'. Limitasi aspek '*Riadhah Ruhiyyah*' akan menggunakan bahan rujukan utama iaitu kitab *Ihya 'Ulum al-Din* Jilid 1 terbitan Dar al-Ma'rifah di Beirut, Lubnan (t.t) dengan pengkhususan kepada bahagian kelima berkaitan adab guru dan pelajar. Kajian ini dijalankan sebagai langkah untuk menghayati idea-idea '*Riadhah Ruhiyyah*' dengan melihat peranan yang perlu dimainkan oleh guru Pendidikan Islam (GPI) tanpa mengupas konsep '*tazkiyattunnafs*', '*tahalli*' dan '*takhalli*' secara mendalam sebagaimana terdapat dalam tradisi pendidikan tasawuf Islam kerana secara praktikalnya ia tidak mungkin boleh berlaku dalam sistem pendidikan sekarang (Abdul Muhsien Sulaiman, 2014). Justeru pemikiran al-Ghazali dalam bidang lain tidak akan dibincangkan.

Dalam menetapkan sampel kajian, kajian ini terbatas kepada guru-guru Pendidikan Islam (GPI) yang berkhidmat di beberapa buah sekolah menengah kebangsaan harian di negeri Kelantan. Kajian hanya meliputi para GPI yang berkhidmat di sekolah menengah sahaja atas dasar kumpulan sasaran pelajar yang diajar adalah berbeza peringkat umur dengan pelajar-pelajar sekolah rendah. Kajian ini juga tidak meliputi GPI yang sedang cuti belajar mahupun bercuti tanpa gaji serta GPI di negeri-negeri lain.

Signifikan Kajian

Kajian ini mengusulkan satu Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan '*Riadhah Ruhiyyah*' yang dibangunkan khusus untuk para GPI berpandukan Teori Guru Profesional yang diubahsuai dari pandangan al-Ghazali (t.t) serta Model Perubahan Guru oleh Guskey (2002).

Kajian ini begitu signifikan untuk dilaksanakan kerana selain amat relevan untuk diadaptasi kepada para GPI yang sedang berkhidmat di sekolah, Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan '*Riadhah Ruhiyyah*' yang dibangunkan ini juga boleh diaplikasikan sebagai satu komponen dalam kurikulum Pendidikan Islam untuk guru-guru pelatih opsyen Pendidikan Islam di institusi-institusi pendidikan guru (IPG), institusi-institusi pengajian tinggi awam (IPTA) yang kini disebut sebagai universiti awam (UA) serta institusi-institusi pengajian tinggi swasta (IPTS).

Penyelidikan ini juga diharapkan mampu memberi garis panduan kepada pihak KPM dalam membentuk model pembangunan profesional GPI, membantu pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) serta pihak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dalam merangka dan menyusun program-program khas untuk melahirkan GPI profesional berasaskan '*Riadhah Ruhiyyah*' di samping dapat menjadi garis panduan kepada GPI untuk meningkatkan lagi kualiti diri dan pengajaran mereka melalui iman, ilmu dan amal.

Definisi Istilah

Profesionalisme Guru

Profesionalisme merujuk kepada akauntabiliti, tahap kecekapan serta tanggungjawab yang perlu dipegang oleh seseorang yang profesional (Graham, 2004). Profesionalisme turut dilihat sebagai kemahiran atau kualiti yang diperlukan oleh ahli-ahli profesional serta sifat-sifatnya seperti aspek kemampuan, kemahiran, cara pelaksanaan dan sebagainya yang ada pada atau dilakukan oleh seseorang profesional (Mohammed Sani Ibrahim et al., 2006). Dalam penyelidikan ini, profesionalisme keguruan dalam bidang Pendidikan Islam dirujuk kepada ciri-ciri profesional GPI yang ditinjau menerusi aspek '*Riadhah Ruhhiyyah*', aspek kemahiran pengajaran dan pembelajaran serta aspek-aspek profesionalisme sebagai seorang guru.

Guru Pendidikan Islam (GPI)

Terma GPI merujuk kepada guru yang terlatih yang memiliki kelayakan serta kelulusan ikhtisas dalam bidang perguruan yang diiktiraf oleh pihak KPM. GPI mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam serta komponen-komponennya iaitu mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiah serta Pendidikan al-Quran dan as-Sunnah yang sedang berkhidmat di sekolah.

'*Riadhah Ruhhiyyah*'

Menurut kamus yang bertajuk '*Al-Lughatul Malayuwiyyah Al-Lughatul Arabiah Al-Lughatul Arabiyyah al-Lughatul Malayuwiyyah*' yang ditulis dan disusun oleh Abdul Raof Haji Hassan, Abdul Halim Salleh, Khairul Amin Mohd. Zain dan Wan Norainawati Hamzah (2011), takrif perkataan '*Riadhah*' adalah latihan dan perkataan '*Ruhiyyah*' merujuk kepada aspek yang berkaitan dengan roh manusia. Oleh itu, terma '*Riadhah Ruhhiyyah*' ditakrifkan sebagai latihan kerohanian. Perbincangan mengenai maksud '*Riadhah Ruhhiyyah*' akan diperincikan dalam Bab 2 kajian ini.

Pembangunan Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan '*Riadhah Ruhhiyyah*' yang dibincangkan dalam kajian ini merujuk kepada pembangunan profesionalisme GPI bertunjangan *habl min Allah* iaitu hubungan dengan Allah s.w.t, *habl min nafs* iaitu hubungan dengan diri sendiri dan *habl min al-nas* iaitu hubungan sesama manusia merangkumi rakan sejawat dan pelajar yang akan ditinjau menerusi aspek '*Riadhah Ruhhiyyah*' itu sendiri, aspek kemahiran pengajaran dan pembelajaran serta aspek-aspek profesionalisme sebagai seorang guru.

Rumusan

Secara keseluruhan, bab ini membincangkan tentang beberapa aspek serta perkara utama yang secara lazim dibincangkan pada peringkat awal kajian. Antaranya seperti pengenalan kajian yang menyentuh tentang konsep guru berkualiti yang profesional. Ia dimulakan dengan pernyataan mengenai hubung kait antara prestasi guru dengan pencapaian pelajar serta hasrat KPM dalam memartabatkan bidang pendidikan khususnya aspek profesion perguruan. Isu yang timbul dalam perkara ini dijelaskan dalam pernyataan masalah yang kemudian menjurus kepada perbincangan tentang tujuan kajian ini dijalankan. Antara lain tujuannya adalah untuk meninjau keperluan profesionalisme GPI serta membangunkan satu model profesionalisme berasaskan '*Riadhah Ruhhiyyah*' khusus untuk para GPI berasaskan Teori Guru Profesional yang diubahsuai dari pandangan al-Ghazali (t.t) dan Model Perubahan Guru oleh Guskey (2002).

Secara khusus, objektif kajian adalah untuk mengenalpasti ciri-ciri GPI profesional serta meninjau keperluan profesionalisme perguruan GPI untuk membangunkan satu model profesionalisme guru Pendidikan Islam berdasarkan '*Riadhah Ruhhiyyah*'. Bagi memastikan model tersebut boleh diadaptasi oleh GPI dalam bidang tugas mereka, ujian penilaian kebolegunaan dilakukan oleh GPI sendiri. Objektif ini membawa kepada persoalan-persoalan kajian yang dijawab menerusi

dapatan-dapatan kajian. Batasan dan skop kajian serta takrif dan definisi beberapa istilah penting yang menjadi rangka utama kajian juga turut dijelaskan. Bagi memantapkan kajian, tinjauan literatur dibincangkan dalam bab berikutnya.

University of Malaya

BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

Pendahuluan

Bab ini mengupas mengenai tinjauan literatur kajian ini. Tinjauan literatur dikenali juga sebagai sorotan atau kajian literatur. Ia bermaksud melakukan rujukan secara analitikal dan kritikal serta sistematik pada sebarang dokumen yang mempunyai maklumat, data serta idea berkaitan kajian. Ia juga merupakan satu kaedah untuk mendapatkan informasi berkenaan dengan tajuk kajian yang akan dilakukan (Chua, 2011).

Dalam penulisan ini, pengkaji melakukan sorotan literatur terhadap aspek pembangunan profesionalisme dalam perkhidmatan perguruan, profesionalisme perguruan dalam kemahiran pengajaran dan pembelajaran serta aspek-aspek profesionalisme, standard guru profesional dalam dan luar negara, profesionalisme perguruan Pendidikan Islam serta kerangka teori profesionalisme guru Pendidikan Islam berasaskan '*Riadhah Ruhiyyah*'. Pengkaji juga membincangkan mengenai Model Perubahan Guru serta turut melakukan sorotan terhadap kajian-kajian lepas yang berkaitan.

Pembangunan Profesionalisme dalam Perkhidmatan Keguruan

Oxford Advance Learner's Dictionary (1995) mendefinisikan profesion sebagai satu pekerjaan yang berbayar. Robiah Sidin (2002) dalam tulisannya menyatakan terdapat sekurang-kurangnya empat ciri dalam sesuatu profesion itu. Antaranya adalah mempunyai penguasaan pengetahuan yang mendalam yang perlu dipelajari sebelum seseorang itu dapat diterima sebagai ahli dalam sesuatu profesion. Lazimnya bidang ilmu itu luas, jelas serta bersifat tidak kabur yakni mempunyai teori, falsafah serta praktiknya. Kuasa yang dimiliki oleh ahli-ahli profesional menurut beliau juga adalah kecekapan dan kepakaran mereka dalam bidang tertentu. Lazimnya pelanggan atau

individu yang menggunakan khidmat sesuatu profesion itu atau yang terlibat dengan ahli-ahli profesion berkenaan akan tunduk dan menghormati kuasa profesional yang diasaskan kepada kepakaran dan kecekapan seseorang. Profesion juga perlu mempunyai suatu kod etika yang piawai dan diiktiraf untuk mengatur dan menyelia tingkahlaku ahli-ahlinya dan pada masa yang sama, anggota masyarakat memberikan persetujuan atau kebenaran baik secara formal mahupun tidak formal untuk membolehkan sesuatu profesion itu terus berkembang dan kekal beroperasi.

Amir Hasan Dawi (2009) menyatakan bahawa antara kriteria-kriteria umum yang selalu digunakan untuk menghuraikan sesuatu pekerjaan sebagai satu profesion adalah mempunyai pengetahuan serta kepakaran dalam bidang tertentu yang memiliki latihan khusus, mempunyai kawalan kemasukan seperti memerlukan lesn khusus untuk mengamal, bebas untuk mengamal, memiliki autonomi dalam membuat keputusan, mempunyai kod etika profesion, mempunyai organisasi professional yang mempunyai badan untuk mengawal dan menyelia ahli-ahlinya, keadaan perkhidmatan yang ditetapkan, mendapat pengiktirafan awam sebagai profesion dan sering dikaitkan dengan ganjaran berbentuk material.

Persamaan yang jelas di antara dua pendapat di atas adalah sesuatu profesion itu perlu mempunyai kemahiran serta pengetahuan yang mendalam dalam sesuatu perkara atau bidang yang diceburi dan mempunyai kod etika profesion yang tersendiri. Mohammed Sani Ibrahim dan Norzaini Azman (2007) menambah beberapa aspek yang dikongsi bersama oleh semua profesion iaitu memberi perkhidmatan kepada masyarakat yang merujuk kepada komitmen etika dan moral kepada pelanggan, satu kumpulan ilmu yang bercorak ilmiah yang membentuk asas kepada amalan, melibatkan diri dalam aksi amali iaitu perlunya mengintegrasikan ilmu kepada amalan, pentingnya amalan dalam memperkembangkan amalan yang memerlukan seseorang belajar melalui refleksi terhadap amalan sendiri dan hasilnya dan pembinaan satu komuniti profesional yang menggerakkan penggunaan dan perkongsian ilmu dan membina standard profesional.

Justeru guru diterima sebagai profesion apabila ia dikaitkan dengan ciri-ciri seperti memiliki kepakaran dalam sesuatu bidang khusus yang mempunyai latihan khas, bernaung di bawah organisasi sistem perkhidmatan yang telah ditetapkan serta mempunyai autonomi di dalam kelas (Amir Hasan Dawi, 2009).

Profesional pula ditakrifkan sebagai seseorang yang diakui berkemahiran tinggi atau berpengalaman dalam sesuatu profesion (*Oxford Advance Learner's Dictionary*, 1995). Profesional turut merujuk kepada profesion seseorang individu sebagai suatu pekerjaan yang tetap yang menghasilkan pendapatan utamanya (Graham, 2004). Mohammed Sani Ibrahim et al. (2006) telah menyenaraikan tiga ciri utama golongan profesional iaitu memutuskan sesuatu berpandukan prinsip-prinsip umum dalam bidang pengkhususan atau bidang praktiknya, mencapai status sebagai profesional bukan menerusi pilih kasih, hubungan persaudaraan atau sebab-sebab lain yang tidak bersangkutan dengan kerja yang dilakukan sebaliknya menerusi prestasi kerja serta mesti mempunyai kod etika yang ketat untuk menjaga nama baik profesion. Ahli profesional pula didefinisikan oleh West-Burnham dan O'Sullivan (2010) sebagai seseorang yang mencari dan menggunakan prinsip profesionalisme berpandukan kepada cara ia dijayakan.

Membincangkan maksud profesionalisme, *Kamus Dewan* (1997) menyatakan ia berasal dari kata dasar 'profesion' yang ditakrifkan sebagai pekerjaan yang memerlukan latihan khusus serta kemahiran yang tinggi. Ia juga bermaksud kemahiran, kemampuan serta cara pelaksanaan sesuatu perkara yang dilakukan oleh seorang profesional. Gewirtz, Mahony, Hextall dan Cribb (2009) menyatakan apabila ia merujuk kepada profesion, ia adalah kategori klasifikasi pekerjaan dan apabila ia merujuk kepada nilai-nilai profesional, profesionalisme adalah standard etika dan teknikal dalam pekerjaan. Profesionalisme juga dirujuk kepada akauntabiliti, tahap kecekapan serta tanggungjawab yang perlu dipegang oleh seseorang yang profesional (Graham, 2004) serta turut dilihat sebagai kemahiran atau kualiti yang diperlukan oleh ahli-ahli

profesional serta sifat-sifat seperti cara pelaksanaan, kemampuan, kemahiran dan sebagainya yang dilakukan oleh atau terdapat pada seorang profesional (Mohammed Sani Ibrahim et al., 2006).

Dalam bidang keguruan, Robiah Sidin (2002) menjelaskan bahawa profesionalisme berkait rapat dengan amalan kerja yang penuh mutu, bermoral serta beretika. Amalan kerja profesional tersebut meliputi tingkahlaku yang bersifat profesional iaitu beriltizam serta mematuhi keperluan etika, melakukan refleksi dalam tugas pengajaran serta sikap kesungguhan untuk sentiasa belajar dan memperkembangkan diri. Ia juga meliputi penglibatan aktif dan proaktif dalam usaha meningkatkan profesionalisme keguruan seperti terlibat dalam menjalankan reformasi atau perubahan pendidikan, pengiktirafan guru, pensijilan, pengendalian serta pengurusan profesional seperti dalam memutuskan syarat atau kriteria untuk bekerja dalam bidang atau profesion keguruan. Banyak kajian telah dijalankan berhubung pembelajaran profesional keguruan (O'Brien, 2016) dan bagi kebanyakan guru, prinsipnya boleh menjadi lebih luas dan terkandung dalam matlamat serta pernyataan misi sekolah (West-Burnham & O'Sullivan, 2010).

Pembangunan staf atau pembangunan profesional tersebut seterusnya menjadi elemen yang penting dalam membentuk para guru yang mempunyai kelayakan dan iltizam yang tinggi. Atas sebab itu, pembangunan profesional dalam bidang keguruan telah diperakui sebagai komponen utama dalam apa jua perubahan dunia pendidikan khususnya dalam langkah meningkatkan prestasi sesebuah sekolah (Amin Senin, 2008) serta usaha meningkatkan kemahiran pengajaran (Hall & Loucks, 1981; Anderson, 1997; Bennett, Anderson, & Evans, 1997). Pembangunan profesionalisme seharusnya dilakukan secara konsisten dan berterusan selari dengan konsep dan matlamat pembelajaran sepanjang hayat demi membudayakan kecemerlangan profesional dan memastikan kelestarian kualiti guru (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014).

Program pembangunan profesional juga adalah usaha yang sistematik untuk membawa perubahan dalam sikap serta amalan guru (Guskey, 2002) namun menurut Helleve (2010), pembangunan profesional guru adalah suatu perkara yang sukar untuk difahami kerana ia digambarkan secara berbeza antara satu pihak dengan pihak yang lain (Kennedy, 2005; Broad & Evans, 2006). Ada yang menggambarkannya sebagai satu kursus dan bengkel jangka pendek dan ada yang mengaitkannya dengan amalan reflektif serta pembelajaran berterusan. Ada juga yang menyatakan pendapat bahawa ia adalah satu bentuk latihan dan pementoran (Kennedy, 2005). Dalam hal ini menurut Amin Senin (2008), terdapat tiga bentuk tafsiran dalam aspek pembangunan guru yang selalu digunakan. Pertama, tafsiran yang menyatakan bahawa pembangunan guru itu adalah suatu 'proses'. Kedua, tafsiran bahawa ia adalah suatu 'produk' manakala yang seterusnya, pandangan yang menggabungkan takrif 'proses' dan 'produk' berkenaan.

Pihak yang mentakrifkan pembangunan guru sebagai suatu 'proses' seperti Guskey (2002) dan Guskey (2005) melihat pembangunan profesional para pendidik sebagai semua bentuk dan ruang lingkup pembelajaran bersifat profesional selepas para guru menamatkan latihan perguruan atau praperkhidmatan serta suatu proses multidimensi yang merangkumi bentuk latihan tertentu. Ia dimulakan dengan aspek persediaan, amalan serta bimbingan yang diikuti dengan aktiviti susulan serta sokongan (Amin Senin, 2008). Toh (2005) turut melihat perkembangan profesionalisme sebagai bukan produk kerana ia adalah satu proses yang berasaskan andaian bahawa seorang guru mampu untuk menjana ilmunya sendiri serta mampu memahami amalan sendiri bagi tujuan menambah baik amalan sedia ada. Hal ini kerana untuk menjadi seorang guru yang profesional, ia membawa maksud melibatkan diri dalam proses pembelajaran secara berterusan (Helleve, 2010).

Pengkaji yang mentakrifkan pembangunan profesional guru sebagai suatu 'produk' pula melihatnya dalam bentuk kesan yang kritikal samada berbentuk langsung mahupun tidak langsung dalam menetapkan keberkesanannya. 'Produk' dalam bentuk

impak atau kesan langsung itu ditinjau dalam bentuk peningkatan individu guru (personel) tersebut manakala pembangunan profesional sebagai sebuah ‘produk’ dalam bentuk kesan tidak langsung pula lazimnya dirujuk kepada impak pembangunan profesional tersebut terhadap prestasi para pelajar (Clarke & Hollingsworth, 2002; Deojay & Pennington, 2000). Amin Senin (2008) menyatakan pembangunan profesional guru perlu berfokuskan ‘proses’ dan ‘produk’ iaitu pembangunan profesional sebagai suatu bentuk pembelajaran yang profesional yang diikuti oleh para guru sebaik sahaja menamatkan latihan praperkhidmatan dengan matlamat untuk mempertingkatkan kualiti pengajaran masing-masing. Ringkasnya, pembangunan profesional guru adalah satu bentuk pembelajaran guru, bagaimana guru belajar untuk belajar dan bagaimana mereka mengaplikasikan apa yang mereka telah pelajari semasa dalam latihan perguruan untuk membantu pembelajaran pelajar (Postholm, 2012).

Dari sudut fokus dan pelaksanaan pembangunan profesional guru, terdapat beberapa perbezaan pendapat tentang perkara tersebut. Ada yang mencadangkan bahawa usaha-usaha pembangunan profesional yang dirangka untuk memudahkan perubahan mestilah berpusatkan guru dan berfokuskan aktiviti-aktiviti harian guru di dalam bilik darjah (Birman, Desimone, Porter & Garet, 2000; Amin Senin, 2008). Situasi ini pada pandangan pengkaji adalah rentetan dari persepsi selama bertahun-tahun bahawa pembangunan profesional guru difahami setakat menghadiri persidangan, mengikuti seminar, bengkel dan kursus-kursus jangka pendek. Perkara-perkara ini kemudiannya digunakan untuk membantu dalam memperkenalkan polisi, kemahiran, cara dan pengetahuan-pengetahuan baru dengan andaian ia akan mempengaruhi amalan pengajaran dan pengalaman pembelajaran di bilik darjah. Sangat sedikit dalam situasi ini pembangunan profesional guru berbentuk jangka panjang (Rodrigues, 2005).

Mohammed Sani Ibrahim (2005) serta Muhammad Faizal A. Ghani dan Abd. Khalil Adnan (2015) mengemukakan pendapat serupa dengan menyatakan perkembangan staf dan profesionalisme tradisi lebih bersifat *one time workshop* serta

hanya memfokuskan latihan teknikal guru-guru secara individu. Keperluan perkembangan dalam kolaborasi secara berpasukan di antara guru atau aktiviti kolaboratif dalam kalangan peserta ahli amat diabaikan seperti peranan yang dimainkan dalam usaha untuk mencapai matlamat keseluruhan sesebuah sekolah. Hakikatnya, perkara ini amat perlu dititikberatkan kerana ia adalah sesuatu yang amat penting khususnya dalam aspek bimbingan dan pementoran terutama ke atas guru-guru novis (Ali Ibrahim, 2012).

Toh (2005) menegaskan perkembangan profesionalisme sebenarnya adalah suatu usaha ke arah meningkatkan keberkesanan amalan guru untuk memberi nilai tambah dan menambahbaik sesebuah sekolah serta komuniti. Model perkembangan profesionalisme yang bersifat konvensional dan tradisional seperti menghadiri bengkel dan kursus lazimnya bersifat 'dari atas ke bawah' atau *top down* dilihat kurang berkesan kerana pembangunan profesional adalah bersifat luas dan bukanlah sesuatu yang berbentuk *linear* (Kennedy, 2005; Broad & Evans, 2006). Dalam keadaan ini, tindaksusul biasanya kurang ditekankan selepas kursus-kursus tersebut dihadiri dan amalan yang dicadangkan mungkin kurang bersesuaian atau tidak relevan dalam konteks bidang tugas dan kerja guru. Maksudnya di sini adalah apabila kursus atau bengkel diadakan, sejauh manakah pelaksanaan guru di dalam kelas terhadap apa yang diperolehi semasa berkursus adalah kurang diberi perhatian. Di sekolah dan di dalam kelas pula, guru kurang menerima sokongan dari pihak-pihak yang mentadbir kursus atau latihan berkenaan. Pada masa yang sama, konteks dan budaya sekolah mungkin kurang menyokong pelaksanaan amalan serta idea baru yang dipelajari dari kursus yang dihadiri (Toh, 2005) sedangkan aspek tersebut amat perlu untuk dititikberatkan (Lieberman, 1995).

Amin Senin (2008) mengemukakan pandangan sama dengan menyatakan pendekatan tradisional dalam pembangunan profesional yang dilakukan dengan pendekatan satu dimensi, 'atas ke bawah' serta 'peristiwa sekali sahaja' seperti latihan

dalam perkhidmatan menerusi bengkel dan kursus adalah tidak efisien, tidak produktif, tidak berkaitan dengan amalan guru, tidak melibatkan guru itu sendiri serta kekurangan tindak susul.

Sesetengah pengkaji lain seperti Guskey (2002) menyatakan bahawa program pembangunan profesional yang paling berkesan adalah program yang menggunakan pendekatan perubahan secara bertahap dan perlahan-lahan dan bukannya mengharapkan perubahan besar berlaku dalam masa-masa tertentu. Sebaliknya pengkaji seperti Hooker (2012) serta Sparks dan Loucks-Horsley (1989) berpendapat bahawa lebih luas skop sesuatu program pembangunan profesional itu, lebih banyak usaha yang diperlukan oleh guru dan lebih banyak perubahan menyeluruh dalam gaya pengajaran yang akan mereka cuba lakukan (Amin Senin, 2008).

Suatu perkara yang pasti, perbezaan fokus dan kaedah pelaksanaan pembangunan profesional yang dibincangkan tidak menafikan bahawa pusat perubahan adalah guru dan sekolah adalah konteks perubahan itu berlaku (Clarke & Hollingsworth, 2002; Birman, Desimone, Porter & Garet, 2000; Berliner, 2004). Justeru ringkasnya, pembangunan profesional guru sebenarnya merujuk kepada pembangunan individu dan juga pembangunan organisasi (Sparks & Loucks-Horsley, 1989; Amin Senin, 2008). Day (1999) turut menyatakan bahawa pembangunan profesional guru adalah pembangunan profesional yang terdiri dari pengalaman pembelajaran serta aktiviti-aktiviti terancang yang bertujuan untuk memberi manfaat samada secara langsung mahupun tidak langsung kepada individu, kumpulan atau sekolah untuk mencapai kualiti pendidikan dalam bilik darjah.

Konsep perkembangan dan pembangunan profesionalisme guru juga perlu dilihat sebagai suatu proses pembelajaran dinamik yang menjurus kepada usaha untuk memperolehi pemahaman yang tepat serta kesedaran yang baru bagi membolehkan guru meneliti matlamat, rutin amalan kerja serta mengambil tindakan mengubahnya untuk menambah baik keadaan (Toh, 2005). Ia perlu dilaksanakan secara cekap dan efektif

kerana dapatan dari kajian oleh Muhammad Faizal A.Ghani dan Abd. Khalil Adnan (2015) menunjukkan hasrat tersebut sangat diperlukan oleh guru selain dari keperluan terhadap model program perkembangan profesionalisme yang berkonteks tempatan. Hal ini kerana tidak semua amalan yang baik yang dijalankan pada sesuatu tempat sesuai dilaksanakan di tempat lain.

Profesionalisme Keguruan dalam Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran serta Aspek-aspek Profesionalisme

Bidang keguruan di Malaysia telah mempunyai kod etika keguruan yang tersendiri seperti yang digariskan dalam Tatasusila Profesion Keguruan Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2006). Kod etika keguruan tersebut menggariskan ikrar dan tanggungjawab guru kepada anak didik, ibu bapa, masyarakat dan negara, teman sekerja serta kerjaya perguruan itu sendiri. Sebagai seorang profesional, guru perlu memiliki sifat dan kualiti peribadi, sosial serta profesional seperti bersifat adil, ramah, tegas, dedikasi, toleransi, peka, inovatif dan sebagainya. Guru turut perlu mempunyai akauntabiliti terhadap perlakuan dirinya, ilmu pengetahuan, kemahiran-kemahiran, pelajar, ibu bapa, bidang pendidikan dan negara (Amir Hasan Dawi, 2009).

Amalan nilai profesionalisme perguruan dalam Tatasusila Profesion Keguruan Malaysia secara keseluruhannya berhasrat untuk membentuk warganegara berpengetahuan yang taat setia, memiliki tanggungjawab dan mempunyai kebolehan yang menyedari kepentingan usaha menuju kebenaran dan pencapaian hasrat yang gemilang. Individu tersebut juga mempercayai prinsip Rukun Negara, prinsip demokrasi serta kebebasan perseorangan. Hal ini kerana masyarakat akan dapat membantu anak muda memahami kebudayaan, memperolehi pengetahuan yang telah terkumpul sejak zaman berzaman dan menyediakan mereka untuk menghadapi cabaran masa hadapan menerusi dunia pendidikan. Dengan menyedari betapa besarnya tanggungjawab membimbing anak muda untuk mencapai kemajuan, maka para guru perlu menerima

tatasusila seorang guru sebagai panduan untuk membolehkan mereka menyempurnakan profesion demi mencapai taraf kesusilaan yang tinggi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2006).

Yahya Buntat dan Zainuddin Masrom (2003) telah menjalankan kajian untuk meninjau dan mengenalpasti amalan etika dalam profesion keguruan di kalangan guru berpandukan matlamat Tatasusila Profesion Keguruan Malaysia yang dibincangkan. Walaupun dapatan kajian tersebut memperlihatkan bahawa guru telah mengamalkan etika profesion perguruan seperti yang dihasratkan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, namun tetap wujud segelintir guru yang bertindak dan berperlakuan tidak sewajarnya terhadap para pelajar yang secara tidak langsung telah mencemarkan nama baik profesion perguruan. Justeru guru perlulah sentiasa menunjukkan peribadi serta sahsiah yang baik agar boleh diteladani oleh pelajar (Rafizah Mohamed Salleh, 2011) kerana setiap tingkah laku guru amat mudah ditiru oleh para pelajar. Hal ini kerana guru merupakan insan yang paling dekat dengan para pelajar selain kedua ibu bapa di rumah.

Amir Hasan Dawi (2009) menegaskan bahawa seseorang guru yang mempunyai peribadi yang sesuai akan diterima oleh masyarakat dan seterusnya akan memelihara profesion perguruan. Pada pandangan pengkaji, peribadi yang sesuai bermaksud guru berkenaan menunjukkan peribadi mulia (Kamarul Azmi Jasmi, 2010; Kamarul Azmi Jasmi et al., 2009; Kamarul Azmi Jasmi et al., 2011b) dan mengamalkan etika profesion di dalam dan di luar sekolah supaya guru diiktiraf sebagai profesional. Selain dari menjaga nama baik guru dan sekolah, pemeliharaan imej profesion juga akan mempengaruhi generasi akan datang dalam memilih kerjaya perguruan. Apabila ramai yang memilih kerjaya guru, sudah pasti imej profesion dengan sendirinya menerima pengiktirafan (Amir Hasan Dawi, 2009).

Pendidikan juga merupakan satu bidang profesional yang begitu dinamik kerana asas pengetahuan bidang tersebut dalam disiplin akademik dan hampir pada setiap subjek adalah sentiasa berkembang. Demikian juga dengan prosedur serta struktur yang

menyumbang kepada keberkesanan persekitaran pembelajaran dan juga kefahaman tentang bagaimana seseorang itu belajar. Hal ini menjadikan para guru di sepanjang karier mereka pada setiap peringkat sewajarnya menguasai pengetahuan serta memahami ilmu-ilmu yang baru. Revolusi yang berterusan dalam dunia pendidikan juga turut menuntut para guru untuk memperbaharui diri mereka agar mereka tetap aktif, efektif serta menghasilkan impak langsung yang positif terhadap pembelajaran murid (Amin Senin, 2008).

Mantan Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, Tan Sri Alimuddin Mohd Dom ketika berucap dalam Forum Ke Arah Pembinaan Modal Insan Yang Kreatif dan Inovatif di Persidangan Pendidikan Daerah Gombak 2012 anjuran Majlis Guru Cemerlang (Berita Harian, 25 Julai 2012) antara lain menyatakan tugas guru kini semakin mencabar apabila pelajar tidak lagi bergantung kepada guru untuk mendapatkan maklumat sebaliknya memperoleh maklumat berkaitan menerusi saluran internet dan teknologi lain. Justeru guru perlu melakukan transformasi dalam teknik pengajaran dengan sentiasa meningkatkan pengetahuan di samping berkongsi pengetahuan dan pengalaman yang dimiliki dengan pelajar. Tujuannya adalah untuk memastikan pelajar mendapat ilmu yang berkesan serta memperolehi pengetahuan tambahan.

Oleh itu dalam hal ini, Al-Khuli (1982) telah menyarankan agar guru menyediakan perancangan yang baik dalam segenap aspek. Mohd. Salleh Lebar (1992) mengukuhkan pandangan ini dengan menyatakan bahawa dalam konteks profesionalisme, antara kemahiran utama yang perlu ditekankan oleh seorang guru adalah mempunyai kemahiran dalam ilmu pedagogi seperti berkebolehan menyusun rancangan mengajar, memahami objektif pengajaran dan mengetahui teknik-teknik pengajaran yang baru. Hal ini penting kerana dalam melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, aspek utama yang perlu dititikberatkan oleh seorang guru adalah antaranya memilih dan menyusun aktiviti pembelajaran supaya pelajar dapat mengambil

bahagian secara aktif. Kedua, merancang aktiviti pembelajaran agar dapat memberi peluang kepada setiap pelajar serta disesuaikan mengikut kebolehan pelajar di bilik darjah dan ketiga, aktiviti pembelajaran sewajarnya dapat menarik minat dan mengembangkan kemahiran tertentu (Abd. Rahim Abd. Rashid, 1997).

Dalam aspek perancangan pengajaran misalnya. Banyak kaedah dan teknik pengajaran yang telah diperkenalkan yang menyebabkan guru perlu menukar cara pengajaran sedia ada atau memberi nilai tambah terhadap kaedah yang telah digunakan sekian lama. Antaranya termasuklah mengaplikasikan teori kecerdasan pelbagai dalam pengajaran dan pembelajaran, pengajaran berasaskan kajian masa depan, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), mengaplikasikan pembelajaran secara konstruktivisme, pembelajaran secara masteri dan sebagainya (Habib Mat Som, 2008).

Guru yang berpengetahuan dan berkemahiran untuk mengapikasi sesuatu kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan tahap pelajar serta objektif pengajaran adalah antara faktor penting yang menjamin keberkesanan pengajaran sesuatu mata pelajaran (Habibah Artini Ramlie, 2005). Oleh itu, untuk mendapatkan keberkesanan pengajaran, Kamarul Azmi Jasmi et al. (2011a) dan Ab. Halim Tamuri et al., (2012) berpendapat kebanyakan strategi atau kaedah pembelajaran haruslah dirancang. Perancangan ini sangat mustahak kerana ia mampu mengoptimumkan peruntukan masa yang ditetapkan dengan berkesan disamping dapat meminimumkan aktiviti pembelajaran yang tidak efektif dan produktif.

Perancangan pembelajaran yang kurang sempurna akan menjadikan pengajaran tidak terarah kepada objektif pembelajaran, membuang masa atau hanya menghasilkan pengajaran yang lebih berpusat kepada bahan guru atau guru itu sendiri sebagai sumber pengajaran. Apabila situasi ini berlaku, aktiviti pembelajaran yang sepatutnya dipenuhi keseronokan akhirnya hanya akan menjurus kepada aktiviti kefahaman serta bacaan sahaja. Oleh itu, guru perlu memastikan mereka dapat mengendalikan aktiviti

pengajaran dan pembelajaran yang bermutu tinggi supaya pelajar berasa tertarik dan berminat terhadap isi-isi pelajaran yang bermakna (Ab. Halim Tamuri et al., 2012).

Kaedah atau strategi pengajaran juga perlu bersifat fleksibel dan boleh diubahsuai kerana seorang guru tidak akan dapat menentukan dengan tepat sebarang bentuk kaedah yang praktikal dalam semua keadaan dan masa mengikut topik serta kemahiran pelajar. Ketidakpastian tersebut wujud kerana perbezaan di kalangan guru, pelajar serta topik pelajaran berkenaan. Namun pada asasnya, guru harus mempertimbangkan kesan positif yang terhasil dari strategi pengajaran yang dirancang dalam membantu mencapai objektif pengajaran. Pendek kata, dalam merancang strategi pengajaran dan pembelajaran, guru perlu sentiasa bersedia dan memikirkan cara yang sesuai untuk menjadikan interaksi di dalam kelas menjadi aktif dengan memastikan adanya penglibatan pelajar. Hal ini kerana hasil pembelajaran berkualiti yang diinginkan hanya akan dapat dicapai sekiranya guru berpengetahuan serta memiliki kefahaman yang meluas mengenai kepelbagaian teknik dalam aktiviti pengajaran (Kamarul Azmi Jasmi et al., 2011a).

Kesannya, guru akan melahirkan pelajar yang bermotivasi serta sentiasa bersedia mengikuti aktiviti pengajaran yang dirancang dengan penuh kesungguhan. Ia juga akan menjadikan kandungan pelajaran dapat disampaikan kepada pelajar secara sistematik, menepati masa yang diperuntukkan, menyuntik semangat pada diri pelajar untuk mengaktifkan diri dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran, menghasilkan komunikasi pelbagai hala dan menjadikan suasana pembelajaran lebih menarik (Ab. Halim Tamuri et al., 2012).

Khusus kepada aspek pengetahuan, pengetahuan guru untuk mengajar terbahagi kepada tujuh kategori utama iaitu pengetahuan tentang konteks pendidikan, pengetahuan kurikulum, pengetahuan isi kandungan subjek yang diajar, pengetahuan pedagogi isi kandungan mata pelajaran tersebut, pengetahuan kaedah mengajar atau pedagogi am, pengetahuan mengenai pelajar serta pengetahuan tentang matlamat akhir

pendidikan. Antara tujuh kategori ini, pengetahuan pedagogi isi kandungan (*Pedagogical Content Knowledge* - PCK) sering mendapat perhatian para penyelidik pendidikan guru kerana ia merupakan ciri utama yang membezakan pengetahuan guru berbanding dengan bidang profesion yang lain (Shahrin Awaludin, Aini Hassan & Hassan Basri Mat Dahan, 2006).

Pengetahuan pedagogi isi kandungan amat penting kerana para guru wajib menyampaikan pelajaran mengikut tahap pemikiran dan kemampuan pelajar. Guru juga perlu mengenalpasti persediaan dan kesediaan pelajar adalah selari dengan batas kefahaman mereka, menetapkan kaedah pedagogi yang bersesuaian dengan objektif dan hasil pembelajaran, tahap perkembangan minda serta kecerdasan pelajar (Al-Ghazali, t.t, Ab. Halim Tamuri et al., 2012) di samping menggunakan bahan bantu mengajar serta rujukan yang sesuai (Ab. Halim Tamuri et al., 2012).

Pengetahuan pedagogi isi kandungan adalah satu pengetahuan yang istimewa dan unik bagi seseorang guru kerana ia menggabungkan pengetahuan tentang isi kandungan bahan pengajaran (pengetahuan mengenai perkara yang diajar) dengan pengetahuan pedagogi (pengetahuan mengenai kaedah atau cara mengajar). Gabungan keduanya menghasilkan pengetahuan pedagogi isi kandungan sesebuah subjek atau mata pelajaran yang membolehkan guru memahami bagaimana sesuatu tajuk, isu atau masalah dirancang, disusun dan disampaikan mengikut kebolehan dan minat pelajar. Oleh itu, guru perlu benar-benar menguasai pengetahuan isi kandungan dan mampu membuat perkaitan dengan disiplin yang lain supaya pelajar dapat memahami isi pengajaran dengan jelas (Al-Ghazali, t.t). Hal ini kerana salah satu dimensi unggul seorang guru dalam pengajaran adalah mempunyai kemahiran ilmu, pedagogi serta komunikasi hingga mampu menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang bermakna mengikut tahap kemampuan dan keupayaan pelajar (Al-Ghazali, t.t; Kamarul Azmi Jasmi et al., 2011a).

Antara pengetahuan yang perlu dimiliki secara khusus oleh GPI adalah pengetahuan isi kandungan yang meliputi kandungan subjek Pendidikan Islam secara meluas, mendalam serta melangkaui batasan mata pelajaran, isi kandungan subjek atau mata pelajaran lain (samada dalam konteks ilmu yang datang melalui wahyu ataupun ilmu yang dipelajari) serta ilmu *aqliyyah* dan *naqliyyah* pada tahap yang lengkap dan sempurna. Ilmu *aqliyyah* yang dikuasai perlu bersifat kontemporari serta jawapan yang rasional kepada persoalan-persoalan asas berkaitan isi kandungan Pendidikan Islam. Ibn Khaldun menekankan betapa pentingnya seorang guru mempunyai pengetahuan yang mendalam terhadap isi kandungan subjeknya serta pada waktu yang sama mengambil berat kepelbagaian pelajar dari segi kebolehan, minat dan jantina (Shahrin Awaludin et al., 2006). Perkara sama turut dinyatakan oleh Kamarul Azmi Jasmi (2010) dan Rafizah Mohamed Salleh (2011) yang menjelaskan bahawa aspek yang menjadi teras ciri guru cemerlang adalah penguasaan ilmu Pendidikan Islam dan pengkaedahan pengajaran dan pembelajaran.

Menguasai ilmu pengetahuan semasa, terkini dan kontemporari juga tidak seharusnya dipandang sebelah mata oleh para GPI kerana era globalisasi kini memerlukan guru perlu menguasai lebih dari satu kemahiran dan bidang tertentu. Hal ini kerana kemahiran serta ilmu yang diperolehi pada masa sebelum ini mungkin tidak lagi relevan dan bersesuaian atau mungkin perlu diperkukuhkan dengan kemahiran terbaru seperti penguasaan bidang komputer serta teknologi maklumat dan komunikasi. Penguasaan ilmu dapat diperolehi menerusi cara. Misalnya menerusi '*professional discussion*' sesama rakan guru tentang perkembangan ilmu-ilmu yang terkini serta strategi mengajar yang bersesuaian bagi melahirkan idea-idea terkini yang lebih kreatif (Rusmini Ku Ahmad, 2004).

Dalam aspek penyampaian pengajaran, penyampaian yang disampaikan menurut tahap pencapaian dan kemampuan pelajar bukan sahaja menunjukkan kebijaksanaan dan kematangan guru malah boleh menghasilkan kejayaan pembelajaran yang baik dan

pencapaian yang tinggi (Al-Qiyamah, 75 : 16-19; Al-Ghazali, t.t; Abdullah Ishak, 1995). Atan Long (1993) menyatakan bahawa antara prinsip pengajaran yang perlu dititikberatkan oleh guru dalam menyampaikan pengajaran secara efektif adalah penglibatan pelajar secara aktif dalam proses pengajaran, penggunaan kaedah pengajaran yang pelbagai, kandungan isi pengajaran yang dikaitkan dengan asas pengetahuan dan pengalaman pelajar, kaedah pengajaran guru yang dirancang dan memberi pertimbangan kepada kepelbagaian pelajar, pewujudan suasana demokratik dalam bilik darjah serta menggalakkan integrasi pengetahuan di kalangan pelajar. Guru juga perlu menggabungkan pengalaman lalu pelajar dengan aktiviti pengajaran, melibatkan pelajar dalam pembelajaran berbentuk kolaboratif di samping mengambil kira pandangan serta pendapat mereka dalam memutuskan sesuatu (Muhammad Faizal A.Ghani & Abd. Khalil Adnan, 2015). Hal ini bermakna satu perancangan yang sistematik perlu ditekankan.

Untuk mendapatkan keberkesanan pengajaran, guru juga perlu menyampaikan ilmu pengetahuan yang dimiliki dengan jelas kerana proses pendidikan dan 'pengilmuan' tidak akan berlangsung dengan sempurna jika sesuatu ilmu tidak difahami (Al-Ghazali, t.t; Sidek Baba, 2011b). Peringkat pentingnya mana-mana bidang pembelajaran diolah dan disampaikan dengan efektif menerusi kaedah lebih menarik yang berkait rapat dengan kepelbagaian disiplin ilmu dan amalan adalah supaya ia dapat diterapkan dalam hidup seseorang pelajar. Ia juga diharapkan mampu mendatangkan perubahan positif di samping dapat membangunkan diri dan masyarakat agar berakhlak mulia, mempunyai daya fikir yang cemerlang, memiliki persefahaman, sentiasa memanjatkan syukur dan mengamalkan perpaduan. Usaha tersebut diharap akan menghasilkan pelajar yang cemerlang dan berupaya menyumbang dalam aspek pembangunan dan kesejahteraan negara serta melahirkan tamadun ummah yang tinggi (Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Hal ini kerana pendidikan bukanlah sekadar suatu proses pemindahan ilmu dan maklumat, bahkan ia juga adalah proses merubah diri manusia (*transfer and transform*) (Al-Ghazali, t.t; Sidek Baba, 2011b) supaya selalu merapatkan diri kepada Allah s.w.t (Al-Ghazali, t.t).

Para guru turut perlu kreatif dan sentiasa melakukan inovasi dalam menyampaikan pengajaran mengikut kesesuaian dan keselesaan para guru. Hal ini kerana menurut Ab. Halim Tamuri et al. (2012), pendidik yang kreatif, kritis, inovatif serta mengaplikasikan ilmu pedagogi yang sesuai bukan sahaja akan menyumbang impak positif terhadap pencapaian dan peningkatan anak murid, malah ia juga mampu mencetuskan suasana pembelajaran harmonis dan ceria di samping menggalakkan murid untuk lebih mendalami ilmu dengan penghayatan sebenarnya.

Namun menurut Toh (2005), kebebasan guru untuk menambahbaik sesuatu amalan pengajaran tidak membawa maksud guru bebas merancang tindakannya tanpa merujuk kepada mana-mana teori atau meminggirkan teori-teori pembelajaran sedia ada. Hal ini kerana ia mungkin boleh memudaratkan perkembangan pelajar dalam aspek sosio-psikologi ekoran kesilapan dalam memperkukuhkan amalan yang kurang munasabah atau yang bersesuaian dengan pelajar. Contohnya seperti guru terlalu kerap menggunakan kaedah latih tubi dalam melatih pelajar untuk menguasai kemahiran menjawab soalan tanpa memikirkan kesannya kepada perkembangan aspek kognitif dan sahsiah pelajar. Dalam situasi ini, adaptasi serta aplikasi teori-teori pembelajaran sedia ada yang dibangunkan menerusi bukti-bukti empirikal yang kukuh adalah amat penting.

Justeru para guru masih perlu merujuk teori-teori berkenaan bagi mengenalpasti jurang yang wujud antara pendekatan teori tersebut dengan amalan guru serta implikasinya terhadap prestasi dan perkembangan pembelajaran pelajar. Maksudnya di sini teori semasa boleh terus dioperasikan menerusi pendekatan dan kaedah yang bersesuaian dengan perancangan pengajaran oleh guru. Pada masa yang sama, kemahiran pengajaran dan pembelajaran seorang guru turut perlu dinilai. Guru

hendaklah selalu melakukan refleksi tentang kekuatan serta kelemahan diri di samping mengenalpasti dan mengkaji kehendak dan nilai masyarakat yang sentiasa berubah (Kamarul Azmi Jasmi, 2010).

Menyentuh aspek lain, latihan lanjutan yang dianjurkan oleh pihak maktab perguruan (kini institut pendidikan guru atau IPG) atau universiti-universiti perlu dimanfaatkan dengan sepenuhnya. Namun oleh kerana urusan mengendalikan latihan untuk guru biasanya melibatkan kos yang begitu besar, pelaksanaan perkongsian sumber di antara pihak sekolah mahupun peringkat daerah boleh dilaksanakan untuk mengurangkan kos serta memaksimumkan penggunaan sumber tersebut. Di samping latihan dalaman, para guru turut boleh menyertai latihan-latihan yang dianjurkan oleh pihak luar.

Apa yang penting adalah para guru perlu sentiasa peka dan bersikap cakna terhadap peluang yang wujud dengan memanfaatkannya sebaik mungkin. Dalam hal ini, Ahmad Munawar Ismail (2008) dalam kajiannya mencadangkan agar GPI diberikan pendedahan dan latihan-latihan kemahiran yang sistematik dan mampu disesuaikan mengikut kepelbagaian tahap penerimaan dan pemahaman kognitif pelajar di samping latihan-latihan yang menjurus kepada aplikasi teknologi terkini. Pada masa yang sama, pihak pentadbir sekolah perlu memastikan peluang tersebut diagihkan dan dijadualkan secara adil kepada para guru (Omar Abdull Kareem & Khuan Wai Bing, 2005) di samping menggalakkan para guru melaksanakan strategi pengajaran yang inovatif (Clarke & Hollingsworth, 2002).

Selain dari perkembangan profesional berbentuk kursus-kursus dalaman yang dianjurkan oleh pihak sekolah ataupun kursus-kursus luaran, Clarke dan Hollingsworth (2002), Rusmini Ku Ahmad (2004), Broad dan Evans (2006) dan Ab. Halim Tamuri et al. (2012) mencadangkan supaya pemantapan ilmu untuk meningkatkan profesionalisme di kalangan guru dilaksanakan menerusi galakan perbincangan sesama rakan sejawat. Hal ini kerana ia perlu dijalankan secara terus menerus selari dengan konsep

pembelajaran sepanjang hayat berasaskan teladan rakan setugas (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014). Para guru turut perlu sentiasa berusaha meningkatkan kompetensi menerusi pembacaan dan analisis penyelidikan terkini, melakukan kajian tindakan tentang aspek berkaitan proses pengajaran dan pembelajaran serta menghadiri wacana ilmu (Broad & Evans, 2006; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014). Usaha ini tidak memerlukan modal yang banyak namun mendatangkan hasil yang memberangsangkan.

Guru juga boleh mengeksploitasi kecanggihan teknologi maklumat pada masa kini (Ahmad Munawar Ismail, 2008) dengan berkongsi idea dan menguasai ilmu pengetahuan dengan individu yang mempunyai minat yang serupa atau dari kalangan personel yang sama samada di dalam negara mahupun di negara luar tanpa terbatas kepada perkongsian antara rakan sejawat di sekolah semata-mata (Rusmini Ku Ahmad, 2004). Apa yang penting adalah 'peralatan' seumpama teknologi maklumat tersebut perlu memainkan peranan yang signifikan dalam menilai hasilan guru (Ladykowska, 2012). Hal ini kerana menurut Yin, Mo dan Kwok (2001) serta Muhammad Faizal A.Ghani dan Abd. Khalil Adnan (2015), jika sebelum ini para guru lebih dilihat sebagai penyedia pengetahuan tetapi sekarang, para guru dianggap lebih berperanan sebagai fasilitator dalam menyokong proses pembelajaran dan membangunkan kecerdasan pelbagai serta kebolehan sendiri pelajar.

Para guru perlu bersedia mendepani letusan ilmu yang pesat dengan adanya saluran maklumat secara berterusan. Sekiranya para guru memandang remeh akan perkembangan ini, dibimbangi pelajar akan bergerak terlebih dahulu ke hadapan khususnya pelajar di bandar yang mampu memperolehi ilmu dan maklumat dengan pantas menerusi gajet-gajet serta perantaraan peralatan ICT yang canggih (Omar Abdull Kareem & Khuan Wai Bing, 2005).

Oleh itu, guru sendiri perlu menjadi orang yang belajar sepanjang hayat, mampu menyampaikan pengajaran mereka dengan paradigma baru pengajaran, boleh

mengadaptasi dan berurusan dengan pelajar yang berbeza usia, etnik dan latar belakang serta mahir dalam teknologi baru yang membangun dengan pantas. Hal ini kerana peranan guru di sekolah telah ditetapkan sebagai agen transmisi ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai sebagaimana yang dijelaskan dalam kurikulum pendidikan (Amir Hasan Dawi, 2009). Day (1999) menyatakan bahawa memiliki kelayakan untuk menjadi guru sentiasa diperlukan tetapi ia tidak mencukupi untuk berjaya sebagai seorang profesional kerana peningkatan produktiviti guru bergantung pada keupayaan dan keinginannya untuk mengembangkan diri sebagai seorang profesional (Rahimah Ahmad, 1992). Jadi adalah diharapkan pihak KPM, JPN mahupun PPD dapat membuat tindakan susulan untuk meningkatkan kualiti dan profesionalisme GPI khususnya dalam aspek kemahiran pengajaran dan pembelajaran menerusi pelaksanaan program seperti kursus, latihan, seminar, bengkel serta lain-lain program yang bersesuaian.

Menyentuh mengenai aspek pemberian anugerah, D'Silva (1997) mencadangkan agar pihak-pihak berkenaan memberikan ganjaran yang sesuai kepada guru untuk meningkatkan motivasi mereka. Hal ini kerana para guru perlu memiliki motivasi terlebih dahulu sebelum dapat memotivasikan para pelajar (Ab. Halim Tamuri et al., 2012). Kajian D' Silva (1997) juga mendapati terdapat hubungan yang positif di antara ganjaran ekstrinsik seperti pemberian wang dan ganjaran instrinsik seperti rasa bangga diri dengan pembangunan profesionalisme para guru itu sendiri. Justeru dalam hal ini, penguasaan para guru dalam kemahiran terkini seperti kemahiran penyelidikan, pembangunan modul dan seumpamanya sewajarnya turut dijadikan kriteria penilaian dalam pemberian anugerah dan urusan kenaikan pangkat guru (Ab. Halim Tamuri et al., 2012).

Menerusi kajian ini, aspek ganjaran untuk guru yang dibincangkan adalah ganjaran berbentuk bukan kewangan seperti penghargaan dari pelajar, pihak atasan dan masyarakat, sumbangan untuk negara, peluang peningkatan kerjaya serta masa bersama keluarga.

Standard Guru Profesional

Perbincangan mengenai aspek pembangunan profesionalisme guru seterusnya dilanjutkan dengan kupasan mengenai standard guru profesional dalam negara iaitu Model Standard Guru Malaysia serta beberapa standard guru professional luar negara seperti standard guru profesional dalam standard profesionalisme keguruan di Kanada, Amerika Syarikat dan Scotland.

Standard Guru Profesional dalam Model Standard Guru Malaysia

Pihak Bahagian Pendidikan Guru (BPG), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah peneraju utama pelaksanaan latihan perguruan di negara ini. BPG bersama pihak IPG dan IPTA memainkan peranan penting serta bertanggungjawab dalam usaha merealisasikan hasrat negara untuk melahirkan insan guru yang berkualiti tinggi dan kekal berkualiti. Dari aspek fungsi, IPG memberi fokus kepada latihan praperkhidmatan manakala BPG menumpukan fokus kepada pembangunan profesionalisme guru berterusan melalui latihan dalam perkhidmatan.

Selaras dengan fungsinya, BPG merangka konsep pembangunan pendidikan guru dengan matlamat 'melahirkan guru yang berkualiti untuk memastikan kualiti pembelajaran dalam kalangan murid' dengan membangunkan satu 'standard' yang menjadi rujukan pembangunan di setiap peringkat pendidikan guru. 'Standard' yang disediakan merujuk kepada Standard Guru Malaysia (SGM) yang mencerminkan standard profesionalisme keguruan yang perlu ada pada setiap pendidik.

SGM yang digubal oleh BPG pada tahun 2009 berfungsi sebagai panduan bagi mengenalpasti kualiti dan kompetensi guru dari sudut amalan profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman serta kemahiran dalam aspek pengajaran dan pembelajaran. SGM turut menggariskan keperluan yang perlu disediakan oleh agensi serta institusi latihan perguruan. Selain untuk agensi serta institut latihan perguruan tersebut, piawaian standard SGM ini digariskan sebagai panduan dan rujukan para guru dalam

inisiatif untuk menghasilkan guru yang berkualiti. SGM juga digunakan sebagai panduan dalam pembinaan standard untuk pemilihan calon guru, latihan praperkhidmatan, penempatan guru, induksi profesionalisme dan pembangunan profesionalisme berterusan (CPD).

Secara ringkas, SGM adalah suatu pernyataan berhubung kompetensi profesional yang perlu dicapai oleh para guru iaitu Standard serta pernyataan aspek yang perlu disediakan oleh agensi latihan perguruan yang dirujuk sebagai Keperluan. Rajah 2.1 memaparkan model SGM tersebut.



Rajah 2.1 Model Standard Guru Malaysia. Sumber : Bahagian Pendidikan Guru (2009)

Dalam Rajah 2.1, Guru yang digambarkan oleh huruf G seharusnya mempunyai kompetensi yang tinggi dalam aspek Amalan Nilai Profesionalisme Keguruan iaitu Standard 1, Pengetahuan Dan Kefahaman iaitu Standard 2 serta Kemahiran Pengajaran Dan Pembelajaran iaitu Standard 3. Standard-standard tersebut ditunjukkan dalam tiga bulatan kecil yang bersepadu dan ia merujuk kepada aspek kompetensi yang perlu dikuasai oleh guru sebagaimana yang dipaparkan pada Rajah 2.2.



Rajah 2.2 Standard Guru Profesional yang dihasratkan dalam Model Standard Guru Malaysia. Sumber : Bahagian Pendidikan Guru (2009)

Standard Amalan Nilai Profesionalisme Keguruan yang merupakan standard pertama dalam SGM digubal berdasarkan Tatasusila Profesion Keguruan, budaya IPG, Tonggak Dua Belas, nilai utama dalam Perkhidmatan Awam, prinsip utama Etika Kerja Kementerian Pendidikan Malaysia dan nilai murni dalam kurikulum sekolah merangkumi tiga domain iaitu Domain Diri, Domain Profesion dan Domain Sosial seperti mana yang ditunjukkan pada Rajah 2.3.



Rajah 2.3 Prinsip dan Domain Standard Amalan Nilai Profesionalisme dalam Model Standard Guru Malaysia. Sumber : Bahagian Pendidikan Guru (2009)

Domain Diri dalam Standard Amalan Nilai Profesionalisme merujuk kepada pegangan nilai yang sedia ada pada seorang guru dan harus diperkembangkan untuk membolehkan guru memberikan sumbangan yang lebih berkesan kepada profesion keguruan. Fokus nilai domain ini adalah percaya kepada Tuhan, ikhlas hati, bersifat amanah, berilmu, kasih sayang, bersikap sabar sabar, berbudi bahasa, mempunyai timbang rasa, adil, berdaya saing, berdaya tahan dan tahan lasak, cergas, sihat serta aktif, memiliki kemahiran antara personal dan intrapersonal, cekap dan bersemangat sukarela.

Domain Profesion dirujuk kepada pegangan nilai-nilai murni yang perlu diamalkan oleh guru secara telus dalam melaksanakan tugas sebagai seorang guru profesional. Antara nilai yang dititikberatkan adalah berketrampilan, rasa kecintaan terhadap profesion, amalan kerja sepasukan, integriti, proaktif, kreatif dan inovatif manakala Domain Sosial pula merujuk kepada pegangan guru yang berperanan sebagai penjana modal insan dan agen sosialisasi dalam hidup bermasyarakat. Nilai-nilai penting yang harus diamalkan antaranya seperti kemahiran dalam aspek sosial, keharmonian, patriotisme, semangat hidup bermasyarakat dan rasa kecintaan kepada alam sekitar.

Standard seterusnya dalam SGM iaitu Standard Pengetahuan dan Kefahaman merujuk kepada akauntabiliti seorang guru dalam menguasai ilmu yang mantap, menjalankan amanah dengan cekap serta bersifat inovatif dan kreatif. Antara aspek yang harus dikuasai oleh guru adalah seperti yang dipaparkan pada Jadual 2.1.

Jadual 2.1

Standard Pengetahuan dan Kefahaman yang Perlu Dimiliki Guru dalam Model Standard Guru Malaysia

Standard Pengetahuan dan Kefahaman yang perlu dimiliki oleh guru profesional	1. Falsafah, matlamat serta objektif pendidikan yang merupakan teras pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran 2. Falsafah, matlamat, objektif kurikulum dan ko-kurikulum, hasil pembelajaran serta keperluan pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran yang diajarkan 3. Kandungan subjek atau mata pelajaran yang diajar 4. Kandungan Ilmu Pendidikan 5. Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK), media serta sumber pendidikan untuk pelaksanaan kurikulum dan ko-kurikulum 6. Strategi untuk mewujudkan persekitaran dan suasana pembelajaran yang kondusif 7. Kaedah pentaksiran dan penilaian serta penyelidikan tindakan untuk menambahbaik amalan pengajaran dan pembelajaran 8. Potensi dan prestasi murid serta cara mengembangkannya secara menyeluruh dan bersepadu
--	--


Manakala standard ketiga yang terkandung dalam SGM adalah Standard Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran yang menumpukan fokus kepada kebolehan guru dalam merancang, melaksana serta membuat penilaian pengajaran dan pembelajaran akademik dan kokurikulum. Kemahiran pengajaran dan pembelajaran yang harus ada untuk para guru diringkaskan dalam Rajah 2.4.



Rajah 2.4 Aspek Standard Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran dalam Model Standard Guru Malaysia. Sumber : Bahagian Pendidikan Guru (2009).

Dalam standard Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran, perancangan pengajaran dan pembelajaran perlu disediakan berdasarkan takwim sekolah dan sukatan pelajaran dengan mengambil kira perbezaan kebolehan pelajar, pengetahuan sedia ada serta jangkaan pencapaian pelajar. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran pula perlu dilaksanakan dengan menggunakan pelbagai kaedah dan teknik serta menggabungkan kemahiran belajar, kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran pemudahcaraan serta kemahiran melakukan pentaksiran dan penilaian. Pada masa yang sama, pemantauan, pentaksiran dan penilaian keberkesanan pengajaran dan pembelajaran perlu dilakukan dengan tujuan untuk memperbaiki dan menambahbaik pengajaran guru demi meningkatkan pencapaian pelajar. Manakala pengurusan kelas dengan melibatkan masa, ruang dan sumber serta pengurusan hubungan kemanusiaan adalah untuk mencapai objektif pembelajaran yang bermakna serta berkesan.

Perincian seterusnya mengenai SGM adalah Lingkaran besar putih yang melingkari Standard. Ia menggambarkan Keperluan utama yang perlu disediakan dan diadakan oleh agensi dan institusi latihan perguruan bagi menyokong dan membantu guru mencapai Standard. Keperluan yang dimaksudkan adalah Kelayakan Masuk serta Prosedur Pengambilan Calon Program Latihan Perguruan (Keperluan 1), Latihan, Pentaksiran serta Penilaian Program Perguruan (Keperluan 2), Kolaborasi (Keperluan 3), Infrastruktur dan Infostruktur (Keperluan 4) serta aspek Jaminan Kualiti (Keperluan 5) seperti yang digambarkan dalam Rajah 2.5.



Rajah 2.5 Keperluan yang diperlukan untuk mencapai Standard Guru yang dihasratkan dalam Model Standard Guru Malaysia. Sumber : Bahagian Pendidikan Guru (2009).

Dalam model SGM juga terdapat Lingkaran besar yang memagari Keperluan. Ia sebenarnya menggambarkan asas penentuan Standard dan Keperluan iaitu Misi Nasional, Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), Falsafah Pendidikan Guru (FPG), Tatasusila Profesion Keguruan dan Etika Kerja Kementerian Pendidikan Malaysia sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 2.6.



Rajah 2.6 : Asas penentuan Standard dan Keperluan dalam Model Standard Guru Malaysia. Sumber : Bahagian Pendidikan Guru (2009)

Perincian terakhir dalam model SGM adalah glob yang terletak pada pusat lingkaran Standard. Glob tersebut menggambarkan kualiti guru bertaraf dunia yang diamanahkan untuk mendidik pelajar berminda kelas pertama yang memiliki ketinggian ilmu dan kemahiran, memiliki semangat patriotisme yang utuh, menjunjung nilai budaya bangsa, mempunyai kewibawaan serta mempunyai ketinggian daya saing.

Terbaru, BPG memperkenalkan konsep Guru Malaysia yang merupakan satu inisiatif untuk memastikan setiap guru didaftarkan dalam Sistem Guru Malaysia (SGMy) dan diberi Sijil Guru Malaysia bagi melayakkan guru melaksanakan tugas sebagai pendidik di mana-mana institusi pendidikan yang berdaftar di Malaysia bagi memastikan profesionalisme berterusan para guru (Bahagian Pendidikan Guru, 2016).

Standard Guru Profesional dalam Standard Profesionalisme Perguruan di Kanada

Standard profesional guru adalah suatu pernyataan tahap kualiti yang perlu dibuat dan dicapai oleh para guru ketika menjalankan tugas keguruan yang dipersetujui oleh masyarakat serta ahli profesional dalam bidang keguruan tersebut (Mohamed Sani Ibrahim, 2007). Di Kanada, *Ontario College of Teachers* telah diberi tanggungjawab pada tahun 1996 untuk menentukan standard profesional, pensijilan dan akreditasi untuk semua program pendidikan guru. Pada tahun 1999, ia menerbitkan satu set standard pengajaran yang memberi asas kepada program-program praperkhidmatan dan dalam perkhidmatan. Standard-standard ini telah disusun dalam lingkungan lima tema iaitu ilmu profesional, komitmen kepada pelajar dan pembelajaran pelajar, amalan mengajar, kepimpinan dan komuniti serta pembelajaran profesional yang berterusan (Mohammed Sani Ibrahim, 2007).

Council of the Ontario College of Teachers meluluskan *Standards of Practice for the Teaching Profession* (Standard Amalan untuk Profesion Perguruan) pada Februari 2000 dan *The Ethical Standards for the Teaching Profession* (Standard Etika


Profesion Perguruan) pada Oktober 2000. Seterusnya pada 8 Jun 2006, *Council of the Ontario College of Teachers* telah meluluskan versi baru *The Ethical Standards for the Teaching Profession* dan *Standards of Practice for the Teaching Profession* (Broad & Evans, 2006).

Tujuan pengenalan *The Ethical Standards for the Teaching Profession* adalah untuk mengangkat martabat profesion keguruan, mengenal pasti komitmen dalam profesion keguruan, membimbing guru dalam etika profesion keguruan dan menyemai keyakinan serta kepercayaan masyarakat terhadap profesion keguruan. Antara etika dalam standard berkenaan adalah Peduli, Hormat, Percaya dan Integriti. Manakala *Standards of Practice for the Teaching Profession* adalah komitmen kepada pelajar dan pembelajaran pelajar, pengetahuan serta amalan profesional, kepimpinan dalam pembelajaran komuniti serta pembelajaran profesional yang berterusan (Broad & Evans, 2006; Ontario College of Teachers, 2011).

Standard Guru Profesional dalam Standard Profesionalisme Perguruan di Amerika Syarikat

Standard profesionalisme perguruan di Amerika Syarikat dibangunkan oleh *The National Board for Professional Teaching Standards* (NBPTS). NBPTS ditubuhkan pada tahun 1987 selepas *The Carnegie Forum Forum on Education* dan *The Economy's Task Force on Teaching as a Profession* melancarkan *A Nation Prepared: Teachers for the 21st Century*. Selepas dilancarkan, NBPTS menerbitkan polisinya berhubung 'What Teachers Should Know and Be Able to Do' (The National Board for Professional Teaching Standards, 2012) pada tahun 1989.

Standard yang dikemukakan dalam polisi berkenaan untuk menghasilkan *National Board Certified Teachers* (NBCTs) adalah berpusat kepada lima dimensi teras seperti yang ditunjukkan pada Rajah 2.7.



Rajah 2.7 Lima Teras Utama Standard Guru yang dibangunkan oleh NBPTS. Sumber : National Board for Profesional Teaching Standards (2012)

Lima dimensi teras NBPTS merujuk kepada tanggungjawab guru dalam aspek komitmen professional, pedagogi mata pelajar diajar, pengurusan pelajar dalam aspek pembelajaran, kemahiran berfikir untuk melakukan refleksi serta keahlian dalam komuniti pembelajaran yang dipecahkan lagi kepada beberapa kategori lain (Broad & Evans, 2006). Menurut Mohammed Sani Ibrahim (2005), meskipun memiliki kekuatan sendiri, standard yang dibangunkan oleh NBPTS di atas menampakkan tetap kelemahan yang ketara. Misalnya, tidak ada dari lima kerangka dimensi itu yang mencadangkan tentang keperluan untuk perubahan dalam keperluan pendidikan di kalangan masyarakat dengan wujudnya perubahan dalam ilmu ekonomi dan globalisasi.

Standard Guru Profesional dalam Standard Profesionalisme Perguruan di Scotland

The General Teaching Council for Scotland (GTC Scotland) adalah badan profesional bebas untuk meningkatkan standard profesion perguruan di Scotland. Ditubuhkan pada tahun 1965, GTC Scotland adalah badan profesional yang pertama untuk guru-guru di United Kingdom dan seumpamanya di dunia. *The Standard for Chartered Teacher* (SCT) atau Standard Guru-guru Bertauliah yang dibangunkan oleh GTC Scotland menggariskan empat komponen utama yang patut dimiliki oleh guru-

guru bertauliah atau guru-guru profesional sebagaimana yang ditunjukkan dalam Rajah 2.8.



Rajah 2.8 Komponen *Standard for Chartered Teacher* (SCT) iaitu Standard Guru Bertauliah Scotland. Sumber : *General Teaching Council for Scotland* (GTC Scotland) (2012)

Manakala perincian komponen-komponen Standard Guru-guru Bertauliah pada Rajah 2.8 yang meliputi pengetahuan dan kefahaman profesional, nilai profesional dan komitmen personel, kebolehan dan kemahiran profesional serta tingkhilaku profesional adalah sebagaimana yang ditunjukkan pada Jadual 2.2.

Jadual 2.2

Perincian Komponen Standard for Chartered Teacher (SCT). Sumber : General Teaching Council for Scotland (2012)

Aspek Profesional	Standard Profesional
1. Nilai profesional dan komitmen personel	<p>1.1 Pendidikan dan nilai sosial</p> <p>1.2 Perkembangan dan penilaian sendiri yang kritikal</p> <p>1.3 Mempromosikan pembelajaran di dalam kelas secara efektif</p> <p>1.4 Pengaruh dan kolaborasi</p>
2. Pengetahuan dan kefahaman profesional	<p>2.1 Menggunakan pendekatan terkini dalam pengajaran dan pembelajaran termasuk menggunakan ICT untuk menyokong pembelajaran</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kajian terkini tentang pengajaran dan pembelajaran • Penaksiran pendidikan dan interpretasinya • Perdebatan isu-isu semasa <p>2.2 Mengubah sosial dan konteks budaya pendidikan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kurikulum sekolah, pengetahuan asas dan kaitan kurikulum dengan kehidupan komuniti termasuk kewarganegaraan dan dunia bekerja <p>2.3 Prinsip dan amalan keadilan sosial, kesaksamaan dan demokrasi dalam strategi untuk mengelakkan diskriminasi</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tindak balas terhadap perbezaan pelajar dan terhadap halangan pengalaman pelajar untuk belajar <p>2.4 Pendidikan serta perkembangan persekitaran dan masyarakat</p> <p>2.5 Sifat profesionalisme</p>
3. Kebolehan dan kemahiran profesional	<p>3.1 Mempunyai semangat dan keupayaan untuk memotivasi</p> <ul style="list-style-type: none"> • Berkomunikasi secara efektif <p>3.2 Boleh menjadi sumber dan positif menggunakan pendekatan penyelesaian masalah</p> <p>3.3 Menjadi kreatif dan imaginatif dan mempunyai tingkahlaku yang terbuka kepada perubahan</p> <p>3.4 Sistemik dan terurus, berfokus, mengenal pasti dan bekerja keras</p>
4. Tingkahlaku profesional	<p>4.1 Nilai-nilai sosial dan pendidikan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengaitkan amalan ke arah matlamat sekolah dan nilai sosial lebih luas • Dapat menyatakan idea dengan terang dan jelas, berdikari dan mempunyai pendirian yang kritikal untuk menangani perspektif isu-isu pendidikan, polisi dan perkembangan <p>4.2 Perkembangan dan penilaian sendiri yang kritikal</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menilai amalan dan membuat refleksi kritikal terhadapnya serta berterusan memperbaiki pengalaman pembelajaran • Memastikan pengajaran diketahui melalui pembacaan dan penyelidikan <p>4.3 Kesan meningkatkan amalan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Meninggalkan kesan berterusan di dalam proses pembelajaran dan perkembangan pelajar • Membina kesudahan yang positif dalam pembelajaran • Menggunakan pelbagai strategi untuk meningkatkan pembelajaran pelajar <p>4.4 Kolaborasi dan mempengaruhi rakan sejawat</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menyumbang peningkatan kualiti pengalaman pendidikan disediakan oleh sekolah ke arah konteks profesional yang lebih luas dalam proses pengajaran dan pembelajaran

Standard profesional ini telah disemak semula oleh pihak GTC pada 5 Disember 2012 agar bersesuaian dengan konteks pendidikan dan masyarakat. Tujuannya adalah supaya para guru dapat memenuhi keperluan profesional dan pengetahuan bagi menghasilkan impak yang lebih positif terhadap pelajar dan aspek pembelajaran. Semakan semula standard ini mencakupi skop yang lebih meluas dan diadaptasi untuk pelbagai tujuan merangkumi aspek penanda aras untuk memasuki profesion perguruan, kompetensi guru, pembangunan profesional berterusan, rangka kerja refleksi dan penilaian sendiri, penganugerahan dan sistem sokongan untuk guru (*The General Teaching Council For Scotland, 2016*).

Sebagai rumusan, berpandukan keempat-empat standard perguruan yang dianalisis, Jadual 2.3 menunjukkan perbezaan kandungan standard berkenaan dengan standard perguruan Pendidikan Islam yang menjadi fokus untuk dibangunkan dalam kajian ini.

Jadual 2.3
Matriks Kandungan Standard Perguruan

Cadangan Komponen Model	Cadangan Kandungan Model Profesionalisme Perguruan Pendidikan Islam Berasaskan ' <i>Riadhah Ruhhiyyah</i> '	Kandungan Standard Perguruan			
		Standard Guru Malaysia (2009)	<i>The Ethical Standards for the Teaching Profession</i> (2006)	<i>National Board Certified Teachers (NBCTs)</i> (2012)	<i>The Standard for Chartered Teacher</i> (2012)
' <i>Riadhah Ruhhiyyah</i> '	1. Hubungan dengan Allah s.w.t		Tuhan (X)		
	2. Hubungan dengan diri sendiri	X	X	X	X
	3. Hubungan sesama rakan sejawat	X	X	X	X
	4. Hubungan dengan anak murid	X	X	X	X
Kemahiran Pengajaran Dan Pembelajaran	1. Perancangan Pengajaran	X	X	X	X
	2. Pengetahuan Isi Kandungan Pengajaran	X	X	X	X
	3. Penyampaian Pengajaran	X	X	X	X
	4. Penilaian Pengajaran	X	X	X	X
Aspek-Aspek Profesionalisme	1. Pengetahuan Profesionalisme	X	X		X
	2. Usaha-usaha Meningkatkan Profesionalisme	X	X		X
	3. Ganjaran Bukan Kewangan				

Kesimpulannya, matriks di atas jelas menunjukkan bahawa Standard Guru Malaysia dan standard-standard perguruan yang diilhamkan di Barat ini hanya menyentuh mengenai pembangunan profesional serta aspek perubahan sikap dan amalan guru. Khusus standard perguruan di Barat, ia tidak menyentuh langsung mengenai hubungan antara seorang guru dengan Tuhan. Apa yang ditekankan hanya hubungan dengan diri guru itu sendiri, rakan sejawat serta murid semata-mata sedangkan bagi GPI, aspek hubungan yang kukuh dengan Allah s.w.t adalah fokus

utama yang perlu dijaga dengan baik ke arah mencapai keredaannya sebagaimana yang ditekankan dalam konsep '*Riadhah Ruhhiyyah*' oleh al-Ghazali (t.t).

Kerangka Teori Kajian Profesionalisme Keguruan Pendidikan Islam berasaskan '*Riadhah Ruhhiyyah*'

Kerangka kajian ini yang bertujuan untuk membangunkan Model Profesionalisme Keguruan Pendidikan Islam berasaskan '*Riadhah Ruhhiyyah*' adalah berpandukan teori guru profesional mengikut pandangan al-Ghazali (t.t) serta Model Perubahan Guru oleh Guskey (2002). Memandangkan matlamat utama aspek pendidikan adalah membentuk rohani dan akhlak, maka keperluan dan tuntutan untuk seseorang guru memiliki peribadi yang unggul adalah satu kewajipan (Surah al-Qalam, 68 : 4) untuk membolehkan guru dihormati oleh pelajar serta masyarakat dan mendorong para anak didiknya ke arah kebaikan (Ab. Halim Tamuri et al., 2012).

Guru menurut al-Ghazali (t.t) adalah penunjuk ke jalan kebenaran. Maksud guru dalam konsep akademik menurut beliau juga adalah seseorang yang menyertai sesuatu institusi dengan tujuan menyampaikan ilmu pengetahuan kepada pelajarinya atau seseorang yang menyampaikan sesuatu untuk orang lain (Hamid Fahmy Zarkasyi, 1990). Guru menjadi pembuka jalan dan pemudah yang rumit. Oleh itu, amat mudah dan menyenangkan untuk memperolehi ilmu apabila bersama guru. Guru juga merupakan orang yang berurusan secara langsung dengan hati dan jiwa manusia. Justeru tugas mendidik adalah tugas yang paling mulia kerana guru mendidik jiwa, hati, akal dan roh manusia (Abdul Salam Yussof, 2010).

Membincangkan maksud '*Riadhah Ruhhiyyah*', kamus '*Al-Lughatul Malayuwiyyah Al-Lughatul Arabiah Al-Lughatul Arabiyyah al-Lughatul Malayuwiyyah*' (Abdul Raof Haji Hassan et al., 2011) dan kamus '*Al-Farid*' (Mohd. Puzhi Usop et al., 2015) mendefinisikan kalimah '*Riadhah*' sebagai suatu latihan manakala '*Ruhiyyah*' yang berasal dari kalimah '*ruh*' membawa maksud roh (Zakiah

Abdul Hamid, 2015). '*Ruhiyyah*' yang bererti kerohanian dalam bahasa Melayu berasal dari kata dasar rohani yang didefinisikan sebagai bahagian dalaman manusia yang mempunyai perasaan dan kemahuan (Arbak Othman, 2005) serta sifat, keadaan dan perihal rohani (Sheikh Othman Sheikh Salim, 1989). Justeru '*Ruhiyyah*' ditakrifkan sebagai segenap aspek yang berkaitan dengan roh (Abdul Raof Haji Hassan et al., 2011).

Memperincikan maksud '*ruh*', ia disebut sebanyak 22 kali di dalam kitab al-Qur'an (Al-Baqi, 1996) dengan beberapa pentafsiran. Pertama, ia membawa maksud roh itu sendiri (Surah al-Isra', 17 : 85, Surah al-Anbiya', 21 : 91, Surah al-Tahrim', 66 : 12, Surah al-Sajadah, 32 : 9, Surah al-Hijr, 15 : 29, Surah Sad, 38 : 72). Kedua ia adalah rahmat Allah s.w.t (Surah Yusuf, 12 : 87) dan ketiga ia bermaksud memperoleh ketenteraman (Surah al-Waqi'ah, 56 : 89). Kalimah '*ruh*' turut dirujuk sebagai malaikat Jibril (Surah al-Baqarah, 2 : 87, Surah al-Baqarah, 2 : 253, Surah al-Qadr, 97 : 4, Surah al-Ma'idah, 5 : 110, Surah al-Nahl, 16 : 102, Surah al-Syu'ara, 26 : 193, Surah Al-Mu'min, 40 : 15, Surah al-Ma'arij, 70 : 4, Surah al-Naba', 78 : 38, Surah Maryam, 19 : 17), tiupan roh (Surah al-Nisa', 4 : 171), wahyu (Surah al-Nahl, 16 : 2, Surah al-Syura, 42 : 52) dan pertolongan (Surah al-Mujadilah, 58 : 22).

Berpandukan tafsiran pada ayat-ayat yang merujuk perkataan '*ruh*' itu kepada maksud roh itu sendiri (Surah al-Isra', 17 : 85, Surah al-Anbiya', 21 : 91, Surah al-Tahrim', 66 : 12, Surah al-Sajadah, 32 : 9, Surah al-Hijr, 15 : 29 dan Surah Sad, 38 : 72), al-Ghazali menyimpulkan perkataan '*ruhiyyah*' yang berasal dari kalimah '*ruh*' itu sebagai suatu jisim yang halus yang ada pada rongga hati jasmani manusia. Ia berkembang dalam tubuh manusia menerusi urat saraf dan menggerakkan lima pancaindera yang dimiliki manusia untuk membolehkan manusia mengetahui serta memahami segala yang berada dalam diri mereka (al-Ghazali, 1987; Surah al-Qiyamah, 75 : 14-15). Ia turut berkisar tentang persoalan dalaman serta aspek kejiwaan manusia yang turut berkaitrapat dengan elemen roh, akal, hati dan nafsu (al-Ghazali, t.t). Aspek

kerohanian tersebut mengikut pandangan al-Ghazali bukan hanya terbatas dalam dimensi dalaman dan batin semata-mata, malah ia turut merangkumi aspek ketaatan yang nyata dan zahir kepada Allah s.w.t serta para RasulNya (Surah al-Nisa', 4 : 59), khususnya dalam memahami hak sebagai seorang hamba. Pemahaman tersebut akhirnya nanti akan melahirkan perilaku selari dengan hak kehambaan sebagai seorang hamba Allah s.w.t yang mematuhi ajaran Nabi Muhammad s.a.w serta melaksanakan amanah dan tanggungjawab terhadap manusia lain.

Gabungan perkataan '*Riadhah*' dan '*Ruhiyyah*' iaitu '*Riadhah*' '*Ruhiyyah*' menghasilkan suatu terma khusus iaitu 'latihan kerohanian' (Abdul Raof et al., 2011) dan jika latihan fizikal adalah untuk tubuh badan, maka latihan kerohanian adalah satu bentuk latihan kepada roh dan jiwa (Sellars, 2007). Al-Ghazali menggambarkan kehidupan kerohanian sebagai satu pengembaraan seseorang menuju Allah s.w.t untuk kembali kepada penciptaNya (Bingaman, 2009) manakala seorang ahli falsafah Iran terkemuka iaitu Mulla Sadra Shirazi menyatakan latihan kerohanian atau '*spiritual exercise*' itu sebagai suatu falsafah dan cara hidup kerana falsafah itu sendiri menjangkau aspek intelektual manusia (Rizvi, 2012). Oleh itu, pengkaji merumuskan '*Riadhah Ruhiiyyah*' sebagai suatu manifestasi penyucian jiwa dalam dimensi yang berbentuk kerohanian dengan objektif untuk mencapai matlamat dan hasrat pendidikan Islam yang paling utama iaitu meningkatkan keimanan (Surah al-Mujadalah, 58 : 11) dan mencari keredaan Allah s.w.t (Surah al-Nisa', 4 : 57).

'*Riadhah Ruhiiyyah*' turut dibincangkan dalam kepercayaan agama-agama lain walaupun tidak secara khusus disebut sebagai '*Riadhah Ruhiiyyah*'. Dalam agama Kristian misalnya. Ia digambarkan sebagai satu kehidupan spiritual sebagaimana yang dinyatakan oleh John Cassian, seorang paderi abad keempat yang terkenal dalam dunia kerohanian penganut Krisian. Dalam hasil penulisan beliau iaitu *The Philokalia*, beliau menyatakan bahawa 'matlamat amalan kita adalah kekuasaan Tuhan'. Namun tujuan tersebut tidak akan dapat dicapai jika tidak disertai kesucian hati. Perkara ini perlu

disematkan di dalam minda dan andainya pada suatu masa hati terpesong dari jalan yang lurus, seseorang harus kembali membimbing hidupnya ke arah matlamat asalnya' (Bingaman, 2009). Cassian menurut Bingaman (2009) juga menyatakan bahawa kesucian hati adalah cinta dan cinta adalah definisi kepada kehidupan abadi dengan Tuhan dalam kehidupan di dunia dan hidup selepasnya. Langkah ke arah perjalanan kehidupan tersebut perlu diamalkan dengan sentiasa berpegang kepada kitab Bible dan berdoa bagi tujuan mendekati Tuhan. O'Hanlon (1978) dalam tulisannya pula menyatakan bahawa tujuan latihan kerohanian dalam agama Kristian adalah penyatuan dengan Tuhan dalam proses mendekati Jesus sebagaimana kehendak Tuhan.

Menyentuh tentang '*Riadhah Ruhhiyyah*' dalam konteks perguruan, al-Ghazali (t.t) secara umumnya menekankan bahawa seorang guru profesional perlu mempunyai ciri-ciri dalaman dan luaran yang unggul, terlatih dan cekap serta berpengetahuan dalam sesuatu perkara yang hendak diajar (Kamarul Azmi Jasmi et al., 2011a). Ciri-ciri unggul dalaman yang dimaksudkan adalah pegangan teguh kepada ajaran Islam kerana al-Ghazali (t.t) menegaskan bahawa seorang guru perlu mengutamakan hubungannya dengan Allah s.w.t. juga antara sesama insan. Seyyed Hossein Nasr (2003) amat menekankan perkara ini dengan menyatakan bahawa dalam perspektif Islam, agama tidak dilihat sebagai hanya satu bahagian kehidupan. Ia sebaliknya merangkumi segenap aspek kehidupan manusia kerana kejadian manusia dan segenap seisi alam adalah di bawah kekuasaanNya. Justeru segala pemikiran dan tindakan perlu disandarkan kepada Allah s.w.t. (Seyyed Hossein Nasr, 2003) kerana agama adalah dimensi zahir yang terdiri dari Islam, iman dan ihsan yang akan mendorong ke arah aspek dalaman seseorang (Seyyed Hossein Nasr, 1981a).

Dalam aspek hubungan dan keperibadian dengan Allah s.w.t juga, al-Ghazali (t.t) amat menitikberatkan betapa pentingnya seorang GPI memiliki iman yang teguh serta peribadi yang mulia dalam proses pengajaran dan pembelajaran demi mencapai matlamat mendapat keredaan Allah s.w.t (Surah al-Hadid, 57 : 7; Surah al-Nisa' 4 : 69).

Aspek keimanan merupakan dimensi dalaman yang tidak dapat diukur namun Seyyed Hossein Nasr (1981a) menyatakan bahawa untuk mendalami kehidupan dan menjiwai dimensi dalaman, manusia perlu melakukan amalan-amalan yang mampu menghampirkan diri seseorang kepada Allah s.w.t. seperti ibadat solat, puasa, haji, menunaikan zakat serta berjihad. Ini kerana amalan-amalan ini merupakan amalan yang menyucikan kehidupan manusia ke arah kebahagiaan. GPI perlu sentiasa memantapkan iman dengan membersihkan hati (Abdullah Ishak, 1995 & Rafizah Mohamed Salleh, 2011) dan menekankan amalan solat, berzikir (yang meliputi aktiviti mental) serta berdoa (secara vokal) kerana amalan-amalan ini dapat membantu seseorang dalam kehidupan kerohaniannya (Bingaman, 2009). Dalam aspek berzikir misalnya. Zikir menurut al-Ghazali mempunyai lima kategori iaitu keinginan seseorang hamba untuk sentiasa mengingati Allah s.w.t dan berlingung dari godaan syaitan, zikir sebagai satu latihan kerohanian dalam menuju hari akhirat, zikir sebagai satu bentuk pengulangan nama Allah s.w.t. atau ucapan yang suci, zikir sebagai satu gambaran keikhlasan dan zikir sebagai satu cara mengulang-ulang nama Allah s.w.t. Sebagai lanjutan dari amalan zikir ini, al-Ghazali juga menekankan doa dan munajat untuk lebih mendekatkan hamba dengan Allah s.w.t (Surah al-Insan, 76 : 25-26; Al-Ghazali, t.t; Bingaman, 2009).

Di samping itu, GPI juga perlu melazimi amalan *taqarrub* menerusi ibadat-ibadat sunat seperti solat berjemaah, menunaikan solat rawatib, melakukan Qiamullail, membaca al-Quran setiap hari, membaca tafsir al-Quran, menghafal surah-surah al-Quran, menghafal hadis-hadis nabi serta menunaikan puasa sunat pada hari Isnin dan Khamis secara konsisten bagi tujuan membentuk keperibadian sebagai seorang GPI (Surah al-Anfal, 8 : 2-4, Noornajihan Jaafar & Ab. Halim Tamuri, 2013). Hal ini kerana menurut Allahbakhsh Khudabahsh Brohi (1992), sekiranya hidup di dunia ini dijalankan sesempurna mungkin, ia adalah semaian untuk seseorang itu di akhirat nanti.

Pada masa yang sama, guru yang profesional menurut al-Ghazali (t.t) perlu ikhlas terhadap Allah s.w.t dengan menjalankan tugas tanpa mengharapkan sebarang

balasan (Abdullah Ishak, 1995). Tujuan dan perkhidmatannya adalah bagi menghampirkan diri kepada Allah s.w.t dan perkara ini dilihat pada dua sudut iaitu menjadi khalifah Allah s.w.t serta melaksanakan ibadat untuk menghampirkan diri kepadaNya. Guru yang efektif juga merupakan seorang guru yang meminati dan mencintai profesionnya. Justeru pemahaman yang jelas bahawa profesion adalah ibadah akan membantu dalam meningkatkan kesungguhan guru ketika mendidik pelajar (Surah Hud, 11 : 29, Omar Abdull Kareem & Khuan Wai Bing, 2005).

Dalam dimensi hubungan dengan diri sendiri, guru yang profesional perlu mewarisi ajaran Rasulullah s.a.w, memperjuangkan ajaran yang disampaikan dalam masyarakat di samping menghayati ilmu dengan mengamalkan apa yang diajar (Surah al-Baqarah, 2 : 44; Al-Ghazali, t.t). GPI juga perlu sentiasa menjaga penampilan diri dari sudut fizikal serta menjaga pertuturan (Abdullah Ishak, 1995) supaya selaras dengan tuntutan Allah s.w.t (Rafizah Mohamed Salleh, 2011). Mengikuti sunnah Rasulullah s.a.w di samping adanya penghayatan ikhlas terhadap ilmu yang dimiliki melambangkan peribadi mulia yang bertitik tolak dari manifestasi iman yang kukuh terhadap Allah s.w.t. (Kamarul Azmi Jasmi, 2011a). Guru perlu turut menguasai ilmu yang selari dengan keperluan masa kini bersesuaian dengan status guru sebagai pakar rujuk atau agamawan dalam kalangan masyarakat (Ab. Halim Tamuri et al., 2012).

Tuntutan mengamalkan sunnah Rasul sebagaimana yang diutarakan oleh Imam al-Ghazali (t.t) seperti sentiasa menjaga hubungan baik sesama manusia juga boleh dijelmakan menerusi hubungan baik di antara GPI dengan rakan sejawat. Kajian yang dijalankan oleh Yahya Buntat dan Zainuddin Masrom (2003) membuktikan perkara ini kerana dapatan menunjukkan para guru merasakan adalah sesuatu yang kurang wajar bagi mereka untuk menegur kekurangan atau kelemahan rakan sekerja dengan cara tidak beradab dan kurang sopan. Mereka juga bersetuju bahawa hubungan interpersonal yang baik di kalangan rakan sejawat akan menjamin keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran.

Dari aspek hubungan dengan pelajar, proses pendidikan menurut al-Ghazali (t.t) memerlukan satu ikatan hubungan yang erat antara pendidik dan anak didik. Ini kerana kejayaan suatu proses pendidikan banyak bergantung kepada sejauhmana jalinan hubungan kasih sayang antara guru dan pelajar (Al-Ghazali, t.t; Abdullah Ishak, 1995). Hubungan ini dianggap memadai apabila guru mampu mendorong pelajar meletakkan kepercayaan penuh kepada guru sehingga tidak takut dan memandang tinggi kepada ilmu yang disampaikan (Abdul Salam Yussof, 2010). Guru yang profesional perlu menunjukkan suri teladan yang baik kepada pelajar dan persekitarannya di samping mampu berfungsi sebagai *role model* (al-Ghazali, t.t; Rafizah Mohamed Salleh, 2011) kerana akhlak boleh diperolehi menerusi interaksi dan praktikal harian serta tindakan dan watak para guru ketika menyampaikan pengajaran (al-Na'mi, 1994; Nurul Asiah Fasehah Muhamad et al., 2013). Dalam hal ini, Muhammad Qutb (1992) dan Abdul Raof Dalip (1993) menyatakan guru adalah insan penting yang menyemai akhlak yang baik pada diri dan dalam jiwa pelajar, menyerapkan pendidikan kerohanian dalam sanubari pelajar di samping menyemai semangat cintakan tanahair serta menyampaikan pendidikan kemasyarakatan kepada mereka. Oleh itu, para guru sebaiknya berusaha memulihkan keburukan akhlak yang tersebar luas dalam masyarakat kerana guru turut berperanan memperbaiki masyarakat (Abdul Salam Yussof, 2010).

Guru juga perlu mempunyai perasaan simpati dan menyayangi pelajar di samping menyampaikan pengajaran bersesuaian dengan tahap pemikiran pelajar (al-Ghazali, t.t). Perkara ini sebenarnya merujuk kepada layanan terhadap pelajar oleh seorang guru. Kamarul Azmi Jasmi et al. (2009) menegaskan bahawa GPI perlu menunjukkan contoh tauladan, mempamerkan sifat kejujuran, menjauhi yang haram, tawaduk, berifat mesra serta penyayang, mencetuskan motivasi dan memberi bimbingan, bersikap adil kepada semua pelajar tanpa mengira apa-apa jua aspek, tidak mudah menghukum dan mendenda pelajar, selalu bersedia menghulurkan bantuan,

memupuk sifat kerjasama antara sesama anak didik, bersikap sabar, berdisiplin dan prihatin kerana ia merupakan lambang keperibadian GPI yang utama.

Kajian Ab Halim Tamuri dan Mohamad Khairul Azman Ajuhary (2010) menyimpulkan perkara yang diutarakan ini dengan menyatakan bahawa GPI perlu berpersonaliti positif yang merupakan antara asas kesediaan untuk menjadi seorang GPI yang profesional. Berpersonaliti positif terhadap pelajar termasuklah sabar menerima pelbagai masalah pelajar, sentiasa menunjukkan rasa kasih sayang dan tidak bersikap memilih-milih pelajar, mendidik dan membimbing anak-anak yang kurang cerdas dengan cara sebaiknya, bersikap tawaduk serta menanam sifat bersahabat dalam hati terhadap semua muridnya (al-Ghazali, t.t; Abdul Salam Yussof, 2010).

Penekanan terhadap pelaksanaan tanggungjawab untuk para GPI agar berperibadi murni dan berperilaku luhur adalah bagi memastikan mereka memenuhi tuntutan kurikulum Pendidikan Islam selari dengan ajaran al-Qur'an. GPI perlu menanamkan akhlak mulia kerana akhlak itu lahir dari penghayatan rohani yang menggerakkan akal yang turut melahirkan tingkahlaku meliputi hubungan manusia dengan Allah s.w.t, hubungan insan dengan seluruh makhluk termasuklah sesama manusia serta dirinya sendiri (Noor Hisham Md Naw, 2011).

Perkara ini berkaitrapat dengan tanggungjawab GPI untuk menitikberatkan aspek keperibadian, pengajaran dan pembelajaran serta kemahiran. Aspek keperibadian yang perlu ditekankan adalah keperibadian kepada Allah s.w.t, aspek penampilan diri serta aspek keperibadian terhadap anak didik (Kamarul Azmi Jasmi, 2009, 2010, 2012).

Aspek keperibadian dan akhlak GPI yang boleh diperhatikan ketika berada di sekolah khususnya di dalam kelas terbahagi kepada dua kategori iaitu penampilan serta keperibadian GPI itu sendiri. Penampilan adalah kriteria utama yang perlu dimiliki oleh seorang GPI merangkumi kekemasan diri dan kebersihan tubuh badan manakala aspek kedua adalah keperibadian kepada para pelajarnya.

Keperibadian ini secara ringkasnya dinyatakan sebagai ekspresi kasih sayang terhadap para pelajar, selalu memberi nasihat, tunjuk ajar serta tumpuan kepada pelajar serta memberi galakan terhadap idea positif yang dicetuskan oleh pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, GPI turut perlu bersikap adil dan mementingkan persamaan antara para murid, memahami tabiat mereka di samping memupuk keikhlasan niat dalam menuntut ilmu.

Seterusnya, GPI perlu menitikberatkan perbezaan tahap antara individu pelajar, membimbing mereka dalam membangunkan motivasi instrinsik dengan matlamat dan cara yang betul, mengutamakan *maslahat* pelajar, bertanggungjawab terhadap pembangunan sahsiah pelajar, menanamkan sifat kerjasama dalam belajar serta 'perlumbaan' yang positif di antara mereka, tidak menghentam ilmu yang lain di hadapan mereka, menjauhi perbuatan bohong, mempamerkan respon positif terhadap persoalan yang ditimbulkan oleh pelajar serta menghargai kejayaan pelajar dalam melakukan sesuatu (Kamarul Azmi Jasmi, 2009, 2010, 2012).

Untuk memastikan keberkesanan dalam menyampaikan ilmu pengetahuan, GPI juga seharusnya berperibadi unggul, menunjukkan ketokohan yang baik serta perwatakan yang sempurna. Hal ini kerana sikap dan perilaku sering menjadi perhatian dan penilaian anak murid (Nurul Asiah Fasehah Muhamad et al., 2013) bukan hanya ketika berada di sekolah, bahkan juga ketika berada di luar kawasan sekolah. Anak didik akan lebih mudah memahami dan terkesan dengan ilmu yang diajar oleh guru yang memiliki peribadi mulia, menunjukkan kasih sayang terhadap mereka, mengajar dengan kesabaran dan penuh hikmah di samping berpegang teguh kepada ajaran agama dan ilmunya (Kamarul Azmi et al., 2009).

Dalam aspek kemahiran pengajaran dan pembelajaran, GPI cemerlang merupakan guru yang terlatih, cekap dan memiliki pengetahuan terhadap perkara yang diajarnya. Ia meliputi visi dan misi, persediaan pengajaran dan pembelajaran, pengurusan kelas, set induksi, pendekatan, pelaksanaan, bahan bantu mengajar,

penilaian serta penutup. Pemilihan strategi pengajaran yang amat mustahak untuk dititikberatkan lantaran ia akan menghasilkan pembelajaran yang lebih efisien dan berkesan. Justeru GPI perlu sentiasa memastikan penglibatan pelajar secara sepenuhnya di dalam kelas agar interaksi dan suasana pembelajaran menjadi 'hidup', aktif serta memberangsangkan.

Perlu ditekankan bahawa situasi pembelajaran yang efektif dan berkualiti hanya akan tercapai sekiranya para guru berpengetahuan meluas dan memiliki kefahaman menyeluruh mengenai kepelbagaian teknik pengajaran di dalam kelas. GPI cemerlang juga perlu menekankan aspek disiplin di samping mampu berkomunikasi secara baik dan berkesan semasa berlangsungnya sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas serta menyampaikan pengajaran mengikut tahap pemikiran dan kemampuan pelajar (Kamarul Azmi Jasmi, 2009, 2010, 2012).

Manakala dalam aspek kemahiran dan kecekapan, GPI turut perlu memiliki kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) yang terkini dan semasa, menguasai kemahiran penulisan, mampu melakukan penyelidikan serta berupaya membangunkan modul untuk kegunaan di dalam kelas. Penguasaan kepelbagaian kemahiran berkenaan seterusnya boleh menjadi kriteria atau instrumen penilaian dalam penganugerahan ganjaran serta hadiah kenaikan pangkat para guru. Justeru peruntukan bagi memenuhi keperluan guru untuk mencipta inovasi pengajaran dan pembelajaran, menjalankan penyelidikan dalam bidang pendidikan serta menerbitkan bahan-bahan penulisan perlu dipertimbangkan. Selain penyediaan dana yang mencukupi, hal ini juga boleh dilaksanakan menerusi penyediaan kemudahan penyelidikan dan penerbitan dengan mengambilkira beban tugas guru dari aspek pentadbiran, pengurusan dan juga aspek pengajaran dan pembelajaran itu sendiri (Ab. Halim Tamuri et al., 2012). Semua aspek ini perlu dititikberatkan oleh GPI kerana ia adalah antara faktor penting dalam menentukan kualiti dan kecemerlangan GPI.

Ringkasnya, inti pati utama untuk GPI dalam menyuburkan profesionalisme adalah menerapkan ‘*Riadhah Ruhiyyah*’ dalam diri masing-masing merangkumi hubungan dengan Allah, hubungan dengan diri sendiri, hubungan sesama rakan sejawat serta hubungan dengan pelajar. Setiap GPI perlu memahami dan menghayati falsafah ini agar proses pengajaran tidak tersasar dari matlamat utama GPI iaitu mencari keredhaan Allah s.w.t yang Maha Agung. Perkara ini memerlukan perubahan dan inisiatif pada diri GPI sendiri untuk berubah sebagaimana yang ditekankan oleh Guskey (2002) dalam Model Perubahan Guru (Rajah 1.2). Profesionalisme tidak akan meningkat dan akan terus berada di takuk lama sekiranya GPI tidak bersedia untuk berubah secara proaktif dalam usaha untuk meningkatkan kecemerlangan diri. Perlu ditekankan bahawa pembangunan profesionalisme GPI amat mustahak untuk dijalankan secara berterusan bagi membudayakan kecemerlangan profesional dan memastikan kelestarian kualiti GPI (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014). Pada waktu yang sama, mata pelajaran Pendidikan Islam dari segenap sudut juga perlu sentiasa diperkemaskan dari semasa ke semasa agar ia mampu menjadi benteng dan asas kepada jati diri pelajar-pelajar Islam di Malaysia (Ahmad Munawar Ismail, 2008).

Model Perubahan Guru

Walau apapun pendekatan pembangunan profesionalisme yang perlu ada pada seorang guru, semuanya menjurus kepada matlamat untuk menambah baik kualiti guru. Pada masa yang sama, guru itu sendiri perlu bersedia untuk berubah kerana pembangunan profesionalisme melibatkan perubahan sikap dan amalan. Perkara ini bertepatan dengan konsep pembelajaran sepanjang hayat (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014) dan ia ditekankan oleh Guskey (2002) dalam Model Perubahan Guru (Rajah 1.2) yang diutarakan oleh beliau.


Model tersebut dibina berasaskan idea bahawa pembangunan profesional adalah proses pembelajaran berasaskan pengalaman untuk guru. Menurut beliau, tiga matlamat

utama program pembangunan profesional guru adalah perubahan amalan guru di dalam kelas, perubahan dalam hasil pembelajaran pelajar serta perubahan dalam sikap guru. Perubahan dalam amalan guru di dalam kelas seperti perubahan pendekatan pengajaran, penggunaan material atau kurikulum baru atau mungkin hanya pengubahsuaian dalam prosedur pengajaran atau format bilik darjah akan menghasilkan perubahan dalam pencapaian pelajar. Perkara ini secara tidak langsung akan turut mengubah sikap guru kesan dari penambahbaikan yang berlaku ke atas pencapaian pelajar.

Hal ini kerana sikap guru terhadap aspek pengajaran secara umum sebahagian besarnya diperolehi daripada pengalaman bilik darjah. Amalan yang didapati berkesan dalam membantu pelajar memperoleh hasil pembelajaran yang diinginkan biasanya dikekalkan dan diulang manakala amalan yang menghasilkan bukti kejayaan yang tidak ketara akan ditinggalkan. Guru-guru yang tidak berjaya membantu pelajar yang mempunyai latar belakang pelajaran yang kurang bernasib baik untuk mencapai standard yang tinggi pembelajaran, sebagai contoh, mungkin percaya pelajar-pelajar ini tidak mampu lagi mencapai kecemerlangan akademik. Namun jika guru tersebut mencuba strategi pendekatan yang baru dan strategi tersebut berjaya dalam membantu pelajar, kepercayaan mereka akan turut berubah. Ini menunjukkan bahawa pencapaian atau perubahan yang positif dalam hasil pembelajaran pelajar biasanya mendahului atau menjadi pra syarat dalam perubahan sikap dan amalan pengajaran guru. Model ini juga tidak setakat merangkumi indeks pencapaian dan kognitif pelajar, malah ia juga merangkumi sikap dan tingkahlaku pelajar. Pendek kata, hasil pembelajaran tersebut adalah satu petunjuk yang boleh digunakan untuk menilai keberkesanan pengajaran guru.

Model Perubahan Guru ini juga selaras dengan pandangan Deojay dan Pennington (2000) serta pandangan Clarke dan Hollingsworth (2002) yang menekankan bahawa pembangunan profesional guru adalah berkait rapat dengan pencapaian pelajar. Clarke dan Hollingsworth menyatakan bahawa guru perlu berubah dalam aspek

pengetahuan serta aspek amalan di dalam kelas bagi menghasilkan hasil pembelajaran yang positif di kalangan pelajar (Rajah 2.9). Deojay dan Pennington (2000) turut menggalakkan guru memfokuskan situasi sebenar dalam amalan pengajaran seperti keperluan pelajar secara individu atau berkumpulan kerana seorang guru perlu mengenalpasti keperluan pembelajaran dan kekuatan pelajar, menentukan tindakan yang bersesuaian, menilai perancangan serta membincangkan hasil tindakan tersebut.



Rajah 2.9: Model Perubahan Guru menurut Clarke dan Hollingsworth (2002)

Kesimpulannya, dalam konteks kajian ini, model-model perubahan guru ini amat berkait rapat dengan Teori Guru Profesional (Rajah 1.1) yang diketengahkan. Hal ini kerana untuk memenuhi hasrat menjadi seorang GPI cemerlang, GPI perlu berubah secara proaktif bukan sahaja dalam aspek pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas demi menghasilkan hasil pembelajaran yang positif, malah turut perlu berubah dalam aspek '*Riadhah Ruhyyah*' dan aspek-aspek profesionalisme itu sendiri. Justeru kajian ini akan membincangkan pembangunan profesionalisme GPI dengan penambahan elemen '*Riadhah Ruhyyah*' bagi memenuhi keperluan profesionalisme GPI secara khusus selain dari aspek kemahiran pengajaran dan pembelajaran serta aspek-aspek profesionalisme sebagai seorang guru.

Kajian-kajian lepas

Antara kajian yang membincangkan mengenai konsep profesionalisme dalam bidang pendidikan menurut Imam al-Ghazali adalah kajian yang dilakukan oleh Wan Maizan Wan Daud pada tahun 1996. Kajian tersebut membicarakan tentang pandangan al-Ghazali berkenaan aspek pendidikan dan ciri-ciri guru profesional disentuh secara tidak langsung dalam bab 4 penulisan tersebut. Penulis antara lain menyatakan syarat keperibadian menurut al-Ghazali adalah zuhud, benar, amanah, ikhlas, sabar, lemah-lembut dan penyayang di samping berperanan mengikuti jejak Rasul, menjadi contoh teladan dan memahami tabiat pelajar. Penulis menekankan agar sistem pendidikan al-Ghazali yang berpaksikan al-Qur'an serta al-sunnah dihidupkan dalam sistem pendidikan sekarang dengan tujuan untuk membentuk manusia yang mentaati Allah s.w.t dan beriman padaNya.

Penulis turut mencadangkan agar sistem pendidikan di Malaysia menyerapkan metod pendidikan al-Ghazali yang menitikberatkan perkembangan sahsiah seimbang antara keperluan jasmani dan rohani di samping mencadangkan agar teori al-Ghazali yang disalurkan melalui karyanya diketengahkan atau dijadikan subjek utama di insititusi-institusi pengajian bagi mendedahkan masyarakat mengenai kebaikan pendidikan Islam yang bersifat universal.

Kamarul Azmi Jasmi (2010) dalam kajian beliau telah membincangkan aspek-aspek guru cemerlang Pendidikan Islam yang disandarkan kepada idea-idea al-Ghazali. Guru cemerlang Pendidikan Islam seharusnya menitikberatkan aspek keperibadian, pengajaran dan pembelajaran serta kemahiran. Ini kerana perkara tersebut merupakan manifestasi serta lambang keimanan yang kukuh terhadap Allah s.w.t dalam membentuk keperibadian dan personaliti sebagai seorang GPI. Dapatan kajian penulis seterusnya menghasilkan satu model guru cemerlang Pendidikan Islam serta beberapa model lain.

Rafizah Mohamed Salleh (2011) turut meninjau berkenaan aspek profesionalisme guru contoh Pendidikan Islam berpandukan pandangan al-Ghazali. Tujuan kajian tersebut adalah untuk mengetahui ciri-ciri guru contoh Pendidikan Islam berdasarkan aspek keimanan, penampilan diri, kemahiran mengajar dan dari sudut ilmu pengetahuan. Berdasarkan dapatan kajian hasil dari pandangan pakar panel Delphi, penulis mencadangkan agar GPI sentiasa menitikberatkan penampilan diri dari sudut fizikal, sikap dan kepimpinan agar dapat dijadikan contoh teladan oleh pelajar dan dihormati oleh masyarakat, mengukuhkan iman dengan menyucikan hati, menjaga pertuturan dan tindakan agar selaras dengan tuntutan dan perintah Allah s.w.t serta meningkatkan kemahiran pengajaran yang merangkumi aspek penyampaian isi pelajaran, kemahiran berinteraksi, aplikasi kepelbagaian kaedah pengajaran dan kemahiran dari sudut kawalan kelas.

Rangka konseptual kajian berpandukan Model SGM pula telah digunakan oleh Nurfaradilla Mohamad Nasri (2011) dalam kajiannya yang mencadangkan kerangka awal pembinaan Standard Guru Sains Malaysia (SGSM). Beliau membina kerangka konseptual kajian berpandukan Misi Nasional, Etika Kerja Kementerian Pendidikan Malaysia, Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Tatasusila Profesion Keguruan, Falsafah Pendidikan Guru serta Falsafah Pendidikan Sains. Nukleusnya adalah Amalan Nilai Profesionalisme Keguruan, Pengetahuan dan Kefahaman serta Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran untuk menghasilkan seorang pendidik dalam mata pelajaran Sains yang mempunyai aspek ketinggian kualiti. Enam asas penentu bagi pembinaan Kerangka Awal SGSM adalah hasil modifikasi SGM oleh KPM di mana lima asas penentu adalah Etika Kerja Kementerian Pelajaran Malaysia, Misi Nasional, Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Tatasusila Profesion Keguruan dan Falsafah Pendidikan Guru manakala penentu tambahan adalah Falsafah Pendidikan Sains.

Kajian-kajian lepas berhubung keperluan profesionalisme guru juga ditinjau dalam kajian ini. Mohammed Sani Ibrahim (2005) telah mengkaji mengenai

perkembangan profesionalisme GPI dengan untuk melihat isu profesionalisme GPI secara lebih mendalam dan sistematik. Dalam kajian tersebut, beliau membentangkan satu model konseptual GPI profesional khusus kepada usaha untuk mewujudkan satu kesinambungan antara program pendidikan guru praperkhidmatan, program induksi untuk guru-guru permulaan dan program latihan dalam perkhidmatan serta perkembangan profesional. Beliau melihat keperluan profesionalisme GPI sebenarnya adalah keperluan kepada satu program perkembangan staf yang komprehensif. Ini kerana perubahan yang berlaku di persekitaran pendidikan menyebabkan GPI kesemuanya memerlukan program perkembangan staf.

Kajian ini disokong oleh Mohd. Ali Hashim (2011) yang menyatakan bahawa kajian menunjukkan sebilangan besar GPI perlu kepada kursus untuk meningkatkan profesionalisme keguruan mereka. Kamarulzaman Abdul Ghani, Khadijah Abdul Razak dan Mohamed Amin Embi (2002) pula menyatakan keperluan GPI dalam aspek profesionalisme adalah mempunyai kefahaman awal mengenai matlamat kurikulum, berkemampuan cukup dalam bidang keilmuan yang diajar serta memiliki ilmu pengetahuan yang lengkap yang sentiasa diperbaharui setiap masa. Hal ini disebabkan sifat ilmu pengetahuan itu sendiri yang sentiasa berkembang dan meluas.

Selain dari keperluan profesionalisme GPI, dalam kajian ini pengkaji turut melihat keperluan profesionalisme guru-guru opsyen lain. Antaranya keperluan profesionalisme guru opsyen Bahasa Arab menerusi kajian yang dijalankan oleh Ab. Halim Tamuri pada tahun 2005. Beliau mendapati antara keperluan profesionalisme guru-guru Bahasa Arab adalah latihan yang cukup untuk membolehkan mereka melaksanakan tugas sebagai pengajar bahasa dan budaya Arab agar objektif pengajaran bahasa tercapai. Mereka juga perlu didedahkan dengan kaedah pedagogi bahasa Arab terkini yang bersesuaian dengan teori pengajaran bahasa Arab semasa.

Tamby Subahan Mohd. Meerah, Lilia Halim, Khalijah Salleh dan Ruhizan Mohd. Yassin (2001) yang telah melakukan kajian tentang keperluan para guru bukan

opsyen Fizik yang mengajar mata pelajaran Fizik dan Sains Teras dalam aspek profesionalisme mereka mendapati para guru berkenaan amat memerlukan bantuan dan bimbingan dalam aspek penyediaan isi pengajaran Fizik khususnya dalam topik-topik serta sukatan tertentu yang susah diajar. Manakala kajian oleh Lilia Halim, Mohamad Idris Abdul Hamid, Tamby Subahan Mohd. Meerah dan Kamisah Osman pada tahun 2006 tentang keperluan para guru Sains sekolah rendah dalam aspek pengajaran Sains yang merupakan salah satu dari dimensi aspek profesionalisme perguruan mendapati keperluan para guru tersebut adalah kursus pengembangan profesionalisme, kemajuan sendiri serta bantuan untuk menghasilkan situasi pembelajaran Sains yang lebih berkesan serta menarik minat pelajar khususnya dalam aspek infrastruktur.

Di luar negara, kajian Adanan Haji Basar pada tahun 2011 mendapati bahawa GPI di negara Brunei Darussalam mengimplimentasi objektif dan matlamat pendidikan Islam dalam dimensi kerohanian dari aspek sahsiah mereka pada tahap yang tinggi. Dimensi kerohanian tersebut merujuk kepada aspek-aspek berkaitan rukun iman seperti mengimani Allah s.w.t, para malaikat, para nabi dan rasul, semua kitab yang diwahyukan, hari akhirat serta aspek qada' dan qadar. Turut ditekankan adalah amalan seperti sentiasa mengingati dan bertawakal kepada Allah s.w.t., mencontohi para Rasul, meyakini malaikat sentiasa berada dan bersama di mana-mana, keimanan bertambah setiap kali membaca al-Quran, ingat akan mati serta yakin pada hari kebangkitan.

Hal ini selari dengan peranan GPI sebagai seorang *murabbi* yang perlu mendidik dan menekankan aspek-aspek keimanan tersebut kepada anak didiknya. Implimentasi serta aplikasi nilai-nilai kerohanian dan aspek keimanan yang tinggi pada diri GPI adalah amat mustahak disebabkan GPI adalah contoh tauladan kepada para pelajar khususnya dan masyarakat amnya. Namun implementasi kemahiran pengajaran para GPI di Brunei adalah pada tahap sederhana khususnya dalam aspek mengetahui konsep pengajaran dan pembelajaran, kemampuan membuat penggabungjalinan, kemahiran membantu pelajar berfikir secara kritis, penilaian dan pengurusan pengajaran

berbantuan komputer, kebijaksanaan merancang strategi dan pendekatan pengajaran, kemahiran bimbingan dan kaunseling serta penyediaan sumber dan bahan pengajaran secara kreatif.

Dalam aspek profesionalisme, Darwyan Syah (2011) yang menjalankan kajian di sekolah-sekolah dasar negeri Kota Depok yang terletak dalam Provinsi Jawa Barat pula meninjau profesionalisme GPI dari aspek disiplin kerja, kepuasan kerja, tahap prestasi, motivasi untuk mengajar, pengurusan konflik dan gaya kepimpinan guru besar serta faktor-faktor yang mempengaruhinya. Dapatan kajian beliau mendapati bahawa untuk mengembangkan pelajar secara cemerlang, guru Pendidikan Islam seharusnya memiliki perilaku dan prestasi kerja yang tinggi.

Memon (2011) yang menjalankan kajian di Toronto, Kanada pula mendapatkan pandangan beberapa GPI dan pentadbir sekolah berhubung keperluan yang perlu ada dalam program pendidikan untuk GPI yang dicadangkan oleh beliau. Hasil temubual dalam kajian beliau mendapati bahawa keperluan profesionalisme GPI adalah kemahiran pedagogi untuk mengajar Pendidikan Islam itu sendiri secara mendalam. Tujuannya adalah untuk memahami pedagogi sebenar Pendidikan Islam serta hubungannya dengan amalan pengajaran kontemporari. Para responden dalam kajian tersebut turut mengutarakan beberapa perkara yang berkaitan dengan program pendidikan yang dicadangkan oleh beliau seperti aspek pengurusan kelas, kurikulum bersepadu dan krisis identiti para pelajar.

Bander Muhammad Almatari (2012) yang menjalankan kajian ke atas para GPI di tujuh buah daerah di Arab Saudi yang mengajar di beberapa buah sekolah menengah juga mendapati para GPI melihat pendekatan yang inovatif dalam pengajaran mereka sebagai salah satu aspek untuk meningkatkan profesionalisme sebagai seorang guru. Dapatan kajian-kajian ini selari dengan pandangan Abdul Haleem Khaldun (1990) yang menyatakan bahawa GPI perlu mengetahui secara mendalam akan sifat dan

objektif Pendidikan Islam serta menyampaikannya dengan menggunakan teknik komunikasi moden baik di negara Islam mahupun negara bukan Islam.

Semua kajian lepas yang telah dijalankan ini menunjukkan persamaan dari aspek keperluan guru untuk meningkatkan profesionalisme bagi melahirkan guru yang berkeperibadian murni serta berkemahiran tinggi. Ia amat berkait rapat dengan objektif kajian ini yang bertujuan untuk mengenal pasti keperluan profesionalisme serta ciri-ciri guru profesional khususnya guru Pendidikan Islam. Bezanya kajian ini dengan kajian sedia ada adalah penambahan elemen '*Riadhah Ruhiyyah*' yang memerlukan seorang GPI melakukan perubahan proaktif ke arah mencapai matlamat GPI profesional berkualiti. Tujuan utamanya bukan sahaja mampu menyumbang kecemerlangan terhadap diri sendiri, malah juga terhadap anak didik yang diamanahkan.

Rumusan

Secara keseluruhannya, kajian literatur yang dijalankan ini membincangkan beberapa aspek penting berhubung aspek profesionalisme seorang guru. Literatur dimulakan dengan pernyataan tentang maksud profesion, profesional dan profesionalisme serta ciri-cirinya diikuti dengan pembangunan profesionalisme serta pelaksanaannya dalam bidang perguruan. Pembangunan profesionalisme perguruan tersebut melibatkan perubahan guru dari aspek sikap dan amalan, pengajaran dan pembelajaran serta aspek-aspek profesionalisme itu sendiri bagi memenuhi standard-standard perguruan yang digariskan dalam dan di luar negara. Kajian ini juga mengengahkan literatur mengenai pembangunan profesionalisme perguruan khusus untuk bidang Pendidikan Islam bersesuaian dengan tujuan kajian yang meninjau mengenai ciri-ciri GPI yang profesional.

Kesimpulannya, meskipun aspek profesionalisme guru telah banyak dibincangkan, namun belum ada kajian khusus berhubung pembangunan model profesionalisme guru Pendidikan Islam khususnya yang berkaitan dengan '*Riadhah*

Ruhiyyah'. Dapatan kajian literatur yang dibincangkan juga jelas menunjukkan bahawa keperluan profesionalisme para guru adalah berbeza mengikut opsyen masing-masing. Justeru di sinilah letaknya kepentingan kajian ini dalam meninjau keperluan profesionalisme GPI dan seterusnya membangunkan satu model pembangunan profesionalisme GPI yang tersendiri khususnya dalam aspek '*Riadhah Ruhiyyah*.' Bab seterusnya dalam kajian ini akan menjelaskan mengenai metodologi kajian ini.

University of Malaya

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

Pendahuluan

Kaedah penyelidikan pendidikan dirujuk kepada kaedah atau cara yang dilaksanakan oleh seseorang penyelidik dalam usaha memperoleh maklumat bagi mencapai matlamat atau objektif penyelidikan pendidikan yang telah ditetapkan. Pengkaji harus menggunakan kaedah yang sesuai dan berkesan bagi tujuan meminimumkan kos dalam mendapatkan maklumat tersebut. Hal ini kerana pengumpulan maklumat lazimnya melibatkan kos yang tinggi serta proses yang rumit. Kegagalan mengaplikasikan tatacara pengumpulan data yang betul dan efektif boleh menyebabkan bebanan maklumat serta menghasilkan maklumat yang tidak jelas serta kabur (Mohd. Majid Konting, 2000).

Rekabentuk kajian bertujuan untuk menjawab persoalan-persoalan kajian (Kerlinger, 1973) di samping membantu penyelidik menyelesaikan kajian secara ekonomi dalam jangka masa yang sesuai (Ahmad Mahzan, 1983). Perbincangan dalam bahagian ini seterusnya adalah berkaitan dengan tatacara pelaksanaan penyelidikan ini.

Metodologi kajian

Kajian ini menggunakan kaedah Kajian Rekabentuk dan Pembangunan (*Design and Development Research Approach - DDR Approach*) yang diperkenalkan oleh Richey dan Klein (2007). Tujuannya adalah untuk membangunkan model profesionalisme guru Pendidikan Islam yang diasaskan kepada aspek ‘*Riadhah Ruhiyyah*’. Asas pembangunan model tersebut adalah dapatan soal selidik, analisis kandungan, konsensus pakar Kaedah Fuzzy Delphi atau dikenali sebagai *Fuzzy Delphi Method* (FDM) serta dapatan penilaian kebolegunaan model oleh GPI menggunakan Teknik Kumpulan Nominal Ubahsuai atau *Modified Nominal Group Technique* (NGT).

Berdasarkan keterangan ini, kajian ini dijalankan dalam tiga fasa penting iaitu fasa analisis keperluan, fasa rekabentuk dan pembangunan serta fasa penilaian. Fasa I merupakan fasa analisis keperluan. Ia dijalankan dengan mengedarkan soal selidik untuk melihat keperluan profesionalisme GPI. Kaedah analisis keperluan dilaksanakan dalam kajian ini kerana ia adalah suatu usaha untuk mengenal pasti keperluan serta isu sedia ada bagi tujuan membangunkan model perkembangan profesionalisme perguruan yang khusus dalam bidang pendidikan Islam.

Setelah dapatan diperolehi, pengkaji melaksanakan fasa reka bentuk dan pembangunan model yang merupakan Fasa II kajian. Fasa ini melibatkan dua subfasa iaitu Fasa II (A) dan Fasa II (B). Fasa II (A) adalah fasa analisis kandungan terhadap sebuah kitab agung yang membincangkan tentang ciri-ciri guru profesional iaitu kitab bertajuk '*Ihya'Ulum al-Din*' karangan Imam al-Ghazali (t.t). Selain kitab berkenaan, pengkaji juga meneliti dokumen SGM yang diperkenalkan oleh pihak BPG serta melakukan bacaan terhadap dokumen-dokumen standard profesionalisme perguruan negara-negara lain untuk melihat ciri-ciri guru profesional yang dibincangkan dalam dokumen-dokumen tersebut. Fasa II (B) adalah fasa pembangunan model menggunakan *Fuzzy Delphi Method* (FDM) atau kaedah Fuzzy Delphi. Teknik FDM untuk tujuan pengesahan kandungan model profesionalisme perguruan Pendidikan Islam oleh pakar dilaksanakan berdasarkan dapatan Fasa I serta Fasa II (A) kajian. Justifikasi menggunakan proses FDM dilakukan adalah berasaskan kepada hasil persetujuan pakar menunjukkan konsensus yang tinggi.

Manakala Fasa III kajian ini merupakan fasa penilaian yang dijalankan dengan menggunakan teknik *Nominal Group Tehnique* (NGT) atau Teknik Kumpulan Nominal yang diubahsuai (*modified*). Ia dilakukan untuk menilai kebolegunaan model profesionalisme perguruan Pendidikan Islam yang dibangunkan berasaskan konsep '*Riadhah Ruhiyyah*' setelah kandungannya disahkan oleh pakar FDM. Penilaian model ini dilakukan ke atas beberapa orang GPI berpengalaman selaku responden.

Kaedah Kajian Rekebentuk dan Pembangunan (*Design and Development Research Approach - DDR*)

Kajian Rekebentuk dan Pembangunan (*Design and Development Research Approach - DDR*) diperkenalkan oleh Richey dan Klein (2007). Kaedah DDR atau penyelidikan pembangunan dan rekabentuk ini turut dikenali sebagai penyelidikan pembangunan (Richey, Klein & Nelson, 2004) dan diperkenalkan untuk menguji teori serta mengesahkan kebolehgunannya (Richey & Klein, 2007). Richey dan Klein (2007) menyatakan kaedah ini boleh digunakan untuk membangunkan prosedur, teknik dan instrumen berasaskan analisis keperluan. Penyelidikan atau kajian pembangunan tersebut mungkin berkaitan suatu proses atau impak rekabentuk pengajaran yang spesifik serta usaha untuk membangunkannya. Ia juga mungkin mewakili satu situasi yang memerlukan seseorang melakukan aktiviti merekabentuk pengajaran, pembangunan dan penilaian serta mengkaji proses tersebut pada waktu yang sama samada secara keseluruhan ataupun tidak (Richey, Klein & Nielson, 2004).

Seels dan Richey (1994) menyatakan kaedah ini merangkumi satu kajian yang sistematik untuk merekabentuk, membangunkan dan menilai samada sebuah program atau produk mempunyai keberkesanan serta kriteria dalaman yang tetap manakala Wang dan Hanafin (2005) menjelaskan kaedah DDR merangkumi proses analisis keperluan, rekabentuk, pembangunan dan pelaksanaan.

Berdasarkan keterangan ini, kajian untuk membangunkan model pembangunan profesionalisme perguruan Pendidikan Islam berpandukan aspek '*Riadhah Ruhiyyah*' dijalankan dalam tiga fasa. Fasa tersebut adalah Fasa I iaitu fasa analisis keperluan, Fasa II iaitu fasa rekabentuk dan pembangunan yang melibatkan Fasa II (A) - fasa analisis kandungan serta Fasa II (B) - fasa pembangunan model dan Fasa III iaitu fasa penilaian sepertimana yang dilaksanakan dalam kajian oleh Muhammad Ridhuan Tony Lim Abdullah (2013).

Fasa I : Fasa Analisis Keperluan

Tujuan. Tujuan fasa analisis keperluan dijalankan adalah untuk untuk melihat keperluan profesionalisme GPI untuk menjawab persoalan kajian yang pertama iaitu :

1. Apakah keperluan profesionalisme guru Pendidikan Islam (GPI) ?

Sampel Kajian. Para peserta soal selidik melibatkan 270 orang GPI dari seramai 2678 orang GPI yang sedang berkhidmat di seluruh sekolah menengah harian di negeri Kelantan (mengikut data yang dikeluarkan oleh Sektor Pendidikan Islam (SPI), Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan sehingga 31 Oktober 2013 ketika fasa ini dijalankan). Jumlah sampel tersebut mewakili lebih 10% dari jumlah populasi sebagaimana yang disyaratkan oleh Baker (1994).

Instrumen Kajian. Fasa I kajian melibatkan penggunaan borang soal selidik. Soal selidik adalah antara instrumen pengukuran yang sering digunapakai dalam pelaksanaan proses penyelidikan pendidikan bagi mendapatkan data kajian (Chua, 2011) dan maklumat tentang fakta, kehendak, kemahuan, emosi dan seumpamanya (Mohd. Majid Konting, 2000). Kaedah soal selidik begitu berkesan dan praktikal untuk digunakan dalam populasi yang luas dan besar. Ia juga mampu mengukur pembolehubah atau ciri-ciri yang hendak dikenalpasti menerusi saiz sekumpulan sampel yang banyak. Hal ini dapat mengurangkan ralat persampelan kerana soal selidik dapat meningkatkan ketepatan anggaran statistik sampel untuk menganggar parameter populasi (Mohd. Majid Konting, 2000).

Item-item dalam set soal selidik juga bersifat piawai dan sama terhadap semua subjek ataupun sampel yang dikaji. Menerusi soal selidik, subjek boleh bergerakbalas dengan lebih berkesan terhadap rangsangan soalan yang piawai dan ini akan meningkatkan ketepatan gerak balas responden tersebut. Gerakbalas ini juga tidak dipengaruhi oleh sebarang pengurangan mahupun penambahan soalan, personaliti dan tingkahlaku penyelidik serta cara penyelidikan kerana penyelidik tidak berada bersama

ketika responden memberikan gerak balas yang diperlukan. Hal ini secara tidak langsung akan mendorong responden mengutarakan jawapan yang benar dan tepat kerana merasakan dirinya selamat dalam memberikan jawapan yang jujur terhadap rangsangan soalan (Mohd. Majid Konting, 2000). Pun begitu, pembentukan soal selidik adalah tertakluk kepada etika penyelidikan. Soal selidik yang dibangunkan perlu bersifat asli dan tidak mendatangkan sebarang impak negatif terhadap para responden yang menjawabnya sama ada dari aspek mental mahupun fizikal (Chua, 2011).

Ciri keesahan dalam sesuatu kajian merujuk kepada sejauhmana kajian yang dijalankan boleh mengukur apa yang sewajarnya diukur (Muijs, 2004) atau setakat mana sesebuah kajian mampu memenuhi objektif kajian. Sesuatu kajian itu dikatakan tepat dan sah jika ujian tersebut benar-benar mengukur semua perkara yang hendak diukur dan tidak lain daripada itu. Keesahan juga difahami sebagai darjah yang mana suatu pemerhatian menjelaskan atau mengkuantifikasi dengan tepat atribut yang diperhatikan manakala keesahan alat pengukuran adalah darjah ketepatan yang mana suatu alat mengukur ciri atau perkara yang sepatutnya diukur oleh alat tersebut (Nik Azis Nik Pa dan Noor Aini Khalifah, 2008).

Kebolehpercayaan soal selidik pula dijelaskan oleh Mohd. Majid Konting (2000) sebagai ketekalan sesuatu alat kajian dalam mengukur sesebuah pemboleh ubah dan ia dapat menggambarkan sejauhmana alat kajian stabil dan jelas. Kebolehpercayaan juga dilihat sebagai suatu kekonsistenan hasil pemerhatian yang diperoleh melalui pencatatan berulang samada membabitkan seorang subjek atau satu himpunan subjek kajian. Kebolehpercayaan alat pengukuran pula dilihat sebagai kebolehan suatu alat pengukuran untuk melakukan secara konsisten apa yang sepatutnya dilakukan oleh alat tersebut (Nik Azis Nik Pa & Noor Aini Khalifah, 2008).

Tiada ketetapan tertentu yang boleh digunapakai untuk menentukan kesesuaian pekali kebolehpercayaan dalam mengukur sesuatu alat. Namun kaedah *Cronbach Alpha* merupakan ujian yang sering digunakan untuk mengukur ketekalan dalam sesuatu

konsep. Pekali kebolehpercayaan yang lebih daripada 0.6000 adalah sesuai menurut Mohd. Majid Konting (2004) untuk dijadikan sebagai alat pengukur kepada sesuatu kajian. Oleh itu, nilai kebolehpercayaan *Cronbach Alpha* yang kurang dari nilai 0.60 tidak diterima pakai kerana ia dianggap rendah, nilai di antara 0.60 hingga 0.80 boleh diterima sementara nilai *Cronbach Alpha* lebih dari 0.80 dianggap sangat baik (Sekaran, 1992; Muijs, 2004). Nilai *Cronbach Alpha* bagi dapatan kajian ini adalah 0.971 iaitu sangat baik.

Dalam kajian ini, soal selidik diedarkan untuk melihat keperluan profesionalisme GPI. Soalan-soalan yang dibangunkan dalam soal selidik kajian ini diubahsuai dari kajian-kajian lepas yang dilakukan oleh Yahya Buntat dan Zainuddin Masrom (2003), Zaharah Hussin (2008), Nurfaradilla Mohamad Nasri (2011), Rahaila Omar (2011) dan soal selidik '*Training Needs Analysis*' (TNA) yang dibangunkan oleh BPG (2012b) secara atas talian. Pihak BPG membangunkan modul TNA (yang kini boleh diakses menerusi aplikasi Sistem Pengurusan Latihan Guru) untuk tujuan membantu pihak pengurusan di sekolah, PPD, JPN dan bahagian-bahagian di KPM melakukan perancangan terhadap keperluan kursus para guru dan staf untuk meningkatkan profesionalisme mereka.

Set soal selidik yang dibina terdiri dari bahagian A dan B. Sebanyak 124 soalan diutarakan. Bahagian A mempunyai 10 soalan berkaitan profil responden manakala Bahagian B terdiri daripada 114 item berhubung aspek-aspek yang ingin dikaji oleh pengkaji. Secara keseluruhan, bahagian tersebut adalah :

BAHAGIAN (A {I}) - Latar Belakang Responden Kajian (3 soalan)

BAHAGIAN (A {II}) - Latar Belakang Profesional Responden (7 soalan)

BAHAGIAN (B {I}) - Keperluan Profesionalisme Berasaskan '*Riadhah Ruhiyyah*' -
Aspek-aspek '*Riadhah Ruhiyyah*' (27 soalan)

- i. Hubungan dengan Allah s.w.t (6 soalan)
- ii. Hubungan dengan diri sendiri (7 soalan)
- iii. Hubungan dengan rakan sejawat (6 soalan)
- iv. Hubungan dengan pelajar (8 soalan)

BAHAGIAN (B {II}) - Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran (39 soalan)

- i. Perancangan pengajaran (6 soalan)
- ii. Pengetahuan isi kandungan pengajaran (5 soalan)
- iii. Penyampaian pengajaran (17 soalan)
- iv. Penilaian pengajaran (11 soalan)

BAHAGIAN (B {III}) - Aspek-aspek Profesionalisme (48 soalan)

- i. Pengetahuan profesionalisme (30 soalan)
- ii. Usaha-usaha meningkatkan profesionalisme (8 soalan)
- iii. Ganjaran bukan kewangan (10 soalan)

Pengkaji menggunakan skala Likert dalam soal selidik kajian ini. Skala Likert yang pada asasnya menggunakan 5 skala iaitu Sangat Tidak Setuju pada skala 1, Tidak Setuju pada skala 2, Tidak Pasti pada skala 3, Setuju pada skala 4 dan Sangat Setuju pada skala 5 sering digunakan dalam penyelidikan pendidikan khususnya dalam bidang kajian sains sosial. Menurut Chua (2011), antara kelebihan skala Likert adalah ia senang diselia dan diurus. Item-itemnya juga mudah dijawab oleh para sampel serta kebolehpercayaan data yang diperolehi adalah lebih tinggi (Chua, 2011).

Pengkaji memilih Skala Likert kerana ia boleh digunakan untuk mengukur sikap (Mohd. Majid Konting, 2000). Untuk bahagian B (I, II dan III), pengkaji menggunakan skala yang menggunakan '*indicator*' Sangat Tidak Perlu (STP) pada skala 1, Tidak Perlu (TP) pada skala 2, Kurang Perlu (KP) pada skala 3, Perlu (P) pada skala 4 dan Sangat Perlu (SP) pada skala 5. Pilihan ini digunakan untuk memudahkan para guru menyatakan sejauhmana keperluan profesionalisme mereka.

Bagi tujuan mengesahkan dan menentukan kebolehpercayaan data soal selidik, pengkaji turut melakukan kajian rintis untuk mengenal pasti kesesuaian item yang terkandung dalam soal selidik agar tidak mengelirukan, tepat dan mudah difahami oleh responden. Seramai 30 orang GPI terlibat dalam kajian rintis yang dijalankan. Sampel tersebut bukan terdiri dari sampel kajian sebenar untuk mengelakkan dari berlakunya ralat persampelan. Brace (2008) menyatakan kajian rintis penting untuk mendapatkan kebolehpercayaan dan keesahan soalselidik serta untuk memastikan samada item-item yang diutarakan benar-benar menghasilkan maklumat yang diperlukan (Simon, 2011). Hal ini kerana kebolehpercayaan membolehkan responden menjawab soalan-soalan yang dikemukakan dengan tepat.

Kajian rintis soalselidik juga membantu penyelidik dalam mengenalpasti soalan yang bermasalah atau mengelirukan yang masih wujud dalam soal selidik. Menguji soalselidik untuk tujuan keesahan turut bertujuan untuk memastikan setiap soalan yang dikemukakan menepati objektif kajian. Maklum balas yang diterima melalui kajian rintis seterusnya digunakan oleh pengkaji untuk memperbaiki kelemahan soal selidik supaya penyelidikan yang akan dijalankan mempunyai keesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi (Alias Baba, 1992, Azizi Yahaya et al., 2007).

Setelah dapatan kajian rintis diperolehi, pengkaji melakukan beberapa pengubahsuaian dan item-item tersebut kemudian dinilai kesesuaiannya oleh sekumpulan pakar. Ini kerana pernyataan item yang dicadangkan perlu selaras dengan definisi operasional bagi konsep yang diukur (Chua, 2011). Penilaian kesesuaian item tersebut dilakukan oleh panel pakar yang terdiri dari individu-individu yang berpengetahuan luas tentang konsep atau variabel yang diukur dalam kajian ini.

Jadual 3.1

Pakar Penilai Kesesuaian Item Soal Selidik

Nama	Tempat Bertugas	Jawatan dan Kelayakan	Kepakaran
Pakar I	IPTA	Pensyarah Kanan/ Doktor Falsafah/Profesor Madya/Rektor IPTS	Pendidikan Islam, perguruan Pendidikan Islam serta penilaian dan pengukuran. Beliau telah menghasilkan banyak buku dan ratusan artikel penulisan yang dibentangkan serta diterbitkan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.
Pakar II	IPTA	Pensyarah Kanan/ Doktor Falsafah	Pendidikan dan pembangunan profesionalisme guru. Beliau telah banyak membentangkan kertas kerja dalam dan luar negara serta telah menulis ratusan artikel penulisan yang turut diterbitkan dalam jurnal-jurnal antarabangsa berstatus <i>ISI Journal</i> .
Pakar III	IPTA	Pensyarah Kanan/ Doktor Falsafah	Pendidikan Islam dan perguruan Pendidikan Islam. Beliau berpengalaman luas dalam bidang Pendidikan Islam dan banyak karya beliau yang diterbitkan di dalam mahupun luar negara. Beliau juga merupakan antara perintis dalam pembangunan Fakulti Tamadun Islam di IPTA tempat beliau berkhidmat.
Pakar IV	IPTA	Pensyarah Kanan/ Doktor Falsafah	Pendidikan Islam dan pembangunan insan. Beliau telah menghasilkan banyak artikel penulisan yang diterbitkan di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa serta turut bergerak aktif dalam pertubuhan bukan kerajaan berkaitan bidang intelektual Islam.

Jadual 3.1 menunjukkan senarai dan biodata ringkas para pakar yang dilantik dalam fasa ini. Pakar I adalah seorang pensyarah berkelulusan Doktor Falsafah dari United Kingdom dengan jawatan Profesor Madya di salah sebuah IPTA tempatan. Beliau pernah berkhidmat sebagai guru Pendidikan Islam dan bidang kepakaran beliau adalah bidang perguruan dan Pendidikan Islam. Beliau telah menghasilkan ratusan artikel penulisan yang diterbitkan di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Beliau turut bergerak aktif sebagai Presiden sebuah badan kerajaan yang dianggotai oleh para cendekiawan Muslim dalam dan luar negara. Beliau kini dipinjamkan untuk

mengetuai dan menjawat jawatan ketua organisasi tertinggi di sebuah kolej universiti dalam negara.

Pakar II juga seorang pensyarah berkelulusan Doktor Falsafah di IPTA tempatan yang berpengalaman luas dalam bidang pendidikan dan pembangunan profesionalisme guru. Beliau pernah berkhidmat sebagai pegawai atasan kanan di Bahagian Pendidikan Guru dan turut terlibat dalam pengubalan Falsafah Pendidikan Negara. Beliau banyak membentang kertas kerja di peringkat tempatan juga antarabangsa serta telah menulis banyak artikel penulisan yang turut diterbitkan dalam jurnal-jurnal antarabangsa berstatus *ISI Journal*.

Pakar III merupakan seorang pensyarah berkelulusan Doktor Falsafah di salah sebuah IPTA tempatan. Beliau berpengalaman luas dalam bidang Pendidikan Islam dan banyak karya beliau yang diterbitkan di dalam mahupun luar negara. Beliau juga merupakan antara perintis dalam pembangunan Fakulti Tamadun Islam di IPTA tempat beliau berkhidmat dan kini sedang menjalani kursus *post-doctoral* di United Kingdom.

Pakar IV juga merupakan pensyarah berkelulusan Doktor Falsafah di IPTA tempatan. Bidang kepakaran beliau adalah bidang Pendidikan Islam dan pembangunan insan. Beliau telah menghasilkan banyak artikel penulisan yang diterbitkan di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa serta bergerak aktif dalam pertubuhan bukan kerajaan berkaitan bidang intelektual Islam.

Kesemua pakar ini diminta memilih kesesuaian item-item cadangan untuk dijadikan sebagai item pengukuran konsep namun tugas mereka bukan untuk menjawab item-item.

Prosedur Kajian. Pengkaji menjalankan kajian setelah mendapat keizinan bertulis dari pihak Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar (EPRD), Kementerian Pendidikan Malaysia, pihak Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan, Pihak Pejabat Pendidikan Daerah serta pihak pentadbir sekolah yang terbabit. Instrumen kajian direkabentuk hasil dari perbincangan bersama penyelia serta kajian-kajian lepas

yang dilakukan oleh pengkaji. Sebanyak 42 item awal telah dibina dan setiap item diutarakan berdasarkan persoalan dan objektif kajian. Setelah itu, kajian rintis dijalankan ke atas seramai 30 orang GPI. Dapatan kajian rintis menunjukkan terdapat beberapa item yang perlu diubahsuai seperti yang ditunjukkan pada Jadual 3.2.

Jadual 3.2
Item Soal Selidik Kajian Rintis yang Diubahsuai

No Item	Item	Pembetulan Item	Kedudukan item selepas diubahsuai
8	Mengawal emosi dan tidak cepat marah	Menjaga lidah dari menyakiti hati orang lain	7
9	Mengamalkan sifat empati (memahami perasaan orang lain)	Sentiasa cuba memahami perasaan orang lain	8
37	Mempamerkan sifat kasih sayang dan tidak pilih kasih dalam sesi p&p	Melayan pelajar secara adil dan saksama	22
7	Mempamerkan imej diri yang boleh diteladani	Menunjukkan contoh teladan yang baik di hadapan pelajar	26
31	Menyesuaikan strategi pengajaran dengan tajuk yang diajar	Menterjemahkan objektif pengajaran kepada aktiviti pembelajaran yang sesuai.	30
30	Menyampaikan isi pengajaran berpandukan tahap kefahaman pelajar	Menentukan isi pelajaran bersesuaian dengan tahap keupayaan pelajar	31
36	Membimbing dan mendidik pelajar yang tidak cerdik dengan cara sebaik-baiknya	Aktiviti pembelajaran dirancang mengikut potensi pelajar	32
19	Menguasai dengan baik sukatan dan kandungan mata pelajaran yang diajar	Menguasai dengan baik sukatan mata pelajaran Pendidikan Islam yang diajar	34
19	Menguasai dengan baik sukatan dan kandungan mata pelajaran yang diajar	Menguasai dengan baik kandungan mata pelajaran Pendidikan Islam yang diajar mengikut bidang pembelajaran	35
32	Melaksanakan p&p dengan menggunakan pelbagai pendekatan dan kaedah untuk lebih menarik minat perhatian pelajar	Mempelbagaikan kaedah pengajaran untuk menarik minat pelajar	42
39	Membantu pelajar berfikir secara logik dan kritis sesuai dengan ajaran Islam	Menekankan peningkatan pelajar dalam kemahiran tertentu seperti kemahiran berfikir	45

Jadual 3.2
Sambungan.

No Item	Item	Pembetulan Item	Kedudukan item selepas diubahsuai
29	Menyampaikan ilmu pengetahuan dengan jelas	Hubungkait antara idea yang disampaikan dengan jelas	46
32	Melaksanakan p&p dengan menggunakan pelbagai pendekatan dan kaedah untuk lebih menarik minat perhatian pelajar	Teknik penyampaian yang berbeza digunakan untuk merangsang minat pelajar	47
34	Membuat penggabungjalinan antara mata pelajaran yang diajar dengan isu-isu semasa	Menggabungjalinkan pengajaran dengan amalan seharian pelajar	48
35	Membuat penggabungjalinan antara mata pelajaran yang diajar dengan mata pelajaran lain	Menggabungjalinkan pengajaran Pendidikan Islam dengan mata pelajaran lain	49
38	Mengetahui peringkat perkembangan pelajar dari aspek kognitif dan afektif (emosi)	Menilai pelajar secara menyeluruh yang melibatkan aspek kognitif, psikomotor dan sikap	62
21	Mengikuti isu-isu terkini berkaitan mata pelajaran yang diajar	Mengikuti isu terkini berkaitan Pendidikan Islam	97
26	Sentiasa membuat penulisan ilmiah atau kreatif berkaitan Pendidikan Islam	Menghasilkan penulisan ilmiah berkaitan Pendidikan Islam	103

Item-item yang dikekalkan ditunjukkan pada Jadual 3.3.

Jadual 3.3
Item Soal Selidik Kajian Rintis yang dikekalkan

No Item	Item	Kedudukan item selepas diubahsuai
10	Bersangka baik terhadap orang lain	9
24	Berani berkata 'saya tidak tahu' terhadap persoalan yang tidak diketahui	10
25	Tidak menyembunyikan ilmu yang diketahui	11
11	Bekerja dalam pasukan	14
12	Terbuka menerima teguran	15
13	Menyuarakan sebarang pendapat secara berhemah	16
22	Mengaitkan pengetahuan dengan pengalaman hidup	38
27	Menerapkan unsur-unsur kerohanian dalam pengajaran	39
28	Mengaitkan pengajaran dengan ciptaan Allah s.w.t yang terdapat di sekeliling	40
23	Menyelesaikan masalah secara kritis berpandukan al-Quran dan Hadis	41

Manakala item-item yang digugurkan kerana tidak menjelaskan atau mengkuantifikasi dengan tepat atribut yang diinginkan adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 3.4.

Jadual 3.4

Item Soal Selidik Kajian Rintis yang digugurkan

No Item	Item
1	Mentaati perintah Allah s.w.t dan mengikut segala ajaran Rasul
2	Memiliki jiwa yang luhur dan bersih dari sifat-sifat <i>mazmumah</i>
3	Menunjukkan sikap dan perbicaraan yang bersungguh-sungguh
4	Bersikap tawaduk dan merendah diri
5	Mengamalkan tingkahlaku mulia dan bermoral dalam profesion perguruan
6	Menepati masa
14	Sabar dalam melaksanakan tugas
15	Sentiasa memaafkan kesalahan orang lain
16	Berani dan tegas dalam perkara yang perlu ketegasan
17	Menuntut ilmu kerana Allah s.w.t untuk manfaat diri, masyarakat dan kerjaya
18	Menghayati ilmu dan isi kandungan mata pelajaran Pendidikan Islam yang diajarkan kepada para pelajar
20	Mengamalkan ilmu bermanfaat yang diketahui
35	Melahirkan iklim bilik darjah yang kondusif
40	Mendidik pelajar dengan adab-adab sunnah
41	Memotivasikan pelajar agar memuliakan ilmu dan ulama'
42	Mengamalkan bimbingan dan kaunseling

Jumlah item yang ditambah untuk kajian sebenar hasil dari perbincangan bersama penyelia dan tinjauan literatur untuk memantapkan lagi kajian adalah sebanyak 114 item. Item-item tersebut ditunjukkan pada Jadual 3.5.

Jadual 3.5

Item Soal Selidik yang ditambah untuk Kajian Sebenar

Bil	Item
1.	Menunaikan solat sunat setiap hari
2.	Solat berjemaah setiap waktu
3.	Solat pada awal waktu
4.	Puasa sunat setiap minggu
5.	Menunaikan Qiyamullail setiap malam
6.	Sentiasa berzikir
7.	Menjaga lidah dari menyakiti hati orang lain
8.	Sentiasa cuba memahami perasaan orang lain
12.	Melakukan tugas pengajaran dengan penuh minat walaupun berhadapan dengan masalah
13.	Sentiasa membetulkan kesilapan diri sendiri
17.	Sentiasa berbincang dengan rakan sejawat lain bila menghadapi masalah
18.	Menjadi <i>role model</i> kepada rakan sejawat lain
19.	Bersedia menerima idea dan cadangan dari rakan sejawat
20.	Mengetahui latar belakang pelajar
21.	Melayani pelajar sebagai insan yang mempunyai perasaan
22.	Melayan pelajar secara adil dan saksama
23.	Mempunyai hubungan yang mesra dengan pelajar
24.	Membimbing pelajar ke arah mengamalkan akhlak yang baik
25.	Memperuntukkan masa tambahan untuk membimbing pelajar
26.	Menunjukkan contoh teladan yang baik di hadapan para pelajar
27.	Mengingati pelajar dalam setiap doa
28.	Merujuk kepada sukatan pelajaran untuk menyediakan rancangan pengajaran
29.	Mengenal pasti kelemahan sedia ada pelajar
30.	Menterjemahkan objektif pengajaran kepada aktiviti pembelajaran yang sesuai.
31.	Menentukan isi pelajaran bersesuaian dengan tahap keupayaan pelajar
32.	Aktiviti pembelajaran dirancang mengikut potensi pelajar
33.	Aktiviti pengajaran yang disediakan menekankan aktiviti berpusatkan pelajar
34.	Menguasai dengan baik sukatan mata pelajaran Pendidikan Islam yang diajar
35.	Menguasai dengan baik kandungan mata pelajaran Pendidikan Islam yang diajar mengikut bidang pembelajaran
36.	Mengajar mengikut takwim persekolahan yang dirancang oleh pihak sekolah
37.	Mengajar berpandukan Rancangan Pengajaran Tahunan yang ditetapkan oleh Ketua Panitia
39.	Menerapkan unsur kerohanian dalam pengajaran
40.	Mengaitkan pengajaran dengan ciptaan Allah s.w.t yang terdapat di sekeliling
42.	Mempelbagaikan kaedah pengajaran untuk menarik minat pelajar
43.	Mempelbagaikan bahan bantu mengajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran
44.	Menekankan tahap kemahiran murid
45.	Menekankan peningkatan pelajar dalam kemahiran tertentu seperti kemahiran berfikir
46.	Hubungkait antara idea yang diterangkan disampaikan dengan jelas
47.	Teknik penyampaian yang berbeza digunakan untuk merangsang minat pelajar
48.	Menggabungkan pengajaran dengan amalan seharian pelajar
49.	Menggabungkan pengajaran Pendidikan Islam dengan mata pelajaran lain
50.	Melibatkan pelajar secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran
51.	Meminta pelajar yang kurang aktif menjawab soalan
52.	Menegaskan kawalan disiplin semasa pengajaran sedang dijalankan
53.	Memberi peluang kepada pelajar untuk menunjukkan kebolehan dalam bidang tertentu

Jadual 3.5
Sambungan.

Bil	Item
54.	Menonjolkan idea penting di akhir pengajaran
55.	Menggunakan masa semaksimum mungkin untuk mengajar
56.	Mempunyai maklumat berkaitan tahap pencapaian pelajar
57.	Hasil kerja pelajar diperiksa untuk mengesan kelemahan pelajar
58.	Penilaian berbentuk ujian dilaksanakan secara berterusan
59.	Mempelbagaikan alat pengukuran untuk menilai pencapaian pelajar dalam kelas
60.	Menggunakan rekod prestasi untuk merekod pencapaian pelajar
61.	Menggunakan data pencapaian akademik pelajar untuk melaksanakan penambahbaikan khususnya ke atas proses pengajaran dan pembelajaran
62.	Menilai pelajar secara menyeluruh yang melibatkan aspek kognitif, psikomotor dan sikap
63.	Mengenal pasti kekuatan pelajar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam
64.	Mengenal pasti kelemahan pelajar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam
65.	Memaklumkan kemajuan prestasi pelajar kepada pelajar
66.	Memaklumkan kemajuan prestasi pelajar kepada ibu bapa pelajar
67.	Program perkongsian ilmu dalam bidang pengkhususan
68.	Kursus pembelajaran berasaskan projek
69.	Kursus aplikasi pedagogi terkini mengikut kecerdasan pelajar
70.	Perkongsian ilmu amalan terbaik pedagogi pendidikan peringkat antarabangsa
71.	Aplikasi ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran
72.	Pembinaan item untuk proses penilaian
73.	Analisis item untuk proses penilaian
74.	Kursus pengurusan panitia melibatkan pelan strategik
75.	Kursus pengurusan panitia melibatkan <i>head count</i>
76.	Kursus pedagogi berkesan bagi guru
77.	Kursus strategi pemulihan masalah pembelajaran
78.	Kursus kaedah penulisan ilmiah
79.	Kursus analisis data
80.	Kursus jenis-jenis kajian
81.	Kursus kemahiran menaip
82.	Kursus kajian tindakan
83.	Kursus kepimpinan berkesan
84.	Kursus kepimpinan pengajaran
85.	Kursus kepimpinan Islam
86.	Kursus asas kewangan
87.	Kursus pengurusan perubahan
88.	Kursus membangun sahsiah cemerlang
89.	Kursus pengurusan tingkahlaku dalam kurikulum
90.	Kursus pengurusan tekanan
91.	Kursus pengurusan krisis
92.	Kursus peningkatan integriti
93.	Kursus perundangan
94.	Kursus protokol dan etiket
95.	Kursus komunikasi berkesan
96.	Kursus pengucapan awam
97.	Mengikuti isu terkini berkaitan Pendidikan Islam
98.	Meluangkan banyak masa untuk menyediakan bahan pengajaran walaupun menghadkan masa untuk aktiviti lain
99.	Mempelajari lebih banyak perkara mengenai kaedah mengajar
100.	Menambahbaik kaedah mengajar supaya pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan

Jadual 3.5
Sambungan.

Bil	Item
101.	Menghadiri kursus dalam perkhidmatan untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran
102.	Membaca artikel profesional untuk meningkatkan pengetahuan dalam pengajaran
103.	Menghasilkan penulisan ilmiah berkaitan Pendidikan Islam
104.	Melaksanakan amalan refleksi (<i>muhasabah</i>) bagi tujuan penambahbaikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran
105.	Penghargaan pelajar terhadap anda sebagai guru
106.	Penghargaan pihak atasan terhadap status anda sebagai guru
107.	Penghargaan pihak atasan terhadap status anda sebagai staf
108.	Penghargaan masyarakat terhadap status anda sebagai guru
109.	Penghargaan ibu bapa terhadap status anda sebagai pengganti ibu bapa di sekolah
110.	Penghargaan ibu bapa terhadap status anda sebagai pengganti ibu bapa di sekolah
111.	Sumbangan anda kepada pembangunan negara
112.	Peluang untuk peningkatan kerjaya seperti kenaikan pangkat
113.	Peluang untuk perkembangan profesionalisme seperti menghadiri kursus
114.	Masa untuk bersama keluarga anda

Soal selidik akhir yang telah dimurnikan seperti yang terdapat pada Lampiran A kemudian diuji keesahannya oleh beberapa orang pakar yang dilantik seperti yang ditunjukkan pada Jadual 3.1. Hal ini kerana pernyataan item yang dicadangkan perlu selaras dengan definisi operasional bagi konsep yang diukur (Chua, 2011). Setelah semua item disahkan oleh pakar, borang soalselidik seterusnya diedarkan kepada para responden mengikut tempoh masa yang ditetapkan. Tempoh pendedaran dan pengutipan semula instrumen kajian bermula dari Jun 2013 sehingga Oktober 2013. Dapatan kajian kemudian dianalisis dengan perisian komputer '*IBM SPSS Statistics 20*'.

Analisis Data. Dalam menganalisis data, pengkaji menggunakan statistik deskriptif dan frekuensi untuk mengesan keperluan profesionalisme para GPI. Statistik deskriptif digunakan untuk menghurai atau meringkaskan data serta maklumat yang telah diperolehi (Azizi et al., 2007). Statistik deskriptif juga menghuraikan ciri-ciri subjek kajian dengan membuat pemerhatian ke atas semua subjek kajian secara terus menggunakan petunjuk statistik deskriptif seperti Min, Median, Mod, Sela, Sisihan Piawai, Varians, Peratusan, Nisbah, Skor Z dan sebagainya. Ciri-ciri populasi kajian

dihuraikan dalam statistik inferensi menerusi analisis ciri-ciri sampel kajian yang telah dipilih secara rawak dari populasi (Chua, 2008).

Penganalisan data soal selidik dalam kajian ini menggunakan statistik deskriptif melibatkan frekuensi, peratusan dan min. Berlaku sedikit ralat yang hanya disedari oleh pengkaji setelah soal selidik diedarkan kerana terdapat persamaan pernyataan di antara item yang ke 109 dan ke 110 pada aspek ‘Ganjaran Bukan Kewangan’ iaitu item ‘Penghargaan ibu bapa terhadap status anda sebagai pengganti ibu bapa di sekolah’. Oleh itu, kedua-dua item ke 109 dan ke 110 tersebut dibuang serta tidak dianalisis. Item ‘PPD Bertanggungjawab’ dan ‘Mata Pelajaran Utama Yang Diajar’ pada Bahagian A (II) juga tidak dianalisis namun ia tidak dibuang kerana ia adalah untuk pengetahuan pengkaji. Jadi keseluruhan item yang dianalisis adalah sebanyak 122 soalan berbanding 124 soalan sebelumnya iaitu 10 soalan di Bahagian A dan 112 soalan di Bahagian B.

Apabila profesionalisme GPI dalam aspek ‘*Riadhah Ruhiyyah*’, kemahiran pengajaran dan pembelajaran serta aspek-aspek profesionalisme yang menjadi fokus kajian dilihat secara terperinci, ia akan boleh difahami dengan lebih jelas lagi. Nilai min bagi setiap aspek menggambarkan kepentingan keperluan profesionalisme GPI seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.6. Hal ini menunjukkan sesuatu keperluan profesionalisme dianggap penting apabila min yang diperolehi adalah tinggi.

Jadual 3.6

Skor Min Aras Keperluan. Sumber : Diubahsuai dari Cohen dan Holliday (1982)

Skor Min	Aras Keperluan
0.1-1.0	Sangat Tidak Perlu
1.1-2.0	Tidak Perlu
2.1-3.0	Kurang Perlu
3.1-4.0	Perlu
4.1-5.0	Sangat Perlu

Sebagai tambahan, setelah kajian sebenar dijalankan, nilai *Cronbach Alpha* yang diperolehi adalah sebagaimana yang dipaparkan pada Jadual 3.7.

Jadual 3.7
Nilai Cronbach Alpha Kajian Sebenar

Instrumen Bahagian B	Bilangan Item (112)	Nilai Alpha
1. Aspek-aspek ' <i>Riadhah Ruhiyyah</i> '		
Hubungan dengan Allah s.w.t	6	0.789
Hubungan dengan diri sendiri	7	0.742
Hubungan dengan rakan sejawat	6	0.853
Hubungan dengan pelajar	8	0.843
2. Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran		
Perancangan pengajaran	6	0.864
Pengetahuan isi kandungan pengajaran	5	0.784
Penyampaian pengajaran	17	0.934
Penilaian pengajaran	11	0.920
3. Aspek-aspek Profesionalisme		
Pengetahuan profesionalisme	30	0.962
Usaha-usaha meningkatkan profesionalisme	8	0.866
Ganjaran bukan kewangan	8	0.883

Dapatan dalam Jadual 3.7 jelas memperlihatkan set soal selidik yang diedarkan benar-benar mempunyai nilai pekali kebolehpercayaan instrumen yang tinggi.

Fasa II (A) : Fasa Analisis Kandungan

Tujuan. Fasa ini dijalankan untuk menganalisis kandungan kitab *Ihya' Ulum al-Din* bagi mendapatkan maklumat berhubung konsep dan ciri-ciri guru professional untuk menjawab persoalan kajian yang kedua iaitu :

2. Apakah ciri-ciri guru Pendidikan Islam profesional ?

Sampel Kajian. Menurut Cohen, Manion & Morrison (2007), unit analisis dalam analisis kandungan boleh didefinisikan dalam banyak peringkat seperti perkataan, frasa, ayat, perenggan, keseluruhan teks dan tema. Unit-unit analisis ini boleh dikelaskan dalam kategori teks yang sama yang mempunyai maksud yang sama dalam

konteks tersebut. Unit sampel analisis kandungan adalah unit yang terdapat dalam analisis.

Fasa ini menggunakan sampel khusus (*purposive sampling*) yang ditetapkan oleh pengkaji iaitu kitab *Ihya' Ulum al-Din* yang telah dikarang dan disusun oleh Imam al-Ghazali. Kitab yang digunakan adalah kitab Jilid 1 terbitan Dar al-Ma'rifah di Beirut, Lubnan (t.t) dengan pengkhususan kepada bahagian kelima berkaitan adab guru dan pelajar.

Pengkaji memilih kitab *Ihya' Ulum al-Din* atas dasar kitab ini merupakan karya Imam al-Ghazali yang terbesar dan begitu berpengaruh dalam dunia Islam. Buku ini ditulis antara tahun 489 Hijrah dan 495 Hijrah dan ia menjadi rujukan utama sebahagian besar umat Islam dari pelbagai fahaman dan aliran. Kandungan kitab ini meliputi bidang ibadah, akhlak dan muamalah. Huraian feqahnya berpandukan Imam Syafie dan teologinya bercorak Imam Asya'ari. Dalam bidang ilmu, al-Ghazali mengkategorikan bidang ilmu kepada ilmu zahir yang meliputi ibadah serta ilmu batin yang menjurus kepada pembersihan hati dari sifat-sifat tercela ke arah mencapai sifat-sifat terpuji. Ilmu juga dibahagikan dengan hukum fardu ain dan fardu kifayah serta ilmu agama dan ilmu intelektual. Ilmu agama dan ilmu intelektual ini diklasifikasikan kepada ilmu terpuji dan ilmu tercela dan guru adalah penyampai ilmu untuk membimbing pelajar (al-Ghazali, t.t; Abdul Salam Yussof, 2003). Perbincangan mengenai guru yang menjadi tumpuan pengkaji disentuh oleh beliau dalam bahagian atau bab kelima kitab tersebut pada mukasurat 55 hingga 58.

Prosedur Kajian. Analisis kandungan adalah satu proses merumus dan melapor data bertulis (Cohen, Manion & Morrison, 2007) dengan membuat analisis terhadap kandungan teks daripada sumber dokumen rasmi dan tidak rasmi (Ghazali Darussalam & Sufean Hussin, 2016). Ia adalah antara teknik dalam melakukan penyelidikan khususnya dalam bidang komunikasi massa atau yang berkenaan teks bertulis tertentu (Zaharah Hussin, 2008) seperti membuat analisis terhadap surat-surat hubungan antara

kerajaan Kedah dan Pulau Pinang atau surat-surat hubungan diplomatik Malaysia dengan negara-negara luar dan sebagainya (Ghazali Darussalam & Sufean Hussin, 2016). Ia juga satu metod penyelidikan yang membuat tumpuan dan fokus terhadap media (Sulaiman Masri, 2003) atau satu bentuk analisis terhadap bahan-bahan media cetak dan bahan elektronik (Ghazali Darussalam & Sufean Hussin, 2016). Ulasan dan pengamatan diberi terhadap perkara yang dilihat, didengar, dibaca, diperkatakan dan seumpamanya. Penyelidik membangunkan pendapat atau pandangan berkaitan sesuatu isu apabila ia didedahkan oleh media termasuklah televisyen, radio, akhbar, majalah, buku, novel, puisi, cerpen, ucapan dan lain-lain. Tujuan strategi ini adalah untuk meneroka tema dan persoalan dari bahan tersebut (Sulaiman Masri, 2003).

Analisis kandungan melibatkan pemecahan dan pengasingan kategori yang jelas berpandukan tatacara yang ditetapkan. Tujuannya adalah untuk mendapatkan data yang berkaitan dengan persoalan kajian yang dikemukakan secara deskriptif dengan kaedah induktif, deduktif serta komparatif. Analisis kandungan digunakan untuk memahami isu semasa, menguji hipotesis, mengkaji persoalan sejarah serta pemikiran tokoh di samping mengetahui *trend* masyarakat. Analisis kandungan juga digunakan untuk menganalisis teks secara sistematik dan merumuskannya dalam kategori serta tema tertentu untuk menghasilkan teori (Cohen, Manion & Morrison, 2007). Menurut Chow dan Jaizah Mahamud (2011), kaedah analisis kandungan digunakan oleh penyelidik untuk menilai perkara yang kerap kali berlaku dan mencari pandangan sebilangan besar ahli dalam sesuatu kumpulan. Analisis kandungan turut menitikberatkan kawalan, keadaan semula jadi dan keumuman. Bezanya strategi ini dengan kaedah lain ialah ia menggunakan analisis bukan manusia tetapi perkataan pada surat, buku, program dan wayang gambar (Sulaiman Masri, 2003).

Pada kebiasannya, terdapat dua jenis kajian analisis kandungan iaitu analisis konseptual dan analisis *relational* atau semantik. Analisis konseptual membuat kajian terhadap konsep-konsep sesuatu kandungan teks seperti kandungan dari siri teks-teks

ucapan yang diteliti dari sudut makna eksplisit dan implisit manakala analisis *relational* atau semantik mengkaji hubungan antara konsep-konsep yang bermakna (Ghazali Darussalam & Sufean Hussin, 2016). Dalam kajian ini, pengkaji melaksanakan analisis kandungan secara konseptual dan *relational* dengan mengkaji semua data secara teliti, memastikan kategori dan contoh, mengkaji semula data dengan menentukan hubungan antara konsep-konsep yang bermakna dan membahagikan data itu mengikut kategori yang dikenal pasti. Hal ini kerana setiap kategori mempunyai ciri-ciri tertentu dan perlu berkaitan dengan persoalan kajian. Cara menyusun data mengikut kategori adalah melalui pengkodanan. Dua cara pengkodanan yang dijalankan oleh pengkaji adalah secara deduktif iaitu kategori dipilih dari teori dan secara induktif iaitu kategori ditentukan selepas mengkaji data yang diperolehi sebagaimana yang disyaratkan oleh Chow & Jaizah Mahamud (2011).

Analisis Data. Buku yang dianalisis oleh pengkaji adalah kitab *Ihya' Ulum al-Din*. Pengkaji menstrukturkan kandungan buku berkenaan dengan cara mengekod dan mengkategorikan teks secara '*open coding*' dan '*axial coding*' dengan beberapa langkah.

Dalam langkah pertama, bacaan awal dan *open coding* membantu pengkaji mendapatkan gambaran menyeluruh mengenai aspek-aspek perbincangan utama yang ditekankan dalam kitab berkenaan. Pengkaji seterusnya membaca kitab terjemahan '*Ihya' Ulum al-Din* terjemahan Ismail Yaakub (1986) untuk pemahaman yang lebih jelas mengenai aspek yang dibincangkan.

Pengkaji kemudian menganalisis dan membuat pengkategorian (*axial coding*) dalam langkah yang kedua. Ia menghasilkan dua kategori utama iaitu 'Ciri-ciri Guru Profesional' dan '*Riadhah Ruhiyyah*.' Pengkaji seterusnya mengubahsuai mana-mana istilah yang bersesuaian dengan GPI.

Setelah mengenal pasti semua istilah adalah bersesuaian dengan GPI (*axial coding II*), kategori 'Ciri-ciri Guru Profesional' dipecahkan lagi untuk membentuk kategori 'Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran' dan kategori 'Aspek-aspek

Profesionalisme' manakala kategori '*Riadhah Ruhiyyah*' dipecahkan kepada empat sub kategori iaitu 'Hubungan dengan Allah s.w.t', 'Hubungan dengan diri sendiri', 'Hubungan dengan rakan sejawat' dan 'Hubungan dengan rakan'.

Pengkaji kemudian melakukan '*selective coding*' dengan cara mencatat kategori, menggabungkan sub-sub kategori dan menentukan kewajaran kategori-kategori tersebut. Dalam langkah ini, apabila kategori 'Ciri-ciri guru profesional' dan '*Riadhah Ruhiyyah*' digabungkan, ia menghasilkan satu kategori utama iaitu 'Ciri-ciri guru profesional berasaskan '*Riadhah Ruhiyyah*' yang menjadi fokus utama kajian.

Untuk tujuan keesahan dan kebolehpercayaan data yang diperolehi, pengkaji menggunakan proses triangulasi pelbagai sumber dengan cara membandingkan perspektif dan tafsiran dari pelbagai pihak. Cara ini menurut Chow dan Jaizah Mahmud (2011) dapat membantu pengkaji untuk mengenalpasti perbezaan dan persamaan perspektif di kalangan tiga pihak mengenai sesuatu kejadian atau situasi. Dalam kajian ini juga, pengkaji sendiri menjadi pengekod yang melaksanakan aktiviti pengkodanan. Pengkaji juga menggunakan khidmat semakan seorang guru bahasa Arab memiliki kelulusan Sarjana Muda Bahasa Arab dari sebuah universiti bertaraf antarabangsa di Malaysia dan semakan rakan (*peers check*) yang juga berkelulusan Sarjana Muda Bahasa Arab seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3.8. Sebelum pengkodanan dilakukan, keduanya terlebih dahulu difahamkan dengan tatacara kajian ini. Pengkaji juga mengulang aktiviti pengkodanan di antara dua tempoh yang lama. Proses pengkodanan dan pengkategorian yang dilakukan ini adalah sebagaimana kajian yang dijalankan oleh Postholm (2012). Selain itu, terjemahan kitab *Ihya' Ulum al-Din* oleh Ismail Yakub (1986) turut digunakan untuk tujuan keesahan.

Jadual 3.8
Pengekod Analisis Kandungan

Nama	Tempat Bertugas	Jawatan dan Kelayakan	Kepakaran
Pengekod I	Sekolah menengah	Guru Bahasa Arab Gred DG48/Sarjana Muda Bahasa Arab	Pedagogi dan kurikulum Bahasa Arab/Pakar rujuk penggubalan modul Bahasa Arab sekolah menengah peringkat negeri dan kebangsaan/Penyelaras program pemantapan Bahasa Arab untuk guru dan pelajar di peringkat negeri dan sekolah
Pengekod II	Sekolah menengah	Guru Bahasa Arab Gred DG44/Sarjana Muda Bahasa Asing Sebagai Bahasa Kedua (Bahasa Arab)	Pedagogi dan kurikulum Bahasa Arab/Pelaksana program pemantapan Bahasa Arab untuk guru dan pelajar di peringkat negeri dan sekolah

Fasa II (B) : Fasa Pembangunan Model Profesionalisme Perguruan Pendidikan Islam Berasaskan ‘*Riadhah Ruhhiyyah*’

Tujuan. Teknik *Fuzzy Delphi Method* (FDM) digunakan dalam fasa ini untuk membangunkan model Profesionalisme Perguruan Pendidikan Islam Berasaskan ‘*Riadhah Ruhhiyyah*’ serta mendapatkan konsensus pakar mengenainya untuk menjawab persoalan kajian ketiga iaitu :

3. Apakah konsensus pakar terhadap pembangunan model profesionalisme perguruan Pendidikan Islam berasaskan ‘*Riadhah Ruhhiyyah*’?

Sampel Kajian. Adler dan Zinglio (1996) mencadangkan bilangan pakar adalah seramai 10 hingga 15 orang jika wujudnya keseragaman yang tinggi di kalangan para pakar tersebut. Dalam kajian ini, seramai 15 orang pakar telah dipilih dengan menggunakan kaedah *purposive sampling* berasaskan bidang kepakaran masing-masing. Panel pakar terdiri daripada para pensyarah IPTA dan IPG dengan pengkhususan dalam bidang Pendidikan Islam serta para guru pakar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Sebelum bengkel dijalankan, para pakar dihubungi untuk mendapatkan persetujuan

mereka menjadi pakar serta mengesahkan kehadiran mereka dalam bengkel yang akan diadakan. Apabila kesemua pakar telah bersetuju, surat jemputan rasmi kemudian dihantar menerusi mel elektronik, pos serta serahan tangan. Jadual 3.9 menunjukkan senarai pakar yang dilantik dalam fasa ini.

Jadual 3.9
Pakar Fuzzy Delphi

Nama	Tempat Bertugas	Jawatan dan Kelayakan	Kepakaran
Pakar I	IPTA	Pensyarah Kanan/ Doktor Falsafah	Linguistik Bahasa Arab, kajian ' <i>Riadhah Ruhiyah</i> ' dalam latihan perguruan.
Pakar II	IPTA	Pensyarah Kanan/ Doktor Falsafah	Pendidikan Islam, pembangunan kurikulum, pembangunan insan dan pendidikan bersepadu.
Pakar III	IPTA	Pensyarah Kanan/ Doktor Falsafah	Linguistik Bahasa Arab, pembangunan pelajar.
Pakar IV	IPG	Pensyarah Kanan Gred DG48/Sarjana Muda	Pedagogi Pendidikan Islam dan Tamadun Islam/Pakar rujuk penggubalan modul Pendidikan Islam dalam latihan perguruan.
Pakar V	IPG	Pensyarah Kanan Gred DG48/ Sarjana Muda	Penggubal modul Pendidikan Islam dalam latihan perguruan/Penceramah motivasi.
Pakar VI	IPG	Pensyarah Kanan Gred DG48/ Sarjana Muda	Pendidikan Islam, Pedagogi Pendidikan Islam dan Jawi/Penggubal modul pembelajaran dan kurikulum program bakal guru/pensiswazahan guru.
Pakar VII	Sekolah menengah	Guru Cemerlang Pendidikan Islam Gred JUSA C/Sarjana Muda	Pakar kurikulum Pendidikan Islam peringkat negeri/kebangsaan serta penerima puluhan anugerah dalam bidang kurikulum, ko-kurikulum, Ko-Agama peringkat negeri/kebangsaan.
Pakar VIII	Sekolah menengah	Guru Cemerlang Pendidikan Islam Gred G48/Sarjana Pendidikan	Pakar dalam bidang kurikulum Pendidikan Islam dan Ko-Agama peringkat negeri serta kebangsaan/Pernah menerima Anugerah Guru Inovatif peringkat kebangsaan.
Pakar IX	Sekolah menengah	Guru Cemerlang Pendidikan Islam Gred DG48/Sarjana Muda	Pakar dalam bidang kurikulum Pendidikan Islam/Penggubal modul soalan topikal Pendidikan Islam Penilaian Menengah Rendah (PMR) serta Nota Bestari Pendidikan Islam SPM.
Pakar X	Sekolah menengah	Guru Kanan Bahasa Arab Gred DG48/Sarjana Muda	Pakar dalam bidang kurikulum Pendidikan Islam dan Bahasa Arab/Jurulatih Utama dalam pedagogi Bahasa Arab peringkat negeri/Pentaksir Kawasan untuk peperiksaan Pentaksiran Tingkatan 3/Penggubal modul bahasa Arab untuk sekolah menengah.

Jadual 3.9
Sambungan.

Nama	Tempat Bertugas	Jawatan dan Kelayakan	Kepakaran
Pakar XI	Jabatan Pendidikan Negeri	Penolong Pengarah Gred DG48/Sarjana Bahasa Arab	Bidang utama tugas di jabatan adalah pengurusan kepimpinan untuk GPI/Panel penulis karya berkaitan bidang Pendidikan Islam terbitan jabatan tempat berkhidmat.
Pakar XII	Jabatan Pendidikan Negeri	Penolong Pengarah Gred DG44/Sarjana Muda	Penggubal modul pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam untuk peringkat PMR, SPM dan STPM/ Penceramah kursus bagi guru Kelas Al-Qur'an dan Fardu Ain/Panel penulis karya berkaitan bidang Pendidikan Islam terbitan jabatan tempat berkhidmat/Pernah mendapat anugerah penulisan terbaik peringkat kebangsaan.
Pakar XIII	Politeknik	Pensyarah/Sarjana Kejuruteraan/Pelajar Program Doktor Falsafah	Salah seorang pakar rujuk utama dalam bidang teknik <i>Fuzzy Delphi</i> /Menghasilkan beberapa buah penulisan berkaitan teknik <i>Fuzzy Delphi</i> bersama Pakar XIV dan penulis lain yang merupakan antara buku-buku awal berkaitan teknik <i>Fuzzy Delphi</i> yang diterbitkan di Malaysia.
Pakar XIV	Sekolah kebangsaan (kini berkhidmat di IPG)	Guru Matematik Gred DG44/Pelajar Program Sarjana (kini berkhidmat di IPG)	Salah seorang pakar rujuk utama dalam bidang teknik Fuzzy Delphi/Menghasilkan beberapa buah penulisan berkaitan teknik Fuzzy Delphi bersama Pakar XIII dan penulis lain yang merupakan antara buku-buku awal berkaitan teknik Fuzzy Delphi yang diterbitkan di Malaysia.
Pakar XV	IPG	Pensyarah Kanan Gred DG48/Sarjana Kaunseling/Pelajar Program Doktor Falsafah	Penggubal program pembangunan insaniah untuk guru-guru pelatih di IPG/Merekabentuk modul intervensi peringkat jabatan dengan menekankan kaedah rawatan berasaskan kaunseling Islam yang menggunakan terapi ayat Qur'an dalam proses kaunseling individu dan kelompok.

Pakar I merupakan pensyarah kanan berkelulusan Doktor Falsafah di IPTA tempatan dengan kepakaran dalam bidang linguistik Bahasa Arab. Beliau banyak membentang kertas-kertas kerja di peringkat tempatan mahupun antarabangsa dan sedang menjalankan projek penyelidikan khas berkaitan dengan aspek '*Riadhah Ruhiyyah*' dalam latihan perkhidmatan perguruan bersama kumpulan penyelidik dari IPTA-IPTA tempatan (ketika kajian ini dibuat).

Pakar II juga merupakan pensyarah kanan berkelulusan Doktor Falsafah di IPTA tempatan. Bidang kepakaran beliau adalah bidang Pendidikan Islam, pembangunan kurikulum, pembangunan insan dan pendidikan bersepadu. Beliau banyak menghasilkan penulisan berkaitan Pendidikan Islam dan pembangunan keluarga.

Pakar III merupakan pensyarah kanan berkelulusan Doktor Falsafah di IPTA tempatan dengan kemahiran utama dalam bidang linguistik Bahasa Arab. Beliau kini menjawat jawatan utama di pusat pembangunan Islam di IPTA tempat beliau berkhidmat dan bergerak aktif dalam sebuah pertubuhan bukan kerajaan berkaitan bidang intelektual Islam.

Pakar IV adalah pensyarah di salah sebuah IPG. Beliau berpengalaman luas lebih 20 tahun dalam bidang pedagogi Pendidikan Islam dan Tamadun Islam. Pernah dilantik mengetuai jabatan di mana beliau berkhidmat dan kini merupakan antara pakar rujuk penggubalan modul Pendidikan Islam dalam latihan perguruan.

Pakar V merupakan pensyarah di IPG. Selain dari menjadi penggubal modul Pendidikan Islam dalam latihan perguruan, beliau juga merupakan seorang penceramah motivasi. Beliau berpengalaman hampir 30 tahun dalam bidang Pendidikan Islam di peringkat persekolahan menengah hingga institut pendidikan guru.

Pakar VI juga merupakan pensyarah di IPG. Bidang kepakaran beliau adalah bidang Pendidikan Islam, Pedagogi Pendidikan Islam dan Jawi. Beliau berpengalaman mengajar selama 12 tahun di sekolah dan 7 tahun di institut pendidikan guru. Beliau banyak terlibat dalam pembinaan modul pembelajaran untuk pendidikan bakal guru serta turut terlibat dalam penggubalan kurikulum untuk guru-guru terlatih yang terlibat dalam program pensiswazahan guru.

Pakar VII adalah Guru Cemerlang Pendidikan Islam dengan gred JUSA C. Beliau berpengalaman mengajar hampir 30 tahun dan telah dianugerahkan dengan berbagai-bagai anugerah atas sumbangan cemerlang beliau dalam bidang Pendidikan Islam sepanjang perkhidmatan. Beliau kini berkhidmat di sebuah Sekolah Menengah

Kebangsaan Agama berstatus Sekolah Kluster Kecemerlangan dan merupakan antara pakar rujuk dalam bidang kurikulum Pendidikan Islam di peringkat negeri serta kebangsaan.

Pakar VIII juga merupakan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Gred DG 48. Beliau adalah pemegang ijazah Sarjana Pendidikan yang kini berkhidmat di sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) berstatus Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) terkenal di Malaysia. Beliau telah memberikan banyak sumbangan sepanjang hampir 16 tahun perkhidmatan beliau dan pernah dianugerahkan Anugerah Guru Inovatif peringkat kebangsaan. Anugerah tersebut diberikan kerana kreativiti beliau menghasilkan bahan bantu mengajar yang begitu efisien untuk digunakan bukan setakat dalam proses pengajaran dan pembelajaran malah dalam kehidupan harian seorang individu.

Pakar IX merupakan Guru Cemerlang Pendidikan Islam Gred DG 48. Beliau berpengalaman luas dalam bidang pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam sepanjang berkhidmat hampir 29 tahun sebagai guru Pendidikan Islam. Beliau juga banyak terlibat dengan penghasilan modul soalan topikal Pendidikan Islam Penilaian Menengah Rendah (PMR) serta Nota Bestari Pendidikan Islam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Pakar X adalah guru Bahasa Arab Gred DG 48 di sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan Agama berstatus Sekolah Kluster Kecemerlangan yang kini menjawat jawatan sebagai Guru Kanan Bidang Bahasa. Beliau berpengalaman lebih 20 tahun sebagai guru Bahasa Arab dan banyak terlibat dalam penghasilan modul-modul bahasa Arab untuk kegunaan pelajar sekolah menengah. Beliau juga merupakan Jurulatih Utama dalam pedagogi Bahasa Arab peringkat negeri serta merupakan Pentaksir Kawasan untuk peperiksaan Pentaksiran Tingkatan 3.

Pakar XI merupakan pegawai pendidikan yang berkhidmat di Jabatan Pendidikan Negeri. Beliau adalah pemegang ijazah Sarjana Bahasa Arab dan

merupakan antara panel penulis karya-karya berkaitan bidang Pendidikan Islam terbitan jabatan tempat beliau berkhidmat. Bidang utama tugas beliau merangkumi aspek pengurusan kepimpinan untuk guru-guru Pendidikan Islam.

Pakar XII juga merupakan pegawai pendidikan yang berkhidmat di Jabatan Pendidikan Negeri. Beliau turut merupakan antara panel penulis karya berkaitan bidang Pendidikan Islam terbitan jabatan tempat beliau berkhidmat dan karya beliau pernah mendapat anugerah di peringkat kebangsaan. Selain turut menghasilkan modul pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam untuk peringkat PMR, SPM dan STPM, beliau juga merupakan penceramah kursus bagi guru-guru Kelas Al-Qur'an dan Fardu Ain (KAFA).

Pakar XIII adalah pensyarah di sebuah politeknik tempatan yang mengikuti pengajian di peringkat Doktor Falsafah di IPTA tempatan (ketika kajian ini dibuat). Beliau dilantik sebagai pakar dalam kajian ini kerana beliau adalah antara pakar rujuk utama dalam bidang teknik *Fuzzy Delphi* di Malaysia. Beliau mengorak langkah bersama dengan sekumpulan pakar berjawatan Profesor dan Profesor Madya IPTA tempatan dalam menghasilkan beberapa buah penulisan berkaitan teknik *Fuzzy Delphi* yang merupakan antara buku-buku awal berkaitan teknik *Fuzzy Delphi* yang diterbitkan di Malaysia.

Pakar XIV adalah guru Matematik di sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia yang sedang melanjutkan pengajian di peringkat sarjana (ketika kajian ini dibuat). Beliau dilantik sebagai pakar kerana sama seperti Pakar IV, beliau adalah antara pakar rujuk utama dalam bidang teknik *Fuzzy Delphi* di Malaysia. Beliau bersama pakar IV dan kumpulan penyelidikan beliau kini giat menghasilkan penulisan berkaitan teknik *Fuzzy Delphi* dalam bahasa Melayu yang menjadi rujukan utama para penyelidik tempatan yang mengaplikasikan teknik *Fuzzy Delphi* dalam penyelidikan mereka.

Pakar XV adalah pensyarah akademik Bimbingan dan Kaunseling di IPG. Beliau dipilih menjadi pakar kerana beliau banyak terlibat dalam program pembangunan

insaniah guru-guru pelatih dalam usaha untuk membangunkan watak guru yang sempurna pada diri mereka. Beliau juga telah merekabentuk dan membina modul intervensi peringkat jabatan dengan menekankan kaedah rawatan berasaskan kaunseling Islam yang menggunakan terapi ayat-ayat al-Qur'an dalam proses kaunseling individu dan kelompok. Beliau kini dalam proses menyiapkan tesis kedoktoran beliau yang menumpukan kajian berkenaan modifikasi terapi ringkas penyelesaian masalah berfokus di kalangan pelajar IPG.

Instrumen Kajian. Fasa pembangunan model ini menggunakan set soal selidik yang dimurnikan hasil dari dapatan Fasa I kajian iaitu fasa analisis keperluan serta dapatan Fasa II (A) kajian iaitu analisis kandungan. Set soal selidik yang dibangunkan mengandungi 119 soalan. Secara keseluruhan, bahagian tersebut adalah seperti berikut :

A. Aspek-aspek Riadhah Ruhiyyah (34 item)

- i. Hubungan dengan Allah s.w.t (12 soalan)
- ii. Hubungan dengan diri sendiri (8 soalan)
- iii. Hubungan dengan rakan sejawat (6 soalan)
- iv. Hubungan dengan pelajar (8 soalan)

B. Aspek Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran (39 soalan)

- i. Perancangan pengajaran (6 soalan)
- ii. Pengetahuan isi kandungan pengajaran (5 soalan)
- iii. Penyampaian pengajaran (17 soalan)
- iv. Penilaian pengajaran (11 soalan)

C. Aspek-aspek Profesionalisme (46 soalan)

- i. Pengetahuan profesionalisme (30 soalan)
- ii. Usaha-usaha meningkatkan profesionalisme (8 soalan)
- iii. Ganjaran bukan kewangan (8 soalan)

Soal selidik kajian menggunakan Skala Likert yang mengandungi 5 pilihan skala iaitu Sangat Tidak Sesuai pada skala 1, Tidak Sesuai pada skala 2, Kurang Sesuai pada skala 3, Sesuai pada skala 4 dan Sangat Sesuai pada skala 5. Skala ini digunakan untuk memudahkan para pakar menyatakan persetujuan mereka terhadap kesesuaian item yang terdapat dalam set soalselidik sebelum data tersebut dianalisis untuk mendapatkan konsensus pakar bagi tujuan membangunkan model.

Prosedur Kajian. Fasa pembangunan model menggunakan teknik *Fuzzy Delphi*. Teknik *Fuzzy Delphi* atau *Fuzzy Delphi Method* (FDM) adalah kombinasi antara teori set *Fuzzy* dan teknik Delphi yang diperkenalkan oleh Murray, Pipino dan Gigch (1985) dan ia bukanlah satu teknik yang baharu. Hal ini kerana FDM lebih kepada penambahbaikan terhadap teknik Delphi dan merupakan satu instrumen yang telah memberi nilai tambah kepada teknik Delphi sedia ada.

Teknik Delphi merupakan satu teknik komunikasi berstruktur yang bergantung pada panel pakar. Ia merupakan kaedah mendapatkan pandangan pakar tanpa perlu membawa mereka berjumpa secara bersemuka (Nurfardilla Mohamad Nasri, 2011) dan ia diterangkan dengan pelbagai konsep. Antaranya satu proses sistematik yang menggabungkan pandangan atau pendapat beberapa individu bagi mencapai satu konsensus atau kesimpulan secara bersama (Helmer, 1968), suatu pendekatan untuk memperolehi dan merumus pandangan para pakar (Dalkey, 1972) suatu pendekatan sistematik untuk mendapatkan dan menilai pandangan pakar tanpa adanya sebarang proses perbincangan yang rasmi antara mereka serta satu tatacara pengundian pandangan panel responden (Hill & Fowles, 1975). Responden diberikan peluang untuk memberikan pandangan dan pendapat mereka melalui surat dan e-mel.

Prinsip utama metod Delphi adalah berasaskan andaian bahawa pandangan sekumpulan pakar adalah lebih tepat berbanding pendapat individu. Teknik Delphi melibatkan beberapa pusingan kerana ia adalah satu pendekatan untuk mendapatkan konsensus pakar berhubung sesuatu isu atau beberapa isu. Konsensus yang didapati

menerusi teknik Delphi tidaklah bermaksud bahawa jawapan yang tepat berhubung sesuatu isu telah ada namun ia menunjukkan persetujuan pakar berhubung perkara tersebut telah diperolehi (Keeney, Hasson & McKenna, 2011). Dengan kata lain, responden yang disoal beberapa dalam pusingan menerusi surat atau e-mel akan bebas memberi idea dan pandangan mereka.

Kaedah ini menggantikan reka bentuk penyelidikan yang lazimnya dilaksanakan dengan menggunakan soal selidik. Ia amat praktikal dalam usaha membuat andaian berhubung kajian pada masa hadapan kerana ia tidak mempunyai teori yang bersifat formal. Menerusi teknik ini juga, pandangan sekumpulan pakar diambilkira dan boleh didapati tanpa mereka perlu bersemuka di antara satu sama lain. Tidak ada ketetapan khusus berhubung bilangan pakar panel Delphi sama ada kurang dari 15 orang, antara 8 hingga 12 orang, 10 hingga 50 orang atau sehingga 100 orang. Namun bilangan pakar yang besar meningkatkan kebolehpercayaan dan mengurangkan ralat (Keeney, Hasson & McKenna, 2011). Ciri-ciri prosedur penggunaan teknik Delphi (Linstone & Turoff, 2002; Ghazali Darussalam & Sufean Hussin, 2016) adalah :

- i. Anonimiti : Anonimiti adalah satu keadaan bagi menyediakan informasi yang betul terhadap sesuatu fakta. Panel pakar yang dipilih tidak berbentuk kolektif dan pakar adalah mewakili dirinya sendiri. Panel pakar juga tidak berpeluang mengenali antara satu sama lain agar mereka boleh mengeluarkan pandangan secara sukarela tanpa dipengaruhi oleh pihak lain untuk mengurangkan kesan *bias* oleh individu yang lebih dominan atau tekanan dalam kumpulan atau komunikasi yang tidak relevan.
- ii. Interaksi : Sekalipun tidak pernah bertemu, para pakar berpeluang berinteraksi sesama mereka walaupun saling tidak mengenali. Ia berlaku menerusi pandangan dan jawapan yang dinyatakan dalam instrumen. Hal ini kerana teknik Delphi membolehkan semua komen dan pandangan dimasukkan pada pusingan-pusingan seterusnya. Semua pakar diminta menyatakan respon dan persetujuan

terhadap pandangan pakar lain dan mengesahkan pandangan mereka. Proses ini berulang-ulang sehingga persetujuan pakar diperolehi.

- iii. Ulasan dan Maklum balas Terkawal : Ciri ini menekankan kepada sifat ulasan pakar yang neutral. Setiap ulasan berulang dikawal agar tidak wujud pengaruh individu atau pakar lain yang lebih dominan.
- iv. Ulasan Statistik : Setiap respon panel pakar dianalisis menggunakan analisis statistik yang lebih menekankan kepada ciri-ciri umum berbanding skor min. Oleh itu, statistik yang digunakan adalah dalam bentuk median, interkuartil dan frekuensi.

Langkah-langkah pelaksanaan dalam kajian menggunakan teknik Delphi sebagaimana yang dijelaskan oleh Saedah Siraj (2008a) ialah :

- i. Penetapan dan pemilihan sampel yang bersesuaian dengan kajian
- ii. Soal selidik yang direka oleh penyelidik perlu dijawab oleh panel pakar secara berasingan tanpa tekanan dari pihak lain. Pengkaji memungut semula soal selidik dan merumuskan jawapan panel pakar. Ini merupakan kajian Delphi pusingan pertama.
- iii. Delphi pusingan kedua berlangsung apabila keputusan soal selidik dihantar kembali kepada panel pakar untuk menilai jawapan asal mereka berpandukan jawapan anggota lain dalam kumpulan pakar.
- iv. Delphi pusingan ketiga dan keempat kadang-kadang dijalankan oleh pengkaji sebelum data diproses buat kali terakhir. Ia dijalankan untuk memberi peluang kepada panel pakar mempertahankan pandangan atau mengubah pandangan mereka berdasarkan pandangan majoriti ahli kumpulan pakar. Dalam hal ini, Saedah Siraj (2008b) menegaskan bahawa pada setiap pusingan, pengkaji perlu mengupas dan mengambilkira semua cadangan termasuk bantahan dari para pakar untuk memperolehi pendapat majoriti atau konsensus pakar serta memastikan jawapan yang tepat.

Kelebihan kaedah ini adalah penyelidik boleh mendapatkan persetujuan atau konsensus tulen dari para pakar kerana mereka tidak pernah bertemu dan saling tidak mengenali antara satu dengan yang lain. Oleh itu, konsensus pakar dapat dicapai tanpa adanya tekanan dan pengaruh dari mana-mana pihak serta sikap pilih kasih yang membolehkan mereka memberi pendapat yang konsisten dengan bidang kepakaran masing-masing. Pada masa yang sama, ujikaji turut diulang di mana data dari setiap pusingan Delphi akan disaring melalui analisis data. Teknik Delphi juga berkesan untuk memperolehi sebanyak mungkin pandangan dan pendapat terhadap isu-isu yang rumit serta sesuai digunakan untuk melakukan jangkaan masa depan (Saedah Siraj, 2008b).

Namun begitu, teknik Delphi mempunyai beberapa kelemahan. Antaranya menurut Saedah Siraj (2008a) adalah kebolehpercayaan data boleh dipersoalkan dan diragui jika penyelidik gagal mendapatkan pakar yang sepatutnya selain dari jumlah pakar yang terlalu kecil dalam mengukur sesuatu yang besar. Panel pakar turut berasa bosan disebabkan ujikaji yang berulang-ulang. Hal ini menurut Bojadziev dan Bojadziev (2007) akan menghasilkan data yang kurang tepat dan tidak lengkap. Pada masa yang sama, konsensus yang terhasil juga adalah bersandarkan kompetensi individu dan ia merupakan sesuatu yang sangat subjektif.

Justeru teknik FDM dilihat mampu mengatasi masalah yang timbul dalam kaedah Delphi seperti yang telah dinyatakan. Ini kerana antara kebaikan menggunakan FDM adalah menjimatkan masa dan kos pengendalian soal selidik, mengurangkan jumlah bilangan pusingan kaji selidik, menaikkan kadar pemulihan soal selidik, membolehkan pakar memberikan sepenuhnya pandangan mereka secara konsisten di samping mengambil kira kekaburan yang tidak boleh dielakkan semasa proses kajian dijalankan kerana kaedah ini tidak menyalahafsir pendapat asal pakar sebaliknya memberikan gambaran tindak balas sebenar pakar (Mohd. Ridhuan Mohd. Jamil, Saedah Siraj, Zaharah Hussin, Nurul Rabihah Mat Noh & Ahmad Arifin Sapar, 2014).

FDM bukanlah satu metod penyelidikan sebaliknya hanya satu teknik atau

kaedah yang digunakan untuk mendapatkan kesepakatan atau konsensus sejumlah pakar selaku responden yang dilantik secara berasingan bagi membentuk satu instrumen atau set item soalselidik 5 skala likert yang tepat dan lebih bercirikan kuantitatif (Ghazali Darussalam & Sufean Hussin, 2016). Jika teknik Delphi melihatkan kesepakatan pakar terhadap sesuatu instrumen kajian yang dibina secara naratif (kualitatif) dan dikira melalui pengukuran tahap kesepakatan pakar ke atas item, teknik FDM menunjukkan kesepakatan pakar menerusi nilai *Threshold (d)* dalam bentuk kuantitatif. FDM telah banyak digunakan para pengkaji dalam bidang kejuruteraan dan sains serta turut sesuai digunakan dalam bidang penyelidikan pendidikan kurikulum, bahasa, sains sosial serta pendidikan Islam (Mohd. Ridhuan Mohd. Jamil, Zaharah Hussin, Nurul Rabihah Mat Noh, Ahmad Arifin Sapar dan Norlidah Alias, 2013).

Penyelidikan ini mengaplikasikan teknik FDM kerana selain dari faktor masa dan kos, teknik ini juga bergantung pada pandangan pakar dalam membuat keputusan (Muhammad Ridhuan Tony Lim Abdullah, 2014). Konsensus pakar diperolehi menerusi bengkel pakar FDM yang diadakan dengan menghimpunkan semua pakar dalam satu masa tanpa perlu melakukan proses mendapatkan data secara pusingan sebagaimana yang biasa dilakukan dalam teknik Delphi sedia ada. Namun ia masih mempunyai persamaan dengan kaedah Delphi kerana para pakar merupakan sekumpulan pakar dalam bidang masing-masing yang diberikan set soalselidik mengandungi skala Likert lima poin sebagaimana yang dilakukan dalam kajian oleh Soon, Davies, Chadd dan Baines (2012). Keesahan dan kebolehpercayaan data menerusi teknik FDM diperolehi menerusi konsensus pakar terhadap item-item yang dikemukakan kepada pakar ketika bengkel pakar diadakan.


Teknik FDM dalam kajian ini dijalankan menerusi dua peringkat. Peringkat pertama yang mengandungi dua slot dilakukan ketika bengkel pakar diadakan. Dalam bengkel berkenaan, para pakar diberikan set soal selidik mengandungi item-item yang terhasil dari analisis data Fasa I dan Fasa II (A) kajian. Menerusi slot awal atau yang

pertama, para pakar diminta menanda persetujuan mereka terhadap kesesuaian setiap item mengikut aras samada ia Sangat Sesuai, Sesuai, Kurang Sesuai, Tidak Sesuai dan Sangat Tidak Sesuai. Setiap sisi set soal selidik dipaparkan dengan skala Likert serta ruang kosong untuk membolehkan para pakar menulis pandangan atau komen serta cadangan mereka. Setelah selesai menandakan aras persetujuan pada instrumen masing-masing, slot kedua kemudiannya membuka peluang kepada para pakar untuk menyatakan pandangan dan idea mereka terhadap item-item yang dikemukakan.

Pada peringkat kedua, dapatan yang didapati dari peringkat pertama ditukar ke dalam bentuk data nombor *fuzzy* bagi memudahkan ia dianalisis di dalam program *Microsoft Excel* untuk penjadualan lebih kemas. Teknik FDM ini sebenarnya melibatkan proses menentukan konsensus pakar samada ia bersamaan atau melebihi 75% bagi setiap item atau keseluruhan konstruk. Sebagai tindakan susulan, semua komen, pandangan dan cadangan pakar turut diambilkira. Pengkaji seterusnya memurnikan kandungan berkenaan untuk tujuan semakan sebelum membangunkan model untuk dibentangkan dan dinilai dalam Fasa III kajian yang melibatkan kaedah NGT.

Analisis Data. Analisis data fasa ini dilakukan untuk mendapatkan konsensus pakar terhadap item-item yang dikemukakan dalam instrumen kajian. Terdapat dua perkara utama dalam analisis data FDM yang perlu diketahui iaitu *Triangular Fuzzy Number* (penomboran segi tiga *fuzzy*) dan *Defuzzification Process* (proses nyahfuzzi). *Triangular Fuzzy Number* diaplikasikan dalam proses penghasilan satu set skala dinamakan skala *fuzzy* yang bersamaan dengan skala Likert bagi menterjemahkan pembolehubah linguistik kepada nombor-nombor *fuzzy* untuk memperoleh nilai *threshold (d)* iaitu nilai ambang dan peratus kesepakatan para pakar terhadap item. Manakala *defuzzification* adalah suatu proses untuk menetapkan *ranking* (keutamaan atau kedudukan) bagi setiap item, pembolehubah mahupun sub-pembolehubah.

Triangular Fuzzy Number disusun dengan nilai m_1 , m_2 dan m_3 . Nilai m_1 menunjukkan nilai minimum, nilai m_2 merujuk kepada nilai munasabah manakala nilai m_3 menunjukkan nilai maksimum. Ia dipaparkan pada Rajah 3.1 yang menunjukkan aras persetujuan skala *fuzzy*.



Rajah 3.1 Aras Persetujuan Skala *Fuzzy*. Sumber : Bojadziew, G. & Bojadziew, M. (2007).

Rasional penggunaan nilai m_1 , m_2 dan m_3 menunjukkan bahawa setiap skala yang dipersetujui dalam skala *fuzzy* adalah tidak berada pada nilai tetap seperti skala Likert yang terletak pada skala 1 hingga 5 (Mohd. Ridhuan Mohd. Jamil et al., 2014). Perkara ini membezakan di antara kedua-dua jenis skala tersebut seperti yang ditunjukkan pada Jadual 3.10 dan Jadual 3.11.

Jadual 3.10

Perbezaan Skala Likert Dan Skala Fuzzy bagi Lima Poin. Sumber : Mohd. Ridhuan Mohd. Jamil et al. (2014)

Skala Likert	Aras Skala	Skala <i>Fuzzy</i>
5	Sangat Setuju	(0.6, 0.8, 1.0)
4	Setuju	(0.4, 0.6, 0.8)
3	Kurang Setuju / Tidak Setuju / Tidak Pasti	(0.2, 0.4, 0.6)
2	Tidak Setuju	(0.1, 0.2, 0.4)
1	Sangat Tidak Setuju	(0.0, 0.1, 0.2)

Jadual 3.10 menunjukkan bahawa sekiranya responden memilih skala Likert, setiap pilihan oleh pakar hanya merujuk kepada nombor bulat. Ia adalah tetap dan pentafsirannya bersifat sehalu. Maksudnya adalah apabila pakar atau responden memilih nilai 1 pada skala Likert, ia menunjukkan jawapan atau data dari responden hanyalah ‘sangat tidak setuju’. Namun bagi skala *fuzzy*, sekiranya pakar atau responden memilih satu nilai pada skala Likert dan ia diterjemahkan ke dalam skala *fuzzy*, penterjemahan skala yang dipilih akan dipecahkan kepada nilai minimum (m_1), nilai munasabah (m_2) atau nilai maksimum (m_3).

Jadual 3.11

Contoh Perbezaan Pentafsiran Skala Likert Dan Skala Fuzzy. Sumber : Mohd. Ridhuan Mohd. Jamil et al. (2014)

Pemilihan pakar	Skala Likert	Tafsiran Skala Likert	Skala <i>Fuzzy</i>	Pentafsiran Skala <i>Fuzzy</i>
Skala 5 pada Skala Likert	5	Sangat Setuju	0.6 Nilai minimum (m_1)	Nilai persetujuan berkemungkinan berada pada skala 0.6 atau 60% sangat setuju
			0.8 Nilai munasabah (m_2)	Nilai persetujuan berkemungkinan berada pada skala 0.8 atau 80% sangat setuju
			1.0 Nilai maksimum (m_3)	Nilai persetujuan berkemungkinan berada pada skala 1.0 atau 100% sangat setuju

Jadual 3.11 menunjukkan contoh pentafsiran skala *fuzzy* bagi seorang pakar yang memilih skala Likert 5 iaitu ‘Sangat Setuju’ pada satu item yang diberikan. Ini menunjukkan penterjemahan data dalam skala *fuzzy* tidaklah berada pada satu nilai sahaja (Mohd. Ridhuan Mohd. Jamil et al., 2014).

Bilangan tahap atau aras persetujuan untuk skala *Fuzzy* juga adalah dalam bentuk bilangan ganjil. Data yang diperolehi adalah lebih jitu jika skala *fuzzy* lebih tinggi. Terdapat dua contoh skala *fuzzy* iaitu skala *fuzzy* 7 poin dan 5 poin yang

ditunjukkan pada Jadual 3.12 serta Jadual 3.13. Data diperolehi akan semakin jitu dan tepat apabila semakin tinggi nombor yang digunakan pada skala.

Jadual 3.12

Skala Fuzzy Lima Poin. Sumber : Mohd. Ridhuan Mohd. Jamil et al. (2013, 2014)

Aras Persetujuan	Skala Fuzzy
Sangat Tidak Setuju	(0.0, 0.0, 0.2)
Tidak Setuju	(0.0, 0.2, 0.4)
Tidak Pasti	(0.2, 0.4, 0.6)
Setuju	(0.4, 0.6, 0.8)
Sangat Setuju	(0.6, 0.8, 1.0)

Jadual 3.13

Skala Fuzzy Tujuh Poin Sumber : Mohd. Ridhuan Mohd. Jamil et al. (2013, 2014)

Aras Persetujuan	Skala Fuzzy
Sangat-sangat Tidak Setuju	(0.0, 0.0, 0.1)
Sangat Tidak Setuju	(0.0, 0.1, 0.3)
Tidak Setuju	(0.1, 0.3, 0.5)
Tidak Pasti	(0.3, 0.5, 0.7)
Setuju	(0.5, 0.7, 0.9)
Sangat Setuju	(0.7, 0.9, 1.0)
Sangat-sangat Setuju	(0.9, 1.0, 1.0)

Untuk memperoleh nilai *threshold* (d), sela di antara dua nombor fuzzy iaitu $m = (m_1, m_2, m_3)$ dan $n = (n_1, n_2, n_3)$ dikira berpandukan formula yang telah ditetapkan seperti dalam Rajah 3.2.

$$d(\bar{m}, \bar{n}) = \sqrt{\frac{1}{3}[(m_1 - n_1)^2 + (m_2 - n_2)^2 + (m_3 - n_3)^2]}.$$

Rajah 3.2 Formula Penentuan Jarak Di Antara Dua Nombor Fuzzy. Sumber : Bojadziev, G. & Bojadziev, M. (2007), Mohd. Ridhuan Mohd. Jamil et al. (2013)

Formula pada Rajah 3.2 adalah formula penentuan jarak di antara dua nombor *fuzzy* untuk memperoleh nilai *threshold* (d). Manakala interpretasi nilai *threshold* (d) tersebut ditunjukkan pada Jadual 3.14.

Jadual 3.14

Interpretasi Nilai Threshold (d). Sumber : Ghazali Darussalam & Sufean Hussin (2016)

Nilai threshold (d)	Kedudukan item
$d < 0.2$ Sekiranya nilai threshold (d) kurang atau sama dengan 0.2	Item diterima
$d > 0.2$ Sekiranya nilai threshold (d) lebih daripada 0.2	Item ditolak ATAU pusingan kedua hanya terhadap pakar yang tidak sepakat sahaja

Berpandukan formula dalam Rajah 3.2, nilai d adalah nilai *threshold* dan interpretasi pada Jadual 3.14 menunjukkan jika nilai $d \leq 0.2$ atau $d = 0.2$, ia bermaksud semua pakar mencapai kesepakatan terhadap item yang dikemukakan dan item yang diutarakan adalah diterima. Jika sebaliknya, pusingan yang kedua perlu dilakukan untuk menentukan samada item tersebut perlu atau tidak perlu (Chen, 2000, Cheng & Lin, 2002). Setiap item juga diandaikan telah disepakati oleh pakar jika peratus konsensus pakar bagi item berkenaan adalah bersamaan atau melebihi nilai 75% (Murray & Hammons, 1995, Chu & Hwang, 2008).

Setelah itu, proses *defuzzification* atau nyahfuzzi dilaksanakan. Ia adalah satu proses mengira agregat penilaian *fuzzy* untuk melihat nilai skor bagi menentukan kedudukan atau keutamaan (*ranking*) sesuatu konstruk atau item dalam instrumen soal selidik (Mohd. Ridhuan Mohd. Jamil et al., 2014). Menentukan *ranking* menerusi proses ini akan membolehkan pengkaji menghasilkan data mengikut kesepakatan pakar dengan membandingkan nilai skor ‘*average of fuzzy number*’ atau ‘*average response*’ dengan nilai α -cut (Ghazali Darussalam & Sufean Hussin, 2016). Nilai α -cut adalah

nilai median (penengah) bagi nombor *fuzzy* '0' dan '1', dimana α -cut = $(0+1) / 2 = 0.5$. Sekiranya nilai A kurang dari nilai α -cut = 0.5, item akan ditolak kerana ia memperlihatkan kesepakatan dan konsensus para pakar untuk menolak item tersebut. Tetapi jika nilai A melebihi nilai α -cut = 0.5, item tersebut diterima kerana ia menunjukkan kesepakatan pakar dalam menerima item tersebut (Tang & Wu, 2010, Bodjanova, 2006). 'A_{max}' adalah simbol bagi maksud proses *defuzzification* ini (Ghazali Darussalam & Sufean Hussin, 2016).

Terdapat 3 rumus yang boleh digunapakai dalam proses *defuzzification* dan mana-mana rumus tersebut boleh digunakan seperti yang diterangkan dalam Bojadziev dan Bojadziev (2007) iaitu :

- a. $A_{\max} = 1/3 * (m_1 + m_2 + m_3)$ atau ;
- b. $A_{\max} = 1/4 * (m_1 + 2m_2 + m_3)$ atau ;
- c. $A_{\max} = 1/6 * (m_1 + 4m_2 + m_3)$

Berpandukan keterangan yang telah diberi berhubung FDM, pengkaji menganalisis data kajian dalam Fasa II (B) ini dengan terlebih dahulu menentukan dan menyusun semua item yang terhasil menerusi dapatan Fasa I dan Fasa II kajian dalam satu bentuk jadual yang kemas bagi membolehkan ia mudah untuk dikuasai dan difahami oleh para pakar. Sekumpulan pakar yang bersetuju untuk menyumbang kepakaran dalam memberikan pandangan serta idea dan menambah baik kandungan item kemudian ditetapkan oleh pengkaji sebagaimana yang dilakukan dalam kajian Muhammad Ridhuan Tony Lim Abdullah (2013).

Setelah itu, langkah pemilihan skala linguistik dilakukan dan pengkaji memilih skala linguistik 5 poin seperti yang ditunjukkan pada Jadual 3.15.

Jadual 3.15
Skala *Fuzzy* Kajian

Skala	Skala <i>Fuzzy</i>	Skala Likert
Sangat Tidak Sesuai	(0.0, 0.0, 0.2)	1
Tidak Sesuai	(0.0, 0.2, 0.4)	2
Kurang Sesuai	(0.2, 0.4, 0.6)	3
Sesuai	(0.4, 0.6, 0.8)	4
Sangat Sesuai	(0.6, 0.8, 1.0)	5

Semua data kemudian dijadualkan dan ditukarkan ke dalam bentuk *Triangular Fuzzy number* bagi mendapatkan nilai purata *fuzzy* iaitu m_1 , m_2 , m_3 untuk memperolehi nilai *threshold* (d) dan peratus kesepakatan para pakar bagi setiap item serta proses *defuzzification* dan *ranking* iaitu susunan keutamaan item yang diberikan kepada para pakar. Nilai *threshold* pada kotak berwarna dalam Jadual 6.2, Jadual 6.5, Jadual 6.11, Jadual 6.14, Jadual 6.20, Jadual 6.23, Jadual 6.26, Jadual 6.29 dan Jadual 6.32 yang diperolehi dalam kajian ini menunjukkan pandangan individu yang tidak mencapai konsensus dengan pandangan pakar lain. Bagaimanapun pusingan kedua tidak dijalankan kerana konsensus pakar adalah melebihi 75%. Dalam proses *defuzzification* untuk menentukan *ranking* item, pengkaji menggunakan rumus yang pertama iaitu $A = 1/3 * (m_1 + m_2 + m_3)$.

Fasa III : Fasa Kebolegunaan Model

Tujuan. Dalam fasa ini, penilaian kebolegunaan model dilakukan dengan menggunakan Teknik Kumpulan Nominal atau *Nominal Group Technique* (NGT). Tujuannya adalah untuk melihat persepsi dan kepuasan pengguna iaitu persepsi para GPI terhadap model perguruan yang dibangunkan untuk menjawab persoalan kajian keempat iaitu :

4. Apakah kebolegunaan model pembangunan profesionalisme perguruan Pendidikan Islam berasaskan 'Riadhah Ruhiyyah' untuk guru-guru Pendidikan Islam ?

Sampel Kajian. Seramai 21 orang GPI pakar dan berpengalaman telah dipilih dan dipecahkan kepada tiga kumpulan kecil. Setiap kumpulan tersebut terdiri daripada tujuh orang peserta kajian. GPI pakar dan berpengalaman yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah para GPI yang mempunyai pengalaman mengajar melebihi 10 tahun. GPI yang berpengalaman mengajar melebihi 10 tahun dianggap pakar dan berpengetahuan kerana seseorang individu dianggap berpengetahuan dan mahir dalam sesuatu bidang sekiranya mempunyai pengalaman dalam bidang tersebut di antara lima hingga tujuh tahun atau lebih dari tempoh lima tahun (Berliner, 2004). Kewajaran pemilihan peserta dalam kajian ini juga adalah bersesuaian dengan hujah Dobbie, Rhodes, Tysinger & Freeman (2004) yang menetapkan peserta kajian dalam kalangan pengguna untuk menilai kebolegunaan suatu kurikulum dengan menggunakan teknik NGT. Nielsen (2000) menyatakan bilangan peserta kajian yang sesuai untuk ujian kepenggunaan adalah seramai lima orang namun Norlidah Alias (2010) telah menggunakan seramai 14 orang pelajar dalam ujian kepenggunaan yang diadakan. Justeru kajian ini menetapkan seramai 21 orang GPI untuk menilai kebolegunaan model yang dibangunkan.

Instrumen Kajian. Instrumen soal selidik yang dibangunkan berpandukan dapatan dari Fasa II (B) (konsensus pakar *Fuzzy Delphi*) yang kemudiannya dibentangkan dalam bengkel kebolegunaan menggunakan teknik NGT adalah instrumen kajian fasa penilaian ini. Terdapat lima bahagian dalam soal selidik yang telah diisi oleh peserta kajian iaitu meliputi Bahagian A berkenaan dengan demografik responden, Bahagian B menjawab tentang kesesuaian komponen utama model, Bahagian C menjawab tentang kesesuaian elemen dalam setiap komponen utama model,

Bahagian D menjawab tentang kesesuaian kandungan elemen dalam setiap komponen utama model dan Bahagian E menjawab pandangan keseluruhan kebolegunaan model pembangunan profesionalisme perguruan Pendidikan Islam berasaskan '*Riadhah Ruhyyah*'.

Prosedur Kajian. Teknik NGT adalah satu proses membuat keputusan menerusi perbincangan dalam bentuk kumpulan kecil secara bersemuka (Aizzat Mohd. Nasurdin, Intan Osman & Zainal Ariffin Ahmad, 2006) yang berstruktur dan berbentuk semi kuantitatif (O'Neil & Jackson, 1983; Dobbie et al, 2004; Perry & Linsley, 2006). NGT bersifat semi kuantitatif kerana ia turut bergabung dengan kaedah kualitatif. Hal ini kerana teknik NGT bermula dengan kaedah kualitatif iaitu proses 'penerimaan idea tanpa penilaian' yang kemudiannya dituruti oleh kaedah kuantitatif iaitu 'proses pemeringkatan atau susunan keutamaan idea' (O'Neil & Jackson, 1983).

Teknik ini telah digunakan dalam bidang pengurusan, pendidikan, kejuruteraan, klinikal serta perubatan. Ia boleh digunakan ke atas satu kohort atau kumpulan yang besar (Lomax & McLeman, 1984; Dobbie et al., 2004) seperti kajian oleh Lomax dan McLeman (1984) berkaitan penilaian kursus di politeknik serta kajian Williams, White, Klem, Wilson & Bartholomew (2006) berkenaan faktor yang mempengaruhi kualiti dan kapasiti ahli para petugas kesihatan. Kajian Lomax dan McLeman (1984) melibatkan seramai 122 orang peserta yang dibentuk menjadi 12 kumpulan dengan bilangan ahli seramai 7 hingga 14 orang manakala kajian Williams et al. (2006) melibatkan seramai 92 orang peserta. Peserta kajian tersebut dibahagikan kepada lapan kumpulan yang terdiri dari sembilan hingga 13 orang bagi setiap kumpulan. Namun begitu, kajian Perry dan Linsley (2006) tentang penilaian kemahiran interpersonal pelajar hanya melibatkan seramai 36 orang peserta yang mewakili tiga kohort. Kohort pertama terdiri dari 12 orang peserta, 11 orang untuk kohort kedua diikuti seramai 13 orang peserta untuk kohort terakhir.

Kajian oleh Dobbie et al. (2004) berkaitan penilaian kurikulum kursus perubatan pula hanya melibatkan empat kumpulan yang terdiri dari empat hingga lapan orang ahli bagi setiap kumpulan manakala kajian oleh Kleiner-Fisman, Gryfe & Naglie (2013) tentang pesakit Parkinson hanya melibatkan tiga kumpulan dengan ahli seramai enam hingga lapan orang bagi setiap kumpulan. Ini menunjukkan jumlah kumpulan dan peserta dalam teknik NGT adalah berbeza-beza mengikut keperluan kajian. Peserta kajian juga memadai dibentuk dalam satu kumpulan sahaja jika ahli-ahli kumpulan yang dipilih adalah benar-benar berkelayakan untuk menjawab persoalan kajian seperti yang dijalankan oleh O'Neil & Jackson (1983) mengenai pembangunan kurikulum program ijazah yang hanya melibatkan seramai 11 orang peserta sahaja.

Antara kebaikan teknik NGT adalah ia merupakan satu pendekatan untuk menyelesaikan masalah secara konstruktif dan berstruktur bagi mencapai konsensus dan kesepakatan dalam isu yang luas (Williams et al., 2006; Azzat Mohd. Nasurdin et al., 2006) yang kemudiannya akan menghasilkan satu set cadangan atau penyelesaian yang berprioriti (Dobbie et al.; 2004; Azzat Mohd. Nasurdin et al., 2006).

Teknik NGT memerlukan setiap ahli dalam kumpulan untuk menjana dan menstruktur idea masing-masing semasa menilai item yang diberikan (Dobbie et al., 2004), membolehkan penyertaan semua ahli kumpulan, mengelakkan pengaruh mana-mana individu yang menonjol dari mendominasi dan menguasai perbincangan di samping mengurangkan tekanan kepada individu untuk mengikut pandangan ahli-ahli kumpulan (O'Neil & Jackson, 1983; Lomax & McLeman, 1984; Dobbie et al., 2004; Azzat Mohd. Nasurdin et al., 2006). Meskipun perbincangan dibenarkan untuk mendapatkan penjelasan, namun sebarang kritikan atau komen adalah tidak dibenarkan (Holtzapple & Reece, 2010). Teknik NGT juga menjana pandangan positif dan negatif, mampu menghasilkan komen dan idea kreatif yang banyak jika dibandingkan dengan kaedah tinjauan, menjimatkan masa serta mencetuskan pandangan yang jujur di kalangan ahli kumpulan (Dobbie et al., 2004). Ia turut menggalakkan ahli-ahli kumpulan

untuk membuat pertimbangan mengenai kepentingan keseluruhan aspek atau perkara dalam senarai idea dan cadangan yang telah dikemukakan oleh ahli-ahli kumpulan semasa proses perbincangan (Williams et al., 2006).

Dalam pelaksanaan teknik NGT, interaksi dalam kumpulan dikawal hampir sepenuhnya oleh seorang fasilitator atau ketua (Perry & Linsley, 2006). Menurut O'Neil & Jackson (1983), fasilitator yang dilantik perlulah seorang yang neutral dalam menerima sebarang idea ahli-ahli kumpulan serta mampu mengurus aliran maklumat dalam kumpulan tersebut dengan baik. Tidak wajar bagi fasilitator untuk mencelah atau menyumbang idea dalam proses perbincangan yang sedang berjalan kerana pada dasarnya, fasilitator adalah 'pengumpul idea' yang berperanan untuk mengumpul idea-idea yang dinyatakan oleh peserta. Fasilitator juga tidak dibenarkan mentafsir semula idea seseorang, membuat keputusan, perlu memberikan peserta masa untuk berfikir di samping tidak membenarkan peserta untuk saling cabar-mencabar antara satu sama lain.

Teknik NGT dijalankan dengan beberapa langkah (O'Neil & Jackson, 1983; Dobbie et al., 2004; Azzat Mohd. Nasurdin et al., 2006; Williams et al., 2006; Perry & Linsley, 2006; Holtzapple & Reece, 2010) yang biasanya mengambil masa di antara dua hingga dua setengah jam (O'Neil & Jackson, 1983) iaitu :

Fasa pertama adalah Fasa Penerangan. Setelah menetapkan tempat perbincangan, fasilitator perlu menerangkan peranan setiap ahli kumpulan, prosedur pelaksanaan NGT serta menjelaskan bagaimana keputusan perbincangan akan digunakan. Setiap peserta kemudian diberikan sehelai kertas yang mengandungi soalan untuk digunakan dalam sesi perbincangan. Soalan tersebut perlu dinyatakan dengan bahasa yang mudah dan jelas serta memberi tumpuan kepada topik yang dibincangkan. Ia juga boleh diberikan lebih awal sebelum bermulanya sesi perbincangan. Peringkat pembukaan ini biasanya mengambil masa lebih kurang 15 minit. Kumpulan besar kemudian dipecahkan kepada kumpulan kecil antara lima hingga enam orang ahli. Setiap kumpulan kecil seelok-eloknya duduk di sebuah meja.

Fasa kedua adalah Fasa Senyap (Penjanaan Idea). Dalam fasa ini, setiap ahli kemudian diminta menjana idea secara individu tentang penyelesaian masalah yang dikemukakan dan masing-masing mencatatkannya. Peserta tidak dibenarkan untuk berinteraksi di antara satu sama lain untuk mengelakkan kecenderungan mencapai konsensus di kalangan ahli kumpulan. Peringkat ini mengambil masa lebih kurang 10 minit. Namun kajian yang dijalankan oleh Perry dan Linsley (2006) hanya memperuntukkan masa selama lima minit pada peringkat ini.

Fasa seterusnya adalah Fasa Bulatan Robin (Paparannya Idea). Peringkat ketiga teknik NGT ini melibatkan perkongsian idea antara sesama ahli kumpulan. Setiap idea yang dijana oleh ahli dalam kumpulan akan dicatat pada *Flipchart* atau papan putih serta diperlihatkan kepada semua ahli kumpulan. Cadangan serta idea yang dikemukakan perlu menggunakan ayat yang ringkas atau frasa pendek tanpa huraian. Perbincangan tidak dilakukan pada peringkat ini bagi memastikan setiap ahli kumpulan mendapat peluang yang sama untuk menambah idea atau sebaliknya tanpa dipengaruhi oleh sesiapa. Satu idea ditulis oleh setiap ahli pada satu-satu masa mengikut giliran yang ditetapkan.

Langkah ini akan diulangi sehingga semua idea yang dilontarkan oleh ahli kumpulan telah dicatatkan dan setiap idea serta cadangan yang dikemukakan dianggap sebagai produk hasil kumpulan. Peringkat paparan idea ini biasanya mengambil masa lebih kurang 25 hingga 30 minit.

Fasa Penjelasan adalah fasa atau peringkat seterusnya dalam teknik ini. Ia adalah peringkat penjelasan item. Dalam fasa ini, fasilitator akan membaca semua item yang diperolehi pada peringkat sebelumnya dan setiap item akan diterangkan secara ringkas dalam tempoh selama lima hingga sepuluh minit. Setelah itu, ahli kumpulan boleh memberikan komen atau mengemukakan penerangan terhadap mana-mana item tetapi fasilitator perlu memastikan setiap kritikan atau komen yang diberikan bukanlah berbentuk penilaian. Sekiranya berlaku pertindihan idea antara ahli kumpulan, idea

tersebut boleh digabungkan mengikut persetujuan ramai kerana item yang bertindan hanya boleh dibuang setelah dipersetujui mengikut budi bicara ahli-ahli kumpulan. Proses ini lazimnya mengambil masa selama 20 hingga 30 minit.

Fasa akhir dalam teknik NGT adalah fasa pengundian. Dalam proses ini, setiap ahli kumpulan akan diminta untuk menilai semua item serta mengundi atau memilih idea yang paling disukai secara individu. Satu kad kosong akan diedarkan dan setiap ahli kumpulan perlu menulis lima idea yang difikirkan paling penting. Idea yang paling bagus perlu diberikan lima markah, diikuti empat markah dan seterusnya. Seterusnya kad-kad tersebut akan dikumpulkan semula dan jumlah skor setiap item akan dikira mengikut susunan keutamaan yang telah diberikan oleh ahli kumpulan. Di sinilah terletak kekuatan teknik NGT kerana ia menggalakkan peserta untuk membuat penilaian tentang kepentingan semua item yang telah disenaraikan sebelumnya. Dengan kata lain, hanya item atau idea yang benar-benar munasabah dan relevan sahaja yang akan diundi. Proses ini secara tidak langsung akan mengukuhkan pertimbangan setiap ahli kumpulan dengan cara yang demokratik dan terkawal. Masa yang dicadangkan untuk peringkat ini adalah lebih kurang dua minit bagi setiap item.

Dari segi keesahan dan kebolehpercayaan teknik NGT, Williams et al. (2006) dalam tulisannya menegaskan bahawa kedua-dua aspek ini boleh dipertingkatkan menerusi kajian rintis, penentuan kriteria pemilihan ahli kumpulan serta penentuan soalan perbincangan yang betul. Setiap ahli kumpulan NGT yang dipilih juga perlu benar-benar mewakili kumpulan yang digeneralisasi untuk memastikan keesahan teknik ini (Lomax & McLeman, 1984).

Dalam kajian ini, teknik NGT yang dijalankan adalah teknik NGT yang telah diubahsuai (*modified NGT*). Pengubahsuaian dilakukan kerana selain menjimatkan masa, ia turut berkesan dalam menentukan pandangan atau persepsi individu berkaitan topik yang spesifik (Williams et al, 2006). Peserta kajian adalah para GPI pakar dan berpengalaman yang sedang berkhidmat di beberapa sekolah terpilih. Para GPI tersebut

dijemput untuk menghadiri bengkel NGT yang diadakan di Kota Bharu, Kelantan pada 2 Oktober 2015. Dalam bengkel kebolegunaan tersebut, penyelidik mendapatkan maklumat mengenai penilaian model perguruan pendidikan Islam yang dibangunkan dengan mengedarkan set soal selidik kepada responden. Sebelum ia diedarkan, pembentangan model perguruan yang dibangunkan dijalankan terlebih dahulu untuk memberikan kefahaman kepada responden mengenai kandungan komponen dan elemen model.

Keesahan dan kebolehpercayaan data teknik NGT ini adalah bersandarkan kepada konsensus pandangan pakar Fuzzy Delphi dalam penghasilan model perguruan pendidikan Islam berasaskan '*Riadhah Ruhyyah*' sebelum model tersebut dinilai kebolehgunaannya oleh para GPI pakar yang terlibat secara langsung dalam aspek profesionalisme perguruan Pendidikan Islam.

Analisis Data. Dalam bengkel kebolegunaan model ini, penyelidik mendapatkan maklumat mengenai penilaian model perguruan pendidikan Islam yang dibangunkan berasaskan '*Riadhah Ruhyyah*' menerusi borang soal selidik yang diberikan kepada sampel selepas sesi pembentangan model. Peserta kajian telah diminta untuk memberikan pandangan yang diterjemahkan ke dalam borang soal selidik kebolegunaan yang telah dibekalkan.

Nilai persetujuan dan kesesuaian di dalam skala Likert yang ditanda oleh peserta kajian akan memberikan nilai skor kepada setiap elemen yang dinilai. Nilai skor ini pula akan ditukar ke dalam bentuk peratus untuk menginterpretasikan samada setiap komponen dan elemen yang dinilai adalah bersesuaian dan boleh digunakan ataupun sebaliknya bagi mengukur kebolegunaan model. Syarat peratusan skor kumpulan untuk membolehkan sesuatu elemen diterima mestilah sama atau melebihi 70%. Ini adalah bersandarkan kepada Dobbie et al. (2004) dan Deslandes, Mendes, Pires & Campos (2010) yang menegaskan bahawa dalam penggunaan teknik NGT, sesuatu

elemen akan diterima sekiranya jumlah peratus skor yang diberikan oleh peserta kajian adalah mencapai 70% atau melebihi 70%.

Rumusan

Sebagai rumusan, bab ini menjelaskan mengenai keseluruhan rekabentuk kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji yang menggunakan kaedah reka bentuk dan pembangunan dengan melibatkan tiga fasa. Fasa I kajian dijalankan untuk mendapatkan gambaran awal serta meninjau keperluan profesionalisme perguruan Pendidikan Islam secara khusus. Seramai 270 orang GPI ditetapkan sebagai responden kajian Fasa I. Setelah tahap keperluan profesionalisme GPI dikenalpasti, Fasa II (A) kajian dilakukan dengan menggunakan kaedah analisis kandungan untuk mengenal pasti ciri-ciri guru profesional yang dinyatakan dalam kitab '*Ihya ' Ulum al-Din*'. Dalam fasa tersebut, beberapa ciri dikenal pasti dan dikategorikan untuk memudahkan perbincangan. Dapatan Fasa II (A) tersebut dikembangkan untuk menghasilkan cadangan pembangunan model profesionalisme perguruan Pendidikan Islam berasaskan '*Riadhah Ruhiyyah*' yang disahkan dalam Fasa II (B) kajian oleh seramai 15 orang pakar *Fuzzy Delphi* yang dilantik. Model yang dibina kemudian diuji dan dinilai kebolehgunaannya dalam Fasa III kajian oleh sekumpulan GPI yang berpengalaman dan dianggap bertaraf pakar. Bab ini turut menjelaskan secara terperinci mengenai prosedur kajian dan penganalisan data. Seterusnya dapatan kajian akan dibincangkan dalam Bab 4.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

Pendahuluan

Bab ini membincangkan dapatan-dapatan yang diperolehi sepanjang kajian iaitu dapatan fasa analisis keperluan, fasa analisis kandungan, fasa pembangunan model dan fasa kebolegunaan model. Dapatan kajian dirumus dan kemudiannya dipecahkan kepada beberapa bahagian tertentu berdasarkan persoalan-persoalan kajian yang telah dibentuk. Rasional pembahagian tersebut adalah bagi memudahkan perkaitan analisis dengan persoalan kajian sekaligus bertujuan menjawab persoalan-persoalan kajian yang telah ditetapkan.

Dapatan Fasa Analisis Keperluan

Fasa I kajian iaitu fasa analisis keperluan dilaksanakan dengan menggunakan instrumen soal selidik. Tujuannya adalah bagi menjawab persoalan kajian yang pertama iaitu :

1. Apakah keperluan profesionalisme guru Pendidikan Islam (GPI) ?

Profil Reponden. Responden soal selidik melibatkan 270 orang GPI dari seramai 2678 orang yang mengajar di seluruh sekolah menengah harian di negeri Kelantan (mengikut data yang dikeluarkan oleh Sektor Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Kelantan sehingga 31 Oktober 2013 ketika fasa ini dijalankan).

Jumlah sampel tersebut mewakili lebih 10% dari jumlah populasi. Jadual 4.1 menunjukkan profil responden kajian dari aspek jantina, kelulusan akademik, kelulusan ikhtisas serta pengalaman mengajar.

Jadual 4.1
Profil Responden

No.	Item	Perincian	Jumlah (n=270)	Peratusan (%)
1	Jantina	Lelaki	75	27.8
		Perempuan	195	72.2
2	Kelulusan akademik tertinggi	Diploma	3	1.1
		Sarjana Muda	251	93.0
		Sarjana	11	4.1
		Kedoktoran	0	0
		Tidak dinyatakan	5	1.9
3	Kelulusan ikhtisas	Sijil Perguruan	25	9.3
		Diploma Pendidikan	201	74.4
		Ijazah Pendidikan	35	13.0
		Lain-lain	4	1.5
		Tidak dinyatakan	5	1.9
4	Pengalaman mengajar	1 hingga 3 tahun	2	0.7
		4 hingga 6 tahun	0	0
		7 hingga 9 tahun	9	3.3
		10 tahun ke atas	257	95.2
		Tidak dinyatakan	2	0.7

Berdasarkan dapatan yang diperolehi dari Bahagian A soal selidik, seramai 75 orang (27.8%) adalah terdiri dari guru lelaki manakala 195 orang responden (72.2%) merupakan guru perempuan. Dari sudut pencapaian akademik, tiga orang (1.1%) responden memiliki kelulusan di peringkat diploma, 251 orang (93%) memiliki ijazah sarjana muda, 11 orang (4.1%) memiliki ijazah sarjana manakala lima orang (1.9%) tidak menyatakan kelulusan akademik yang diperolehi. 25 orang responden (9.3%) juga memiliki kelulusan ikhtisas di peringkat Sijil Perguruan, 201 orang (74.4%) memiliki Diploma Pendidikan, 35 orang (13%) memiliki Ijazah Pendidikan, empat orang (1.5%) memiliki lain-lain kelulusan ikhtisas dan lima orang (1.9%) tidak menyatakan kelulusan ikhtisas yang diperolehi.

Dari aspek pengalaman mengajar, dua orang (0.7%) telah mengajar di antara satu hingga tiga tahun, 9 orang (3.3%) memiliki pengalaman di antara tujuh hingga 9 tahun, 257 orang (95.2%) berpengalaman 10 tahun ke atas dan dua orang (0.7%) tidak menyatakan pengalaman mengajar mereka. Tidak ada responden kajian (0%) yang

mempunyai pengalaman mengajar di antara empat hingga enam tahun. Untuk perbincangan pada Bahagian B soal selidik, skala STP pada skala 1 mewakili Sangat Tidak Perlu, Skala TP pada skala 2 mewakili Tidak Perlu, Skala KP pada skala 3 mewakili Kurang Perlu, Skala P pada skala 4 mewakili Perlu dan skala SP pada skala 5 mewakili Sangat Perlu. TM merujuk kepada item yang tidak dijawab oleh responden.

Keperluan Profesionalisme Berasaskan ‘*Riadhah Ruhhiyyah*’. Keperluan profesionalisme GPI berasaskan ‘*Riadhah Ruhhiyyah*’ ditinjau dari empat aspek utama iaitu aspek hubungan dengan Allah s.w.t, hubungan dengan diri sendiri, hubungan dengan rakan sejawat dan hubungan dengan pelajar.

Hubungan dengan Allah s.w.t. Dapatan analisis keperluan profesionalisme GPI berasaskan ‘*Riadhah Ruhhiyyah*’ dari aspek hubungan dengan Allah s.w.t dinyatakan pada Jadual 4.2. Nombor yang dihitamkan menunjukkan keperluan tersebut.

Jadual 4.2

Min Keperluan Profesionalisme GPI Berasaskan ‘Riadhah Ruhhiyyah’ dari Aspek Hubungan dengan Allah s.w.t.

Item	Frekuensi dan peratus						Min
	STP	TP	KP	P	SP	TM	
1. Menunaikan solat sunat setiap hari	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	52 (19.3%)	217 (80.4%)	1 (0.4%)	4.82
2. Solat berjemaah setiap waktu	0 (0%)	1 (0.4%)	2 (0.7%)	79 (29.3%)	186 (68.9%)	2 (0.7%)	4.68
3. Solat pada awal waktu	0 (0%)	0 (0%)	1 (0.4%)	33 (12.2%)	234 (86.7%)	2 (0.7%)	4.87
4. Puasa sunat setiap minggu	0 (0%)	4 (1.5%)	11 (4.1%)	139 (51.5%)	114 (42.2%)	2 (0.7%)	4.35
5. Menunaikan Qiyamullail setiap malam	0 (0%)	6 (2.2%)	24 (8.9%)	124 (45.9%)	114 (42.2%)	2 (0.7%)	4.29
6. Sentiasa berzikir	0 (0%)	0 (0%)	1 (0.4%)	62 (23.0%)	204 (75.6%)	3 (1.1%)	4.76

Setiap item yang diutarakan dalam Aspek-aspek *Riadhah Ruhhiyyah* [A. Hubungan dengan Allah]) adalah menyentuh mengenai beberapa amalan yang berkaitan

dengan hubungan dengan Allah s.w.t iaitu menunaikan solat sunat setiap hari, solat berjemaah setiap waktu, solat pada awal waktu, puasa sunat setiap minggu, menunaikan Qiyamullail setiap malam dan sentiasa berzikir.

Berpandukan Jadual 4.2, seramai 269 orang GPI (99.7%) menyatakan bahawa ‘menunaikan solat sunat setiap hari’ (item no. 1) adalah perlu. 265 orang GPI (98.2%) menyatakan keperluan yang tinggi dalam ‘menunaikan solat berjemaah setiap waktu’ (item no. 2) dan 267 orang (98.9%) menyatakan bahawa ‘menunaikan solat pada awal waktu’ (item no. 3) adalah perlu. Selain itu, seramai 253 orang GPI atau 93.7 % menyatakan ‘puasa sunat setiap minggu’ (item no. 4) turut perlu di samping 238 orang GPI (88.1%) menyatakan ‘menunaikan Qiyamullail setiap malam’ (item no. 5) adalah perlu di samping ‘sentiasa berzikir’ (266 orang [98.6%]).

Berpandukan analisis deskriptif, kajian menunjukkan keperluan profesionalisme GPI berasaskan ‘*Riadhah Ruhhiyyah*’ dari aspek ‘Hubungan dengan Allah s.w.t’ adalah tinggi yang didahului dengan solat di awal waktu, menunaikan solat sunat setiap hari, sentiasa berzikir, solat berjemaah setiap waktu, puasa sunat setiap minggu dan menunaikan Qiyamullail setiap malam dengan nilai skor min sebanyak 4.6443 dan sisihan piawai 0.45135 sebagaimana yang dipaparkan pada Jadual 4.3.

Jadual 4.3

Nilai Min Keseluruhan dan Sisihan Piawai Keperluan Profesionalisme GPI Berasaskan ‘Riadhah Ruhhiyyah’ dari Aspek Hubungan Dengan Allah s.w.t.

	N	Min	Sisihan Piawai
Skor min bagi variabel hubungan dengan Allah s.w.t	270	4.6443	0.45135
Valid N (listwise)	270		

Hubungan dengan diri sendiri. Dapatan analisis keperluan profesionalisme GPI berasaskan ‘*Riadhah Ruhhiyyah*’ dari aspek hubungan dengan diri sendiri adalah seperti

yang dinyatakan pada Jadual 4.4. Nombor yang dihitamkan menunjukkan keperluan tersebut.

Jadual 4.4

Min Keperluan Profesionalisme GPI Berasaskan 'Riadhah Ruhiyyah' dari Aspek Hubungan dengan Diri Sendiri

Item	Frekuensi dan peratus						Min
	STP	TP	KP	P	SP	TM	
7. Menjaga lidah dari menyakiti hati orang lain	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	19 (7.0%)	249 (92.2%)	2 (0.7%)	4.93
8. Sentiasa cuba memahami perasaan orang lain	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	89 (33.0%)	179 (66.3%)	2 (0.7%)	4.67
9. Bersangka baik terhadap orang lain	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	60 (22.2%)	208 (77.0%)	2 (0.7%)	4.78
10. Berani berkata 'saya tidak tahu' terhadap persoalan yang tidak diketahui	3 (1.1%)	11 (4.1%)	10 (3.7%)	96 (35.6%)	147 (54.4%)	3 (1.1%)	4.40
11. Tidak menyembunyikan ilmu yang diketahui	0 (0%)	1 (0.4%)	1 (0.4%)	63 (23.3%)	201 (74.4%)	4 (1.5%)	4.74
12. Melakukan tugas pengajaran dengan penuh minat walaupun berhadapan masalah	0 (0%)	0 (0%)	1 (0.4%)	59 (21.9%)	208 (77.0%)	2 (0.7%)	4.77
13. Sentiasa membetulkan kesilapan diri sendiri	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	39 (14.4%)	229 (84.8%)	2 (0.7%)	4.85

Setiap item yang diutarakan dalam Aspek-aspek *Riadhah Ruhiyyah* [B. Hubungan dengan diri sendiri]) adalah menyentuh mengenai beberapa amalan yang berkaitan dengan hubungan dengan diri sendiri. Dari aspek 'menjaga lidah dari menyakiti hati orang lain', 'sentiasa cuba memahami perasaan orang lain' dan 'bersangka baik terhadap orang lain' serta 'sentiasa membetulkan kesilapan diri sendiri' (item no. 13), seramai 268 orang GPI (99%) menyatakan ia adalah perlu. Seramai 243 orang GPI atau 90% menyatakan 'berani berkata tidak tahu terhadap persoalan yang tidak diketahui' (item no. 10) adalah perlu, 264 orang atau 98% menyatakan 'tidak menyembunyikan ilmu yang diketahui'(item no.11) adalah perlu dan seramai 267 GPI

atau 99% menyatakan ‘melakukan tugas pengajaran dengan penuh minat walaupun berhadapan masalah’ (item no. 12) juga adalah perlu.

Keutamaan dalam aspek ini menurut GPI adalah menjaga lidah dari menyakiti hati orang lain, sentiasa membetulkan kesilapan diri sendiri, bersangka baik terhadap orang lain, melakukan tugas pengajaran dengan penuh minat walaupun berhadapan masalah, tidak menyembunyikan ilmu yang diketahui, sentiasa cuba memahami perasaan orang lain dan berani berkata ‘saya tidak tahu’ terhadap persoalan yang tidak diketahui.

Secara keseluruhan, analisis deskriptif menunjukkan keperluan profesionalisme GPI berasaskan ‘*Riadhah Ruhiyyah*’ dari aspek ‘Hubungan dengan Diri Sendiri’ adalah tinggi dengan nilai skor min sebanyak 4.7349 serta sisihan piawai 0.30756. Ia ditunjukkan pada Jadual 4.5.

Jadual 4.5

Nilai Min Keseluruhan dan Sisihan Piawai Keperluan Profesionalisme GPI Berasaskan ‘Riadhah Ruhiyyah’ dari Aspek Hubungan dengan Diri Sendiri

	N	Min	Sisihan Piawai
Skor min bagi variabel hubungan dengan diri sendiri	270	4.7349	0.30756
Valid N (listwise)	270		

Hubungan dengan rakan sejawat. Jadual 4.6 menunjukkan dapatan analisis keperluan profesionalisme GPI berasaskan ‘*Riadhah Ruhiyyah*’ dari aspek hubungan dengan rakan sejawat. Nombor yang dihitamkan menunjukkan keperluan tersebut.

Jadual 4.6

Min Keperluan Profesionalisme GPI Berasaskan 'Riadhah Ruhiyyah' dari Aspek Hubungan dengan Rakan Sejawat

Item	Frekuensi dan peratus						Min
	STP	TP	KP	P	SP	TM	
14. Bekerja dalam pasukan	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	60 (22.2%)	210 (77.8%)	0 (0%)	4.78
15. Terbuka menerima teguran	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	95 (35.2%)	175 (64.8%)	0 (0%)	4.65
16. Menyuarakan sebarang pendapat secara berhemah	0 (0%)	0 (0%)	4 (1.5%)	98 (36.3%)	167 (61.9%)	1 (0.4%)	4.61
17. Sentiasa berbincang dengan rakan sejawat lain bila menghadapi masalah	0 (0%)	0 (0%)	2 (0.7%)	98 (36.3%)	170 (63.0%)	0 (0%)	4.62
18. Menjadi <i>role model</i> kepada rakan sejawat lain	0 (0%)	1 (0.4%)	8 (3.0%)	115 (42.6%)	145 (53.7%)	1 (0.4%)	4.50
19. Bersedia menerima idea rakan sejawat	0 (0%)	0 (0%)	3 (1.1%)	89 (33.0%)	177 (65.6%)	1 (0.4%)	4.65

Setiap item yang diutarakan dalam Aspek-aspek *Riadhah Ruhiyyah* [C. Hubungan dengan rakan sejawat]) adalah menyentuh mengenai beberapa amalan yang berkaitan dengan hubungan dengan rakan sejawat. Aspek bekerja dalam pasukan (item no. 14) dan terbuka menerima teguran (item no. 15) mencatat keperluan yang tinggi di kalangan semua GPI iaitu 270 orang atau 100 %. 268 orang atau 99% GPI menyatakan 'sentiasa berbincang dengan rakan sejawat lain apabila menghadapi masalah' (item no. 17) adalah perlu, 265 orang GPI atau 98 % menyatakan 'menyuarakan sebarang pendapat secara berhemah (item no. 16) adalah perlu, 260 orang atau 96% menyatakan 'menjadi *role model* kepada rakan sejawat lain' (item n0. 18) adalah perlu dan seramai 266 GPI atau 99% menyatakan 'bersedia menerima idea dan cadangan dari rakan sejawat' (item no. 19) adalah perlu.

Secara keseluruhan, analisis deskriptif menunjukkan keperluan profesionalisme GPI berasaskan '*Riadhah Ruhiyyah*' dari aspek 'Hubungan dengan Rakan Sejawat' adalah tinggi dengan nilai skor min sebanyak 4.6342 serta sisihan piawai 0.38040. Ia ditunjukkan dalam Jadual 4.7. Keperluan tersebut didahului dengan aspek bekerja dalam pasukan dan terbuka menerima teguran sebagaimana yang dinyatakan di atas. Ia

kemudian diikuti dengan aspek bersedia menerima idea rakan sejawat, selalu melakukan perbincangan bersama rakan sejawat lain apabila menghadapi permasalahan, menyuarakan pendapat secara baik dan penuh hemah dan menjadi contoh ikutan kepada rakan sejawat lain.

Jadual 4.7

Nilai Min Keseluruhan Dan Sisihan Piawai Keperluan Profesionalisme GPI Berasaskan 'Riadhah Ruhhiyyah' dari Aspek Hubungan dengan Rakan Sejawat

	N	Min	Sisihan Piawai
Skor min bagi variabel hubungan dengan rakan	270	4.6342	0.38040
Valid N (listwise)	270		

Hubungan dengan pelajar. Jadual 4.8 menunjukkan dapatan analisis keperluan profesionalisme GPI berasaskan 'Riadhah Ruhhiyyah' dari aspek hubungan dengan pelajar. Nombor yang dihitamkan menunjukkan keperluan tersebut.

Jadual 4.8

Min Keperluan Profesionalisme GPI Berasaskan 'Riadhah Ruhhiyyah' Dari Aspek Hubungan Dengan Pelajar

Item	Frekuensi dan peratus							Min
	STP	TP	KP	P	SP	TM		
20. Mengetahui latar belakang pelajar	0 (0%)	0 (0%)	4 (1.5%)	129 (47.8%)	137 (50.7%)	0 (0%)	4.49	
21. Melayani pelajar sebagai insan yang mempunyai perasaan	0 (0%)	0 (0%)	4 (1.5%)	118 (43.7%)	148 (54.8%)	0 (0%)	4.53	
22. Melayan pelajar secara adil dan saksama	0 (0%)	0 (0%)	2 (0.7%)	87 (32.2%)	180 (66.7%)	1 (0.4%)	4.66	
24. Membimbing pelajar mengamalkan akhlak yang baik	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	39 (14.4%)	231 (85.6%)	0 (0%)	4.86	
23. Mempunyai hubungan yang mesra dengan pelajar	0 (0%)	0 (0%)	1 (0.4%)	114 (42.2%)	146 (54.1%)	1 (0.4%)	4.51	

Jadual 4.8
Sambungan.

Item	Frekuensi dan peratus						
	STP	TP	KP	P	SP	TM	Min
25. Memperuntukkan masa tambahan untuk membimbing pelajar	0 (0%)	2 (0.7%)	10 (3.7%)	164 (60.7%)	93 (34.4%)	1 (0.4%)	4.29
26. Menunjukkan contoh teladan yang baik di hadapan para pelajar	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	41 (15.2%)	229 (84.8%)	0 (0%)	4.85
27. Mengingati pelajar dalam setiap doa	0 (0%)	1 (0.4%)	4 (1.5%)	123 (45.6%)	141 (52.2%)	1 (0.4%)	4.50

Dalam aspek-aspek *Riadhah Ruhiyah* [D. Hubungan dengan pelajar]), semua GPI seramai 270 orang atau 100 % menyatakan ‘membimbing pelajar ke arah mengamalkan akhlak yang baik’ (item no. 24) serta ‘menunjukkan contoh teladan yang baik di hadapan para pelajar’ (item no. 27) adalah perlu. Seramai 266 GPI atau 99 % menyatakan ‘mengetahui latar belakang pelajar’ (item no. 20) dan ‘melayani pelajar sebagai insan yang mempunyai perasaan’ (item no. 21) adalah perlu. 267 orang atau 99% GPI menyatakan ‘melayan pelajar secara adil dan saksama’ (item no. 22) adalah perlu, 260 orang atau 96% menyatakan ‘mempunyai hubungan yang mesra dengan pelajar’ (item no. 23) adalah perlu, 257 orang atau 95% menyatakan amalan ‘memperuntukkan masa tambahan untuk membimbing pelajar’ (item no. 25) adalah perlu dan 264 orang atau 98% menyatakan ‘mengingati pelajar dalam setiap doa’ (item no. 27) adalah perlu.

Secara keseluruhan, analisis deskriptif menunjukkan keperluan profesionalisme GPI berasaskan ‘*Riadhah Ruhiyah*’ dari aspek ‘Hubungan dengan Pelajar’ adalah tinggi dengan skor min 4.5871 dan sisihan piawai 0.34391. Ia dipaparkan dalam Jadual 4.9. Keperluan tersebut mengikut keutamaan adalah mendidik pelajar ke arah mengaplikasikan nilai-nilai akhlak yang baik, menunjukkan suri teladan yang baik ketika bersama pelajar, melayan anak didik secara adil dan saksama, melayani pelajar sebagai insan yang mempunyai perasaan, mempunyai hubungan yang mesra dengan

pelajar, mengingatkan pelajar dalam setiap doa, mengetahui latar belakang pelajar dan memperuntukkan masa tambahan untuk membimbing pelajar.

Jadual 4.9

Nilai Min Keseluruhan Dan Sisihan Piawai Keperluan Profesionalisme GPI Berasaskan 'Riadhah Ruhhiyyah' dari Aspek Hubungan dengan Pelajar

	N	Min	Sisihan Piawai
Skor min bagi variabel hubungan dengan pelajar	270	4.5871	0.34391
Valid N (listwise)	270		

Sebagai rumusan, nilai min keseluruhan bagi dapatan analisis keperluan profesionalisme GPI berasaskan '*Riadhah Ruhhiyyah*' adalah tinggi iaitu 4.6501 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.10. Ini menunjukkan para GPI amat memerlukan pembangunan profesionalisme dalam aspek hubungan dengan Allah, hubungan dengan diri sendiri, hubungan dengan rakan sejawat dan hubungan dengan pelajar.

Jadual 4.10

Nilai Min Keseluruhan Keperluan Profesionalisme GPI dalam Aspek 'Riadhah Ruhhiyyah'

Item	Min
Skor min bagi variabel hubungan dengan Allah s.w.t	4.6443
Skor min bagi variabel hubungan dengan diri sendiri	4.7349
Skor min bagi variabel hubungan dengan rakan	4.6342
Skor min bagi variabel hubungan dengan pelajar	4.5871
Nilai min keseluruhan keperluan profesionalisme GPI dalam aspek ' <i>Riadhah Ruhhiyyah</i> '	4.6501

Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran. Keperluan profesionalisme GPI dalam kemahiran pengajaran dan pembelajaran ditinjau dari empat aspek utama iaitu aspek perancangan pengajaran, pengetahuan isi kandungan pengajaran, penyampaian pengajaran dan penilaian pengajaran.

Perancangan pengajaran. Jadual 4.11 menunjukkan dapatan analisis keperluan profesionalisme GPI dalam kemahiran pengajaran dan pembelajaran dari aspek perancangan pengajaran. Nombor yang dihitamkan menunjukkan keperluan tersebut.

Jadual 4.11

Min Keperluan Profesionalisme GPI dalam Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran dari Aspek Perancangan Pengajaran

Item	Frekuensi dan peratus						
	STP	TP	KP	P	SP	TM	Min
28. Merujuk sukatan pelajaran untuk menyediakan rancangan pengajaran	0 (0%)	1 (0.4%)	2 (0.7%)	70 (25.9%)	197 (73.0%)	0 (0%)	4.71
29. Mengenal pasti kelemahan sedia ada pelajar	0 (0%)	0 (0%)	2 (0.7%)	117 (43.3%)	151 (55.9%)	0 (0%)	4.55
30. Menterjemahkan objektif pengajaran kepada aktiviti yang sesuai	0 (0%)	1 (0.4%)	3 (1.1%)	116 (43.0%)	148 (54.8%)	2 (0.7%)	4.53
31. Menentukan isi pelajaran bersesuaian dengan tahap keupayaan pelajar	0 (0%)	0 (0%)	8 (3.0%)	111 (41.1%)	151 (55.9%)	0 (0%)	4.53
32. Aktiviti pembelajaran dirancang mengikut potensi pelajar	0 (0%)	0 (0%)	7 (2.6%)	123 (45.6%)	139 (51.5%)	1 (0.4%)	4.49
33. Aktiviti pengajaran yang disediakan menekankan aktiviti berpusatkan pelajar	0 (0%)	0 (0%)	10 (3.7%)	141 (52.2%)	118 (43.7%)	1 (0.4%)	4.40

Dalam aspek-aspek Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran [A. Perancangan Pengajaran]), seramai 267 orang GPI atau 99% menyatakan mereka perlu ‘merujuk kepada sukatan pelajaran untuk menyediakan rancangan pengajaran’ (item no. 28), 268 orang atau 99% menyatakan perlu ‘mengenal pasti kelemahan sedia ada pelajar’ (item no. 29), 264 orang atau 98% menyatakan perlu ‘menterjemahkan objektif pengajaran kepada aktiviti pembelajaran yang sesuai’ (item no. 30), 262 orang atau 97% menyatakan perlu ‘menentukan isi pelajaran bersesuaian dengan tahap keupayaan pelajar’ (item no. 31), 262 orang atau 97% menyatakan ‘aktiviti pembelajaran dirancang mengikut potensi pelajar’ (item no. 32) adalah perlu dan 259 orang atau 96%

menyatakan ‘aktiviti pengajaran yang disediakan menekankan aktiviti berpusatkan pelajar’ (item no. 33) juga perlu.

Secara keseluruhan, analisis deskriptif menunjukkan keperluan profesionalisme GPI dalam kemahiran pengajaran dan pembelajaran dari aspek ‘Perancangan Pengajaran’ adalah tinggi dengan skor min 4.5372 dan sisihan piawai 0.41273. Ia ditunjukkan dalam Jadual 4.12. Keperluan GPI dalam aspek ini mengikut keutamaan juga adalah sama seperti susunan dalam borang soal selidik yang diedarkan kepada GPI seperti yang dinyatakan pada Jadual 4.12.

Jadual 4.12

Nilai Min Keseluruhan dan Sisihan Piawai Keperluan Profesionalisme GPI dalam Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran dari Aspek Perancangan Pengajaran

	N	Min	Sisihan Piawai
Skor min bagi variabel perancangan pengajaran	270	4.5372	0.41273
Valid N (listwise)	270		

Pengetahuan isi kandungan pengajaran. Jadual 4.13 menunjukkan dapatan analisis keperluan profesionalisme GPI dalam kemahiran pengajaran dan pembelajaran dari aspek pengetahuan isi kandungan pengajaran. Nombor yang dihitamkan menunjukkan keperluan tersebut.

Jadual 4.13

Min Keperluan Profesionalisme GPI dalam Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran dari Aspek Pengetahuan Isi Kandungan Pengajaran

Item	Frekuensi dan peratus						Min
	STP	TP	KP	P	SP	TM	
34. Menguasai dengan baik sukatan mata pelajaran Pendidikan Islam yang diajar	0 (0%)	0 (0%)	1 (0.4%)	38 (14.1 %)	231 (85.6 %)	0 (0%)	4.85
35. Menguasai dengan baik kandungan Pendidikan Islam yang diajar mengikut bidang pembelajaran	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	44 (16.3 %)	226 (83.7 %)	0 (0%)	4.84
36. Mengajar mengikut takwim persekolahan yang dirancang pihak sekolah	0 (0%)	1 (0.4%)	3 (1.1%)	115 (42.6 %)	149 (55.2 %)	2 (0.7%)	4.54
37. Mengajar berpandukan Rancangan Pengajaran Tahunan yang ditetapkan oleh Ketua Panitia	0 (0%)	1 (0.4%)	1 (0.4%)	116 (43%)	152 (56.3 %)	0 (0%)	4.55
38. Mengaitkan pengetahuan dengan pengalaman hidup	0 (0%)	0 (0%)	8 (3.0%)	113 (41.9 %)	149 (55.2 %)	0 (0%)	4.52

Dalam aspek-aspek Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran [B. Pengetahuan Isi Kandungan Pengajaran]), semua GPI seramai 270 orang atau 100% menyatakan bahawa ‘menguasai dengan baik kandungan mata pelajaran Pendidikan Islam yang diajar mengikut bidang pembelajaran’ (item no. 35) adalah perlu. 269 orang atau hampir 100% juga menyatakan bahawa ‘menguasai dengan baik sukatan mata pelajaran Pendidikan Islam yang diajar (item no. 34). Seramai 268 orang atau 99% menyatakan ‘mengajar berpandukan Rancangan Pengajaran Tahunan yang ditetapkan oleh Ketua Panitia’ (item no. 37) adalah perlu. 264 orang GPI atau 98% menyatakan ‘mengajar mengikut takwim persekolahan yang dirancang oleh pihak sekolah (item no. 36) dan seramai 262 orang atau 97% menyatakan bahawa ‘mengaitkan pengetahuan dengan pengalaman hidup’ (item no. 38) adalah perlu.

Secara keseluruhan, analisis deskriptif menunjukkan keperluan profesionalisme GPI dalam kemahiran pengajaran dan pembelajaran dari aspek ‘Pengetahuan Isi

Kandungan Pengajaran' adalah tinggi dengan skor min 0.46607 dan sisihan piawai 0.35197 sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 4.14. Keperluan GPI dalam aspek ini didahului dengan aspek menguasai dengan baik sukatan mata pelajaran Pendidikan Islam yang diajar, menguasai dengan baik kandungan mata pelajaran Pendidikan Islam yang diajar mengikut bidang pembelajaran, mengajar berpandukan Rancangan Pengajaran Tahunan yang ditetapkan oleh Ketua Panitia, mengajar mengikut takwim persekolahan yang dirancang pihak sekolah dan mengaitkan pengetahuan dengan pengalaman hidup.

Jadual 4.14

Nilai Min Keseluruhan dan Sisihan Piawai Keperluan Profesionalisme GPI dalam Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran dari Aspek Pengetahuan Isi Kandungan Pengajaran

	N	Min	Sisihan Piawai
Skor min bagi variabel pengetahuan isi kandungan pengajaran	270	4.6607	0.35197
Valid N (listwise)	270		

Penyampaian pengajaran. Dapatan analisis keperluan profesionalisme GPI dalam kemahiran pengajaran dan pembelajaran dalam aspek penyampaian pengajaran adalah seperti yang dinyatakan pada Jadual 4.15. Nombor yang dihitamkan menunjukkan keperluan tersebut.

Jadual 4.15

Min Keperluan Profesionalisme GPI dalam Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran dari Aspek Penyampaian Pengajaran

Item	Frekuensi dan peratus							Min
	STP	TP	KP	P	SP	TM		
39. Menerapkan unsur kerohanian dalam pengajaran	0 (0%)	0 (0%)	1 (0.4%)	46 (17.0 %)	222 (82.2 %)	1 (0.4%)	4.82	
40. Mengaitkan pengajaran dengan ciptaan Allah s.w.t yang terdapat di sekeliling	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	57 (21.1 %)	212 (78.5 %)	1 (0.4%)	4.79	
41. Menyelesaikan masalah secara kritis berpandukan al-Quran dan hadis	0 (0%)	0 (0%)	1 (0.4%)	82 (30.4 %)	186 (68.9 %)	1 (0.4%)	4.69	
42. Mempelbagaikan kaedah pengajaran untuk menarik minat pelajar	0 (0%)	0 (0%)	4 (1.5%)	98 (36.3 %)	166 (61.5 %)	2 (0.7%)	4.60	
43. Mempelbagaikan bahan bantu mengajar dalam proses pengajaran	0 (0%)	0 (0%)	10 (3.7%)	126 (46.7 %)	133 (49.3 %)	1 (0.4%)	4.46	
44. Menekankan tahap kemahiran murid	0 (0%)	1 (0.4%)	4 (1.5%)	145 (53.7 %)	119 (44.1 %)	1 (0.4%)	4.42	
45. Menekankan peningkatan pelajar dalam kemahiran tertentu seperti kemahiran berfikir	0 (0%)	1 (0.4%)	4 (1.5%)	140 (51.9 %)	124 (45.9 %)	1 (0.4%)	4.44	
46. Hubungkait antara idea yang diterangkan disampaikan dengan jelas	0 (0%)	1 (0.4%)	5 (1.9%)	119 (44.1 %)	142 (52.6 %)	1 (0.4%)	4.51	
47. Teknik penyampaian yang berbeza digunakan untuk merangsang minat pelajar	0 (0%)	1 (0.4%)	4 (1.5%)	106 (39.3 %)	157 (58.1 %)	2 (0.7%)	4.56	
48. Menggabungkan pengajaran dengan amalan seharian pelajar	0 (0%)	0 (0%)	3 (1.1%)	91 (33.7 %)	173 (64.1 %)	3 (1.1%)	4.64	
49. Menggabungkan pengajaran Pendidikan Islam dengan mata pelajaran lain	0 (0%)	0 (0%)	6 (2.2%)	137 (50.7 %)	126 (46.7 %)	1 (0.4%)	4.45	
50. Melibatkan pelajar secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran	0 (0%)	0 (0%)	4 (1.5%)	121 (44.8 %)	142 (52.6 %)	3 (1.1%)	4.52	

Jadual 4.15
Sambungan.

Item	Frekuensi dan peratus						
	STP	TP	KP	P	SP	TM	Min
51. Meminta pelajar yang kurang aktif menjawab soalan	0 (0%)	0 (0%)	13 (4.8%)	157 (58.1 %)	97 (35.9 %)	1 (0.4%)	4.31
52. Menegaskan kawalan disiplin semasa pengajaran sedang dijalankan	0 (0%)	0 (0%)	1 (0.4%)	84 (31.1 %)	183 (67.8 %)	2 (0.7%)	4.68
53. Memberi peluang kepada pelajar untuk kebolehan dalam bidang tertentu	0 (0%)	1 (0.4%)	3 (1.1%)	126 (46.7 %0	138 (51.1 %)	2 (0.7%)	4.50
54. Menonjolkan idea penting di akhir pengajaran	0 (0%)	2 (0.7%)	2 (0.7%)	132 (48.9 %)	132 (48.9 %)	2 (0.7%)	4.47
55. Menggunakan masa semaksimum mungkin untuk mengajar	0 (0%)	0 (0%)	6 (2.2%)	91 (33.7 %)	171 (63.3 %)	2 (0.7%)	4.62

Dalam aspek-aspek Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran [C. Penyampaian Pengajaran]), 269 orang atau hampir 100% juga menyatakan bahawa ‘mengaitkan pengajaran dengan ciptaan Allah s.w.t yang terdapat di sekeliling (item no. 40) adalah perlu. Seramai 268 orang atau 99% menyatakan bahawa ‘menerapkan unsur kerohanian dalam pengajaran’ (item no. 39) dan ‘menyelesaikan masalah secara kritis berpandukan al-Quran dan hadis’ (item no. 41) adalah perlu. 267 orang GPI atau 99% menyatakan bahawa ‘menegaskan kawalan disiplin semasa pengajaran sedang dijalankan’ (item no.52) adalah perlu. 264 orang GPI atau 98% menyatakan bahawa ‘mempelbagaikan kaedah pengajaran untuk menarik minat pelajar’ (item no. 42), ‘menekankan tahap kemahiran murid’ (item no. 44), ‘menekankan peningkatan pelajar dalam kemahiran tertentu seperti kemahiran berfikir’ (item No. 45) serta ‘menggabungkan pengajaran dengan amalan seharian pelajar’ (item no. 48), ‘memberi peluang kepada pelajar untuk menonjolkan kebolehan dalam bidang tertentu’ (item no. 53) dan ‘menonjolkan idea penting di akhir pengajaran’ (item no. 54) adalah perlu.

Seramai 263 orang GPI atau 97% menyatakan bahawa ‘teknik penyampaian yang berbeza digunakan untuk merangsang minat pelajar’ (item no. 47), ‘menggabungkan pengajaran Pendidikan Islam dengan mata pelajaran lain’ (item no. 49) dan ‘melibatkan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran dengan aktif’ (item no. 51) adalah perlu. 262 GPI atau 97% menyatakan bahawa ‘menggunakan masa semaksimum mungkin untuk mengajar’ (item no. 55) adalah perlu. 261 orang atau 97% menyatakan ‘hubungkait antara idea yang diterangkan disampaikan dengan jelas’ (item no. 46) adalah perlu, 259 orang atau 96% menyatakan bahawa ‘mempelbagaikan alat bantu mengajar ketika proses pengajaran dan pembelajaran’ (item no. 43) adalah perlu dan 254 orang atau 94% menyatakan bahawa ‘meminta pelajar yang kurang aktif menjawab soalan’ (item no. 51) adalah perlu.

Keperluan GPI mengikut keutamaan dalam aspek penyampaian pengajaran didahului dengan keperluan yang melibatkan pegangan akidah yang kukuh iaitu menerapkan unsur kerohanian dalam pengajaran, mengaitkan pengajaran dengan ciptaan Allah s.w.t yang terdapat di sekeliling dan menyelesaikan masalah secara kritis berpandukan al-Quran dan hadis bersesuaian dengan peranan GPI sebagai seorang murabbi. Ia kemudian disusuli dengan kemahiran-kemahiran pedagogi seperti menegaskan kawalan disiplin semasa pengajaran sedang dijalankan, menggabungkan pengajaran dengan amalan seharian pelajar, menggunakan masa semaksimum mungkin untuk mengajar dan mempelbagaikan kaedah pengajaran untuk menarik minat pelajar. Di samping itu, teknik penyampaian yang berbeza digunakan untuk merangsang minat pelajar, melibatkan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran dengan aktif serta menyampaikan hubungkait antara idea yang diterangkan dengan jelas. Ia diikuti dengan keperluan seterusnya iaitu memberi peluang kepada pelajar untuk kebolehan dalam bidang tertentu, menonjolkan idea penting di akhir pengajaran, mempelbagaikan bahan bantu mengajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran, menggabungkan pengajaran Pendidikan Islam dengan mata pelajaran

lain, menekankan peningkatan pelajar dalam kemahiran tertentu seperti kemahiran berfikir, menekankan tahap kemahiran murid serta meminta pelajar yang kurang aktif menjawab soalan.

Secara keseluruhan, analisis deskriptif menunjukkan keperluan profesionalisme GPI dalam kemahiran pengajaran dan pembelajaran dari aspek ‘Penyampaian Pengajaran’ adalah tinggi dengan skor min 0.45567 dan sisihan piawai 0.36102 seperti yang dinyatakan pada Jadual 4.16.

Jadual 4.16

Nilai Min Keseluruhan dan Sisihan Piawai Keperluan Profesionalisme GPI dalam Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran dari Aspek Penyampaian Pengajaran

	N	Min	Sisihan Piawai
Skor min bagi variabel penyampaian pengajaran	270	4.5567	0.36102
Valid N (listwise)	270		

Penilaian pengajaran. Dapatan analisis keperluan profesionalisme GPI dalam kemahiran pengajaran dan pembelajaran dari aspek penilaian pengajaran adalah seperti yang dinyatakan pada Jadual 4.17. Nombor yang dihitamkan menunjukkan keperluan tersebut.

Jadual 4.17

Min Keperluan Profesionalisme GPI dalam Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran dari Aspek Penilaian Pengajaran

Item	Frekuensi dan peratus						
	STP	TP	KP	P	SP	TM	Min
56. Mempunyai maklumat tahap pencapaian pelajar	0 (0%)	0 (0%)	4 (1.5%)	134 (49.6 %)	131 (48.5 %)	1 (0.4%)	4.47
57. Hasil kerja pelajar diperiksa untuk mengesan kelemahan pelajar	0 (0%)	0 (0%)	1 (0.4%)	115 (42.6 %)	153 (56.7 %)	1 (0.4%)	4.57
58. Penilaian berbentuk ujian dilaksanakan secara berterusan	0 (0%)	0 (0%)	5 (1.9%)	133 (49.3 %)	131 (48.5 %)	1 (0.4%)	4.47

Jadual 4.17
Sambungan.

Item	Frekuensi dan peratus						Min
	STP	TP	KP	P	SP	TM	
59. Mempelbagaikan alat pengukuran untuk menilai pencapaian pelajar di dalam kelas	0 (0%)	0 (0%)	14 (5.2%)	140 (51.9 %)	115 (42.6 %)	1 (0.4%)	4.38
60. Menggunakan rekod prestasi untuk merekod pencapaian pelajar	0 (0%)	0 (0%)	5 (1.9%)	132 (48.9 %)	129 (47.8 %)	4 (1.5%)	4.47
61. Menggunakan data pencapaian akademik pelajar untuk melakukan penambahbaikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran	0 (0%)	0 (0%)	7 (2.6%)	131 (48.5 %)	131 (48.5 %)	1 (0.4%)	4.46
62. Menilai pelajar secara menyeluruh dalam aspek kognitif, psikomotor dan sikap	0 (0%)	0 (0%)	8 (3.0%)	132 (48.9 %)	129 (47.8 %)	1 (0.4%)	4.45
63. Mengenalpasti kekuatan pelajar dalam pelajaran Pendidikan Islam	0 (0%)	0 (0%)	2 (0.7%)	107 (39.6 %)	159 (58.9 %)	2 (0.7%)	4.59
64. Mengenal pasti kelemahan pelajar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam	0 (0%)	0 (0%)	2 (0.7%)	104 (38.5 %)	163 (60.4 %)	1 (0.4%)	4.60
65. Memaklumkan kemajuan prestasi pelajar kepada pelajar	0 (0%)	1 (0.4%)	7 (2.6%)	121 (44.8 %)	139 (51.5 %)	2 (0.7%)	4.49
66. Memaklumkan kemajuan prestasi pelajar kepada ibu bapa pelajar	0 (0%)	0 (0%)	12 (4.4%)	124 (45.9 %)	133 (49.3 %)	1 (0.4%)	4.45

Dalam aspek-aspek Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran [D. Penilaian Pengajaran]), 268 GPI atau 99% menyatakan bahawa ‘hasil kerja pelajar diperiksa untuk mengesan kelemahan pelajar’ (item no. 57) adalah perlu. 267 orang atau 99% menyatakan bahawa ‘mengenal pasti kelemahan pelajar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam’ (item no. 64) adalah perlu. 266 orang atau 99% menyatakan bahawa ‘mengenal pasti kekuatan pelajar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam’ (item no. 63) adalah perlu. 265 orang atau 98% menyatakan bahawa ‘mempunyai maklumat berkaitan

tahap pencapaian pelajar' (item no. 56) adalah perlu. 264 orang atau 98% menyatakan 'penilaian berbentuk ujian dilaksanakan secara berterusan' (item no. 58) adalah perlu.

Seramai 262 orang atau 97% responden menyatakan bahawa 'menggunakan data pencapaian akademik pelajar untuk melaksanakan penambahbaikan khususnya ke atas proses pengajaran dan pembelajaran' (item no. 61) adalah perlu. 261 orang atau 97% menyatakan bahawa 'menggunakan rekod prestasi untuk merekod pencapaian pelajar' (item no. 60) serta 'menilai pelajar secara menyeluruh yang melibatkan aspek kognitif, psikomotor dan sikap' (item no. 62) adalah perlu. 260 atau 96% menyatakan bahawa 'memaklumkan kemajuan prestasi pelajar kepada pelajar' (item no. 65) adalah perlu. 257 orang atau 95% menyatakan bahawa 'memaklumkan kemajuan prestasi pelajar kepada ibu bapa pelajar' (item no. 66) adalah perlu dan 255 orang atau 95% GPI menyatakan bahawa 'mempelbagaikan alat pengukuran untuk menilai pencapaian pelajar dalam kelas' (item no. 59) adalah perlu.

Apabila ditinjau keutamaan dalam aspek penilaian pengajaran, mengenal pasti kelemahan dan kekuatan pelajar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam dilihat amat penting oleh para GPI. Ia kemudian disusuli dengan memeriksa hasil kerja pelajar bagi mengesan kelemahan pelajar yang telah dikenal pasti dan memaklumkan kemajuan prestasi pelajar kepada pelajar. Bagi tujuan ini, GPI perlu mempunyai maklumat tentang tahap pencapaian pelajar dan melaksanakan penilaian berbentuk ujian secara berterusan. Setelah itu, pencapaian pelajar direkod dengan menggunakan rekod prestasi. Melalui data pencapaian akademik pelajar tersebut, GPI melakukan penambahbaikan dalam proses pengajaran dan memaklumkan kemajuan prestasi pelajar kepada ibu bapa pelajar. GPI juga perlu menilai pelajar secara menyeluruh dalam aspek kognitif, psikomotor dan sikap di samping perlu mempelbagaikan alat pengukuran untuk menilai pencapaian pelajar di kelas.

Secara keseluruhan, analisis deskriptif menunjukkan keperluan profesionalisme GPI dalam kemahiran pengajaran dan pembelajaran dari aspek 'Penilaian Pengajaran'

adalah tinggi dengan skor min 4.4893 dan sisihan piawai 0.40473 seperti yang dinyatakan pada Jadual 4.18.

Jadual 4.18

Nilai Min Keseluruhan dan Sisihan Piawai Keperluan Profesionalisme GPI dalam Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran dari Aspek Penilaian Pengajaran

	N	Min	Sisihan Piawai
Skor min bagi variabel penilaian pengajaran	270	4.4893	0.40473
Valid N (listwise)	270		

Sebagai rumusan, nilai min keseluruhan bagi dapatan analisis keperluan profesionalisme GPI dalam kemahiran pengajaran dan pembelajaran adalah tinggi iaitu 4.5609. Ini menunjukkan para GPI amat memerlukan pembangunan profesionalisme dalam aspek perancangan pengajaran, pengetahuan isi kandungan pengajaran, penyampaian pengajaran dan penilaian pengajaran seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.19.

Jadual 4.19

Nilai Min Keseluruhan Keperluan Profesionalisme GPI dalam Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran

Item	Min
Skor min bagi variabel perancangan pengajaran	4.5372
Skor min bagi variabel pengetahuan isi kandungan pengajaran	4.6607
Skor min bagi variable penyampaian pengajaran	4.5567
Skor min bagi variabel penilaian pengajaran	4.4893
Nilai min keseluruhan keperluan profesionalisme GPI dalam kemahiran pengajaran dan pembelajaran	4.5609

Aspek-aspek Profesionalisme. Keperluan profesionalisme GPI dalam aspek-aspek profesionalisme dilihat dari tiga aspek utama iaitu aspek pengetahuan profesionalisme, aspek-aspek profesionalisme itu sendiri dan aspek ganjaran bukan kewangan.

Pengetahuan profesionalisme. Jadual 4.20 memaparkan dapatan analisis keperluan profesionalisme GPI dalam aspek profesionalisme dari aspek pengetahuan profesionalisme. Nombor yang dihitamkan menunjukkan keperluan tersebut.

Jadual 4.20

Min Keperluan Profesionalisme GPI dalam Aspek-Aspek Profesionalisme dari Aspek Pengetahuan Profesionalisme

Item	Frekuensi dan peratus						Min
	STP	TP	KP	P	SP	TM	
67. Program perkongsian ilmu dalam bidang pengkhususan	0 (0%)	0 (0%)	5 (1.9%)	122 (45.2 %)	143 (53%)	0 (0%)	4.51
68. Kursus pembelajaran berasaskan projek	0 (0%)	2 (0.7%)	31 (11.5 %)	153 (56.7 %)	84 (31.1 %)	0 (0%)	4.18
69. Kursus aplikasi pedagogi terkini mengikut kecerdasan pelajar	0 (0%)	1 (0.4%)	15 (5.6%)	154 (57.0 %)	99 (36.7 %)	1 (0.4%)	4.30
70. Perkongsian ilmu amalan terbaik pedagogi peringkat antarabangsa	1 (0.4%)	2 (0.7%)	23 (8.5%)	156 (57.8 %)	87 (32.2 %)	1 (0.4%)	4.21
71. Aplikasi ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran	0 (0%)	1 (0.4%)	22 (8.1%)	144 (53.3 %)	103 (38.1 %)	0 (0%)	4.29
72. Pembinaan item untuk proses penilaian	0 (0%)	0 (0%)	13 (4.8%)	153 (56.7 %)	104 (38.5 %)	0 (0%)	4.34
73. Analisis item untuk proses penilaian	0 (0%)	3 (1.1%)	16 (5.9%)	160 (59.3 %)	87 (32.2 %)	4 (1.5%)	4.24
74. Kursus pengurusan panitia melibatkan pelan strategik	0 (0%)	2 (0.7%)	16 (5.9%)	149 (55.2 %)	100 (37.0 %)	3 (1.1%)	4.30
75. Kursus pengurusan panitia melibatkan <i>head count</i>	0 (0%)	1 (0.4%)	13 (4.8%)	150 (55.6 %)	104 (38.5 %)	2 (0.7%)	4.33
76. Kursus pedagogi berkesan bagi guru	0 (0%)	1 (0.4%)	1 (0.4%)	131 (48.5 %)	129 (47.8 %)	3 (1.1%)	4.45
77. Kursus strategi pemulihan masalah pembelajaran	0 (0%)	1 (0.4%)	11 (4.1%)	148 (54.8 %)	107 (39.6 %)	3 (1.1%)	4.35
79. Kursus analisis data	2 (0.7%)	11 (4.1%)	38 (14.1 %)	159 (58.9 %)	59 (21.9 %)	1 (0.4%)	3.97

Jadual 4.20
Sambungan.

Item	Frekuensi dan peratus							Min
	STP	TP	KP	P	SP	TM		
80. Kursus jenis-jenis kajian	2 (0.7%)	13 (4.8%)	63 (23.3%)	145 (53.7%)	46 (17.0%)	1 (0.4%)	3.82	
81. Kursus kemahiran menaip	4 (1.5%)	17 (6.3%)	76 (28.1%)	118 (43.7%)	54 (20.0%)	1 (0.4%)	3.75	
82. Kursus kajian tindakan	1 (0.4%)	11 (4.1%)	41 (15.2%)	163 (60.4%)	53 (19.6%)	1 (0.4%)	3.95	
83. Kursus kepimpinan berkesan	1 (0.4%)	4 (1.5%)	20 (7.4%)	151 55.9%	93 34.4%	1 (0.4%)	4.23	
84. Kursus kepimpinan pengajaran	2 (0.7%)	1 (0.4%)	15 (5.6%)	148 54.8%	103 38.1%	1 (0.4%)	4.30	
85. Kursus kepimpinan Islam	1 (0.4%)	1 (0.4%)	9 (3.3%)	122 (45.2%)	135 (50.0%)	2 (0.7%)	4.45	
86. Kursus asas kewangan	1 (0.4%)	12 (4.4%)	60 22.2%	144 53.3%	52 19.3%	1 (0.4%)	3.87	
87. Kursus pengurusan perubahan	3 (1.1%)	12 (4.4%)	55 (20.4%)	142 (52.6%)	56 (20.7%)	2 (0.7%)	3.88	
88. Kursus membangun sahsiah cemerlang	0 (0%)	2 (0.7%)	11 (4.1%)	124 (45.9%)	132 (48.9%)	1 (0.4%)	4.43	
89. Kursus pengurusan tingkahlaku dalam kurikulum	2 (0.7%)	1 (0.4%)	28 (10.4%)	137 (50.7%)	101 (37.4%)	1 (0.4%)	4.24	
90. Kursus pengurusan tekanan	2 (0.7%)	2 (0.7%)	38 (14.1%)	141 (52.2%)	86 (31.9%)	1 (0.4%)	4.14	
91. Kursus pengurusan krisis	2 (0.7%)	10 (3.7%)	45 16.7%	143 53.0%	69 25.6%	1 (0.4%)	3.99	
92. Kursus peningkatan integriti	3 (1.1%)	2 (0.7%)	24 (8.9%)	156 (57.8%)	82 (30.4%)	3 (1.1%)	4.17	
93. Kursus perundangan	5 (1.9%)	19 (7.0%)	65 (24.1%)	139 (51.5%)	41 (15.2%)	1 (0.4%)	3.71	
94. Kursus protokol dan etiket	3 (1.1%)	9 (3.3%)	52 (19.3%)	152 (56.3%)	53 (19.6%)	1 (0.4%)	3.90	
95. Kursus komunikasi berkesan	2 (0.7%)	0 (0%)	19 (7.0%)	141 (52.2%)	107 (39.6%)	1 (0.4%)	4.30	
96. Kursus pengucapan awam	2 (0.7%)	2 (0.7%)	36 (13.3%)	133 (49.3%)	96 (35.6%)	1 (0.4%)	4.19	

Dalam aspek-aspek profesionalisme [A. Pengetahuan Profesionalisme]), 265 GPI atau 98% menyatakan bahawa 'program perkongsian ilmu dalam bidang pengkhususan' (item no. 67) adalah perlu. 260 orang atau 96% menyatakan 'kursus pedagogi berkesan bagi guru' (item no. 76) adalah perlu dan 257 orang atau 95% menyatakan 'pembinaan item untuk proses penilaian' (item no. 72) serta 'kursus kepimpinan Islam' (item no. 85) adalah perlu. Seramai 256 orang GPI atau 95% menyatakan 'kursus membangun sahsiah cemerlang' (item no. 88) adalah perlu dan 255 GPI atau 94% menyatakan 'kursus strategi pemulihan masalah pembelajaran' (item no. 77) adalah perlu.

Seramai 254 orang atau 94% responden menyatakan 'kursus pengurusan panitia melibatkan *head count*' (item no. 75) adalah perlu, 253 orang atau 94% menyatakan 'kursus aplikasi pedagogi terkini mengikut kecerdasan pelajar' (item no. 69) adalah perlu dan 251 orang atau 93% GPI menyatakan 'kursus kepimpinan pengajaran' (item no. 84) adalah perlu. Seramai 249 GPI atau 92% menyatakan bahawa 'kursus pengurusan panitia melibatkan pelan strategik' (item no. 74) adalah perlu. 248 orang GPI atau 92% menyatakan bahawa 'kursus komunikasi berkesan' (item no. 95) adalah perlu. 247 orang atau 92% menyatakan 'aplikasi ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran' (item no. 71) dan 'analisis item untuk proses penilaian' (item no. 73) adalah perlu. 244 orang atau 90% menyatakan 'kursus kepimpinan berkesan' (item no. 83) adalah perlu. 243 orang atau 90% menyatakan 'perkongsian ilmu amalan terbaik pedagogi pendidikan peringkat antarabangsa' (item no. 70) adalah perlu. Seramai 238 orang GPI atau 88% menyatakan bahawa 'kursus pengurusan tingkahlaku dalam kurikulum' (item no. 89) dan kursus peningkatan integriti' (item no. 92) adalah perlu. 237 orang atau 88% menyatakan 'kursus pembelajaran berasaskan projek' (item no. 68) adalah perlu.

Seramai 229 orang GPI atau 85% menyatakan 'kursus pengucapan awam' (item no. 96) adalah perlu dan 227 orang GPI atau 84% menyatakan 'kursus pengurusan

tekanan' (item no. 90) adalah perlu. 218 orang GPI atau 81% menyatakan 'kursus analisis data' (item no. 79) perlu dan 216 orang atau 80% menyatakan 'kursus kajian tindakan' (item no. 82) adalah perlu. 212 orang GPI atau 79% menyatakan 'kursus pengurusan krisis' (item no. 91) adalah perlu. 206 orang GPI atau 76% menyatakan 'kursus kaedah penulisan ilmiah' (item no. 78) adalah perlu dan 205 orang atau 76% menyatakan 'kursus protokol dan etiket' (item no. 94) adalah perlu. 198 orang GPI atau 73% menyatakan 'kursus pengurusan perubahan' (item no. 73) adalah perlu dan 196 orang GPI atau 73% menyatakan 'kursus asas kewangan' (item no. 86) adalah perlu. Hanya 180 orang GPI atau 67% menyatakan bahawa 'kursus perundangan' (item no. 93) adalah perlu dan 172 orang atau 64% menyatakan 'kursus kemahiran menaip' (item no. 81) perlu. Oleh kerana item dalam aspek pengetahuan profesionalisme melebihi 10 item, maka keutamaan aspek ini mengikut keperluan ditunjukkan dalam Jadual 4.21.

Jadual 4.21

Keperluan Profesionalisme GPI dalam Aspek-Aspek Profesionalisme dari Aspek Pengetahuan Profesionalisme Mengikut Keutamaan

Keperluan mengikut keutamaan dalam aspek pengetahuan profesionalisme
Program perkongsian ilmu dalam bidang pengkhususan
Kursus kepimpinan Islam
Kursus pedagogi berkesan bagi guru
Kursus membangun sahsiah cemerlang
Kursus strategi pemulihan masalah pembelajaran
Pembinaan item untuk proses penilaian
Kursus pengurusan panitia melibatkan head count
Kursus komunikasi berkesan
Kursus kepimpinan pengajaran
Kursus pengurusan panitia melibatkan pelan strategik
Kursus aplikasi pedagogi terkini mengikut kecerdasan pelajar
Aplikasi ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran
Kursus pengurusan tingkahlaku dalam kurikulum
Analisis item untuk proses penilaian
Kursus kepimpinan berkesan
Perkongsian ilmu amalan terbaik pedagogi peringkat antarabangsa
Kursus pengucapan awam
Kursus pembelajaran berasaskan projek
Kursus peningkatan integriti
Kursus pengurusan tekanan

Analisis kajian juga menunjukkan terdapat 10 item yang mempunyai nilai min kurang dari 4.0 iaitu item kursus pengurusan krisis, kursus analisis data, kursus kajian tindakan, kursus kaedah penulisan ilmiah, kursus protokol dan etiket, kursus pengurusan perubahan, kursus asas kewangan, kursus jenis-jenis kajian, kursus kemahiran menaip dan kursus perundangan. Namun begitu, item-item tersebut masih dianggap perlu berdasarkan nilai skor min aras keperluan pada Jadual 3.2. Secara keseluruhan, analisis deskriptif menunjukkan keperluan profesionalisme GPI dalam aspek-aspek profesionalisme dari aspek ‘Pengetahuan Profesionalisme’ adalah tinggi dengan skor min 4.1583 dan sisihan piawai 0.49184 seperti yang dinyatakan pada Jadual 4.22.

Jadual 4.22

Nilai Min Keseluruhan dan Sisihan Piawai Keperluan Profesionalisme GPI dalam Aspek-Aspek Profesionalisme dari Aspek Pengetahuan Profesionalisme

	N	Min	Sisihan Piawai
Skor min bagi variabel pengetahuan profesionalisme	270	4.1583	0.49184
Valid N (listwise)	270		

Usaha-usaha meningkatkan profesionalisme. Dapatan analisis keperluan profesionalisme GPI dalam aspek-aspek profesionalisme dari aspek usaha-usaha meningkatkan profesionalisme adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.23. Nombor yang dihitamkan menunjukkan keperluan tersebut.

Jadual 4.23

Min Keperluan Profesionalisme GPI dalam Aspek-Aspek Profesionalisme dari Aspek Usaha-Usaha Meningkatkan Profesionalisme

Item	Frekuensi dan peratus						
	STP	TP	KP	P	SP	TM	Min
97. Mengikuti isu terkini berkaitan Pendidikan Islam	0 (0%)	0 (0%)	1 (0.4%)	88 (32.6 %)	180 (66.7 %)	1 (0.4%)	4.67
98. Meluangkan banyak masa untuk menyediakan bahan pengajaran	0 (0%)	1 (0.4%)	34 (12.6 %)	148 (54.8 %)	86 (31.9 %)	1 (0.4%)	4.19

Jadual 4.23
Sambungan.

Item	Frekuensi dan peratus						Min
	STP	TP	KP	P	SP	TM	
99. Mempelajari lebih banyak perkara mengenai kaedah mengajar	0 (0%)	0 (0%)	7 (2.6%)	141 (52.2 %)	119 (44.1 %)	3 (1.1%)	4.42
100. Menambahbaik kaedah mengajar supaya pengajaran lebih berkesan	0 (0%)	0 (0%)	3 (1.1%)	106 (39.3 %)	159 (58.9 %)	2 (0.7%)	4.58
101. Menghadiri kursus dalam perkhidmatan untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran	0 (0%)	0 (0%)	10 (3.7%)	123 (45.6 %)	136 (50.4 %)	1 (0.4%)	4.47
102. Membaca artikel profesional untuk meningkatkan pengetahuan dalam pengajaran	0 (0%)	1 (0.4%)	18 (6.7%)	144 (53.3 %)	105 (38.9 %)	2 (0.7%)	4.32
103. Menghasilkan penulisan ilmiah berkaitan Pendidikan Islam	2 (0.7%)	6 (2.2%)	55 (20.4 %)	133 (49.3 %)	72 (26.7 %)	2 (0.7%)	4.00
104. Melaksanakan amalan refleksi (muhasabah) bagi tujuan penambahbaikan dalam proses pengajaran	0 (0%)	0 (0%)	7 (2.6%)	131 (48.5 %)	131 (48.5 %)	1 (0.4%)	4.46

Dalam aspek-aspek profesionalisme [B. Usaha-usaha Meningkatkan Profesionalisme]), 268 orang GPI atau 99% menyatakan bahawa ‘mengikuti isu terkini berkaitan Pendidikan Islam’ (item no. 97) adalah perlu. 262 orang atau 97% menyatakan bahawa ‘melaksanakan amalan refleksi (muhasabah) bagi tujuan penambahbaikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran’ (item no. 104) adalah perlu. Seramai 265 orang atau 98% menyatakan bahawa ‘menambahbaik kaedah mengajar supaya pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan’ (item no. 100) adalah perlu. 260 orang atau 96% menyatakan bahawa ‘mempelajari lebih banyak perkara mengenai kaedah mengajar’ (item no. 99) adalah perlu, 259 orang atau 96 % menyatakan bahawa ‘menghadiri kursus dalam perkhidmatan untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran’ (item no. 101) adalah perlu, 249 orang atau 92% menyatakan

bahawa ‘membaca artikel profesional untuk meningkatkan pengetahuan dalam pengajaran’ (item no. 102) adalah perlu, 234 orang atau 87% menyatakan bahawa ‘meluangkan banyak masa untuk menyediakan bahan pengajaran walaupun menghadkan masa untuk aktiviti lain’ (item no. 98) adalah perlu dan 205 orang atau 76% menyatakan bahawa ‘menghasilkan penulisan ilmiah berkaitan Pendidikan Islam’ (item no. 103) adalah perlu.

Susunan item-item tersebut mengikut keutamaan didahului oleh item mengikut isu terkini berkaitan Pendidikan Islam, menambahbaik kaedah mengajar supaya pengajaran lebih berkesan, menghadiri kursus dalam perkhidmatan untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran, melaksanakan amalan refleksi (muhasabah) bagi tujuan penambahbaikan dalam proses pengajaran, mempelajari lebih banyak perkara mengenai kaedah mengajar, membaca artikel profesional untuk meningkatkan pengetahuan dalam pengajaran, meluangkan banyak masa untuk menyediakan bahan pengajaran walaupun menghadkan masa untuk aktiviti lain serta menghasilkan penulisan ilmiah berkaitan Pendidikan Islam.

Secara keseluruhan, analisis deskriptif menunjukkan keperluan profesionalisme GPI dalam aspek-aspek profesionalisme dari aspek ‘Usaha-usaha Meningkatkan Profesionalisme’ adalah tinggi dengan skor min 4.3870 dan sisihan piawai 0.42860 seperti yang dinyatakan pada Jadual 4.24.

Jadual 4.24

Nilai Min Keseluruhan dan Sisihan Piawai Keperluan Profesionalisme GPI dalam Aspek-Aspek Profesionalisme dari Aspek Usaha-Usaha Meningkatkan Profesionalisme

	N	Min	Sisihan Piawai
Skor min bagi variabel usaha-usaha meningkatkan profesionalisme	270	4.3870	0.42860
Valid N (listwise)	270		

Ganjaran bukan kewangan. Dapatan analisis keperluan profesionalisme GPI dalam aspek-aspek profesionalisme dari aspek ganjaran bukan kewangan adalah seperti yang dinyatakan pada Jadual 4.25. Nombor yang dihitamkan menunjukkan keperluan tersebut.

Jadual 4.25

Min Keperluan Profesionalisme GPI dalam Aspek-Aspek Profesionalisme dari Aspek Ganjaran Bukan Kewangan

Item	Frekuensi dan peratus						Min
	STP	TP	KP	P	SP	TM	
105. Penghargaan pelajar terhadap anda sebagai guru	3 (1.1%)	7 (2.6%)	36 (13.3%)	141 (52.2%)	82 (30.4%)	1 (0.4%)	4.09
106. Penghargaan pihak atasan terhadap anda sebagai guru	1 (0.4%)	8 (3.0%)	24 (8.9%)	152 (56.3%)	84 (31.1%)	1 (0.4%)	4.15
107. Penghargaan pihak atasan terhadap anda sebagai staf	1 (0.4%)	5 (1.9%)	26 (9.6%)	149 (55.2%)	87 (32.2%)	2 (0.7%)	4.18
108. Penghargaan masyarakat terhadap anda sebagai guru	3 (1.1%)	9 (3.3%)	30 (11.1%)	155 (57.4%)	72 (26.7%)	1 (0.4%)	4.06
109. Sumbangan kepada pembangunan negara	0 (0%)	2 (0.7%)	10 (3.7%)	144 53.3%	11 41.1%	3 (1.1%)	4.36
110. Peluang untuk peningkatan kerjaya seperti kenaikan pangkat	0 (0%)	4 (1.5%)	22 (8.1%)	157 (58.1%)	86 (31.9%)	1 (0.4%)	4.21
111. Peluang untuk perkembangan profesionalisme seperti menghadiri kursus	0 (0%)	3 (1.1%)	19 (7.0%)	137 (50.7%)	110 (40.7%)	1 (0.4%)	4.32
112. Masa untuk bersama keluarga anda	0 (0%)	1 (0.4%)	4 (1.5%)	80 29.6%	182 67.4%	3 (1.1%)	4.66

Dalam aspek-aspek profesionalisme [C. Ganjaran Bukan Kewangan]), 262 orang GPI atau 97% menyatakan bahawa ‘masa untuk bersama keluarga’ (item no. 112) adalah perlu. Seramai 255 GPI atau 94% menyatakan bahawa ‘sumbangan kepada pembangunan negara’ (item no. 109) adalah perlu. 247 orang 91% menyatakan ‘peluang untuk perkembangan profesionalisme seperti menghadiri kursus’ (item no. 111) adalah perlu. 243 orang atau 90% menyatakan ‘peluang untuk peningkatan kerjaya seperti

kenaikan pangkat' (item no. 110) adalah perlu. 236 orang atau 87% menyatakan bahawa 'penghargaan pihak atasan terhadap status sebagai guru' (item no. 106) dan 'penghargaan pihak atasan terhadap status sebagai staf' (item no. 107) adalah perlu. Seramai 227 orang GPI atau 84% menyatakan bahawa 'penghargaan masyarakat terhadap status sebagai guru' (item no. 108) adalah perlu dan seramai 223 orang GPI atau 83% menyatakan bahawa 'penghargaan pelajar terhadap status sebagai guru' (item no. 105) adalah perlu.

Apabila item-item tersebut disusun mengikut keutamaan, ganjaran bukan kewangan yang penting bagi GPI adalah masa untuk bersama keluarga, sumbangan kepada pembangunan negara, peluang untuk perkembangan profesionalisme seperti menghadiri kursus serta peluang untuk peningkatan kerjaya seperti kenaikan pangkat. Penghargaan pihak atasan terhadap status sebagai staf dan guru serta penghargaan dari pihak pelajar serta masyarakat terhadap status sebagai guru juga dilihat begitu penting.

Secara keseluruhan, analisis deskriptif menunjukkan keperluan profesionalisme GPI dalam aspek-aspek profesionalisme dari aspek 'Ganjaran Bukan Kewangan' adalah tinggi dengan skor min 4.2505 dan sisihan piawai 0.51072 seperti yang dinyatakan pada Jadual 4.26.

Jadual 4.26

Nilai Min Keseluruhan dan Sisihan Piawai Keperluan Profesionalisme GPI dalam Aspek-Aspek Profesionalisme dari Aspek Ganjaran Bukan Kewangan

	N	Min	Sisihan Piawai
Skor min bagi variabel ganjaran bukan kewangan	270	4.2505	0.51072
Valid N (listwise)	270		

Sebagai rumusan, nilai min keseluruhan bagi dapatan analisis keperluan profesionalisme GPI dalam aspek-aspek profesionalisme adalah tinggi iaitu 4.2652. Ini menunjukkan para GPI amat memerlukan pembangunan profesionalisme dalam aspek-

aspek profesionalisme dalam aspek pengetahuan profesionalisme, aspek-aspek profesionalisme itu sendiri serta aspek ganjaran bukan kewangan seperti yang dinyatakan pada Jadual 4.27.

Jadual 4.27

Nilai Min Keseluruhan Keperluan Profesionalisme GPI dalam Aspek-Aspek Profesionalisme

Item	Min
Skor min bagi variabel pengetahuan profesionalisme	4.1583
Skor min bagi variable usaha-usaha meningkatkan profesionalisme	4.3870
Skor min bagi variable ganjaran bukan kewangan	4.2505
Nilai min keseluruhan keperluan profesionalisme GPI dalam aspek profesionalisme	4.2652

Rumusan Keseluruhan Dapatan Fasa Analisis Keperluan

Rumusan dapatan secara keseluruhan pada Jadual 4.28 menunjukkan nilai min bagi keperluan profesionalisme GPI dalam aspek '*Riadhah Ruhiyyah*' adalah sebanyak 4.6501 (Jadual 4.10). Nilai min bagi keperluan profesionalisme GPI dalam kemahiran pengajaran dan pembelajaran adalah sebanyak 4.5609 (Jadual 4.19), nilai min bagi keperluan profesionalisme GPI dalam aspek-aspek profesionalisme adalah sebanyak 4.2652 (Jadual 4.27) manakala nilai min keseluruhan keperluan profesionalisme GPI dalam pembangunan profesionalisme guru Pendidikan Islam berasaskan '*Riadhah Ruhiyyah*' adalah sebanyak 4.492 (Jadual 4.28). Dapatan ini jelas menunjukkan keperluan yang tinggi pada GPI terhadap aspek-aspek tersebut bersesuaian dengan skor min aras keperluan yang terdapat dalam Jadual 3.2.

Jadual 4.28

Nilai Min Keseluruhan Keperluan Profesionalisme GPI

Item	Min
Nilai min keseluruhan keperluan profesionalisme GPI dalam aspek 'Riadhah Ruhiyyah'	4.6501
Nilai min keseluruhan keperluan profesionalisme GPI dalam kemahiran pengajaran dan pembelajaran	4.5609
Nilai min keseluruhan keperluan profesionalisme GPI dalam aspek-aspek profesionalisme	4.2652
Nilai min keseluruhan keperluan profesionalisme GPI dalam pembangunan profesionalisme guru Pendidikan Islam berasaskan 'Riadhah Ruhiyyah'	4.492

Keperluan profesionalisme yang telah dikenal pasti ini kemudian dicadangkan untuk menjadi elemen dalam model pembangunan profesionalisme guru Pendidikan Islam berasaskan 'Riadhah Ruhiyyah' yang menjadi fokus kajian ini.

Dapatan Fasa Analisis Kandungan

Perbincangan mengenai dapatan Fasa II kajian iaitu Fasa Rekabentuk dan Pembangunan dimulakan dengan Fasa II (A) kajian iaitu fasa analisis kandungan. Tujuannya adalah untuk menjawab persoalan kajian yang kedua iaitu :

2. Apakah ciri-ciri guru Pendidikan Islam (GPI) profesional ?

Fasa ini menggunakan sampel khusus (*purposive sampling*) yang ditentukan oleh pengkaji iaitu kitab yang dikarang oleh Imam al-Ghazali bertajuk *Ihya' Ulum al-Din*. Kitab *Ihya' Ulum al-Din* yang digunakan adalah kitab Jilid 1 yang diterbitkan tanpa tahun oleh Dar al-Ma'rifah di Beirut dengan pengkhususan kepada bahagian kelima berkaitan adab guru dan pelajar pada muka surat 55 hingga 58. Kitab ini dipercayai dikarang oleh al-Ghazali sekitar tahun 489 Hijrah dan 495 Hijrah (Abdul Salam Yusoff, 2003).

Teori Guru Profesional. Pada peringkat awal fasa ini, pengkaji terlebih dahulu melakukan bacaan awal (*open coding I*) berpandukan teks terjemahan (*open coding II*) terhadap bab kelima kitab *Ihya' Ulum al-Din* bagi membantu pengkaji mendapatkan

gambaran menyeluruh tentang aspek perbincangan utama yang ditekankan berhubung adab sebagai guru. Terdapat 8 perkara yang ditekankan oleh al-Ghazali (t.t) dalam perkara tersebut.

Pertama, guru hendaklah bersikap belas kasihan terhadap pelajar dan menganggap pelajar seperti anak sendiri. Pelajar perlu diajar dengan ilmu akhirat agar mereka terlepas dari azab api neraka di akhirat. Guru juga perlu mengajar ilmu duniawi namun bukan untuk urusan duniawi tetapi untuk urusan akhirat.

Kedua, guru perlu mengikut jejak para rasul yang tidak menerima upah atau balasan dan mengajar hanya kerana Allah s.w.t dengan matlamat bagi mendekatkan diri kepadaNya. Para guru juga tidak seharusnya merasa telah berbudi kepada pelajarinya sebaliknya guru perlu beranggapan bahawa dia telah melakukan amalan dan perbuatan yang baik kerana mengasuh dan mendidik jiwa pelajarinya agar sentiasa dekat dengan Allah s.w.t (Surah Hud, 11 : 29).

Ketiga, pelajar perlu dibimbing melakukan perkara yang betul dan menetapkan matlamat bahawa tujuan belajar adalah semata-mata hanya untuk menghampiri Allah s.w.t, bukannya dengan niat untuk menjadi ketua, bermegah-megah dan bersaing dan bukan juga untuk urusan dunia. Jika pelajar menuntut ilmu dengan tujuan untuk berselisih dalam hukum fiqah, berdebat dalam ilmu kalam serta berfatwa dalam hukum, guru perlu mencegahnya kerana ia tidak termasuk dalam ilmu akhirat. Ia sebaliknya hanya menambahkan kesesatan hati serta kelalaian kepada Allah s.w.t. Namun menurut al-Ghazali, tidak ada salahnya jika seorang pelajar menuntut ilmu akhirat seperti tafsir, hadis dan akhlak untuk tujuan duniawi kerana ia boleh memberi pengajaran dan ikutan kepada orang ramai. Ilmu-ilmu tersebut juga memiliki pengetahuan yang membawa rasa takutkan Allah s.w.t., penghinaan kepada dunia serta penghargaan kepada akhirat. Pelajar juga akan memperolehi pengajaran dari apa yang diajarkan kepada orang lain.

Keempat, dalam mendidik akhlak pelajar, guru perlu melarang pelajar dari berperangai buruk dengan cara sindiran dan tidak berterus-terang, dengan cara kasih

sayang serta tidak dengan cara mengejek. Hal ini kerana adalah dibimbangi apabila dilakukan secara terus-terang, ia boleh menghilangkan perasaan takut pelajar kepada guru di samping mengakibatkan pelajar berani menentang dan suka meneruskan sifat jahat itu. Kaedah sindiran menurut al-Ghazali (t.t) dipercayai boleh mendorong hati pelajar untuk memahami tujuan sindiran menerusi keinginan untuk mengetahui maksud sindiran tersebut.

Kelima, guru juga tidak seharusnya merendah-rendahkan mata pelajaran lain yang tidak diajar di hadapan pelajar kerana guru perlu membuka jalan seluasnya kepada pelajar untuk mempelajari mata pelajaran lain. Pada masa yang sama, para guru perlu memantau kemajuan pelajar mengikut peringkat kerana aspek kebolehan setiap pelajar adalah tidak sama.


Seterusnya, guru perlu mengajar mengikut pemahaman pelajar dan tidak mengajar sesuatu yang belum sampai kepada pemahaman pelajar untuk mengelakkan minda pelajar dari tumpul. Hal ini kerana menurut al-Ghazali (t.t), apabila tidak ada pemahaman pada diri pelajar berhubung sesuatu perkara, akan terjadilah pertentangan kerana pertimbangan akal telah mengalami salah pengertian (Surah al-Nisa, 4 : 5). Adalah zalim menurut beliau memberikan kepada yang tidak berhak dan tidak memberikan kepada yang berhak.

Ketujuh, bagi pelajar yang kurang faham, guru perlu memberi pelajaran yang jelas yang layak bagi pelajar tersebut tanpa mengganggu pemahaman pelajar dengan menyatakan bahawa di sebalik yang diterangkan itu terdapat lagi perbincangan mendalam yang disimpan dan tidak dijelaskan. Ia boleh mengakibatkan pelajar kurang berkeinginan kepada perkara yang telah jelas itu serta mengganggu fikiran seolah-olah menunjukkan guru tidak mahu memberi ilmu kepadanya.

Kelapan, para guru juga perlu beramal dengan ilmu dan tidak seharusnya perkataan yang lahir dari mulut guru tidak menyamai perbuatannya. Hal ini kerana menurut al-Ghazali (t.t), ilmu dilihat dengan hati dan amal dilihat dengan mata. Apabila

amal bersalahan dengan ilmu, maka sudah pasti keadilan tidak dapat ditegakkan (Surah al-Baqarah, 2 : 44).

Analisis awal ini membolehkan penyelidik mengeluarkan beberapa terma mengikut pandangan al-Ghazali yang disebut oleh beliau sebagai '*al-wazifah*' (fungsi) khususnya fungsi atau peranan sebagai seorang guru seperti yang ditunjukkan pada Rajah 4.1.



Rajah 4.1 Peranan dan Ciri-Ciri Seorang Guru Menurut Terma Imam al-Ghazali

Setelah bacaan, pemahaman dan analisis awal berhubung lapan peranan di atas selesai dilakukan, pengkaji melakukan bacaan semula untuk melakukan analisis

seterusnya dan mengambil kategori (*axial coding I*). Analisis dan pengkategorian ini menghasilkan dua kategori utama iaitu ‘Kategori Ciri-ciri Guru Profesional’ dan ‘Kategori ‘*Riadhah Ruhhiyyah*’ sebagaimana yang terdapat dalam Jadual 4.29.

Jadual 4.29
Dua Kategori Utama selapas ‘*axial coding I*’

Ciri-ciri guru profesional	‘ <i>Riadhah Ruhhiyyah</i> ’
Mengajar semata-mata kerana Allah s.w.t bagi mendekatkan diri kepadaNya	Hubungan dengan Allah s.w.t (<i>Habl min Allah</i>)
Mengajar ilmu duniawi namun bukan untuk urusan duniawi tetapi untuk urusan akhirat	Hubungan dengan diri sendiri (<i>Habl min al-nafs</i>)
Mengikut jejak para rasul yang tidak menerima upah atau balasan	Hubungan dengan diri sendiri (<i>Habl min al-nafs</i>)
Beramal dengan ilmu	Hubungan dengan diri sendiri (<i>Habl min al-nafs</i>)
Tidak merendah-rendahkan mata pelajaran lain yang tidak diajar di hadapan pelajar	Hubungan dengan rakan sejawat (<i>Habl min al-nas</i>)
Bersikap belas kasihan terhadap pelajar	Hubungan dengan pelajar (<i>Habl min al-nas</i>)
Menganggap pelajar seperti anak sendiri	Hubungan dengan pelajar (<i>Habl min al-nas</i>)
Pelajar diajar dengan ilmu akhirat	Hubungan dengan pelajar (<i>Habl min al-nas</i>)
Tidak merasa telah berbudi kepada pelajar	Hubungan dengan pelajar (<i>Habl min al-nas</i>)
Mendidik jiwa pelajar agar sentiasa dekat dengan Allah s.w.t	Hubungan dengan pelajar (<i>Habl min al-nas</i>)
Membimbing pelajar melakukan perkara yang betul	Hubungan dengan pelajar (<i>Habl min al-nas</i>)
Membimbing pelajar bahawa tujuan belajar adalah kerana Allah s.w.t, bukan untuk menjadi ketua, bermegah-megah dan bersaing dan bukan juga untuk urusan dunia	Hubungan dengan pelajar (<i>Habl min al-nas</i>)
Mencegah pelajar dari berakhlak mazmumah dengan cara kasih sayang	Hubungan dengan pelajar (<i>Habl min al-nas</i>)

Jadual 4.29
Sambungan.

Ciri-ciri guru profesional	' <i>Riadhah Ruhhiyyah</i> '
Sentiasa memantau kemajuan pelajar mengikut peringkat	Hubungan dengan pelajar (<i>Habl min al-nas</i>)
Mengajar mengikut pemahaman pelajar	Hubungan dengan pelajar (<i>Habl min al-nas</i>)
Memberi penerangan yang jelas kepada pelajar	Hubungan dengan pelajar (<i>Habl min al-nas</i>)

Setelah mengenal pasti semua istilah adalah bersesuaian dengan GPI (*axial coding II*), kategori '*Riadhah Ruhhiyyah*' dipecahkan kepada empat sub kategori iaitu 'Hubungan dengan Allah s.w.t', 'Hubungan dengan diri sendiri', Hubungan dengan rakan sejawat' dan 'Hubungan dengan rakan' manakala kategori 'Ciri-ciri Guru Profesional' dipecahkan kepada dua sub kategori iaitu 'Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran' dan 'Aspek-aspek Profesionalisme'.

Berpandukan literatur, kategori 'Ciri-ciri Guru Profesional' yang dipecahkan kepada sub kategori 'Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran' dan kategori 'Aspek-aspek Profesionalisme' dipecahkan lagi kepada beberapa sub kategori.

Di bawah sub kategori 'Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran', ia dipecahkan kepada empat sub kategori 'Perancangan Pengajaran', 'Pengetahuan Isi Kandungan Pengajaran', 'Penyampaian Pengajaran' dan 'Penilaian Pengajaran' manakala di bawah sub kategori 'Aspek-aspek Profesionalisme', ia dipecahkan kepada tiga sub kategori iaitu 'Pengetahuan Profesionalisme', 'Usaha-usaha Meningkatkan Profesionalisme' serta 'Ganjaran Bukan Kewangan' sebagaimana yang ditunjukkan pada Jadual 4.30.

Jadual 4.30

Sub Kategori dalam Kategori 'Ciri-ciri Guru Profesional' dan Kategori 'Riadhah Ruhhiyyah'

Ciri-ciri Guru Profesional		Aspek 'Riadhah Ruhhiyyah'			
Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran	Aspek-aspek Profesionalisme	Hubungan dengan Allah	Hubungan dengan diri sendiri	Hubungan dengan rakan sejawat	Hubungan dengan pelajar
• Perancangan Pengajaran	• Pengetahuan Profesionalisme	s.w.t (Habl min Allah)	(Habl min al-nafs)	(Habl min al-nas)	(Habl min al-nas)
• Pengetahuan Isi Kandungan Pengajaran	Meningkatkan Profesionalisme				
• Penyampaian Pengajaran	• Ganjaran				
• Penilaian Pengajaran	Bukan Kewangan				

Pengkaji kemudian melakukan 'selective coding' dengan cara menulis kategori, menggabungkan sub kategori dan menentukan kewajaran kategori. Dalam langkah ini, apabila kategori 'Ciri-ciri guru profesional' dan 'Riadhah Ruhhiyyah' digabungkan, ia menghasilkan satu kategori utama iaitu 'Ciri-ciri guru profesional berasaskan 'Riadhah Ruhhiyyah' yang menjadi fokus utama kajian ini.

Rumusan Keseluruhan Dapatan Fasa Analisis Kandungan

Sebagai rumusan, teknik analisis kandungan yang dijalankan sebagai langkah awal dalam melakukan penyelidikan ini telah menghasilkan dua kategori utama iaitu iaitu 'Kategori Ciri-ciri Guru Profesional' dan 'Kategori 'Riadhah Ruhhiyyah' yang menghasilkan beberapa lagi subkategori lain. Ia seterusnya membawa kepada penghasilan satu teori baru berasaskan Teori Guru Profesional Al-Ghazali iaitu Teori Guru Pendidikan Islam Profesional Berasaskan 'Riadhah Ruhhiyyah' seperti yang ditunjukkan pada Rajah 4.2.

Teori Guru Pendidikan Islam Profesional Berasaskan ' <i>Riadhah Ruhiyyah</i> '		
<p>'<i>Riadhah Ruhiyyah</i>'</p> <ul style="list-style-type: none"> - Hubungan dengan Allah s.w.t - Hubungan dengan diri sendiri - Hubungan dengan rakan sejawat - Hubungan dengan pelajar 	<p>Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran</p> <ul style="list-style-type: none"> - Perancangan Pengajaran - Pengetahuan Isi Kandungan Pengajaran - Penyampaian Pengajaran - Penilaian Pengajaran 	<p>Aspek-aspek Profesionalisme</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pengetahuan Profesionalisme - Usaha-usaha Meningkatkan Profesionalisme - Ganjaran Bukan Kewangan

Rajah 4.2: Teori Guru Pendidikan Islam Profesional Berasaskan '*Riadhah Ruhiyyah*'

'*Riadhah Ruhiyyah*' menjadi fokus utama kerana ia meliputi aspek *habl min Allah* iaitu hubungan dengan Allah s.w.t, *habl min al-nafs* iaitu hubungan dengan diri sendiri serta *habl min al-nas* iaitu hubungan antara manusia yang merangkumi hubungan sesama rakan sekerja serta hubungan dengan anak didik di sekolah. Aspek '*Riadhah Ruhiyyah*' ini diperkukuhkan dengan Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran dari aspek perancangan pengajaran, pengetahuan isi kandungan pengajaran, penyampaian pengajaran dan penilaian pengajaran selain dari Aspek-aspek Profesionalisme yang merangkumi aspek pengetahuan profesionalisme, usaha-usaha meningkatkan profesionalisme serta ganjaran bukan kewangan.

Teori Guru Pendidikan Islam Profesional Berasaskan '*Riadhah Ruhiyyah*' ini seterusnya menjadi rangka awal kepada penghasilan Model Pembangunan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan '*Riadhah Ruhiyyah*'.

Dapatan Fasa Pembangunan Model

Perbincangan seterusnya menjurus kepada perbincangan dapatan Fasa II (B) kajian iaitu fasa pembangunan model. Fasa ini terkandung dalam Fasa II iaitu fasa rekebentuk dan pembangunan. Fasa II (B) dijalankan setelah Fasa II (A) iaitu fasa analisis kandungan selesai dilakukan bagi menjawab persoalan kajian yang ketiga iaitu :

3. Apakah konsensus pakar terhadap pembangunan Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan '*Riadhah Ruhhiyyah*'?

Dalam fasa ini, teknik *Fuzzy Delphi Method* (FDM) digunakan untuk membangunkan model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam berasaskan '*Riadhah Ruhhiyyah*' serta mendapatkan konsensus pakar mengenainya. Instrumen kajian dalam fasa pembangunan ini adalah borang soal selidik yang dimurnikan hasil dari dapatan Fasa I iaitu fasa analisis keperluan dan Fasa II (A) kajian iaitu fasa analisis kandungan. Soal selidik yang dikemukakan kepada para pakar mengandungi 119 soalan.

Aspek-Aspek '*Riadhah Ruhhiyyah*'. Aspek-aspek '*Riadhah Ruhhiyyah*' yang diutarakan merangkumi empat aspek iaitu aspek Hubungan dengan Allah s.w.t, Hubungan dengan Diri Sendiri, Hubungan dengan Rakan Sejawat dan Hubungan dengan Pelajar.

Hubungan Dengan Allah S.W.T. Item-item untuk aspek 'Hubungan dengan Allah s.w.t' tertera dalam Jadual 4.31.

Jadual 4.31
Item-item untuk Aspek 'Hubungan dengan Allah s.w.t'

Item	
A1.	Aktiviti menunaikan solat sunat setiap hari
A2.	Aktiviti solat berjemaah setiap waktu
A3.	Aktiviti bersolat pada awal waktu
A4.	Aktiviti berpuasa sunat setiap minggu
A5.	Aktiviti menunaikan Qiyamullail setiap malam
A6.	Aktiviti berzikir, bertahmid dan berselawat
A7.	Aktiviti tadarrus al-Qur'an
A8.	Aktiviti tafsir al-Qur'an
A9.	Aktiviti talaqqi dan penafsiran hadis
A10.	Aktiviti talaqqi kitab (fiqh, aqidah, akhlak, sirah,)
A11.	Aktiviti eko spiritual (pengamatan alam ciptaan Ilahi)
A12.	Aktiviti nasyid kerohanian

Nilai *threshold* (d), peratusan konsensus pakar, *defuzzification* dan *ranking item*

bagi item-item di atas ditunjukkan dalam Jadual 4.32.

Jadual 4.32

Nilai Threshold (d), Peratusan Konsensus Pakar, Defuzzification dan Ranking Item untuk aspek 'Hubungan dengan Allah s.w.t'

Pakar	Item											
	A1	A2	A3	A4	A5	A6	A7	A8	A9	A10	A11	A12
1	0.08	0.04	0.12	0.12	0.06	0.22	0.16	0.12	0.12	0.12	0.18	0.10
2	0.08	0.04	0.12	0.18	0.37	0.08	0.47	0.43	0.43	0.43	0.12	0.71
3	0.08	0.04	0.12	0.12	0.37	0.08	0.14	0.12	0.12	0.12	0.18	0.10
4	0.08	0.04	0.12	0.12	0.24	0.08	0.14	0.18	0.18	0.18	0.12	0.20
5	0.08	0.04	0.12	0.12	0.24	0.08	0.14	0.18	0.18	0.18	0.12	0.20
6	0.08	0.04	0.18	0.18	0.06	0.08	0.14	0.18	0.18	0.12	0.18	0.20
7	0.08	0.04	0.12	0.12	0.24	0.08	0.14	0.18	0.18	0.18	0.12	0.20
8	0.22	0.26	0.79	0.18	0.06	0.08	0.16	0.18	0.18	0.18	0.18	0.10
9	0.08	0.04	0.12	0.12	0.06	0.08	0.14	0.18	0.18	0.18	0.12	0.41
10	0.22	0.04	0.18	0.18	0.06	0.22	0.14	0.12	0.12	0.12	0.18	0.10
11	0.22	0.04	0.12	0.12	0.06	0.08	0.16	0.43	0.43	0.43	0.12	0.20
12	0.08	0.04	0.12	0.18	0.24	0.22	0.14	0.18	0.18	0.18	0.12	0.20
13	0.08	0.04	0.12	0.12	0.06	0.22	0.14	0.18	0.18	0.18	0.12	0.20
14	0.22	0.26	0.18	0.18	0.06	0.08	0.16	0.12	0.12	0.12	0.12	0.20
15	0.08	0.04	0.12	0.12	0.24	0.08	0.16	0.12	0.12	0.18	0.18	0.10
Peratusan Konsensus Pakar Berdasarkan Item	100%	100%	93%	100%	87%	100%	93%	87%	87%	87%	100%	87%
Peratusan Konsensus Kumpulan Pakar bagi Keseluruhan Item	Peratus Konsensus Kumpulan Pakar = $(169 / 180) \times 100\% = 93.8\%$											
Nilai Defuzzification / Nilai Skor Item	0.747	0.773	0.720	0.720	0.640	0.747	0.707	0.680	0.680	0.680	0.720	0.667
Kedudukan (ranking) Item	2	1	4	4	12	2	10	7	7	7	4	11

* Kaedah 1: Item A3, A5, A7, A8, A9, A10 & A12 melebihi nilai *threshold* (d) = 0.2 .

** Kaedah 2: Peratus persetujuan pakar menunjukkan kesemua item berada melebihi nilai 75%.

*** Kaedah 3: Kesemua nilai *defuzzification* bagi setiap item melebihi nilai α -cut = 0.5.

Berdasarkan Jadual 4.32, hanya item A1, A2, A4 dan A6 sahaja yang mempunyai nilai *threshold* (d) ≤ 0.2 . Menurut Cheng dan Lin (2002), jika nilai purata

dan penilaian pakar adalah kurang dari nilai *threshold* 0.2, item tersebut telah mendapat konsensus pakar. Meskipun dapatan menunjukkan item A3, A5, A7, A8, A9, A10 dan A12 melebihi nilai *threshold* (d) = 0.2, namun peratus persetujuan pakar menunjukkan kesemua item berada melebihi nilai 75%. Kesemua nilai *defuzzification* bagi setiap item juga melebihi nilai α -cut = 0.5. Hal ini menunjukkan bahawa item-item analisis keperluan guru Pendidikan Islam terhadap aspek '*Riadhah Ruhhiyyah*' yang ditinjau dari aspek 'Hubungan dengan Allah s.w.t.' mendapat konsensus dari para pakar. Berdasarkan konsensus pakar, item-item tersebut kemudian disusun mengikut keutamaan. Kedudukan item setelah disusun mengikut keutamaan adalah sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 4.33.

Jadual 4.33

Susunan Item untuk Aspek 'Hubungan dengan Allah S.W.T' Mengikut Keutamaan

Susunan mengikut keutamaan	Item	Nombor Item
1	Aktiviti solat berjemaah setiap waktu	A2
2	Aktiviti menunaikan solat sunat setiap hari	A1
2	Aktiviti berzikir, bertahmid dan berselawat	A6
4	Aktiviti bersolat pada awal waktu	A3
4	Aktiviti berpuasa sunat setiap minggu	A4
4	Aktiviti eko spiritual (pengamatan alam ciptaan Ilahi)	A11
7	Aktiviti tafsir al-Qur'an	A8
7	Aktiviti talaqqi dan penafsiran hadis	A9
7	Aktiviti talaqqi kitab (fiqh, aqidah, akhlak, sirah,)	A10
10	Aktiviti tadarrus al-Qur'an	A7
11	Aktiviti nasyid kerohanian	A12
12	Aktiviti menunaikan Qiyamullail setiap malam	A5

Hubungan Dengan Diri Sendiri. Item-item untuk aspek 'Hubungan dengan Diri Sendiri' yang diberikan kepada pakar adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 4.34.

Jadual 4.34

Item-item untuk Aspek 'Hubungan dengan Diri Sendiri'

Item	
B1.	Menjaga lidah dari menyakiti hati orang lain
B2.	Menjaga pemakanan dan kesucian makanan
B3.	Sentiasa cuba memahami perasaan orang lain
B4.	Bersangka baik terhadap orang lain
B5.	Berani berkata 'saya tidak tahu' terhadap persoalan yang tidak diketahui
B6.	Tidak menyembunyikan ilmu yang diketahui
B7.	Melakukan tugas pengajaran dengan penuh minat walaupun berhadapan masalah
B8.	Sentiasa membetulkan kesilapan diri sendiri

Nilai *threshold* (d), peratusan konsensus pakar, *defuzzification* dan *ranking item* bagi item-item di atas ditunjukkan dalam Jadual 4.35.

Jadual 4.35

Nilai *Threshold* (D), *Peratusan Konsensus Pakar*, *Defuzzification* dan *Ranking Item* untuk aspek 'Hubungan dengan Diri Sendiri'

Pakar	Item							
	B1	B2	B3	B4	B5	B6	B7	B8
1	0.04	0.04	0.04	0.02	0.02	0.08	0.14	0.04
2	0.04	0.04	0.04	0.02	0.02	0.08	0.47	0.04
3	0.04	0.04	0.04	0.02	0.02	0.08	0.14	0.04
4	0.04	0.04	0.04	0.02	0.02	0.08	0.14	0.04
5	0.04	0.04	0.04	0.02	0.02	0.08	0.14	0.04
6	0.04	0.04	0.04	0.02	0.02	0.08	0.16	0.04
7	0.04	0.04	0.04	0.02	0.02	0.22	0.14	0.04
8	0.04	0.04	0.04	0.02	0.02	0.08	0.14	0.04
9	0.04	0.04	0.04	0.02	0.02	0.08	0.14	0.04
10	0.57	0.57	0.26	0.29	0.29	0.22	0.47	0.57
11	0.04	0.04	0.04	0.02	0.02	0.53	0.47	0.04
12	0.04	0.04	0.04	0.02	0.02	0.08	0.14	0.04
13	0.04	0.04	0.04	0.02	0.02	0.08	0.14	0.04
14	0.04	0.04	0.26	0.02	0.02	0.08	0.14	0.04
15	0.04	0.04	0.04	0.02	0.02	0.08	0.14	0.04
Peratusan Konsensus Pakar Berdasarkan Setiap Item	93%	93%	100%	100%	100%	100%	80%	93%
Peratusan Konsensus Keseluruhan Item	Peratus Konsensus Kumpulan Pakar = $(113/120) \times 100\% = 94\%$							
Nilai <i>Defuzzification</i> / Nilai Skor Item	0.773	0.773	0.773	0.787	0.787	0.747	0.707	0.773
Kedudukan (ranking) Item	3	3	3	1	1	7	8	3

* Kaedah 1: Item B1, B2, B6, B7 & B8 melebihi nilai *threshold* (d) = 0.2 .

** Kaedah 2: Peratus persetujuan pakar menunjukkan kesemua item berada melebihi nilai 75%.

*** Kaedah 3: Kesemua nilai *defuzzification* bagi setiap item melebihi nilai α -cut = 0.5.

Berdasarkan Jadual 4.35 untuk aspek ‘Hubungan dengan Diri Sendiri’, hanya item B3, B4 dan B5 sahaja yang mempunyai nilai *threshold* (d) ≤ 0.2 . Ini bermaksud item tersebut telah mendapat konsensus pakar. Meskipun dapatan menunjukkan item B1, B2, B6, B7 dan B8 melebihi nilai *threshold* (d) = 0.2, namun peratus persetujuan pakar menunjukkan kesemua item berada melebihi nilai 75%. Kesemua nilai *defuzzification* bagi setiap item juga melebihi nilai α -cut = 0.5. Ini menunjukkan item-item analisis keperluan guru Pendidikan Islam terhadap aspek ‘*Riadhah Ruhhiyyah*’ yang ditinjau dari aspek ‘Hubungan dengan Diri Sendiri’ telah mendapat konsensus dari para pakar.

Berdasarkan konsensus pakar, item-item tersebut kemudian disusun mengikut keutamaan. Kedudukan item setelah disusun mengikut keutamaan adalah sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 4.36.

Jadual 4.36
Susunan Item Mengikut Keutamaan untuk Aspek ‘Hubungan dengan Diri Sendiri’

Susunan mengikut keutamaan	Item	Nombor Item
1	Bersangka baik terhadap orang lain	B4
1	Berani berkata ‘saya tidak tahu’ terhadap persoalan yang tidak diketahui	B5
3	Menjaga lidah dari menyakiti hati orang lain	B1
3	Menjaga pemakanan dan kesucian makanan	B2
3	Sentiasa cuba memahami perasaan orang lain	B3
3	Sentiasa membetulkan kesilapan diri sendiri	B8
7	Tidak menyembunyikan ilmu yang diketahui	B6
8	Melakukan tugas pengajaran dengan penuh minat walaupun berhadapan dengan masalah	B7

Hubungan Dengan Rakan Sejawat. Item-item untuk aspek ‘Hubungan dengan Rakan Sejawat’ yang diberikan kepada pakar adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 4.37.

Jadual 4.37

Item-item untuk Aspek 'Hubungan dengan Rakan Sejawat'

Item	
C1	Aktiviti bekerja dalam pasukan
C2	Terbuka menerima teguran
C3	Menyuarakan sebarang pendapat secara berhemah
C4	Sentiasa berbincang dengan rakan sejawat lain bila menghadapi masalah
C5	Menjadi <i>role model</i> kepada rakan sejawat lain
C6	Bersedia menerima idea dan cadangan dari rakan sejawat

Nilai *threshold* (d), peratusan konsensus pakar, *defuzzification* dan *ranking item* bagi item-item di atas ditunjukkan dalam Jadual 4.38.

Jadual 4.38

Nilai Threshold (D), Peratusan Konsensus Pakar, Defuzzification dan Ranking Item untuk Aspek 'Hubungan dengan Rakan Sejawat'

Pakar	Item					
	C1	C2	C3	C4	C5	C6
1	0.04	0.04	0.02	0.08	0.06	0.00
2	0.26	0.04	0.29	0.22	0.24	0.00
3	0.04	0.04	0.02	0.08	0.06	0.00
4	0.04	0.04	0.02	0.08	0.06	0.00
5	0.04	0.04	0.02	0.08	0.06	0.00
6	0.04	0.04	0.02	0.08	0.06	0.00
7	0.04	0.04	0.02	0.08	0.06	0.00
8	0.04	0.04	0.02	0.08	0.06	0.00
9	0.04	0.26	0.02	0.22	0.06	0.00
10	0.04	0.26	0.02	0.22	0.06	0.00
11	0.04	0.04	0.02	0.08	0.24	0.00
12	0.04	0.04	0.02	0.08	0.06	0.00
13	0.04	0.04	0.02	0.08	0.06	0.00
14	0.26	0.04	0.02	0.22	0.06	0.00
15	0.04	0.04	0.02	0.08	0.24	0.00
Peratusan Konsensus Pakar Berdasarkan Setiap Item	100%	100%	100%	100%	100%	100%
Peratusan Konsensus Kumpulan Pakar bagi Keseluruhan Item	Peratus Konsensus Kumpulan Pakar = (90/90) X 100% = 100%					
Nilai <i>Defuzzification</i> / Nilai Skor Item	0.773	0.773	0.787	0.747	0.760	0.800
Kedudukan (ranking) Item	4	4	2	6	3	1

* Kaedah 1: Kesemua item melebihi nilai *threshold* (d) = 0.2 .

** Kaedah 2: Peratus persetujuan pakar menunjukkan kesemua item berada melebihi nilai 75%.

*** Kaedah 3: Kesemua nilai *defuzzification* bagi setiap item melebihi nilai α -cut = 0.5.

Berdasarkan Jadual 4.38 untuk aspek ‘Hubungan dengan Rakan Sejawat’, semua item tidak melebihi nilai *threshold* (d) = 0.2 dan peratus persetujuan pakar menunjukkan kesemua item berada melebihi nilai 75%. Kesemua nilai *defuzzification* bagi setiap item juga melebihi nilai α -cut = 0.5. Ini menunjukkan item-item analisis keperluan guru Pendidikan Islam terhadap aspek ‘*Riadhah Ruhiyyah*’ yang ditinjau dari aspek ‘Hubungan dengan Rakan Sejawat’ telah mendapat konsensus dari para pakar.

Berdasarkan konsensus pakar, item-item tersebut kemudian disusun mengikut keutamaan. Kedudukan item setelah disusun mengikut keutamaan adalah sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 4.39.

Jadual 4.39

Susunan Item Mengikut Keutamaan untuk aspek ‘Hubungan dengan Rakan Sejawat’

Susunan mengikut keutamaan	Item	Nombor Item
1	Bersedia menerima idea dan cadangan dari rakan sejawat	C6
2	Menyuarakan sebarang pendapat secara berhemah	C3
3	Menjadi <i>role model</i> kepada rakan sejawat lain	C5
4	Aktiviti bekerja dalam pasukan	C1
4	Terbuka menerima teguran	C2
6	Sentiasa berbincang dengan rakan sejawat lain bila menghadapi masalah	C4

Hubungan Dengan Pelajar. Item-item untuk aspek ‘Hubungan dengan Pelajar’ adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 4.40.

Jadual 4.40

Item-item untuk Aspek 'Hubungan dengan Pelajar'

Item	
D1.	Mengetahui latar belakang pelajar
D2.	Melayani pelajar sebagai insan yang mempunyai perasaan
D3.	Melayan pelajar secara adil dan saksama
D4.	Mempunyai hubungan yang mesra dengan pelajar
D5.	Membimbing pelajar ke arah mengamalkan akhlak yang baik
D6.	Memperuntukkan masa tambahan untuk membimbing pelajar
D7.	Menunjukkan contoh teladan yang baik di hadapan para pelajar
D8.	Mengingati pelajar dalam setiap doa

Nilai *threshold* (d), peratusan konsensus pakar, *defuzzification* dan *ranking item* bagi item-item di atas ditunjukkan dalam Jadual 4.41.

Jadual 4.41

Nilai Threshold (D), Peratusan Konsensus Pakar, Defuzzification dan Ranking Item untuk Aspek 'Hubungan dengan Pelajar'

Pakar	Item							
	C1	C2	C3	C4	C5	C6	C7	C8
1	0.08	0.04	0.04	0.16	0.06	0.16	0.02	0.10
2	0.22	0.04	0.04	0.14	0.06	0.45	0.02	0.20
3	0.08	0.04	0.04	0.14	0.06	0.14	0.02	0.20
4	0.08	0.04	0.04	0.14	0.06	0.16	0.02	0.10
5	0.08	0.04	0.04	0.14	0.06	0.16	0.02	0.10
6	0.08	0.04	0.04	0.16	0.06	0.14	0.02	0.10
7	0.08	0.04	0.04	0.14	0.06	0.16	0.02	0.10
8	0.08	0.04	0.04	0.14	0.06	0.14	0.02	0.10
9	0.08	0.04	0.04	0.14	0.06	0.16	0.02	0.10
10	0.22	0.04	0.04	0.16	0.24	0.14	0.02	0.20
11	0.22	0.04	0.04	0.14	0.24	0.16	0.02	0.10
12	0.08	0.04	0.04	0.16	0.06	0.16	0.02	0.10
13	0.08	0.04	0.04	0.16	0.06	0.16	0.02	0.10
14	0.08	0.26	0.26	0.16	0.24	0.14	0.29	0.20
15	0.22	0.26	0.26	0.16	0.06	0.14	0.02	0.20
Peratusan Konsensus Pakar Berdasarkan Setiap Item	100%	100%	100%	100%	100%	93%	100%	100%
Peratusan Konsensus Kumpulan Pakar bagi Keseluruhan Item	Peratus Konsensus Kumpulan Pakar = $(119/120) \times 100\% = 99.2\%$							
Nilai <i>Defuzzification</i> / Nilai Skor Item	0.747	0.773	0.773	0.707	0.760	0.693	0.787	0.733
Kedudukan (ranking) Item	5	2	2	7	4	8	1	6

* Kaedah 1: Hanya item C6 melebihi nilai *threshold* (d) = 0.2 .

** Kaedah 2: Peratus persetujuan pakar menunjukkan kesemua item berada melebihi nilai 75%.

*** Kaedah 3: Kesemua nilai *defuzzification* bagi setiap item melebihi nilai α -cut = 0.5.

Berdasarkan Jadual 4.41, kesemua item mempunyai nilai *threshold* (d) ≤ 0.2 kecuali item D6. Menurut Cheng dan Lin (2002), jika nilai purata dan penilaian pakar adalah kurang dari nilai *threshold* 0.2, item tersebut telah mendapat konsensus pakar. Meskipun dapatan item D6 adalah melebihi nilai *threshold* (d) = 0.2, namun peratus persetujuan pakar menunjukkan kesemua item berada melebihi nilai 75%. Kesemua nilai *defuzzification* bagi setiap item juga melebihi nilai α -cut = 0.5. Ini menunjukkan item-item analisis keperluan guru Pendidikan Islam terhadap aspek '*Riadhah Ruhhiyyah*' yang ditinjau dari aspek 'Hubungan dengan Pelajar' mendapat konsensus dari para pakar.

Berdasarkan konsensus pakar, item-item tersebut kemudian disusun mengikut keutamaan. Kedudukan item setelah disusun mengikut keutamaan adalah sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 4.42.

Jadual 4.42
Susunan Item Mengikut Keutamaan untuk Aspek 'Hubungan dengan Pelajar'

Susunan mengikut keutamaan	Item	Nombor Item
1	Menunjukkan contoh teladan yang baik di hadapan para pelajar	D7
2	Melayani pelajar sebagai insan yang mempunyai perasaan	D2
2	Melayan pelajar secara adil dan saksama	D3
4	Membimbing pelajar ke arah mengamalkan akhlak yang baik	D5
5	Mengetahui latar belakang pelajar	D1
6	Mengingati pelajar dalam setiap doa	D8
7	Mempunyai hubungan yang mesra dengan pelajar	D4
8	Memperuntukkan masa tambahan membimbing pelajar	D6

Aspek-Aspek Pengajaran Dan Pembelajaran. Aspek-aspek Pengajaran Dan Pembelajaran yang diutarakan merangkumi aspek Perancangan Pengajaran, Pengetahuan Isi Kandungan Pengajaran, Penyampaian Pengajaran dan Penilaian Pengajaran.

Perancangan Pengajaran. Dalam kajian ini, item-item untuk aspek ‘Perancangan Pengajaran’ yang diberikan kepada pakar adalah seperti yang dinyatakan dalam Jadual 4.43.

Jadual 4.43
Item-item untuk Aspek ‘Perancangan Pengajaran’

Item	
A1.	Merujuk kepada sukatan pelajaran untuk menyediakan rancangan pengajaran
A2.	Mengenal pasti kelemahan sedia ada pelajar
A3.	Menterjemahkan objektif pengajaran kepada aktiviti pembelajaran yang sesuai.
A4.	Menentukan isi pelajaran bersesuaian dengan tahap keupayaan pelajar
A5.	Aktiviti pembelajaran dirancang mengikut potensi pelajar
A6.	Aktiviti pengajaran yang disediakan menekankan aktiviti berpusatkan pelajar

Nilai *threshold* (d), peratusan konsensus pakar, *defuzzification* dan *ranking item* bagi item-item di atas ditunjukkan dalam Jadual 4.44.

Jadual 4.44
Nilai *Threshold* (D), Peratusan Konsensus Pakar, *Defuzzification* dan *Ranking Item* untuk Aspek ‘Perancangan Pengajaran’

Pakar	Item					
	A1	A2	A3	A4	A5	A6
1	0.06	0.08	0.06	0.14	0.09	0.12
2	0.24	0.22	0.24	0.47	0.51	0.18
3	0.06	0.08	0.06	0.14	0.09	0.18
4	0.06	0.08	0.06	0.14	0.09	0.12
5	0.06	0.08	0.06	0.14	0.09	0.12
6	0.06	0.08	0.06	0.14	0.09	0.12
7	0.06	0.08	0.06	0.14	0.09	0.12
8	0.06	0.08	0.06	0.16	0.09	0.12
9	0.06	0.08	0.06	0.14	0.21	0.12
10	0.06	0.08	0.06	0.16	0.09	0.18
11	0.24	0.22	0.24	0.16	0.21	0.18
12	0.06	0.08	0.06	0.14	0.09	0.12
13	0.06	0.08	0.06	0.14	0.09	0.12
5.	Aktiviti pengajaran yang disediakan menekankan aktiviti berpusatkan pelajar
6.	Menentukan isi pelajaran bersesuaian dengan tahap keupayaan pelajar
7.	Merancang aktiviti pengajaran yang menghidupkan rohani
B. Pengetahuan Isi Kandungan Pengajaran	
1.	Menguasai dengan baik sukatan mata pelajaran Pendidikan Islam yang diajar
2.	Menguasai dengan baik kandungan mata pelajaran Pendidikan Islam yang diajar mengikut bidang pembelajaran
3.	Mengaitkan pengetahuan dengan pengalaman hidup
4.	Mengajar mengikut takwim persekolahan yang dirancang oleh pihak sekolah
5.	Mengajar berpandukan Rancangan Pengajaran Tahunan yang ditetapkan yang ditetapkan dalam mesyuarat panitia.
6.	Menguasai dan memahami bahasa Arab dengan baik
7.	Mampu memahami kandungan mata pelajaran lain
C. Penyampaian Pengajaran	
1.	Menerapkan unsur kerohanian dalam pengajaran
2.	Mengaitkan aktiviti pengajaran dengan ciptaan Allah s.w.t yang terdapat di sekeliling
3.	Mempelbagaikan kaedah pengajaran untuk menarik minat pelajar
4.	Menggabungkan pengajaran dengan amalan seharian pelajar
5.	Menegaskan kawalan disiplin semasa pengajaran sedang dijalankan
6.	Mempelbagaikan bahan bantu mengajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran
7.	Menekankan peningkatan pelajar dalam kemahiran tertentu seperti kemahiran berfikir
8.	Menggabungkan pengajaran Pendidikan Islam dengan mata pelajaran lain
9.	Melibatkan pelajar dengan aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran
10.	Menyelesaikan masalah secara analitis dan kritis berpandukan al-Quran dan hadis
11.	Menekankan tahap penguasaan pelajar.
12.	Menyampaikan idea dengan jelas.
13.	Teknik penyampaian berbeza digunakan untuk merangsang minat pelajar
14.	Menonjolkan idea penting di akhir pengajaran
15.	Merangsang pelajar untuk menunjukkan kebolehan dalam bidang tertentu.
16.	Merangsang pelajar yang kurang aktif untuk memberi respon
17.	Menggunakan masa semaksimum mungkin untuk mendidik pelajar
18.	Menekankan kaedah pengajaran yang boleh meningkatkan rasa kecintaan kepada Allah s.w.t dan Rasul
19.	Menekankan adab sebagai seorang guru ketika mengajar
20.	Menekankan adab belajar kepada pelajar

Jadual 4.68
Sambungan.

Aspek Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran	
D. Penilaian Pengajaran	
1.	Menggunakan rekod prestasi untuk merekod pencapaian pelajar
2.	Hasil kerja pelajar diperiksa untuk mengesan kelemahan pelajar
3.	Memaklumkan kemajuan prestasi pelajar kepada ibu bapa pelajar
4.	Mempunyai maklumat berkaitan tahap pencapaian pelajar
5.	Menggunakan data pencapaian akademik pelajar untuk melaksanakan penambahbaikan khususnya ke atas proses pengajaran dan pembelajaran
6.	Menilai pelajar secara menyeluruh (aspek spritual, kognitif, psikomotor dan sikap)
7.	Mengenal pasti kekuatan pelajar dalam subjek Pendidikan Islam
8.	Mengenal pasti kelemahan pelajar dalam subjek Pendidikan Islam
9.	Memaklumkan kemajuan prestasi pelajar kepada pelajar
10.	Mempelbagaikan alat pengukuran untuk menilai pencapaian pelajar dalam kelas
11.	Penilaian dilaksanakan secara berterusan

Jadual 4.69
Konsensus pakar Delphi dalam Aspek-aspek Profesionalisme

Aspek-Aspek Profesionalisme	
A. Pengetahuan Profesionalisme	
1.	Aplikasi ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran
2.	Kursus membangun sahsiah cemerlang
3.	Program perkongsian ilmu dalam bidang pengkhususan
4.	Perkongsian amalan terbaik pedagogi peringkat global.
5.	Analisis item untuk proses penilaian
6.	Kursus pengurusan panitia melibatkan <i>head count</i>
7.	Kursus kepimpinan berkesan
8.	Kursus kepimpinan pengajaran
9.	Kursus kepimpinan Islam
10.	Kursus pengurusan tingkahlaku dalam kurikulum
11.	Kursus peningkatan integriti
12.	Kursus aplikasi pedagogi terkini mengikut pencapaian pelajar
13.	Pembinaan item untuk proses penilaian
14.	Kursus pengurusan panitia melibatkan pelan strategik
15.	Kursus kajian tindakan
16.	Kursus komunikasi berkesan
17.	Kursus pengucapan awam
18.	Kursus pembelajaran berasaskan projek
19.	Kursus strategi pemulihan masalah pembelajaran
20.	Kursus analisis data
21.	Kursus pengurusan perubahan
22.	Kursus pengurusan tekanan
23.	Kursus pengurusan krisis
24.	Kursus kaedah penulisan ilmiah
25.	Kursus perundangan dalam konteks pendidikan.
26.	Kursus asas kewangan

Jadual 4.69
Sambungan.

Aspek-Aspek Profesionalisme	
A. Pengetahuan Profesionalisme	
27.	Kursus protokol dan etiket Islam. Item yang digugurkan adalah item A10 : Kursus pedagogi berkesan bagi guru dan item A15 : Kursus kemahiran menaip)
Aspek-Aspek Profesionalisme	
B. Usaha-Usaha Meningkatkan Profesionalisme	
1.	Mengikuti isu terkini berkaitan Pendidikan Islam
2.	Melaksanakan amalan refleksi (muhasabah) untuk menambahbaik proses pengajaran dan pembelajaran
3.	Menambahbaik strategi mengajar supaya pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan.
4.	Menghadiri kursus dalam perkhidmatan untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran
5.	Membaca artikel profesional untuk meningkatkan pengetahuan dalam pengajaran
6.	Mempelajari lebih banyak perkara mengenai strategi pengajaran.
7.	Menghasilkan penulisan ilmiah berkaitan Pendidikan Islam
8.	Meluangkan banyak masa untuk menyediakan bahan pengajaran walaupun mengehadkan masa untuk aktiviti lain
9.	Menyedari isu-isu semasa berkaitan ancaman terhadap umat Islam masa kini
C. Ganjaran Bukan Kewangan	
1.	Penghargaan pihak atasan terhadap status sebagai guru
2.	Peluang untuk peningkatan kerjaya seperti kenaikan pangkat
3.	Peluang untuk perkembangan profesionalisme seperti menghadiri kursus
4.	Sumbangan kepada pembangunan negara
5.	Masa bersama keluarga anda
6.	Penghargaan pihak atasan terhadap status sebagai staf
7.	Penghargaan masyarakat terhadap status sebagai guru
8.	Penghargaan pelajar terhadap status sebagai guru

Secara keseluruhannya, konsensus pakar dalam aspek '*Riadhah Ruhiyyah*', Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran serta Aspek-aspek Profesionalisme yang ditunjukkan pada Jadual 4.67, 4.68 dan 4.69 jelas menunjukkan para pakar menyetujui cadangan kandungan model yang diutarakan oleh pengkaji. Konsensus ini amat penting kerana ia digunakan dalam membangunkan komponen dan elemen model yang akhirnya menghasilkan Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam berasaskan '*Riadhah Ruhiyyah*' yang merupakan matlamat utama penyelidikan ini.

Rumusan Keseluruhan Dapatan Fasa Pembangunan Model

Konsensus pakar dalam fasa pembangunan ini telah menghasilkan Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan '*Riadhah Ruhiyyah*'. Ia dibangunkan berpandukan dapatan dari fasa analisis keperluan serta fasa analisis kandungan. Reka bentuk model yang terhasil adalah sebagaimana yang ditunjukkan pada Rajah 4.3, Rajah 4.4, Rajah 4.5 dan Rajah 4.6.

Rajah 4.3 memaparkan model utama yang terhasil dalam penyelidikan ini. Model utama tersebut adalah Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan '*Riadhah Ruhiyyah*' yang terdiri dari tiga komponen iaitu komponen '*Riadhah Ruhiyyah*' itu sendiri, komponen Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran serta komponen Aspek-aspek Profesionalisme.

Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan '*Riadhah Ruhiyyah*' ini menghasilkan tiga lagi model lain menerusi komponen-komponen utamanya iaitu :

- i. Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam dalam aspek '*Riadhah Ruhiyyah*' (Rajah 4.4)
- ii. Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam dalam aspek Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran (Rajah 4.5)
- iii. Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam dalam aspek-aspek Profesionalisme (Rajah 4.6).

Dari aspek elemen, Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam dalam aspek '*Riadhah Ruhiyyah*' terdiri dari empat elemen iaitu Hubungan dengan Allah s.w.t, Hubungan dengan Diri Sendiri serta Hubungan Sesama Manusia yang terdiri dari pelajar dan rakan sejawat (Rajah 4.4).


Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam dalam aspek Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran juga terdiri dari empat elemen iaitu Perancangan

Pengajaran, Pengetahuan Isi Kandungan Pengajaran, Penyampaian Pengajaran serta Penilaian Pengajaran (Rajah 4.5).


Manakala Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam dalam aspek-aspek Profesionalisme terdiri dari tiga elemen iaitu Pengetahuan Profesionalisme, Usaha-usaha Meningkatkan Profesionalisme serta Ganjaran Bukan Kewangan (Rajah 4.6).

Keempat-empat model yang terhasil ini seterusnya diuji kebolehgunaannya dalam fasa kajian yang seterusnya iaitu fasa kebolegunaan model. Ia diuji menerusi penilaian para responden setelah dapatan kajian yang diperolehi menerusi fasa ini dibentangkan dalam bengkel kebolegunaan model.


University of Malaysia




Rajah 4.3 Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan 'Riadhah Ruhiyyah'.



Rajah 4.4 Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam dalam Aspek 'Riadhah Ruhhiyyah'



Rajah 4.5 Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam dalam Aspek Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran



Rajah 4.6 Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam dalam Aspek-aspek Profesionalisme

Dapatan Fasa Kebolegunaan Model

Model yang terhasil dari dapatan Fasa I dan Fasa II seterusnya diuji dalam fasa kebolegunaan model untuk menjawab persoalan kajian keempat iaitu :

4. Sejauhmanakah kebolegunaan Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan '*Riadhah Ruhhiyyah*' untuk guru Pendidikan Islam (GPI)?

Fasa ini dijalankan dengan menggunakan teknik NGT untuk melihat persepsi dan kepuasan pengguna iaitu persepsi para GPI berpengalaman terhadap model yang dibangunkan. Dapatan kajian diperolehi menerusi set soal selidik yang dibangunkan berpandukan hasil dari Fasa II(B) (konsensus pakar *Fuzzy Delphi*) yang dibentangkan dalam bengkel kebolegunaan model.

Profil Reponden. Jadual 4.70 menunjukkan profil responden fasa pembangunan model yang dilihat dari aspek jantina, umur, kelulusan akademik tertinggi, kelulusan ikhtisas serta pengalaman mengajar.

Jadual 4.70
Profil Responden

No.	Item	Perincian	Jumlah (n=21)	Peratusan (%)
1	Jantina	Lelaki	10	47.6
		Perempuan	11	52.4
2	Umur	20 hingga 30 tahun	0	0
		31 hingga 40 tahun	2	9.5
		41 hingga 50 tahun	16	76.2
		51 hingga 60 tahun	3	14.3
3	Kelulusan akademik tertinggi	Diploma	0	0
		Sarjana Muda	19	90.5
		Sarjana	2	9.5
		Kedoktoran	0	0
4	Kelulusan ikhtisas	Sijil Perguruan	3	14.3
		Diploma Pendidikan	13	61.9
		Ijazah Pendidikan	4	19.0
		Lain-lain	1	4.8

Jadual 4.70
Sambungan.

No.	Item	Perincian	Jumlah (n=21)	Peratusan (%)
5	Pengalaman mengajar	1 hingga 3 tahun	0	0
		4 hingga 6 tahun	0	0
		7 hingga 9 tahun	0	0
		10 tahun dan ke atas	21	100

Berdasarkan dapatan yang diperolehi, seramai 10 orang (47.6%) sampel adalah terdiri daripada guru lelaki manakala 11 orang responden (52.4%) merupakan guru perempuan. 2 orang guru (9.5%) berusia di antara 31 hingga 40 tahun, 16 orang (76.2%) berusia di antara 41 hingga 50 tahun dan 3 orang (14.3%) berusia antara 51 hingga 60 tahun. Tahap akademik berperanan penting kerana ia menunjukkan tahap pengetahuan dalam pendidikan yang dimiliki oleh seseorang individu atau responden. Peserta kajian di dalam fasa penilaian kebolegunaan ini semuanya berada pada tahap profesional dengan memiliki sekurang-kurangnya ijazah sarjana muda. 19 orang (90.5%) responden memiliki kelulusan di peringkat sarjana muda dan 2 orang (9.5%) memiliki ijazah sarjana. Tidak ada responden (0%) yang memiliki kelulusan setakat peringkat diploma namun belum ada juga responden (0%) yang mencapai peringkat kedoktoran.

Dalam aspek kelulusan ikhtisas, 3 orang responden (14.3%) memiliki kelulusan ikhtisas di peringkat Sijil Perguruan, 13 orang (61.9%) memiliki Diploma Pendidikan, 4 orang (19%) memiliki Ijazah Pendidikan dan 1 orang (4.8%) memiliki lain-lain kelulusan ikhtisas. Manakala dari aspek pengalaman mengajar, kesemua responden seramai 21 orang (100%) berpengalaman mengajar melebihi 10 tahun dan tiada responden (0%) yang mempunyai pengalaman mengajar kurang dari 10 tahun. Peserta kajian ini dianggap berpengalaman dan berpengetahuan kerana seseorang individu itu dianggap mahir serta berpengetahuan dalam sesuatu bidang jika mempunyai pengalaman dalam bidang tersebut di antara 5 hingga 7 tahun atau melebihi tempoh 5 tahun (Berliner, 2004).

Kesesuaian komponen utama Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan ‘*Riadhah Ruhiyah*’. Penilaian kebolegunaan dan kesesuaian komponen utama dalam Model Pembangunan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam berasaskan ‘*Riadhah Ruhiyah*’ dinilai berdasarkan pandangan peserta kajian menerusi borang soal selidik yang diedarkan semasa bengkel NGT. Berpandukan soal selidik, penerimaan kebolegunaan dan kesesuaian komponen utama model tersebut dilihat berdasarkan kepada nilai peratusan skor. Jadual 4.71 menunjukkan dapatan data bagi penilaian kebolegunaan komponen utama model profesionalisme guru Pendidikan Islam berasaskan ‘*Riadhah Ruhiyah*’.

Jadual 4.71

Dapatan Data Penilaian Kebolegunaan Komponen Utama dalam Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan ‘Riadhah Ruhiyah’

Bil	Komponen Utama	Skor Kumpulan Peserta			Jumlah Peratus Skor	Status Penilaian	
		1 (n=7)	2 (n=7)	3 (n=7)			
1.	‘ <i>Riadhah Ruhiyah</i> ’	32	33	33	98	93.3	Sesuai
2.	Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran	29	32	33	94	89.5	Sesuai
3.	Aspek-aspek Profesionalisme	29	33	34	96	91.4	Sesuai

* Peratusan kebolegunaan $\geq 70\%$

Komponen ‘*Riadhah Ruhiyah*’. Penilaian kebolegunaan dan kesesuaian komponen ‘*Riadhah Ruhiyah*’ dalam Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam berasaskan ‘*Riadhah Ruhiyah*’ dinilai berdasarkan pandangan peserta kajian menerusi borang soal selidik yang diedarkan semasa bengkel NGT. Berpandukan soal selidik, penerimaan kebolegunaan dan kesesuaian komponen ‘*Riadhah Ruhiyah*’ dilihat berdasarkan kepada nilai peratusan skor. Jadual 4.72 menunjukkan dapatan data bagi penilaian kebolegunaan komponen ‘*Riadhah Ruhiyah*’ dalam Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan ‘*Riadhah Ruhiyah*’.

Jadual 4.72

Dapatan Data Bagi Penilaian Kebolehgunaan Komponen '*Riadhah Ruhhiyyah*'

Bil	' <i>Riadhah Ruhhiyyah</i> '	Skor Kumpulan Peserta			Jumlah Skor	Peratus	Status Penilaian
		1 (n=7)	2 (n=7)	3 (n=7)			
1.	Hubungan dengan Allah s.w.t	31	34	35	100	95	Sesuai
2.	Hubungan dengan diri sendiri	30	33	34	97	92.4	Sesuai
3.	Hubungan sesama manusia (dengan rakan sejawat)	31	32	35	98	93.3	Sesuai
4.	Hubungan sesama manusia (pelajar)	30	33	34	97	92.4	Sesuai

* Peratusan kebolehgunaan $\geq 70\%$

Komponen Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran. Penilaian kebolehgunaan dan kesesuaian komponen Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran dalam Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam berasaskan '*Riadhah Ruhhiyyah*' dinilai berdasarkan pandangan peserta kajian menerusi borang soal selidik yang diedarkan semasa bengkel NGT. Berpandukan soal selidik, penerimaan kebolehgunaan dan kesesuaian komponen Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran dilihat berdasarkan kepada nilai peratusan skor. Jadual 4.73 menunjukkan dapatan data bagi penilaian kebolehgunaan komponen Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran dalam Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan '*Riadhah Ruhhiyyah*'.

Jadual 4.73

Dapatan Data bagi Penilaian Kebolehgunaan Komponen Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran

Bil	Kemahiran Pengajaran Dan Pembelajaran	Skor Kumpulan Peserta			Jumlah Skor	Peratus	Status Penilaian
		1 (n=7)	2 (n=7)	3 (n=7)			
1.	Perancangan Pengajaran	31	32	34	97	92.4	Sesuai
2.	Pengetahuan Isi Kandungan Pengajaran	31	31	34	96	91.4	Sesuai
3.	Penyampaian Pengajaran	30	31	34	95	90.5	Sesuai
4.	Penilaian Pengajaran	30	30	34	94	89.5	Sesuai

* Peratusan kebolehgunaan $\geq 70\%$

Komponen Aspek-aspek Profesionalisme. Penilaian kebolegunaan dan kesesuaian komponen Aspek-aspek Profesionalisme dalam Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam berasaskan '*Riadhah Ruhiyyah*' dinilai berdasarkan pandangan peserta kajian menerusi borang soal selidik yang diedarkan semasa bengkel NGT. Berpandukan soal selidik, penerimaan kebolegunaan dan kesesuaian komponen Aspek-aspek Profesionalisme dilihat berdasarkan kepada nilai peratusan skor. Jadual 4.74 menunjukkan dapatan data bagi penilaian kebolegunaan komponen Aspek-aspek Profesionalisme dalam Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan '*Riadhah Ruhiyyah*'.

Jadual 4.74

Dapatan Data bagi Penilaian Kebolegunaan Komponen Aspek-aspek Profesionalisme

Bil	Aspek-aspek Profesionalisme	Skor Kumpulan Peserta			Jumlah Skor	Peratus	Status Penilaian
		1 (n=7)	2 (n=7)	3 (n=7)			
1.	Pengetahuan Profesionalisme	31	32	34	97	92.4	Sesuai
2.	Usaha-usaha Meningkatkan Profesionalisme	31	32	33	96	91.4	Sesuai
3.	Ganjaran Bukan Kewangan	27	31	34	92	87.6	Sesuai

* Peratusan kebolegunaan $\geq 70\%$

Kesesuaian elemen dalam komponen utama Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan '*Riadhah Ruhiyyah*'. Sebagaimana yang dibincangkan sebelum ini, terdapat tiga komponen utama Model Pembangunan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan '*Riadhah Ruhiyyah*' iaitu komponen '*Riadhah Ruhiyyah*', komponen Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran serta komponen Aspek-aspek Profesionalisme.

Elemen dalam komponen 'Riadhah Ruhiyah'. Elemen dalam komponen '*Riadhah Ruhiyah*' terbahagi kepada empat iaitu elemen Hubungan dengan Allah s.w.t, elemen Hubungan dengan Diri Sendiri, elemen Hubungan dengan Rakan Sejawat dan elemen Hubungan dengan Pelajar.

Elemen Hubungan dengan Allah s.w.t. Elemen Hubungan dengan Allah s.w.t adalah elemen pertama dalam komponen '*Riadhah Ruhiyah*.' Penilaian kebolegunaan dan kesesuaian elemen Hubungan dengan Allah s.w.t dalam komponen '*Riadhah Ruhiyah*' dinilai berdasarkan pandangan peserta kajian menerusi borang soal selidik yang diedarkan semasa bengkel NGT.

Berpandukan soal selidik, penerimaan kebolegunaan dan kesesuaian elemen Hubungan dengan Allah s.w.t dalam komponen '*Riadhah Ruhiyah*' dilihat berdasarkan kepada nilai peratusan skor. Jadual 4.75 menunjukkan dapatan data bagi penilaian kebolegunaan elemen Hubungan dengan Allah s.w.t dalam komponen '*Riadhah Ruhiyah*'.

Jadual 4.75

Dapatan Data bagi Penilaian Kebolegunaan Elemen Hubungan dengan Allah s.w.t dalam Komponen 'Riadhah Ruhhiyyah'

	Elemen Hubungan dengan Allah	Skor Kumpulan Peserta			Jumlah Skor	Peratus	Status Penilaian
		1 (n=7)	2 (n=7)	3 (n=7)			
1.	Solat berjemaah setiap waktu	32	33	34	99	94.3	Sesuai
2.	Menunaikan solat sunat setiap hari	28	32	34	94	89.5	Sesuai
3.	Berzikir secara istiqamah	28	32	33	93	88.6	Sesuai
4.	Bersolat pada awal waktu	31	33	34	98	93.3	Sesuai
5.	Berpuasa sunat setiap minggu	28	31	32	91	86.7	Sesuai
6.	Mengamati alam ciptaan Ilahi (aktiviti eko-spiritual)	28	30	32	90	85.7	Sesuai
7.	<i>Tadabbur</i> al-Qur'an.	30	32	34	96	91.4	Sesuai
8.	Memahami penafsiran hadis	29	31	33	93	88.6	Sesuai
9.	Memahami kitab (fiqh, aqidah, akhlak, sirah)	29	30	34	93	88.6	Sesuai
10.	Tilawah al-Qur'an	31	34	35	100	95.2	Sesuai
11.	Aktiviti nasyid kerohanian	27	29	33	89	84.8	Sesuai
12.	Menunaikan Qiyamullail	29	31	32	92	87.62	Sesuai
13.	Wirid setiap hari selepas solat	28	32	34	94	89.5	Sesuai
14.	Mengingati mati	28	34	34	96	91.4	Sesuai
15.	Sentiasa bersedekah	30	31	33	94	89.5	Sesuai

* Peratusan kebolegunaan $\geq 70\%$

Elemen Hubungan Dengan Diri Sendiri. Penilaian kebolegunaan dan kesesuaian elemen Hubungan dengan Diri Sendiri dalam komponen '*Riadhah Ruhhiyyah*' dinilai berdasarkan pandangan peserta kajian menerusi borang soal selidik yang diedarkan semasa bengkel NGT. Berpandukan soal selidik, penerimaan kebolegunaan dan kesesuaian elemen Hubungan dengan Diri Sendiri dalam komponen '*Riadhah Ruhhiyyah*' dilihat berdasarkan kepada nilai peratusan skor. Jadual 4.76 menunjukkan dapatan data bagi penilaian kebolegunaan elemen Hubungan dengan Diri Sendiri dalam komponen '*Riadhah Ruhhiyyah*'.

Jadual 4.76

Dapatan Data bagi Penilaian Kebolehgunaan Elemen Hubungan dengan Diri Sendiri dalam Komponen 'Riadhah Ruhhiyyah'

	Elemen Hubungan dengan Diri Sendiri	Skor Kumpulan Peserta			Jumlah Skor	Peratus	Status Penilaian
		1 (n=7)	2 (n=7)	3 (n=7)			
1.	Bersangka baik terhadap orang lain	28	34	35	97	92.4	Sesuai
2.	Berani berkata 'saya tidak tahu' terhadap persoalan yang tidak diketahui	28	31	34	93	88.6	Sesuai
3.	Menjaga lidah dari menyakiti orang lain	31	33	34	98	93.3	Sesuai
4.	Menjaga pemakanan dan kesucian makanan	31	33	34	98	93.3	Sesuai
5.	Sentiasa cuba memahami perasaan orang lain	28	32	33	93	88.6	Sesuai
6.	Sentiasa membetulkan kesilapan diri sendiri	29	32	35	96	91.4	Sesuai
7.	Tidak menyembunyikan ilmu yang diketahui	28	31	34	93	88.6	Sesuai
8.	Melakukan tugas pengajaran dengan penuh minat walaupun berhadapan dengan masalah	29	30	34	93	88.6	Sesuai
9.	Sentiasa meningkatkan pencapaian sendiri	29	31	34	94	89.5	Sesuai
10.	Mencintai profesion sepenuh hati	29	31	35	95	90.5	Sesuai

* Peratusan kebolehgunaan $\geq 70\%$

Elemen Hubungan Dengan Rakan Sejawat. Penilaian kebolehgunaan dan kesesuaian elemen Hubungan dengan Rakan Sejawat dalam komponen '*Riadhah Ruhhiyyah*' dinilai berdasarkan pandangan peserta kajian menerusi borang soal selidik yang diedarkan semasa bengkel NGT. Berpandukan soal selidik, penerimaan kebolehgunaan dan kesesuaian elemen Hubungan dengan Rakan Sejawat dalam komponen '*Riadhah Ruhhiyyah*' dilihat berdasarkan kepada nilai peratusan skor. Jadual 4.77 menunjukkan dapatan data bagi penilaian kebolehgunaan elemen Hubungan dengan Rakan Sejawat dalam komponen '*Riadhah Ruhhiyyah*'.

Jadual 4.77

Dapatan Data bagi Penilaian Kebolehgunaan Elemen Hubungan dengan Rakan Sejawat dalam Komponen 'Riadhah Ruhiyah'

	Elemen Hubungan dengan Rakan Sejawat	Skor Kumpulan Peserta			Jumlah Skor	Peratus	Status Penilaian
		1 (n=7)	2 (n=7)	3 (n=7)			
1.	Bersedia menerima idea dan cadangan dari rakan sejawat	29	32	33	94	89.5	Sesuai
2.	Menyuarakan sebarang pendapat secara berhemah	29	30	34	93	88.6	Sesuai
3.	Menjadi <i>role model</i> kepada rakan sejawat lain	28	31	33	92	87.6	Sesuai
4.	Bekerja dalam pasukan	29	34	35	98	93.3	Sesuai
5.	Terbuka menerima teguran	29	32	34	95	90.5	Sesuai
6.	Sentiasa berbincang dengan rakan sejawat lain bila menghadapi masalah	28	32	34	94	89.5	Sesuai

* Peratusan kebolehgunaan $\geq 70\%$

Elemen Hubungan Dengan Pelajar. Penilaian kebolehgunaan dan kesesuaian elemen Hubungan dengan Pelajar dalam komponen '*Riadhah Ruhiyah*' dinilai berdasarkan pandangan peserta kajian menerusi borang soal selidik yang diedarkan semasa bengkel NGT. Berpandukan soal selidik, penerimaan kebolehgunaan dan kesesuaian elemen Hubungan dengan Pelajar dalam komponen '*Riadhah Ruhiyah*' dilihat berdasarkan kepada nilai peratusan skor. Jadual 4.78 menunjukkan dapatan data bagi penilaian kebolehgunaan elemen Hubungan dengan Pelajar dalam komponen '*Riadhah Ruhiyah*'.

Jadual 4.78

Dapatan Data bagi Penilaian Kebolehgunaan Elemen Hubungan dengan Pelajar dalam Komponen 'Riadhah Ruhiyyah'

	Elemen Hubungan dengan Pelajar	Skor Kumpulan Peserta			Jumlah Skor	Peratus	Status Penilaian
		1 (n=7)	2 (n=7)	3 (n=7)			
1.	Menunjukkan contoh teladan yang baik di hadapan para pelajar	31	33	34	98	93.3	Sesuai
2.	Melayani pelajar sebagai insan yang mempunyai perasaan	28	33	33	94	89.5	Sesuai
3.	Melayan pelajar secara adil dan saksama	28	33	35	96	91.4	Sesuai
4.	Membimbing pelajar berakhlak baik	31	33	35	99	94.3	Sesuai
5.	Mengetahui latar belakang pelajar	31	30	34	95	90.5	Sesuai
6.	Mendoakan pelajar agar menjadi pelajar yang soleh dan solehah	28	34	33	95	90.5	Sesuai
7.	Mempunyai hubungan yang mesra dengan pelajar	31	33	33	97	92.4	Sesuai
8.	Memperuntukkan masa tambahan untuk membimbing pelajar	28	33	31	92	87.6	Sesuai
9.	Menganggap pelajar seperti anak sendiri	28	33	33	94	89.5	Sesuai

* Peratusan kebolehgunaan $\geq 70\%$

Elemen dalam komponen Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran.

Komponen utama seterusnya dalam Model Pembangunan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam berasaskan '*Riadhah Ruhiyyah*' adalah komponen Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran. Elemen-elemen yang terkandung di dalamnya adalah elemen Perancangan Pengajaran, elemen Pengetahuan Isi Kandungan Pengajaran, elemen Penyampaian Pengajaran dan elemen Penilaian Pengajaran.

Elemen Perancangan Pengajaran. Penilaian kebolehgunaan dan kesesuaian elemen Perancangan Pengajaran dalam komponen Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran dinilai berdasarkan pandangan peserta kajian menerusi borang soal selidik yang diedarkan semasa bengkel NGT. Berpandukan soal selidik, penerimaan

kebolehgunaan dan kesesuaian elemen Perancangan Pengajaran dalam komponen Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran dilihat berdasarkan kepada nilai peratusan skor. Jadual 4.79 menunjukkan dapatan data bagi penilaian kebolehgunaan elemen Perancangan Pengajaran dalam komponen Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran.

Jadual 4.79

Dapatan Data bagi Penilaian Kebolehgunaan Elemen Perancangan Pengajaran dalam Komponen Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran

	Elemen Perancangan Pengajaran	Skor Kumpulan Peserta			Jumlah Skor	Peratus	Status Penilaian
		1 (n=7)	2 (n=7)	3 (n=7)			
1.	Merujuk kepada sukatan pelajaran untuk menyediakan rancangan pengajaran	31	32	33	96	91.4	Sesuai
2.	Menterjemahkan objektif pengajaran kepada aktiviti pembelajaran yang sesuai	31	32	34	97	92.4	Sesuai
3.	Mengenal pasti kelemahan sedia ada pelajar	29	32	33	94	89.5	Sesuai
4.	Aktiviti pembelajaran dirancang mengikut potensi pelajar	30	33	35	98	93.3	Sesuai
5.	Aktiviti pengajaran yang disediakan menekankan aktiviti berpusatkan pelajar	29	31	34	95	89.5	Sesuai
6.	Menentukan isi pelajaran bersesuaian dengan tahap keupayaan pelajar	29	32	34	95	90.5	Sesuai
7.	Merancang aktiviti pengajaran yang menghidupkan rohani	32	31	33	96	91.4	Sesuai

* Peratusan kebolehgunaan $\geq 70\%$

Elemen Pengetahuan Isi Kandungan Pengajaran. Penilaian kebolehgunaan dan kesesuaian elemen Pengetahuan Isi Kandungan Pengajaran dalam komponen Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran dinilai berdasarkan pandangan peserta kajian menerusi borang soal selidik yang diedarkan semasa bengkel NGT. Berpandukan soal

selidik, penerimaan kebolehgunaan dan kesesuaian elemen Pengetahuan Isi Kandungan Pengajaran dalam komponen Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran dilihat berdasarkan kepada nilai peratusan skor. Jadual 4.80 menunjukkan dapatan data bagi penilaian kebolehgunaan elemen Pengetahuan Isi Kandungan Pengajaran dalam komponen Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran.

Jadual 4.80

Dapatan Data bagi Penilaian Kebolehgunaan Elemen Pengetahuan Pengajaran dalam Komponen Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran

	Elemen Pengetahuan Isi Kandungan Pengajaran	Skor Kumpulan Peserta			Jumlah Skor	Peratus	Status Penilaian
		1 (n=7)	2 (n=7)	3 (n=7)			
1.	Menguasai dengan baik sukatan mata pelajaran Pendidikan Islam yang diajar	32	31	35	98	93.3	Sesuai
2.	Menguasai dengan baik kandungan mata pelajaran Pendidikan Islam yang diajar mengikut bidang pembelajaran	31	32	35	98	93.3	Sesuai
3.	Mengaitkan pengetahuan dengan pengalaman hidup	30	32	34	96	91.4	Sesuai
4.	Mengajar mengikut takwim persekolahan yang dirancang oleh pihak sekolah	28	32	34	94	89.5	Sesuai
5.	Mengajar berpandukan Rancangan Pengajaran Tahunan yang ditetapkan dalam mesyuarat panitia	28	31	33	92	87.6	Sesuai
6.	Menguasai dan memahami bahasa Arab dengan baik	28	33	35	96	91.4	Sesuai
7.	Mampu memahami kandungan mata pelajaran lain	28	33	33	94	89.5	Sesuai

* Peratusan kebolehgunaan $\geq 70\%$

Elemen Penyampaian Pengajaran. Penilaian kebolehgunaan dan kesesuaian elemen Penyampaian Pengajaran dalam komponen Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran dinilai berdasarkan pandangan peserta kajian menerusi borang soal selidik

yang diedarkan semasa bengkel NGT. Berpandukan soal selidik, penerimaan kebolegunaan dan kesesuaian elemen Penyampaian Pengajaran dalam komponen Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran dilihat berdasarkan kepada nilai peratusan skor. Jadual 4.81 menunjukkan dapatan data bagi penilaian kebolegunaan elemen Penyampaian Pengajaran dalam komponen Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran.

Jadual 4.81

Dapatan Data bagi Penilaian Kebolegunaan Elemen Penyampaian Pengajaran dalam Komponen Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran

	Elemen Penyampaian Pengajaran	Skor Kumpulan Peserta			Jumlah Skor	Peratus	Status Penilaian
		1 (n=7)	2 (n=7)	3 (n=7)			
1.	Menerapkan unsur kerohanian dalam pengajaran	31	33	33	97	92.4	Sesuai
2.	Mengaitkan pengajaran dengan ciptaan Allah s.w.t yang terdapat di sekeliling	31	33	33	97	92.4	Sesuai
3.	Mempelbagaikan kaedah pengajaran untuk menarik minat pelajar	31	32	34	97	92.4	Sesuai
4.	Menggabungkan pengajaran dengan amalan seharian pelajar	32	33	33	98	93.3	Sesuai
5.	Menegaskan kawalan disiplin semasa pengajaran sedang dijalankan	30	32	34	96	91.4	Sesuai
6.	Mempelbagaikan bahan bantu mengajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran	31	32	33	96	91.4	Sesuai
7.	Menekankan peningkatan murid dalam kemahiran tertentu seperti kemahiran berfikir	30	32	33	95	90.5	Sesuai
8.	Menggabungkan pengajaran Pendidikan Islam dengan mata pelajaran lain	31	32	33	96	91.4	Sesuai
9.	Melibatkan pelajar dengan aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran	30	32	35	97	92.4	Sesuai

Jadual 4.81
Sambungan.

	Elemen Penyampaian Pengajaran	Skor Kumpulan Peserta			Jumlah Skor	Peratus	Status Penilaian
		1 (n=7)	2 (n=7)	3 (n=7)			
10.	Menyelesaikan masalah secara kritis berpandukan al-Quran dan hadis	30	33	34	97	92.4	Sesuai
11.	Menekankan tahap penguasaan pelajar	28	31	34	93	88.6	Sesuai
12.	Menyampaikan idea dengan jelas	28	33	34	95	90.5	Sesuai
13.	Teknik penyampaian berbeza digunakan untuk merangsang minat pelajar	28	33	34	95	90.5	Sesuai
14.	Menonjolkan idea penting di akhir pengajaran	29	33	34	96	91.4	Sesuai
15.	Merangsang pelajar untuk menunjukkan kebolehan dalam bidang tertentu	28	33	34	95	90.5	Sesuai
16.	Merangsang pelajar yang kurang aktif untuk memberi respon	28	33	35	96	91.4	Sesuai
17.	Menggunakan masa semaksimum mungkin untuk mendidik pelajar	29	32	35	96	91.4	Sesuai
18.	Menekankan kaedah pengajaran yang boleh meningkatkan rasa kecintaan kepada Allah s.w.t dan Rasul	32	32	35	99	94.3	Sesuai
19.	Menekankan adab seorang guru ketika mengajar	32	33	35	100	95.2	Sesuai
20.	Menekankan adab belajar kepada pelajar	32	34	33	99	94.3	Sesuai

* Peratusan kebolegunaan $\geq 70\%$

Elemen Penilaian Pengajaran. Penilaian kebolegunaan dan kesesuaian elemen Penilaian Pengajaran dalam komponen Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran dinilai berdasarkan pandangan peserta kajian menerusi borang soal selidik yang diedarkan semasa bengkel NGT. Berpandukan soal selidik, penerimaan kebolegunaan dan kesesuaian elemen Penilaian Pengajaran dalam komponen Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran dilihat berdasarkan kepada nilai peratusan skor. Jadual 4.82 menunjukkan

dapatan data bagi penilaian kebolegunaan elemen Penilaian Pengajaran dalam komponen Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran.

Jadual 4.82

Dapatan Data bagi Penilaian Kebolegunaan Elemen Penilaian Pengajaran dalam Komponen Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran

	Elemen Penilaian Pengajaran	Skor Kumpulan Peserta			Jumlah Skor	Peratus	Status Penilaian
		1 (n=7)	2 (n=7)	3 (n=7)			
1.	Menggunakan rekod prestasi untuk merekod pencapaian pelajar	31	31	34	96	91.4	Sesuai
2.	Hasil kerja pelajar diperiksa untuk mengesan kelemahan	30	32	34	96	91.4	Sesuai
3.	Memaklumkan prestasi pelajar kepada ibu bapa pelajar	32	32	33	97	92.4	Sesuai
4.	Mempunyai maklumat berkaitan tahap pencapaian pelajar	30	32	34	96	91.4	Sesuai
5.	Menggunakan data pencapaian akademik pelajar untuk melaksanakan penambahbaikan proses pengajaran dan pembelajaran	28	34	33	95	90.5	Sesuai
6.	Menilai pelajar secara menyeluruh (aspek spritual, kognitif, psikomotor dan sikap)	29	34	33	96	91.4	Sesuai
7.	Mengenal pasti kekuatan pelajar dalam Pendidikan Islam	28	34	35	97	92.4	Sesuai
8.	Mengenal pasti kelemahan pelajar dalam Pendidikan Islam	28	34	35	97	92.4	Sesuai
9.	Memaklumkan kemajuan prestasi pelajar kepada pelajar	28	33	34	95	90.5	Sesuai
10.	Mempelbagaikan alat pengukuran untuk menilai pencapaian pelajar dalam kelas	28	34	33	95	90.5	Sesuai
11.	Penilaian dilaksanakan secara berterusan	28	34	33	95	90.5	Sesuai

* Peratusan kebolegunaan $\geq 70\%$

Elemen dalam komponen Aspek-aspek Profesionalisme. Elemen dalam komponen Aspek-aspek Profesionalisme adalah elemen Pengetahuan Profesionalisme, elemen Usaha-usaha Meningkatkan Profesionalisme dan elemen Ganjaran Bukan Kewangan.

Elemen Pengetahuan Profesionalisme. Penilaian kebolehgunaan dan kesesuaian elemen Pengetahuan Profesionalisme dalam komponen Aspek-aspek Profesionalisme dinilai berdasarkan pandangan peserta kajian menerusi borang soal selidik yang diedarkan semasa bengkel NGT. Berpandukan soal selidik, penerimaan kebolehgunaan dan kesesuaian elemen Pengetahuan Profesionalisme dalam komponen Aspek-aspek Profesionalisme dilihat berdasarkan kepada nilai peratusan skor. Jadual 4.83 menunjukkan dapatan data bagi penilaian kebolehgunaan elemen Pengetahuan Profesionalisme dalam komponen Aspek-aspek Profesionalisme.

Jadual 4.83

Dapatan Data bagi Penilaian Kebolehgunaan Elemen Pengetahuan Profesionalisme dalam Komponen Aspek-aspek Profesionalisme

	Elemen Pengetahuan Profesionalisme	Skor Kumpulan Peserta			Jumlah Skor	Peratus	Status Penilaian
		1 (n=7)	2 (n=7)	3 (n=7)			
1.	Aplikasi ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran	30	31	31	92	87.6	Sesuai
2.	Kursus membangun sahsiah cemerlang	29	32	33	94	89.5	Sesuai
3.	Program perkongsian ilmu dalam bidang pengkhususan	29	32	34	95	90.5	Sesuai
4.	Perkongsian amalan terbaik pedagogi peringkat global.	29	32	34	95	90.5	Sesuai
5.	Analisis item untuk proses penilaian	29	31	32	92	87.6	Sesuai
6.	Kursus pengurusan panitia melibatkan <i>head count</i>	30	32	32	94	89.5	Sesuai
7.	Kursus kepimpinan berkesan	30	33	32	95	90.5	Sesuai

Jadual 4.83
Sambungan.

	Elemen Pengetahuan Profesionalisme	Skor Kumpulan Peserta			Jumlah Skor	Peratus	Status Penilaian
		1 (n=7)	2 (n=7)	3 (n=7)			
8.	Kursus kepimpinan pengajaran	29	33	33	95	90.5	Sesuai
9.	Kursus kepimpinan Islam	29	33	33	95	90.5	Sesuai
10.	Kursus pengurusan tingkahlaku dalam kurikulum	29	33	32	94	89.5	Sesuai
11.	Kursus peningkatan integriti	29	34	34	97	92.4	Sesuai
12.	Kursus aplikasi pedagogi terkini mengikut pencapaian pelajar	29	32	34	95	90.5	Sesuai
13.	Pembinaan item untuk proses penilaian	29	33	33	95	90.5	Sesuai
14.	Kursus pengurusan panitia melibatkan pelan strategik	30	33	33	96	91.4	Sesuai
15.	Kursus kajian tindakan	29	32	32	93	88.6	Sesuai
16.	Kursus komunikasi berkesan	30	33	34	97	92.4	Sesuai
17.	Kursus pengucapan awam	29	31	32	92	87.6	Sesuai
18.	Kursus pembelajaran berasaskan projek	29	31	31	91	86.7	Sesuai
19.	Kursus strategi pemulihan masalah pembelajaran	29	33	32	94	89.5	Sesuai
20.	Kursus analisis data	29	30	32	91	86.7	Sesuai
21.	Kursus pengurusan perubahan	29	31	32	92	87.6	Sesuai
22.	Kursus pengurusan tekanan	29	33	31	93	88.6	Sesuai
23.	Kursus pengurusan krisis	29	33	31	93	88.6	Sesuai
24.	Kursus kaedah penulisan ilmiah	29	33	32	94	89.5	Sesuai
25.	Kursus perundangan dalam konteks pendidikan.	29	31	33	93	88.6	Sesuai
26.	Kursus asas kewangan	29	33	31	93	88.6	Sesuai
27.	Kursus protokol dan etiket Islam.	29	32	33	94	89.5	Sesuai

* Peratusan kebolegunaan $\geq 70\%$

Elemen Usaha-Usaha Meningkatkan Profesionalisme. Penilaian kebolegunaan dan kesesuaian elemen Usaha-usaha Meningkatkan Profesionalisme dalam komponen

Aspek-aspek Profesionalisme dinilai berdasarkan pandangan peserta kajian menerusi borang soal selidik yang diedarkan semasa bengkel NGT. Berpandukan soal selidik, penerimaan kebolegunaan dan kesesuaian elemen Usaha-Usaha Meningkatkan Profesionalisme dalam komponen Aspek-aspek Profesionalisme dilihat berdasarkan kepada nilai peratusan skor. Jadual 4.84 menunjukkan dapatan data bagi penilaian kebolegunaan elemen Usaha-Usaha Meningkatkan Profesionalisme dalam komponen Aspek-aspek Profesionalisme.

Jadual 4.84

Dapatan Data bagi Penilaian Kebolegunaan Elemen Usaha-Usaha Meningkatkan Profesionalisme dalam Komponen Aspek-aspek Profesionalisme

	Elemen Usaha-usaha Meningkatkan Profesionalisme	Skor Kumpulan Peserta			Jumlah Skor	Peratus	Status Penilaian
		1 (n=7)	2 (n=7)	3 (n=7)			
1.	Mengikuti isu terkini berkaitan Pendidikan Islam	29	34	33	96	91.4	Sesuai
2.	Melaksanakan refleksi untuk melaksanakan penambahbaikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran	28	34	33	95	90.5	Sesuai
3.	Menambahbaik strategi mengajar supaya pengajaran lebih berkesan.	30	33	35	98	93.3	Sesuai
4.	Menghadiri kursus dalam perkhidmatan untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran	28	34	34	96	91.4	Sesuai
5.	Membaca artikel profesional untuk meningkatkan pengetahuan dalam pengajaran	28	33	34	95	90.5	Sesuai
6.	Mempelajari lebih banyak perkara mengenai strategi pengajaran.	29	33	33	95	90.5	Sesuai
7.	Menghasilkan penulisan ilmiah berkaitan Pendidikan Islam	29	32	34	95	90.5	Sesuai

Jadual 4.84
Sambungan.

	Elemen Usaha-usaha Meningkatkan Profesionalisme	Skor Kumpulan Peserta			Jumlah Skor	Peratus	Status Penilaian
		1 (n=7)	2 (n=7)	3 (n=7)			
8.	Meluangkan masa menyediakan bahan pengajaran	38	32	33	93	88.6	Sesuai
9.	Menyedari isu-isu semasa berkaitan ancaman terhadap umat Islam masa kini	28	32	33	93	88.6	Sesuai

* Peratusan kebolegunaan $\geq 70\%$

Elemen Ganjaran Bukan Kewangan. Penilaian kebolegunaan dan kesesuaian elemen Ganjaran Bukan Kewangan dalam komponen Aspek-aspek Profesionalisme dinilai berdasarkan pandangan peserta kajian menerusi borang soal selidik yang diedarkan semasa bengkel NGT. Berpandukan soal selidik, penerimaan kebolegunaan dan kesesuaian elemen Ganjaran Bukan Kewangan dalam komponen Aspek-aspek Profesionalisme dilihat berdasarkan kepada nilai peratusan skor. Jadual 4.85 menunjukkan dapatan data bagi penilaian kebolegunaan elemen Ganjaran Bukan Kewangan dalam komponen Aspek-aspek Profesionalisme.

Jadual 4.85
Dapatan Data bagi Penilaian Kebolegunaan Elemen Ganjaran Bukan Kewangan dalam Komponen Aspek-aspek Profesionalisme

	Elemen Ganjaran Bukan Kewangan	Skor Kumpulan Peserta			Jumlah Skor	Peratus	Status Penilaian
		1 (n=7)	2 (n=7)	3 (n=7)			
1.	Penghargaan pihak atasan terhadap status sebagai guru	29	31	34	94	89.5	Sesuai
2.	Peluang untuk peningkatan kerjaya seperti kenaikan pangkat	29	32	31	92	87.6	Sesuai
3.	Peluang untuk perkembangan profesionalisme seperti menghadiri kursus	29	32	34	95	90.5	Sesuai
4.	Sumbangan kepada pembangunan negara	29	31	33	93	88.6	Sesuai
5.	Masa bersama keluarga	30	32	33	95	90.5	Sesuai

Jadual 4.85
Sambungan.

	Elemen Ganjaran Bukan Kewangan	Skor Kumpulan Peserta			Jumlah Skor	Peratus	Status Penilaian
		1 (n=7)	2 (n=7)	3 (n=7)			
6.	Penghargaan pihak atasan terhadap status sebagai staf	29	32	32	93	88.6	Sesuai
7.	Penghargaan masyarakat terhadap status sebagai guru	29	34	32	95	90.5	Sesuai
8.	Penghargaan pelajar terhadap status sebagai guru	29	34	32	95	90.5	Sesuai

* Peratusan kebolegunaan $\geq 70\%$

Rumusan Keseluruhan Dapatan Fasa Kebolegunaan Model. Penilaian kebolegunaan dan kesesuaian Keseluruhan Kebolegunaan Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan '*Riadhah Ruhiyyah*' dinilai berdasarkan pandangan peserta kajian menerusi borang soal selidik yang diedarkan semasa bengkel NGT. Berpandukan soal selidik, penerimaan kebolegunaan dan kesesuaian Keseluruhan Kebolegunaan Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan '*Riadhah Ruhiyyah*' dilihat berdasarkan kepada nilai peratusan skor.

Jadual 4.86 menunjukkan dapatan data bagi penilaian kebolegunaan Keseluruhan Kebolegunaan Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berpandukan '*Riadhah Ruhiyyah*'.

Jadual 4.86

Dapatan Data bagi Penilaian Kebolegunaan Keseluruhan Kebolegunaan Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan 'Riadhah Ruhiyyah'

Keseluruhan Kebolegunaan Model	Skor Kumpulan Peserta			Jumlah Skor	Peratus	Status Penilaian
	1 (n=7)	2 (n=7)	3 (n=7)			
1. Model ini amat praktikal dalam membangunkan profesionalisme GPI berasaskan 'Riadhah Ruhiyyah'.	29	32	35	96	91.4	Sesuai
2. Model ini berupaya menjadi panduan kepada GPI dalam membangunkan profesionalisme GPI berasaskan 'Riadhah Ruhiyyah'.	29	34	35	98	93.3	Sesuai
3. Model ini menunjukkan secara jelas kepada GPI tentang keperluan membangunkan profesionalisme GPI berasaskan 'Riadhah Ruhiyyah' dalam diri GPI.	29	34	34	97	92.4	Sesuai
4. Model ini menunjukkan secara jelas kepada GPI tentang ciri-ciri GPI profesional berasaskan 'Riadhah Ruhiyyah'.	29	34	35	98	93.3	Sesuai

* Peratusan kebolegunaan $\geq 70\%$

Hasil dari dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kesemua peratusan elemen yang dinilai adalah berada pada tahap sesuai digunakan iaitu melebihi daripada 70% seperti yang telah disyaratkan berdasarkan kajian lepas (Deslandes et al., 2010, Dobbie et al., 2004). Maka, kesimpulan dan rumusan yang dapat dilakukan oleh pengkaji adalah semua peserta kajian bersetuju bahawa kesemua komponen utama, elemen di dalam komponen utama dan kandungan bagi setiap elemen dalam Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam berasaskan 'Riadhah Ruhiyyah' yang dibangunkan adalah mencapai status boleh digunakan berdasarkan pandangan peserta kajian.

BAB 5

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Pendahuluan

Bab ini mengupas mengenai ringkasan kajian serta perbincangan dapatan kajian iaitu dapatan analisis keperluan, dapatan analisis kandungan, dapatan teknik *Fuzzy Delphi* dan dapatan teknik NGT.

Ringkasan Kajian

Kajian ini adalah satu kajian bagi membangunkan Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan '*Riadhah Ruhhiyyah*'. Ia dijalankan dalam 3 fasa iaitu fasa analisis keperluan (Fasa I), fasa analisis kandungan (Fasa II (A)), fasa pembangunan model (Fasa II (B)) dan fasa kebolegunaan model.

Fasa I kajian iaitu fasa analisis keperluan dijalankan dengan mengedarkan soal selidik kepada GPI dengan objektif untuk melihat keperluan profesionalisme GPI. Borang soal selidik terdiri dari 8 soalan yang berkaitan dengan profil responden dan 122 item berhubung aspek-aspek yang ingin dikaji oleh pengkaji. Item dibangunkan berpandukan tinjauan kajian-kajian lepas.

Fasa II (A) kajian iaitu fasa analisis kandungan dilakukan dengan objektif untuk meneroka tentang ciri-ciri guru profesional dalam bab kelima kitab *Ihya' Ulum al-Din* karangan Imam al-Ghazali. Tujuannya adalah bagi membantu pengkaji mendapatkan gambaran menyeluruh tentang aspek ciri-ciri guru profesional.

Fasa II (B) kajian merujuk kepada fasa pembangunan model yang dijalankan dengan menggunakan teknik *Fuzzy Delphi Method* (FDM). Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan '*Riadhah Ruhhiyyah*' dibangunkan menerusi dapatan Fasa I dan Fasa II (A) kajian dengan menggunakan teknik FDM yang dilakukan bersama 15 orang pakar. Objektif fasa ini adalah untuk mendapatkan konsensus pakar

tentang kandungan model yang dibina serta menetapkan susunan item mengikut keutamaan di dalam model tersebut.

Fasa III atau fasa akhir kajian ini adalah fasa kebolegunaan model untuk menilai Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan '*Riadhah Ruhhiyyah*' yang berjaya dibangunkan dalam Fasa II (B) kajian. Teknik *Nominal Group Technique* (NGT) digunakan untuk menilai kebolegunaan model yang terhasil oleh seramai 21 orang GPI yang bertindak sebagai peserta kajian.

Ringkasnya, kajian ini secara keseluruhannya membincangkan mengenai keperluan profesion para GPI dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai seorang guru. Keperluan tersebut merujuk kepada ciri-ciri profesional dalam aspek '*Riadhah Ruhhiyyah*', kemahiran pengajaran dan pembelajaran serta aspek-aspek profesionalisme. Kupasan mendalam terhadap keperluan dan ciri-ciri guru profesional telah menghasilkan satu model penting iaitu Model Pembangunan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan '*Riadhah Ruhhiyyah*' yang seterusnya diuji kebolegunaannya oleh para GPI sendiri.

Perbincangan Dapatan Kajian

Perbincangan dapatan kajian dibahagikan kepada 4 bahagian utama berasaskan kepada 4 objektif kajian yang ditetapkan.

Dapatan Fasa I : Fasa Analisis Keperluan (Keperluan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam).

Fasa analisis keperluan bertujuan untuk melihat keperluan profesionalisme GPI dalam aspek '*Riadhah Ruhhiyyah*', aspek kemahiran pengajaran dan pembelajaran dan aspek-aspek profesionalisme.

Aspek 'Riadhah Ruhhiyyah'. Kajian mengenai keperluan GPI terhadap aspek-aspek '*Riadhah Ruhhiyyah*' [A. Hubungan dengan Allah s.w.t] merangkumi amalan

‘menunaikan solat sunat setiap hari’, ‘solat berjemaah setiap waktu’, ‘solat pada awal waktu’, ‘puasa sunat setiap minggu’, ‘menunaikan Qiyamullail setiap malam’ dan ‘sentiasa berzikir’ adalah tinggi. Secara keseluruhan, analisis dapatan menunjukkan keperluan GPI terhadap aspek ‘*Riadhah Ruhhiyyah*’ dalam konteks hubungan dengan Allah s.w.t adalah tinggi dengan skor min 4.6443 dan sisihan piawai 0.45135 (Jadual 4.3).

Dalam aspek-aspek ‘*Riadhah Ruhhiyyah*’ seterusnya [B. Hubungan dengan diri sendiri], item-item yang dibincangkan merujuk kepada amalan yang berhubung terus dengan diri sendiri tanpa melibatkan orang lain atau tidak disedari secara langsung oleh orang lain seperti ‘menjaga lidah dari menyakiti hati orang lain’, ‘sentiasa cuba memahami perasaan orang lain’, ‘bersangka baik terhadap orang lain’, ‘sentiasa membetulkan kesilapan diri sendiri’, ‘berani berkata tidak tahu terhadap persoalan yang tidak diketahui’, ‘tidak menyembunyikan ilmu yang diketahui’ dan ‘melakukan tugas pengajaran dengan penuh minat walaupun berhadapan masalah’. Keperluan GPI terhadap aspek ‘*Riadhah Ruhhiyyah*’ dalam konteks hubungan dengan diri sendiri adalah tinggi kerana analisis deskriptif menunjukkan keperluan profesionalisme GPI berasaskan ‘*Riadhah Ruhhiyyah*’ dalam aspek tersebut adalah bersamaan dengan nilai skor min sebanyak 4.7349 dengan nilai sisihan piawai 0.30756 (Jadual 4.5).

Setiap item yang diutarakan dalam aspek-aspek ‘*Riadhah Ruhhiyyah*’ [C. Hubungan dengan rakan sejawat] pula adalah menyentuh mengenai beberapa amalan yang berkaitan dengan hubungan dengan rakan sejawat. Antaranya adalah aspek ‘bekerja dalam pasukan’, ‘terbuka menerima teguran’, ‘sentiasa berbincang dengan rakan sejawat lain apabila menghadapi masalah’, ‘menyuarakan sebarang pendapat secara berhemah’, ‘menjadi *role model* kepada rakan sejawat lain’ serta ‘bersedia menerima idea dan cadangan dari rakan sejawat’. Analisis deskriptif menunjukkan keperluan profesionalisme GPI berasaskan ‘*Riadhah Ruhhiyyah*’ dari aspek ‘Hubungan

dengan Rakan Sejawat' tersebut adalah tinggi dengan skor min 4.6342 dan sisihan piawai 0.38040 (Jadual 4.7).

Manakala dalam aspek-aspek *Riadhah Ruhiyyah* [D. Hubungan dengan pelajar], keperluan GPI dilihat dalam aspek 'membimbing pelajar ke arah mengamalkan akhlak yang baik', 'menunjukkan contoh teladan yang baik di hadapan para pelajar', 'mengetahui latar belakang pelajar', 'melayani pelajar sebagai insan yang mempunyai perasaan', 'melayan pelajar secara adil dan saksama', 'mempunyai hubungan yang mesra dengan pelajar', 'memperuntukkan masa tambahan untuk membimbing pelajar' dan 'mengingati pelajar dalam setiap doa'. Analisis deskriptif menunjukkan keperluan profesionalisme GPI berasaskan '*Riadhah Ruhiyyah*' dari aspek 'Hubungan dengan Pelajar' adalah tinggi dengan nilai skor min sebanyak 4.5871 dan sisihan piawai 0.34391 (Jadual 4.9).

Aspek Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran. Dalam aspek-aspek Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran [A. Perancangan Pengajaran], item-item yang diutarakan kepada GPI adalah merujuk kepada 'sukatan pelajaran untuk menyediakan rancangan pengajaran', 'mengenal pasti kelemahan sedia ada pelajar', 'menterjemahkan objektif pengajaran kepada aktiviti pembelajaran yang sesuai', 'menentukan isi pelajaran bersesuaian dengan tahap keupayaan pelajar', 'aktiviti pembelajaran dirancang mengikut potensi pelajar' serta 'aktiviti pengajaran yang disediakan menekankan aktiviti berpusatkan pelajar'. Analisis deskriptif menunjukkan keperluan profesionalisme GPI dalam kemahiran pengajaran dan pembelajaran dari aspek 'Perancangan Pengajaran' adalah tinggi dengan nilai skor min sebanyak 4.5372 dan sisihan piawai 0.41273 (Jadual 4.12).

Aspek Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran [B. Pengetahuan Isi Kandungan Pengajaran] merangkumi aspek 'menguasai dengan baik kandungan mata pelajaran Pendidikan Islam yang diajar mengikut bidang pembelajaran', 'menguasai dengan baik

sukatan mata pelajaran Pendidikan Islam yang diajar’, ‘mengajar berpandukan Rancangan Pengajaran Tahunan yang ditetapkan oleh Ketua Panitia’, ‘mengajar mengikut takwim persekolahan yang dirancang oleh pihak sekolah’ dan ‘mengaitkan pengetahuan dengan pengalaman hidup’. Analisis deskriptif menunjukkan keperluan profesionalisme GPI dalam kemahiran pengajaran dan pembelajaran dari aspek ‘Pengetahuan Isi Kandungan Pengajaran’ adalah tinggi dengan skor min 0.46607 dan sisihan piawai 0.35197 (Jadual 4.13).

Elemen seterusnya dalam aspek Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran adalah [C. Penyampaian Pengajaran]. Ia termasuklah ‘mengaitkan pengajaran dengan ciptaan Allah s.w.t yang terdapat di sekeliling’, ‘menerapkan unsur kerohanian dalam pengajaran’, ‘menyelesaikan masalah secara kritis berpandukan al-Quran dan hadis’, ‘menegaskan kawalan disiplin semasa pengajaran sedang dijalankan’, ‘mempelbagaikan kaedah pengajaran untuk menarik minat pelajar’, ‘menekankan tahap kemahiran murid’, ‘menekankan peningkatan pelajar dalam kemahiran tertentu seperti kemahiran berfikir’, ‘menggabungkan pengajaran dengan amalan seharian pelajar’, ‘memberi peluang kepada pelajar untuk menonjolkan kebolehan dalam bidang tertentu’, ‘menonjolkan idea penting di akhir pengajaran’, ‘teknik penyampaian yang berbeza digunakan untuk merangsang minat pelajar’, ‘menggabungkan pengajaran Pendidikan Islam dengan mata pelajaran lain’, ‘melibatkan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara aktif’, ‘menggunakan masa semaksimum mungkin untuk mengajar’, ‘hubungkait antara idea yang diterangkan disampaikan dengan jelas’, ‘mempelbagaikan bahan dan alat bantu mengajar’, ‘memaklumkan kemajuan prestasi pelajar kepada ibu bapa pelajar’ serta ‘meminta pelajar yang kurang aktif menjawab soalan’. Analisis deskriptif menunjukkan keperluan profesionalisme GPI dalam kemahiran pengajaran dan pembelajaran dari aspek ‘Penyampaian Pengajaran’ adalah tinggi dengan skor min 0.45567 dan sisihan piawai 0.36102 (Jadual 4.16).

Dalam aspek-aspek Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran [D. Penilaian Pengajaran], item-item yang diuji adalah ‘hasil kerja pelajar diperiksa untuk mengesan kelemahan pelajar’, ‘mengenal pasti kelemahan pelajar dalam subjek Pendidikan Islam’, ‘mengenal pasti kekuatan pelajar dalam subjek Pendidikan Islam’, ‘mempunyai maklumat berkaitan tahap pencapaian pelajar’, ‘penilaian berbentuk ujian dilaksanakan secara berterusan’, ‘menggunakan data pencapaian akademik pelajar untuk melaksanakan penambahbaikan khususnya ke atas proses pengajaran dan pembelajaran’, ‘menggunakan rekod prestasi untuk merekod pencapaian pelajar’, ‘menilai pelajar secara menyeluruh yang melibatkan aspek kognitif, psikomotor dan sikap’, ‘memaklumkan kemajuan prestasi pelajar kepada pelajar’, ‘memaklumkan kemajuan prestasi pelajar kepada ibu bapa pelajar’ serta ‘mempelbagaikan alat pengukuran untuk menilai pencapaian pelajar dalam kelas’. Analisis deskriptif menunjukkan keperluan profesionalisme GPI dalam kemahiran pengajaran dan pembelajaran dari aspek ‘Penilaian Pengajaran’ adalah tinggi dengan nilai skor min 4.4893 dan sisihan piawai 0.40473 (Jadual 4.18).

Aspek-aspek Profesionalisme. Dalam aspek-aspek profesionalisme [A. Pengetahuan Profesionalisme]), item-item yang diuji adalah ‘program perkongsian ilmu dalam bidang pengkhususan’, ‘kursus pedagogi berkesan bagi guru’, ‘pembinaan item untuk proses penilaian’, ‘kursus kepimpinan Islam’, ‘kursus membangun sahsiah cemerlang’, ‘kursus strategi pemulihan masalah pembelajaran’, ‘kursus pengurusan panitia melibatkan *head count*’, ‘kursus aplikasi pedagogi terkini mengikut kecerdasan pelajar’, ‘kursus kepimpinan pengajaran’, ‘kursus pengurusan panitia melibatkan pelan strategik’, ‘kursus komunikasi berkesan’, ‘aplikasi ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran’, ‘analisis item untuk proses penilaian’, ‘kursus kepimpinan berkesan’, ‘perkongsian ilmu amalan terbaik pedagogi pendidikan peringkat antarabangsa’, ‘kursus pengurusan tingkahlaku dalam kurikulum’, ‘kursus peningkatan integriti’, ‘kursus

pembelajaran berasaskan projek’, ‘kursus pengucapan awam’, ‘kursus pengurusan tekanan’, ‘kursus analisis data’, ‘kursus kajian tindakan’, ‘kursus pengurusan krisis’, ‘kursus kaedah penulisan ilmiah’, ‘kursus protokol dan etiket’, ‘kursus pengurusan perubahan’, ‘kursus asas kewangan’, ‘kursus perundangan’ dan ‘kursus kemahiran menaip’. Analisis deskriptif menunjukkan keperluan profesionalisme GPI dalam aspek-aspek profesionalisme dari aspek ‘Pengetahuan Profesionalisme’ adalah tinggi dengan nilai skor min adalah sebanyak 4.1583 dan sisihan piawai 0.49184 (Jadual 4.21).

Dalam aspek-aspek profesionalisme [B. Usaha-usaha Meningkatkan Profesionalisme]), item-item yang diuji adalah ‘mengikuti isu terkini berkaitan Pendidikan Islam’, ‘melaksanakan amalan refleksi (muhasabah) untuk menambahbaik proses pengajaran dan pembelajaran’, ‘menambahbaik kaedah mengajar supaya pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan’, ‘mempelajari lebih banyak perkara mengenai kaedah mengajar’, ‘menghadiri kursus dalam perkhidmatan untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran’, ‘membaca artikel profesional untuk meningkatkan pengetahuan dalam pengajaran’, ‘meluangkan banyak masa untuk menyediakan bahan pengajaran walaupun mengehadkan masa untuk aktiviti lain’ dan ‘menghasilkan penulisan ilmiah berkaitan Pendidikan Islam’. Analisis deskriptif menunjukkan keperluan profesionalisme GPI dalam aspek-aspek profesionalisme dari aspek ‘Usaha-usaha Meningkatkan Profesionalisme’ adalah tinggi dengan nilai skor min sebanyak 4.3870 dan sisihan piawai 0.42860 (Jadual 4.23).

Dalam aspek-aspek profesionalisme [C. Ganjaran Bukan Kewangan]), item-item yang diuji adalah ‘masa untuk bersama keluarga’, sumbangan kepada pembangunan negara’, ‘peluang untuk perkembangan profesionalisme seperti menghadiri kursus’, ‘peluang untuk peningkatan kerjaya seperti kenaikan pangkat’, ‘penghargaan pihak atasan terhadap status sebagai guru’, ‘penghargaan pihak atasan terhadap status sebagai staf’, ‘penghargaan masyarakat terhadap status sebagai guru’ dan ‘penghargaan pelajar

terhadap status sebagai guru'. Analisis deskriptif menunjukkan keperluan profesionalisme GPI dalam aspek-aspek profesionalisme dari aspek 'Ganjaran Bukan Kewangan' adalah tinggi dengan nilai skor min sebanyak 4.2505 dan sisihan piawai 0.51072 (Jadual 4.25).

Secara keseluruhan, dapatan fasa analisis keperluan menunjukkan nilai min keseluruhan keperluan profesionalisme GPI dalam pembangunan profesionalisme guru Pendidikan Islam berasaskan '*Riadhah Ruhiyyah*' dalam aspek '*Riadhah Ruhiyyah*' itu sendiri, kemahiran pengajaran dan pembelajaran serta aspek-aspek profesionalisme adalah tinggi dengan nilai min sebanyak 4.492 (Jadual 4.28).

Perbincangan Dapatan Fasa II (A) : Fasa Analisis Kandungan (Ciri-ciri Guru Pendidikan Islam Profesional menurut Imam al-Ghazali).

Fasa II (A) kajian iaitu fasa analisis kandungan dilakukan dengan objektif untuk meneroka tentang ciri-ciri guru profesional dalam bab kelima kitab *Ihya' Ulum al-Din* bagi membantu pengkaji mendapatkan gambaran menyeluruh tentang aspek ciri-ciri guru profesional. Terdapat beberapa perkara yang ditekankan oleh al-Ghazali (t.t) dalam kitab beliau tersebut.

Antaranya adalah guru perlu bersikap belas kasihan terhadap pelajar, menganggap pelajar seperti anak sendiri dan perlu banyak berdiplomasi untuk menyentuh hati pelajar. Para guru tidak seharusnya merasa telah berbudi kepada pelajar sebaliknya guru perlu beranggapan bahawa dirinya telah melakukan amalan yang baik kerana melatih dan mendidik jiwa pelajar agar sentiasa dekat dengan Allah s.w.t. Al-Ghazali turut menegaskan betapa pelajar perlu dibimbing melakukan perkara yang betul dengan menetapkan matlamat bahawa tujuan belajar menuntut ilmu adalah memperoleh keredhaan Allah s.w.t. agar mereka tidak sesat dan lalai di samping mengajar ilmu akhirat dan ilmu duniawi kepada pelajar untuk tujuan akhirat. Guru juga tidak seharusnya merendah-rendahkan mata pelajaran lain yang tidak diajar di hadapan

pelajar kerana guru perlu membuka jalan seluasnya kepada pelajar untuk mempelajari mata pelajaran lain.

Selain itu, kemajuan pelajar perlu sentiasa dipantau mengikut peringkat kerana aspek kebolehan setiap pelajar adalah tidak sama. Seterusnya, guru perlu mengajar mengikut pemahaman pelajar dan tidak mengajar sesuatu yang belum sampai kepada pemahaman pelajar. Bagi pelajar yang kurang faham, guru seharusnya memberi pelajaran yang jelas untuk memastikan keberkesanan pembelajaran.

Guru juga perlu mengikut jejak para rasul yang tidak menerima upah atau balasan dan mengajar hanya kerana Allah s.w.t yang Maha Agung untuk mendekatkan diri kepadaNya. Apa yang paling penting adalah para guru hendaklah sentiasa beramal dengan ilmu yang mereka sampaikan.

Hasil dari bacaan dan pemahaman awal teks tersebut, pengkaji telah melakukan bacaan semula untuk menganalisis dan melakukan pengkategorian. Dapatan pengkaji menghasilkan dua kategori utama iaitu 'Ciri-ciri Guru Profesional' dan 'Kategori *'Riadhah Ruhiyyah'* (Jadual 4.29). Berpandukan literatur, kategori *'Riadhah Ruhiyyah'* tersebut dipecahkan kepada empat sub kategori iaitu 'Hubungan dengan Allah s.w.t', 'Hubungan dengan diri sendiri', 'Hubungan dengan rakan sejawat' dan 'Hubungan dengan rakan' manakala kategori 'Ciri-ciri Guru Profesional' dipecahkan kepada dua sub kategori iaitu 'Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran' dan 'Aspek-aspek Profesionalisme'.

Kategori 'Ciri-ciri Guru Profesional' yang dipecahkan kepada sub kategori 'Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran' dan kategori 'Aspek-aspek Profesionalisme' dipecahkan lagi kepada beberapa sub kategori. Manakala di bawah sub kategori 'Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran', ia dipecahkan kepada empat sub kategori 'Perancangan Pengajaran', 'Pengetahuan Isi Kandungan Pengajaran', 'Penyampaian Pengajaran' dan 'Penilaian Pengajaran' dan di bawah sub kategori 'Aspek-aspek

Profesionalisme’, ia dipecahkan kepada tiga sub kategori iaitu ‘Pengetahuan Profesionalisme’, ‘Usaha-usaha Meningkatkan Profesionalisme’ serta ‘Ganjaran Bukan Kewangan’ (Jadual 4.30).

Apabila sub-sub kategori ini digabungkan dan kewajaran kategori ditentukan, ia menghasilkan satu kategori utama iaitu ‘Ciri-ciri guru profesional berasaskan ‘*Riadhah Ruhiyyah*’ yang membawa kepada penghasilan satu teori baru iaitu Teori Guru Pendidikan Islam Profesional Berasaskan ‘*Riadhah Ruhiyyah*’ seperti yang ditunjukkan pada Rajah 4.2.

Perbincangan Dapatan Fasa II (B) : Fasa Pembangunan Model (Konsensus Pakar Dalam Pembangunan Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan ‘*Riadhah Ruhiyyah*’).

Fasa pembangunan model bertujuan untuk mendapatkan konsensus pakar dalam pembangunan Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam berasaskan ‘*Riadhah Ruhiyyah*’ yang terdiri dari komponen ‘*Riadhah Ruhiyyah*’, aspek kemahiran pengajaran dan pembelajaran serta aspek-aspek profesionalisme. Dapatan menunjukkan hampir keseluruhan item yang diperuntukkan dalam instrumen *Fuzzy Delphi* disepakati oleh panel pakar.

Aspek ‘*Riadhah Ruhiyyah*’. Keperluan GPI terhadap ‘*Riadhah Ruhiyyah*’ dalam aspek hubungan dengan Allah s.w.t mengikut keutamaan seperti yang disepakati oleh pakar *Fuzzy Delphi* meliputi solat berjemaah setiap waktu, menunaikan solat sunat setiap hari, berzikir secara istiqamah, solat pada awal waktu, puasa sunat setiap minggu, mengamati alam ciptaan Ilahi (aktiviti eko-spiritual), *tadabbur* al-Qur’an, memahami penafsiran hadis, memahami kitab (fiqh, aqidah, akhlak, sirah), tilawah al-Qur’an, aktiviti nasyid kerohanian, menunaikan Qiyamullail, wirid setiap hari selepas solat, mengingati mati dan sentiasa bersedekah.

Keperluan GPI terhadap '*Riadhah Ruhiyyah*' dalam aspek hubungan dengan diri sendiri mengikut keutamaan adalah bersangka baik terhadap orang lain, berani berkata 'saya tidak tahu' terhadap persoalan yang tidak diketahui, menjaga lidah dari menyakiti hati orang lain, menjaga pemakanan dan kesucian makanan, sentiasa cuba memahami perasaan orang lain, sentiasa membetulkan kesilapan diri sendiri, tidak menyembunyikan ilmu yang diketahui, melakukan tugas pengajaran dengan penuh minat walaupun berhadapan dengan masalah, sentiasa meningkatkan pencapaian sendiri serta mencintai profesion sepenuh hati.

Dalam aspek hubungan dengan rakan sejawat, keperluan GPI terhadap '*Riadhah Ruhiyyah*' mengikut keutamaan adalah bersedia menerima idea dan cadangan dari rakan sejawat, menyuarakan sebarang pendapat secara berhemah, menjadi *role model* kepada rakan sejawat lain, bekerja dalam pasukan, terbuka menerima teguran dan sentiasa berbincang dengan rakan sejawat lain bila menghadapi masalah. Manakala dalam aspek hubungan dengan pelajar, keperluan GPI terhadap '*Riadhah Ruhiyyah*' mengikut keutamaan adalah menunjukkan contoh teladan yang baik di hadapan para pelajar, melayani pelajar sebagai insan yang mempunyai perasaan, melayan pelajar secara adil dan saksama, membimbing pelajar ke arah mengamalkan akhlak yang baik, mengetahui latar belakang pelajar, mendoakan pelajar agar menjadi pelajar yang soleh dan solehah, mempunyai hubungan yang mesra dengan pelajar, memperuntukkan masa tambahan untuk membimbing pelajar serta menganggap pelajar seperti anak sendiri.

Sebagai rumusan, dalam aspek hubungan dengan Allah s.w.t, semua amalan yang terkandung dalam perkara-perkara yang menghampirkan jiwa kepada Allah s.w.t sepertimana yang dibincangkan sepanjang kajian ini perlu dilakukan secara iltizam dan penuh istiqamah untuk terus menyuburkan jiwa GPI sebagai seorang khalifah Allah s.w.t serta pendidik (Surah al-Baqarah, 2 : 112; Surah al-Baqarah, 2 : 195; Surah al-Nisa', 4 : 125; Surah Yunus, 10 : 26). Dalam aspek hubungan dengan diri sendiri,

bersangka baik perlu menjadi perkara utama kerana ia adalah antara kunci ketenangan hati seseorang dalam menjauhi dosa terhadap orang lain (Surah al-Hujurat, 49 : 12). Meskipun aspek-aspek yang dibincangkan ini tidak kelihatan secara zahir dari sudut pandangan mata manusia, namun ia akan sentiasa memotivasikan GPI untuk terus berusaha ke arah yang lebih baik dalam setiap perlakuan (Surah Ali Imran, 3 : 134 & 148, Surah al-Ma'idah, 5 : 85; Surah al-A'raf, 7 : 199, Surah al-Sof, 61 : 2).

Hubungan dengan rakan sejawat juga amat perlu dititikberatkan kerana GPI bersama para rakan sejawat adalah kelompok yang menjadi teras dalam mendidik pelajar dan melahirkan insan yang berkualiti yang akan meneruskan kesinambungan kualiti insaniah yang ada pada mereka (Surah an-Nahl, 16 : 90; Surah al-Isra', 17 : 7; Surah al-Qasas, 28 : 77; Surah al-'Ankabut, 29 : 69). Bersedia menerima idea dan cadangan rakan sejawat seharusnya menjadi keutaaman dalam konteks hubungan dengan rakan sejawat kerana ia melambangkan keterbukaan minda seseorang yang boleh membawa kepada janaan idea yang lebih baik serta pembaharuan untuk manfaat bersama.

Dalam konteks hubungan dengan pelajar, perlu ditekankan bahawa anak didik pelajar merupakan amanah terhadap GPI. Justeru menunjukkan contoh teladan yang baik di hadapan para pelajar perlu menjadi keutamaan GPI dalam aspek hubungan dengan mereka. Asmawati Suhid (2006) dalam tulisan beliau antara lain menekankan para GPI hendaklah sentiasa mempamerkan nilai akhlak mulia bagi memenuhi tuntutan sebagai agen moral dan *role model* kepada para pelajar. Kemenjadian pelajar adalah kejayaan GPI dan sudah semestinya kemenjadian yang diharapkan itu adalah kemenjadian di dunia dan di akhirat (Surah al-'Araf, 7 : 159; Surah al-Kahfi, 18 : 70; Surah al-A'la, 87 : 9). Hal ini selari dengan matlamat pendidikan dalam Islam yang memfokuskan usaha untuk mewujudkan perkembangan yang seimbang dalam diri individu dengan nilai keislaman dan asas pengajarannya adalah menanamkan

kepercayaan beragama serta memupuknya dalam jiwa seseorang (Muhammad Qutb, 1992).

Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran. Dalam aspek kemahiran pengajaran dan pembelajaran, pakar Fuzzy Delphi bersepakat bahawa GPI perlu sentiasa memantapkan kemahiran pengajaran dan pembelajaran. Merancang pengajaran dengan cara merujuk sukatan pelajaran untuk menyediakan rancangan pengajaran seharusnya menjadi keutamaan diikuti dengan menterjemahkan objektif pengajaran kepada aktiviti pembelajaran yang sesuai, mengenal pasti kelemahan sedia ada pelajar, merancang aktiviti pembelajaran mengikut potensi pelajar, menyediakan aktiviti pengajaran yang menekankan aktiviti berpusatkan pelajar serta menentukan isi pelajaran bersesuaian dengan tahap keupayaan pelajar. Dalam merancang pengajaran juga, para pakar sepakat menyatakan bahawa GPI turut perlu merancang aktiviti pengajaran yang menghidupkan rohani.

Pengetahuan terhadap isi kandungan pengajaran juga merupakan keperluan utama GPI dalam aspek kemahiran pengajaran dan pembelajaran. Keperluan GPI dalam aspek tersebut mengikut keutamaan meliputi penguasaan yang baik terhadap sukatan mata pelajaran Pendidikan Islam yang diajar serta kandungan mata pelajaran Pendidikan Islam yang diajar mengikut bidang pembelajaran, mengaitkan pengetahuan dengan pengalaman hidup, mengajar mengikut takwim persekolahan yang dirancang oleh pihak sekolah serta mengajar berpandukan Rancangan Pengajaran Tahunan yang ditetapkan yang ditetapkan dalam mesyuarat panitia. Dalam usaha untuk memantapkan pengetahuan terhadap isi kandungan mata pelajaran Pendidikan Islam, para pakar *Fuzzy Delphi* sepakat menegaskan bahawa GPI juga perlu menguasai dan memahami bahasa Arab dengan baik di samping mampu memahami kandungan mata pelajaran lain.

Setelah merancang dan menguasai isi kandungan mata pelajaran dengan baik, GPI juga seharusnya mampu menyampaikan pengajaran dengan baik. Antara keperluan

GPI dalam aspek ini mengikut keutamaan adalah menerapkan unsur kerohanian dalam pengajaran, menghubungkan pengajaran dengan ciptaan Allah s.w.t yang terdapat di sekeliling, mempelbagaikan kaedah pengajaran untuk menarik minat pelajar, menggabungkan pengajaran dengan amalan seharian pelajar, menegaskan kawalan disiplin semasa pengajaran sedang dijalankan serta mempelbagaikan bahan dan alat bantu mengajar.

Ia diikuti dengan aspek penekanan peningkatan pelajar dalam kemahiran tertentu seperti kemahiran berfikir, menggabungkan pengajaran Pendidikan Islam dengan mata pelajaran lain, melibatkan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran dengan aktif, menyelesaikan masalah secara analitis dan kritis berpandukan al-Quran dan hadis, menekankan tahap penguasaan pelajar, menyampaikan idea dengan jelas, teknik penyampaian berbeza digunakan untuk merangsang minat pelajar, menonjolkan idea penting di akhir pengajaran, merangsang pelajar untuk menunjukkan kebolehan dalam bidang tertentu, merangsang pelajar yang kurang aktif untuk memberi respon serta menggunakan masa semaksimum mungkin untuk mendidik pelajar.

Dalam hal ini, para pakar *Fuzzy Delphi* turut menyarankan agar GPI tidak lupa menekankan kaedah pengajaran yang boleh meningkatkan rasa kecintaan dan patuh kepada Allah s.w.t serta Rasul, menekankan adab sebagai seorang guru ketika mengajar di samping menekankan adab belajar kepada pelajar sebagaimana yang disarankan oleh Al-Ghazali (t.t) dalam penulisan beliau.

Manakala dalam aspek penilaian, GPI perlu mengutamakan penggunaan rekod prestasi untuk merekod pencapaian pelajar, memeriksa hasil kerja pelajar untuk mengesan kelemahan pelajar, memaklumkan kemajuan prestasi pelajar kepada ibu bapa pelajar serta pelajar itu sendiri, mempunyai maklumat berkaitan tahap pencapaian pelajar, menggunakan data pencapaian akademik pelajar untuk melaksanakan penambahbaikan khususnya ke atas proses pengajaran dan pembelajaran, menilai

pelajar secara menyeluruh dari aspek spritual, kognitif, psikomotor dan sikap, mengenal pasti kekuatan dan kelemahan pelajar dalam mata pelajaran Pendidikan Islam, mempelbagaikan alat pengukuran untuk menilai pencapaian pelajar dalam kelas di samping melakukan penilaian secara berterusan.

Aspek-aspek Profesionalisme. Dapatan Fuzzy Delphi menunjukkan bahawa keperluan profesionalisme GPI dalam aspek pengetahuan profesionalisme mengikut keutamaan adalah meliputi aplikasi ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran, kursus membangun sahsiah cemerlang, program perkongsian ilmu dalam bidang pengkhususan, perkongsian amalan terbaik pedagogi peringkat global, kursus aplikasi pedagogi terkini mengikut pencapaian pelajar dan pembinaan serta analisis item untuk proses penilaian.

GPI juga memerlukan kursus-kursus pengurusan dan kepimpinan seperti kursus pengurusan panitia melibatkan *head count*, kursus kepimpinan berkesan, kursus kepimpinan pengajaran, kursus kepimpinan Islam, kursus pengurusan tingkahlaku dalam kurikulum, kursus peningkatan integriti serta kursus pengurusan panitia melibatkan pelan strategik.

Kursus-kursus meningkatkan kemahiran seperti kursus kajian tindakan, kursus kaedah penulisan ilmiah, kursus pembelajaran berasaskan projek, kursus strategi pemulihan masalah pembelajaran, kursus analisis data, kursus komunikasi berkesan, kursus pengucapan awam, kursus pengurusan perubahan di samping kursus menangani stres seperti kursus pengurusan tekanan dan pengurusan krisis turut diperlukan. Sebagai manfaat tambahan, GPI juga tidak seharusnya mengkesampingkan kursus perundangan dalam konteks pendidikan, kursus asas kewangan serta kursus protokol dan etiket Islam sekiranya diberi peluang untuk menghadirinya. Hal ini kerana pembangunan profesionalisme seorang guru adalah luas sifatnya dan tidak semata-mata dalam bentuk yang *linear* atau selari (Kennedy, 2005; Broad & Evans, 2006).

Menerusi analisis dapatan yang dibuat juga, terdapat dua item yang digugurkan dalam aspek ini selepas slot kedua bengkel dijalankan kerana tidak mendapat konsensus pakar iaitu kursus pedagogi berkesan bagi guru serta kursus kemahiran menaip.

Dapatan analisis *Fuzzy Delphi* turut menunjukkan bahawa dalam aspek usaha-usaha meningkatkan profesionalisme mengikut keutamaan, GPI perlu mengikuti isu terkini berkaitan Pendidikan Islam, melaksanakan amalan refleksi (muhasabah) bagi tujuan penambahbaikan dan meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran, menambahbaik strategi mengajar supaya pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan, menghadiri kursus dalam perkhidmatan untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran, membaca artikel profesional untuk meningkatkan pengetahuan dalam pengajaran, mempelajari lebih banyak perkara mengenai strategi pengajaran, menghasilkan penulisan ilmiah berkaitan Pendidikan Islam serta meluangkan banyak masa untuk menyediakan bahan pengajaran walaupun mengehadkan masa untuk aktiviti lain. Dengan segala macam cabaran terhadap dunia Islam zaman mutakhir, terdapat satu item tambahan yang dipersetujui oleh semua pakar yang perlu dihayati oleh GPI iaitu menyedari isu-isu semasa berkaitan ancaman terhadap umat Islam masa kini.

Manakala dalam aspek ganjaran bukan kewangan, GPI perlu diberi penghargaan oleh pihak atasan terhadap status sebagai guru dan staf serta penghargaan oleh kalangan masyarakat serta pelajar terhadap status mereka sebagai guru. GPI juga memerlukan peluang untuk peningkatan kerjaya seperti kenaikan pangkat, peluang untuk perkembangan profesionalisme seperti menghadiri kursus, memberikan sumbangan kepada pembangunan negara serta masa berkualiti bersama keluarga masing-masing.

Sebagai kesimpulan, Jadual 4.67 dalam Bab 4 penulisan ini adalah hasil dapatan akhir konsensus pakar *Fuzzy Delphi* dalam aspek 'Riadhah Ruhiyyah'. Jadual 4.68 adalah hasil dapatan akhir konsensus pakar *Fuzzy Delphi* dalam aspek Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran manakala Jadual 4.69 adalah hasil dapatan akhir

konsensus pakar *Fuzzy Delphi* dalam Aspek-aspek Profesionalisme. Dapatan dari pandangan para pakar tersebut kemudian telah menghasilkan satu Model Pembangunan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam berasaskan '*Riadhah Ruhhiyyah*' yang kemudiannya diuji kebolehgunaannya dalam fasa kebolegunaan model.

Perbincangan Dapatan Fasa III : Fasa Kebolegunaan Model (Kebolegunaan Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan '*Riadhah Ruhhiyyah*').

Hasil dari dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua peratusan elemen yang dinilai dalam model tersebut adalah berada pada tahap sesuai digunakan iaitu melebihi daripada 70%. Model ternyata boleh digunapakai kerana semua peserta kajian bersetuju bahawa komponen-komponen utama, elemen di dalam komponen utama dan kandungan bagi setiap elemen dalam Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam berasaskan '*Riadhah Ruhhiyyah*' adalah difahami dan mencapai status boleh digunakan. Maka, kesimpulan dan rumusan yang dapat dilakukan oleh pengkaji adalah kesemua komponen utama, elemen di dalam komponen utama dan kandungan bagi setiap elemen dalam Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam berasaskan '*Riadhah Ruhhiyyah*' mempunyai status kebolegunaan yang tinggi dan bersesuaian.

Rumusan Kajian

Rumusan kajian ini dibincangkan dan dibahagikan kepada empat bahagian utama berasaskan empat objektif dan persoalan kajian yang ditetapkan.

Keperluan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam. Objektif pertama kajian adalah meninjau keperluan profesionalisme guru Pendidikan Islam. Kajian ini telah membuktikan secara signifikan bahawa keperluan profesionalisme dalam aspek '*Riadhah Ruhhiyyah*', kemahiran pengajaran dan pembelajaran serta aspek-aspek profesionalisme adalah amat diperlukan oleh GPI dalam kerjaya mereka dan saling berhubungkait antara satu sama lain. Hal ini kerana dapatan kajian menunjukkan

keperluan profesionalisme GPI dalam 'Riadhah Ruhhiyyah', aspek kemahiran pengajaran dan pembelajaran dan aspek-aspek profesionalisme adalah tinggi. Ia membuktikan para GPI menyedari kepentingan tanggungjawab mereka sebagai guru dan pendidik adalah amat penting. Kesedaran ini pastinya datang dari naluri individu yang sentiasa inginkan yang terbaik dalam melakukan sesuatu selain dari pegangan iman yang kukuh bahawa Allah s.w.t akan memberi ganjaran atas segala amalan yang dilakukan dengan sempurna (Surah al-Zalzalah, 99 : 7-8; Syed Muhammad Naquib al-Attas, 1980). Atas sebab itu, dalam aspek 'Riadhah Ruhhiyyah', GPI melihat betapa pentingnya GPI menjaga hubungan yang baik dengan Allah s.w.t, rakan sejawat serta pelajar termasuklah diri sendiri. Dalam arus globalisasi kini, para guru perlu bergerak seiring dengan kemajuan teknologi (Omar Abdull Kareem & Khuan Wai Bing, 2005). Justeru untuk meningkatkan kemahiran pengajaran dan pembelajaran, para GPI seharusnya terus berusaha dan bergerak maju meningkatkan potensi diri ke arah yang lebih baik khususnya dalam meningkatkan keberkesanan pengajaran mereka di dalam kelas. Kejayaan proses pengajaran dan pembelajaran banyak bergantung pada kebolehan guru dalam merancang pengajarannya mengikut keperluan semasa dan objektif pengajaran dan pembelajaran akan tercapai jika guru mempunyai kemahiran yang tinggi dalam menguruskan keperluan tersebut.

Manakala dalam aspek-aspek profesionalisme, GPI melihat usaha meningkatkan kemahiran diri dalam perkara-perkara selain yang berkaitan dalam proses pengajaran di dalam kelas secara khusus adalah sesuatu yang penting seperti yang disarankan oleh Clarke dan Hollingsworth (2002) serta Ahmad Munawar Ismail (2008). Perubahan positif yang dilakukan selari dengan kehendak semasa juga adalah suatu nilai tambah untuk meningkatkan kemahiran sebagai seorang GPI dengan adanya ganjaran bukan kewangan bagi mengukuhkan lagi motivasi GPI dalam setiap perkara yang dilakukan.

Ciri-ciri Guru Pendidikan Islam Profesional. Objektif kedua kajian adalah mengenal pasti ciri-ciri guru Pendidikan Islam (GPI) profesional. Dapatan fasa ini menunjukkan ciri-ciri seorang guru profesional adalah berkait rapat dengan hubungan GPI dengan Allah s.w.t, hubungan dengan diri sendiri, hubungan dengan pelajar serta hubungan dengan rakan sejawat secara tidak langsung. Ciri-ciri ini bersifat menyeluruh kerana para GPI perlu mengukuhkan aspek kejiwaan mereka dalam usaha mendidik pelajar ke arah jalan yang betul di sisi Allah s.w.t (Al-Ghazali, t,t). Senario ini mencapai apa yang telah disarankan oleh Al-Ghazali mengenai ciri-ciri profesional yang sepatutnya diaplikasikan oleh seorang pendidik iaitu mencari keredaan Allah s.w.t selain dari memastikan kemenjadian pelajar dalam aspek ilmu dan rohani. Robiah Sidin (2002) dan Mohammed Sani Ibrahim et. al (2006) turut merumuskan guru profesional sebagai guru yang berilmu, berkemahiran, berketerampilan dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta mempunyai peribadi yang boleh dijadikan contoh dan teladan serta ikutan kepada golongan pelajar yang dipimpin.

Hasil fasa analisis kandungan ini juga mengukuhkan dapatan awal pengkaji dalam Fasa I kajian berhubung keperluan profesionalisme GPI dan telah menghasilkan satu teori baru iaitu Teori Guru Pendidikan Islam Profesional Berasaskan '*Riadhah Ruhhiyyah*'. Teori ini seterusnya membawa kepada penghasilan rangka awal Model Pembangunan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan '*Riadhah Ruhhiyyah*'.

Pembangunan Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan '*Riadhah Ruhhiyyah*'. Objektif kajian yang seterusnya adalah membangunkan Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan '*Riadhah Ruhhiyyah*'. Perbincangan dapatan kajian menunjukkan item-item dan kandungan Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan '*Riadhah Ruhhiyyah*' yang dibangunkan menerusi dapatan Fasa I dan Fasa II (A) kajian adalah dipersetujui oleh pakar *Fuzzy Delphi* dan mendapat

konsensus yang tinggi. Barisan pakar juga telah menambahkan beberapa item untuk memantapkan lagi kandungan model tersebut. Fasa pembangunan model yang dijalankan ternyata telah berjaya menghasilkan model yang dikehendaki iaitu Model Pembangunan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan '*Riadhah Ruhhiyyah*' seperti yang dihasratkan dalam objektif kajian. Model tersebut dikukuhkan dengan tiga komponen utama yang penting iaitu aspek-aspek '*Riadhah Ruhhiyyah*', aspek kemahiran pengajaran dan pembelajaran serta aspek-aspek profesionalisme.

Kebolegunaan Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan '*Riadhah Ruhhiyyah*'. Kandungan Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam Berasaskan '*Riadhah Ruhhiyyah*' yang dibangunkan dalam fasa pembangunan model telah diperakui keesahannya oleh pakar. Justeru bagi memastikan kebolegunaannya, ia diuji ke atas sekumpulan GPI yang menjadi responden kajian. Dapatan kajian menunjukkan Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam berasaskan '*Riadhah Ruhhiyyah*' terbukti boleh digunapakai untuk menjadi panduan para GPI dalam memantapkan aspek keperluan profesionalisme mereka. Hal ini kerana semua komponen utama, elemen di dalam komponen utama dan kandungan bagi setiap elemen dalam model berkenaan adalah difahami oleh para GPI serta mencapai status boleh digunakan. Kesimpulannya, rumusan keseluruhan kajian ini jelas menunjukkan bahawa dapatan-dapatan kajian yang diperolehi telah menjawab keempat-empat persoalan kajian yang diutarakan.

Implikasi Kajian.

Dapatan kajian telah mendatangkan beberapa implikasi yang positif. Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, pengkaji membincangkan implikasi kajian ini dari dua sudut iaitu aspek teori serta praktikal.

Implikasi Kajian Terhadap Aspek Teori. Hasil dapatan kajian menunjukkan Model Pembangunan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam berasaskan '*Riadhah Ruhiyyah*' yang dibangunkan adalah bertepatan serta bersesuaian dengan Teori Guru Profesional oleh Al-Ghazali. Ia menekankan beberapa perkara utama yang harus dimiliki oleh seorang GPI yang merangkumi hubungan dengan Allah s.w.t, hubungan dengan diri sendiri, hubungan dengan rakan sejawat serta hubungan dengan pelajar.

Dapatan kajian turut membuktikan bahawa terdapat kesesuaian di antara teori Al-Ghazali dengan teori Guskey dalam aspek perubahan guru untuk meningkatkan profesionalisme sebagai seorang guru. Hal ini kerana seorang guru perlu berubah menuju langkah yang lebih proaktif untuk meningkatkan kemahiran pengajaran bagi memantapkan lagi profesionalisme sebagai seorang guru khususnya ketika mengajar di dalam kelas (Guskey, 2002).

Sehubungan dengan dapatan kajian yang selaras dengan teori utama yang mendasari kajian ini iaitu Teori Guru Profesional serta Model Perubahan Guru, kajian ini juga telah menghasilkan satu teori baru iaitu Teori Guru Pendidikan Islam Profesional Berasaskan '*Riadhah Ruhiyyah*'. Ia meliputi aspek '*Riadhah Ruhiyyah*' yang terdiri dari aspek hubungan dengan Allah s.w.t, hubungan dengan diri sendiri, hubungan dengan rakan sejawat serta hubungan dengan pelajar, aspek kemahiran pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi perancangan pengajaran, pengetahuan isi kandungan pengajaran, penyampaian pengajaran dan penilaian pengajaran serta aspek-aspek profesionalisme yang merangkumi pengetahuan profesionalisme, usaha-usaha meningkatkan profesionalisme serta ganjaran bukan kewangan.

Berlandaskan teori ini, GPI selaku *Mudarris, Mu'addib, Murabbi, Mursyid* dan *Mu'allim* haruslah sentiasa meningkatkan profesionalisme sebagai seorang guru dan melakukan perubahan secara menyeluruh bukan sahaja dari aspek-aspek '*Riadhah Ruhiyyah*', malah meliputi kemahiran pengajaran dan pembelajaran serta aspek-aspek profesionalisme. Hasil dari tiga aspek yang perlu dimiliki oleh seorang GPI ini diharapkan dapat melahirkan GPI profesional yang berperibadi mulia serta pelajar yang berakhlak baik kerana GPI mempunyai tanggungjawab besar sebagai seorang 'pendidik untuk dunia dan akhirat'. Implikasinya, GPI hendaklah sentiasa bersedia untuk berubah dalam usaha untuk menjadi seorang guru yang profesional dan cemerlang. Perlu ditekankan bahawa kesediaan para GPI untuk berubah turut bertepatan dengan tiga dimensi yang terkandung dalam Model Standard Guru Malaysia iaitu Standard Amalan Nilai Profesionalisme, Standard Pengetahuan dan Kefahaman dan Standard Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran.

Implikasi kajian terhadap aspek teori ini akhirnya menjurus kepada dua aspek penting iaitu implikasi terhadap keperluan profesionalisme Guru Pendidikan Islam (GPI) serta implikasi terhadap standard perguruan Pendidikan Islam.

Implikasi Terhadap Keperluan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam (GPI). Dapatan kajian mendapati bahawa keperluan profesionalisme GPI dalam aspek '*Riadhah Ruhiyyah*', kemahiran pengajaran dan pembelajaran serta aspek-aspek profesionalisme itu sendiri adalah tinggi dan amat diperlukan. GPI menyetujui bahawa panduan untuk diaplikasikan dalam diri mereka berhubung kepentingan menjaga hubungan dengan Allah s.w.t, hubungan dengan diri sendiri, hubungan dengan rakan sejawat serta hubungan dengan pelajar adalah amat penting kerana ia berkait rapat dengan aspek keimanan.

Hal ini kerana kekuatan iman dan takwa akan menjadikan seseorang lebih bertanggungjawab terhadap kesucian agamanya, bukan sekadar menjadi pengajar,

bahkan pendidik yang sempurna (Abdullah Ishak, 1995) yang mendapat pengiktirafan mulia pada sisi Allah s.w.t (Surah al-Mujadilah, 58 : 11; Surah al-Zumar, 39 : 9; Surah Fatir, 35 : 28; Surah al-Ra'd, 13 : 43; Surah al-Naml, 27 : 40; Surah al-'Ankabut, 29 : 43; Surah al-A'raf, 7 : & & 52; Surah al-'Ankabut, 29 : 49).

Dalam aspek pengajaran dan pembelajaran, GPI juga memperakui menerusi dapatan yang diperolehi bahawa aspek kemahiran pengajaran dan pembelajaran amat perlu untuk dititikraberatkan. Tanpa adanya kemahiran dalam aspek tersebut, keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran sudah pasti akan terganggu yang akhirnya boleh menjejaskan kecemerlangan pelajar. Apabila dikaitkan dengan aspek '*Riadhah Ruhiyyah*' tadi, mengajar dengan tekad untuk mendapatkan keredhaan Allah s.w.t akan menjadi perangsang kepada GPI untuk terus meningkatkan mutu pengajaran mereka di samping berubah dan berdaya maju ke arah yang lebih baik. Hal ini seterusnya akan memantapkan lagi aspek profesionalisme GPI dalam aspek pembangunan sahsiah seorang insan bergelar guru yang berteraskan konsep *Mudarris*, *Mu'addib*, *Murabbi*, *Mursyid* dan *Mu'allim* (Ab. Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail dan Kamarul Azmi Jasmi, 2012) menerusi usaha-usaha yang dilakukan oleh GPI untuk meningkatkan aspek profesionalisme mereka.

Kajian-kajian lepas yang dibincangkan oleh pengkaji dalam penulisan ini juga jelas menunjukkan betapa keperluan profesionalisme GPI bukan hanya tertumpu dalam aspek pengajaran dan pembelajaran sahaja, malah lebih besar dari itu ia sebenarnya bertunjangkan aspek keperibadian dan sahsiah unggul sebagai seorang GPI yang perlu mendidik dengan ikhlas semata-mata kerana Allah s.w.t serta menjadi contoh teladan yang baik kepada orang lain khususnya para pelajar.

Implikasi Terhadap Standard Perguruan Pendidikan Islam. Menghayati Falsafah Pendidikan Guru, jelas dinyatakan bahawa matlamat pendidikan guru adalah melahirkan guru berkualiti tinggi dalam aspek sahsiah dan peribadi, profesional, amalan

tingkahlaku dan sosial, menguasai ilmu dan kemahiran serta menghayati amalan nilai keguruan agar mampu mencapai kegemilangan dalam dunia pendidikan bagi memenuhi tuntutan wawasan pendidikan negara pada alaf ke-21 (Bahagian Pendidikan Guru, 2012a). Hal ini kerana tiga elemen iaitu roh dan jiwa guru yang merangkumi nilai dan etika, pengetahuan dan kemahiran serta jati diri amat berkait rapat antara satu sama lain dalam membentuk serta mendidik anak bangsa yang cemerlang, mempunyai tahap kebolehpasaran dan menjadi warganegara yang baik (Bahagian Pendidikan Guru, 2016).

Falsafah Pendidikan Islam (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012) juga memiliki matlamat dan tujuan yang murni untuk membangunkan guru yang mampu untuk menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian mulia dan pandangan hidup sebagai hamba Allah s.w.t. Insan yang lahir dari pendidikan juga dihasratkan memiliki tanggungjawab untuk membantu meningkatkan kecemerlangan diri, masyarakat, negara dan alam sekitar dalam menuju kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat. Matlamat falsafah tersebut menunjukkan betapa GPI perlu ditanamkan bukan setakat dengan kemahiran luaran sebagai seorang guru malah pembangunannya perlu diperkukuhkan dengan aspek keimanan kepada Allah s.w.t yang menjadi keperluan utama para GPI. Sekiranya setiap GPI menghayati dan berusaha untuk mempraktikkannya, ia pasti akan mampu memenuhi aspirasi Falsafah Pendidikan Islam dalam menjayakan usaha serta melahirkan individu yang *'menyampaikan ilmu, kemahiran dan penghayatan Islam berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah bagi membentuk sikap, kemahiran, keperibadian mulia dan pandangan hidup sebagai hamba Allah s.w.t.'* Justeru, kajian ini mengenengahkan Model Pembangunan Profesionalisme Guru Pendidikan Islam berasaskan *'Riadhah Ruhiyyah'* yang boleh dilihat sebagai satu penambahan terhadap standard perguruan sedia ada yang dibangunkan semata-mata berfokus kepada GPI.

Implikasi Kajian Terhadap Aspek Praktikal. Membincangkan implikasi kajian ini terhadap aspek praktikal, terdapat dua perkara yang perlu dititikberatkan. Ia merangkumi peranan yang perlu dilaksanakan oleh para GPI itu sendiri serta peranan pihak pentadbir dan semua pihak yang terlibat dengan aspek perguruan khususnya yang melibatkan GPI.

Maksud implikasi kepada GPI adalah GPI hendaklah melakukan penilaian semula dan inisiatif sendiri untuk berubah menjadi seorang GPI yang lebih bersifat profesional dengan berusaha menerapkan elemen-elemen '*Riadhah Ruhiyyah*' di samping memantapkan kemahiran pengajaran dan pembelajaran serta aspek-aspek profesionalisme dalam diri mereka. Hal ini kerana kelayakan akademik, latihan asas serta pengalaman kerja sedia ada masih tidak cukup (Day, 1999) untuk menyediakan kompetensi yang bersesuaian bagi mendepani cabaran dunia pendidikan abad ke-21. Justeru para guru dan pemimpin sekolah perlu melengkapkan diri secara berterusan dengan nilai profesional, pengetahuan serta kemahiran terkini demi memenuhi tuntutan perubahan dalam dunia pendidikan yang pesat serta gelombang globalisasi yang bertali arus (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014). Implikasi kedua ialah pihak pentadbir di KPM, JPN, PPD mahupun sekolah khususnya hendaklah sentiasa menyediakan kursus yang berkaitan dengan pemantapan kemahiran pengajaran dan pembelajaran melibatkan pendedahan aspek pedagogi yang sesuai, efektif dan kontemporari. Tujuannya adalah bagi menjayakan proses pengajaran ke tahap yang optimum. GPI perlu diberi pendedahan yang konsisten supaya mereka dapat mengaplikasikannya dalam pengajaran secara berkesan. Hal ini telah diakui dapat menghasilkan perubahan perilaku pelajar pada aspek jasmani, emosi, kejiwaan serta intelektual seperti yang dihasratkan oleh Falsafah Pendidikan Negara. Ia turut bertepatan dengan visi baharu KPM yang menyarankan para guru untuk sentiasa meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran dengan menguasai kemahiran dunia abad ke-21 agar selari dengan

tuntutan dunia semasa (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014). Segala tindakan susulan yang dilakukan terhadap kesemua implikasi kajian ini dari sudut praktikal diharapkan mampu merealisasikan keberkesanan pembangunan profesionalisme GPI berasaskan aspek '*Riadhah Ruhiyyah*' yang dicadangkan oleh pengkaji.

Cadangan Kajian

Oleh kerana pembangunan profesionalisme GPI perlu dilaksanakan secara berterusan untuk mengekalkan kelestarian kualiti GPI di samping membudayakan kecemerlangan profesional (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014), maka pengkaji mencadangkan agar :

1. Model Profesionalisme Guru Pendidikan Islam berasaskan '*Riadhah Ruhiyyah*' diperkenalkan dalam kurikulum latihan bakal guru samada di IPG mahupun UA bagi tujuan menyahut seruan tersebut. Ia boleh dimasukkan sebagai salah satu sukatan dalam program latihan perguruan pendidikan Islam khususnya yang berkaitan dengan kurikulum pendidikan akhlak sebagaimana yang dicadangkan dalam kajian Zaharah Hussin (2008). Kajian tersebut mencadangkan rekabentuk kandungan kurikulum pendidikan akhlak dalam latihan praperkhidmatan khusus untuk para guru pelatih Pendidikan Islam dalam aspek hubungan dengan Allah s.w.t, diri sendiri, keluarga dan sahabat.
2. Untuk guru-guru novis ataupun guru-guru berpengalaman, model ini boleh diperkenalkan dalam kursus Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP) yang dianjurkan dalam tempoh perkhidmatan. Ia boleh dilaksanakan dengan pendedahan awal dalam satu slot khas ketika LDP dijalankan sebelum penilaian khusus berpandukan item-item yang terkandung dalam model dilakukan samada oleh pihak pentadbir mahupun rakan sejawat di sekolah. Hal ini kerana kajian ini telah berjaya mengukur tahap keperluan profesionalisme guru Pendidikan Islam dan telah menghasilkan satu model yang boleh dijadikan panduan untuk memenuhi keperluan tersebut.

Cadangan Kajian Lanjutan

Beberapa cadangan kajian lanjutan juga diutarakan agar ia dapat memberikan gambaran yang lebih meluas dan mendalam tentang aspek profesionalisme GPI khususnya dalam konteks negara ini. Penyelidikan lanjutan juga mampu memperkemaskan lagi dapatan-dapatan kajian yang telah ada dalam merealisasikan hasrat Falsafah Pendidikan Islam serta Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

1. Oleh kerana kajian ini adalah kajian awal berhubung penerapan '*Riadhah Ruhiyyah*' dalam membangunkan profesionalisme GPI, pengkaji menyarankan skop dan perbincangan '*Riadhah Ruhiyyah*' yang diketengahkan dalam kajian akan datang diperluaskan lagi menerusi kupasan dan pandangan tokoh-tokoh sarjana Islam lain dengan menggunakan kaedah analisis kandungan kitab-kitab penulisan tokoh-tokoh berkenaan. Item-item '*Riadhah Ruhiyyah*' juga boleh ditambah menerusi penemuan-penemuan yang akan diperolehi agar implementasi '*Riadhah Ruhiyyah*' dapat diperkukuhkan sepenuhnya.
2. Fokus perbincangan setiap kategori dalam aspek '*Riadhah Ruhiyyah*' juga boleh dispesifikkan samada membincangkan tentang aspek 'Hubungan dengan Allah s.w.t' atau 'Hubungan dengan diri sendiri' atau 'Hubungan dengan Rakan Sejawat atau 'Hubungan dengan Pelajar' sahaja. Demikian juga dengan aspek 'Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran' serta 'Aspek-aspek Profesionalisme' yang boleh dikupas secara spesifik mengikut kategori yang terkandung di dalam aspek tersebut.
3. Kajian ini juga menggunakan kaedah kajian rekabentuk dan pembangunan yang tidak melibatkan kaedah temubual. Justeru dicadangkan dalam mana-mana kajian lanjutan, kaedah temubual bersama para pakar mahupun GPI sendiri turut dijalankan bagi mendapatkan data yang lebih terperinci seperti kajian oleh Zaharah Hussin (2008).

4. Berasaskan dapatan kajian ini yang boleh dijadikan instrumen atau garis panduan kepada pengisian program pembangunan profesionalisme GPI, satu kajian kualitatif yang berbentuk pemerhatian terhadap pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran GPI secara khusus dalam kelas turut boleh dilakukan. Ini kerana salah satu domain yang dibincangkan dalam kajian ini adalah kemahiran pengajaran serta pembelajaran dan antara tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti keperluan profesionalisme GPI dari sudut tersebut bagi meningkatkan kualiti pengajaran GPI terhadap pelajar.
